

**HADITH-HADITH MUNAKAHAT DALAM KITAB JAWI: TAKHRIJ  
DAN ANALISIS KITAB *MUHIMMAH* DAN  
*JAM' AL-FAWA'ID WA JAWAHIR AL-QALA'ID***

**MUHAMMAD FAIDZ B. MOHD FADZIL**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**HADITH-HADITH MUNAKAHAT DALAM KITAB JAWI:  
TAKHRIJ DAN ANALISIS KITAB *MUHIMMAH* DAN  
*JAM' AL-FAWA'ID WA JAWAHIR AL-QALA'ID***

**MUHAMMAD FAIDZ B. MOHD FADZIL**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**HADITH-HADITH MUNAKAHAT DALAM KITAB JAWI:  
TAKHRIJ DAN ANALISIS KITAB *MUHIMMAH* DAN  
*JAM' AL-FAWA'ID WA JAWAHIR AL-QALA'ID***

**MUHAMMAD FAIDZ B. MOHD FADZIL**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MUHAMMAD FAIDZ B. MOHD FADZIL (No.K.P/Pasport: 850402-01-5899)

No. Pendaftaran/Matrik: IGB 100053

Nama Ijazah: SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja"):

HADITH-HADITH MUNAKAHAT DALAM KITAB JAWI: TAKHRIJ  
DAN ANALISIS KITAB MUHIMMAH DAN JAM' AL-FAWA'ID WA  
JAWAHIR AL-QALA'ID

Bidang Penyelidikan: PENGAJIAN AL-HADITH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan, atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta Hasil Kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon



Tarikh: 10/2/2014

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan;

Tandatangan Saksi



Tarikh: 10/2/14

Nama: Prof. Madya Dr. Fauzi Bin Deraman  
Pensyarah

Jawatan: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

## ABSTRAK

Kajian ini menfokuskan kepada takhrij dan analisis hadith-hadith munakahat khususnya dalam karya jawi. Ia bertujuan untuk melihat sejauhmana penilaian dilakukan terhadap hadith-hadith yang dibawa pengarang-pengarang kitab dalam karya jawi dan adakah status hadith-hadith tersebut diberi penjelasan oleh mereka. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji turut meneliti sejarah perkembangan penulisan hadith-hadith munakahat dalam karya jawi bagi melihat gambaran awal penulisan hadith dalam bidang munakahat yang pernah dihasilkan dalam tempoh sebelum era 20-an sehinggalah masa kini. Rentetan itu, pengkaji turut menilai apakah bentuk metodologi penulisan yang telah diaplikasikan oleh pengarang-pengarang kitab jawi terdahulu dan yang terkini. Kajian perpustakaan dan historis digunapakai pengkaji dalam proses pengumpulan dan penganalisaan data. Pengkaji telah memilih hadith-hadith dalam karya Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim al-Fatani, iaitu kitab *Muhimmah* dan karya Syeikh Dawud al-Fatani, iaitu kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* sebagai asas kajian. Pengkaji menggariskan beberapa kriteria asas dan metodologi dalam mentakhrij serta menganalisis hadith-hadith yang terpilih daripada kedua-dua kitab tersebut. Metode kuantitatif dan kualitatif dalam penganalisaan data diaplikasi dalam bahagian ini. Kemudian, perbandingan dilakukan antara sumber riwayat hadith oleh pengarang-pengarang kitab yang dikaji dengan sumber riwayat hadith berdasarkan hasil takhrij. Hasil kajian mendapati, sebanyak 41 peratus daripada 160 buah hadith iaitu jumlah keseluruhan hadith yang dikaji adalah hadith bertaraf *maqbul* (diterima) dan 29 peratus darinya adalah hadith bertaraf *mardud* (ditolak). Manakala, hadith yang tidak diketahui hukumnya sebanyak 24 peratus dan selebihnya sebanyak 6 peratus adalah dari lafaz atau *athar Sahābah*. Sebanyak 16 buah hadith adalah riwayat yang berulang. Perbandingan sumber riwayat hadith oleh pengarang-pengarang kitab jawi dengan sumber riwayat hasil takhrij, menatijahkan 36 buah hadith daripada jumlah keseluruhan

hadith mempunyai persamaan dengan hasil takhrij walaupun sedikit persamaan dalam beberapa riwayat, manakala sebanyak 129 buah hadith adalah tidak menyamai sumber sandaran hadith para pengarang kitab iaitu perbezaan secara keseluruhan atau berbeza salah satu daripadanya. 35 buah hadith tidak ditemui kitab sandaran serta 5 buah hadith yang dinyatakan pengarang kitab menyalahi hasil takhrij. Hadith-hadith yang dibawa sebahagian besarnya adalah bertaraf *maqbul*, namun hadith-hadith bertaraf *mardūd* juga tidak seharusnya dibiarkan tanpa sebarang penerangan lanjutan berkenaannya. Usaha mentakhrij hadith dan mentahqiq penulisan daripada karya-karya jawi nusantara sangat diperlukan. Hakikatnya, usaha-usaha sebegini adalah suatu sumbangan yang besar dalam dunia Islam khususnya di nusantara. Ia juga memberi nilai tambah kepada karya-karya jawi tersebut dalam memperkemaskan kembali intipati atau kandungan penulisan serta sekaligus mengangkat dan menonjolkan keistimewaan karya-karya jawi.

## ABSTRACT

This study focuses on the takhrij and analysis *ahadith al-munakahat* especially in jawi book. It aims to look at how an evaluation of the hadith that brought by the authors of the book and whether the status of hadith be explained by them or not. In order to achieve the objectives, the researcher also examined the history of *ahādīth al-munākahāt* literature in jawi book to see an initial overview of writing the works ever produced in the period before era of the 20s until now. At the same time, the researcher will evaluate the writing methodology has been applied by the authors of the current and former jawi book. Libraries and historical research have been used by researcher in data collection and analysis process. The researcher has chosen Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim al-Fatani manuscript, namely, *Muhimmah* and Syeikh Dawud al-Fatani manuscript, *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* as the basic research. Therefore, some basic criteria and methodology was determined by researcher in takhrij and analyze selected hadith from both scripture. Quantitative and qualitative methods were applied when analyzing the data in this section. Then, comparison was made between hadith narrated resources by the authors of the study book with hadith narrated resources based on takhrij decision. As a result, by 41 percent from 160 the total number of hadith reviewed was *maqbul* mean (acceptable) and 29 percent of it is *marḍūd* mean (rejected). Meanwhile, an unknown hadith (without status) by 24 percent and the remaining 6 percent from pronunciation or athar Companions. A 16 hadiths from whole research was repeated. Comparison between hadith narrated resources by the authors of the study book with hadith narrated resources based on takhrij decision, produced 36 hadith from the whole hadith have similarity with the takhrij result even small similarities with other hadith narrated. While a total of 129 hadith didn't match the backup source of the author of the book either difference in whole or distinct one of them. 35 hadith was not found resources and 5 hadith infringe with takhrij result. Most

of the hadith is *maqbul*, but hadith *mardūd* should not be left without any further explanation about it. Takhrij hadith and verification writing of archipelago jawi books are very necessary. These effort give a big contribution of significant for Islamic world especially in the archipelago. These efforts will value added to the jawi books in refine of content writing and simultaneously elevate and highlight features the jawi scriptures.



## PENGHARGAAN

### بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengurniakan ‘ināyahNya sehingga penulis dapat menyelesaikan penyelidikan ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga Baginda serta para Sahabat yang diredhai Allah keseluruhannya.

Terlebih dahulu penulis merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Fauzi B. Deraman selaku penyelia, di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat yang diberikan kepada penulis. Segala kasih sayang, jasa baik, tunjuk ajar dan nasihat menjadi bekalan azimat di kemudian hari. Sekalung apresiasi buat Ketua Jabatan Dr. Faisal B. Ahmad Shah, barisan pensyarah yang dihormati, Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah, Prof. Madya Dr. Ishak Suliaman, Prof. Dato’ Dr. Mohd. Yakub@Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff, Dr. Monika@Munirah Abdul Razak dan kakitangan akademik JQH yang banyak memberi sokongan dari sudut idea dan pandangan sepanjang kajian ini dilakukan. Setinggi penghargaan turut ditujukan kepada Dr. Khadher Ahmad, Dr. Sedek Ariffin dan Dr. Murshidi Mohd Noor atas segala panduan dan tunjuk ajar yang berharga buat penulis.

Sekali lagi ribuan terima kasih ditujukan kepada pemangku Pengarah API, Prof. Dato’ Dr. Mohd. Yakub@Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff atas ruang dan peluang yang diberikan, kakitangan akademik APIUM, warga Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Kak Lina PA JQH yang banyak membantu, kakitangan pentadbiran Bahagian Ijazah Tinggi APIUM, kakitangan Perpustakaan Utama UM, PPZ, dan APIUM.

Begitu juga penghargaan yang tidak terhingga buat ayahanda Mohd Fadzil B. Mokhtar, dan bonda tercinta Zuryaty Bt. Husin yang banyak berdoa, berkorban dan memberi dorongan kepada diri penulis; Abang Fazrul dan kakak ipar Norsheila

sekeluarga, Fazriq, Fattah, Hakiim, Nasuha serta seluruh keluarga dan kerabat tercinta. Segala jasa, pengorbanan dan bantuan yang dihulur akan dikenang sepanjang hayat.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan yang dihormati dan disegani: Aizul (JQH), Shahril Nizam (JQH), Khairul Saufil Hadi (JQH), Hasbullah (JQH), Ali Hanafiah (JQH), Selamat (JQH), Ustaz Arif Yahya (JQH), Ustaz Rosuardee (JQH), Kak Ayu (JQH), Kak Aishah (JQH), Zakirah dan lain-lain; sahabat yang dikasihi: Hasbie (JFU), Rusydi Ramli (JFU), Faez Md. Shah (JFU), Dr. Asyraf Isyraqi, Nizam (JAPI), Najmi (JFU), Imran (JFU), Shafie (JFU), Farhan (JFU), Hanafi Mohd Amin, Aminullah Saliman, Azzat (JFU), Hanif Omar, Ameer Amzaar, Che Azizi, Akram, Fikri, Khairul Anwar Mohd Fadir dan nama-nama mereka yang tidak tertulis di sini. Jasa kalian tetap dikenang. Mudah-mudahan Allah membalas dengan kebaikan serta memberkati kehidupan kalian.

**MUHAMMAD FAIDZ B. MOHD FADZIL,**  
JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-HADITH,  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM,  
UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR.

7hb FEBRUARI 2014

mfdai@yahoo.com

## DAFTAR ISI

Kandungan	Halaman
-----------	---------

### PRELIMINARI

Abstrak	iii
Abstract	v
Penghargaan	vii
Daftar Isi	ix
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Lampiran	xv
Senarai Kependekan	xvi
Panduan Transliterasi	xvii

### BAB PENDAHULUAN

I. Pendahuluan	1
II. Latar Belakang Kajian	4
III. Permasalahan Kajian	7
IV. Objektif Kajian	7
V. Kepentingan Kajian	8
VI. Pengertian Tajuk Kajian	9
VII. Skop Kajian	11
VIII. Sorotan Kajian Lepas	12
IX. Metodologi Penyelidikan	16
X. Sistematika Penulisan	18

**BAB SATU- PENULISAN BERKENAAN HADITH-HADITH MUNAKAHAT  
DALAM KARYA-KARYA JAWI**

1.1	Pendahuluan	22
1.2	Sejarah Perkembangan Penulisan Hadith-hadith Munakahat dalam Kitab-Kitab Jawi di Nusantara	23
1.3	Bentuk atau Metodologi Penulisan Hadith-hadith Munakahat dalam Karya Jawi	33
1.3.1	Penulisan Hadith-hadith Munakahat	33
1.3.1.1	Penulisan dalam Bab-bab tertentu	33
	a) Contoh-contoh Pembahagian Bab	35
1.3.1.2	Penulisan Dalam Bentuk Pembukuan Secara Khusus	39
	a) Contoh-contoh Penulisan Bab	40
1.3.2	Elemen Takhrij daripada Karya-Karya Jawi	41
1.4	Rumusan	43

**BAB DUA – PENGENALAN KITAB DAN METODOLOGI PENULISAN**

2.1	Pengenalan	44
2.2	Pengaruh Penggunaan Kitab <i>Muhimmah</i> dan <i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i> Di Malaysia	44
2.3	Kitab <i>Muhimmah</i>	46
2.3.1	Pengenalan Ringkas Kitab	46
2.3.2	Metode Penyusunan Bab	48
2.3.3	Pernyataan Sanad dan Perawi Hadith	52
2.3.4	Metode Penulisan Matan Hadith	56
2.3.5	Metodologi Penulisan Kitab Secara Umum	60
2.3.6	Jumlah Hadith Yang Terkandung Di Dalam Kitab	62
2.3.7	Sumber Pengambilan Hadith	62

2.4	Kitab <i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i>	63
2.4.1	Pengenalan Ringkas Kitab	63
2.4.2	Metode Penyusunan Bab	64
2.4.3	Pernyataan Sanad dan Perawi Hadith	66
2.4.4	Metode Penulisan Matan Hadith	69
2.4.5	Jumlah Hadith Yang Terkandung Di Dalam Bab-bab Yang Terpilih	72
2.4.6	Sumber Pengambilan Hadith	72

### **BAB TIGA – TAKHRIJ HADITH**

3.1	Pengenalan	74
3.2	Metodologi Penulis Dalam Mentakhrij Hadith	74
3.3	Penentuan Hukum Hadith	75
3.4	Bentuk Matan Yang Ditakhrij	77
3.5	Takhrij Hadith-hadith daripada Kitab <i>Muhimmah</i>	77
3.6	Takhrij Hadith-hadith daripada Kitab <i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i>	183

### **BAB EMPAT - ANALISIS HADITH**

4.1	Pengenalan	201
4.2	Analisis Takhrij	202
4.3	Penilaian Status Hadith	204
4.3.1	Pengkelasan Hadith Mengikut Darjat	204
4.3.1.1	Kitab <i>Muhimmah</i> karangan Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani	204
4.3.1.2	Kitab <i>Jam' al-Fawā'id Wa Jawāhir al-Qalā'id</i> karangan Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani	207

4.3.1.3	Ulasan Keseluruhan Darjat Hadith	209
4.3.2	Kekerapan Sumber Periwiyatan Hadith	211
4.4	Sumber Riwayat Hadith yang dibawa Pengarang-pengarang Kitab Jawi	214
4.4.1	Sumber Periwiyatan Hadith	214
4.4.2	Perbandingan Sumber Riwayat Asal Pengarang dengan Sumber Hasil Takhrij	215
4.4.3	Ulasan	227

## **BAB LIMA - KESIMPULAN DAN SARANAN**

5.1	Pendahuluan	229
5.2	Rumusan	229
5.3	Saranan dan Cadangan	234

<b>BIBLIOGRAFI</b>	237
--------------------	-----

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

- Jadual 1.0 : Karya-Karya Jawi Berkaitan Munakahat
- Jadual 3.1 : Bentuk Matan Yang Ditakhrij
- Jadual 4.1 : Taburan Hadith-Hadith Yang Dinyatakan Matannya atau Terjemahan Sahaja Tanpa Perawi
- Jadual 4.2 : Hadith-Hadith Yang Dinyatakan Matan atau Terjemahan Serta Perawinya
- Jadual 4.3 : Hadith-Hadith Yang Dinyatakan Mafhumnya Sahaja Tanpa Disebutkan Matan dan Disandarkan Kepada Rasulullah Secara Langsung Sama Ada Disebut Perawi atau Tidak
- Jadual 4.4 : Lafaz atau *Athar Şahābah*
- Jadual 4.5 : Pengkelasan Darjat Hadith-Hadith Kitab *Muhimmah*
- Jadual 4.6 : Pengkelasan Darjat Hadith-Hadith Kitab *Jam' al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*
- Jadual 4.7 : Taburan Keseluruhan Darjat Hadith Dari Kedua-dua Kitab Kajian
- Jadual 4.8 : Kekerapan Sumber Periwiyatan Hadith Kitab *Muhimmah*
- Jadual 4.9 : Kekerapan Sumber Periwiyatan Hadith Kitab *Jam' al-Fawā'id*
- Jadual 4.10: Sumber Riwayat Hadith dalam Kitab *Muhimmah*
- Jadual 4.11: Perbandingan Sumber Sandaran Pengarang dan Hasil Takhrij

## SENARAI RAJAH

- Rajah 4.1: Pengkelasan Darjat Hadith dalam Kitab *Muhimmah*
- Rajah 4.2: Gambaran Peratusan Darjat Hadith-Hadith dalam Kitab *Muhimmah*
- Rajah 4.3: Pengkelasan Darjat Hadith dalam Kitab *Jam' al-Fawa'id wa Jawāhir al-Qalā'id*
- Rajah 4.4: Gambaran Peratusan Darjat Hadith-Hadith dalam Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*
- Rajah 4.5: Pengkelasan Darjat bagi Keseluruhan Hadith Yang Ditakhrij
- Rajah 4.6: Gambaran Peratusan Darjat bagi Keseluruhan Hadith Yang Ditakhrij



## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran I: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Muhimmah* Edisi Tulisan Jawi  
Yang Dicitak Bersama Kitab *al-Mawā'iz al-Badī'ah*
- Lampiran II: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Muhimmah* Edisi Terjemahan Rumi 1
- Lampiran III: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Muhimmah* Edisi Terjemahan Rumi 2
- Lampiran IV: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*

## SENARAI KEPENDEKAN

&	dan
a.s.	‘alayhi al-salām
cet.	cetakan
e.	edisi
ed.	editor (penyunting)
et al.	(Latin : <i>et alii/alia</i> ) dan lain-lain yang melebihi dua
H	Hijrah
M	Masihi
Dr.	Doktor
Prof.	Profesor
<i>ibid.</i>	(Latin : <i>ibidem</i> ) pada tempat, buku atau halaman yang sama
juz.	juzuk
w.	wafat
r.a.	Raḍiy Allahu ‘anhu
s.a.w.	Ṣallā Allahu ‘Alayhi wa Sallam
S.W.T	Subḥānahu Wa Ta‘ālā
t.p.	tanpa penerbit
t.t.	tanpa tarikh
t.t.p.	tanpa tempat penerbitan
terj.	terjemahan

## PANDUAN TRANSLITERASI

### EJAAN DAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah mengikut daftar ejaan rumi baru Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ejaan yang berkaitan dengan bahasa Arab digunakan mengikut pedoman transliterasi huruf Arab ke huruf rumi (1988), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengecualian daripada menggunakan pedoman itu bagi kes-kes berikut :

1. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan "ة" (*tā' marbūṭah*) dibunyikan mengikut sebutan "ه".
2. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh : *sur'ah* (سرعة), *sā'ah* (ساعة), *dabbara* (دبر).
3. Alif Lam ( ال ) ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lām Shamsiyyah* atau *Lām Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
4. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia.

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut :

#### 1. Konsonan

KONSONAN					
Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi
ا	a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k

**Sambungan:**

KONSONAN					
Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	س	ş	م	m
ج	j	خ	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ء	’
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	h,t

**2. Vokal**

VOKAL					
Vokal Panjang		Vokal Pendek		Diftong	
آ	ā	اَ	a	او	Aw
و	ū	اُ	u	اي	Ay
ي	ī	اِ	i	يَ	Iyy/ī

Sumber: Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998.

**Catatan :**

Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Melayu.

**BAB**

**PENDAHULUAN**

## BAB PENDAHULUAN

### I. Pendahuluan

Perkahwinan merupakan suatu ibadah yang diasaskan kepada perintah syarak. Dalil pensyariatan perkahwinan daripada al-Quran adalah berdasarkan firman Allah s.w.t.:

... فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلثَ وَرُبْعَ ۗ ...

Al-Nisa' 4: 3

Maksudnya: "...maka berkahwinlah Dengan sesiapa Yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat..."

Firman Allah s.w.t. lagi:

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ

يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

Al-Nur 24: 32

Maksudnya: "dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang Yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha mengetahui."

Perkahwinan adalah fitrah yang ditentukan Allah bagi umat manusia. Hikmah perkahwinan adalah memelihara seseorang itu daripada terjerumus ke dalam perkara-perkara yang ditegah juga bertujuan menjaga keturunan daripada pupus dan hilang. Melalui perkahwinan jua, akan bertambahlah bilangan umat manusia dengan kelahiran bayi yang berterusan dan natijahnya dapat mengekalkan kesinambungan keturunan buat selama-lamanya. Perkahwinan bertujuan memupuk kesefahaman dan melahirkan sifat bekerjasama antara pasangan suami isteri dalam menghadapi cabaran hidup. Ia turut

menyemaikan rasa kasih dan sayang antara kumpulan-kumpulan masyarakat serta mengikat perhubungan antara dua keluarga yang terlibat dalam perkahwinan.<sup>1</sup>

Justeru itu, bagi menjelaskan matlamat utama suatu perkahwinan, para ulama telah berusaha mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan menghasilkan banyak penulisan demi memenuhi hak-hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan Islam kepada suami dan isteri. Misalnya, ulama-ulama terdahulu daripada kalangan ulama fiqh telah menghasilkan karya-karya penulisan yang merungkai dan menjelaskan persoalan tersebut di dalam satu bab khusus yang dinamakan bab *Nikāḥ*. Contoh-contoh kitab yang terkenal dan kerap dijadikan sebagai rujukan adalah seperti *Nayl al-Awṭar* karangan al-Shawkānī, *al-Mughnī* oleh Ibn Qudamah, *al-Mughnī al-Muḥtāj* oleh al-Shaykh Muḥammad al-Sharbinī al-Khaṭīb, *Badāi' al-Ṣanāi' fī Tartīb al-Sharāi'* oleh al-Imām 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd al-Kasānī al-Ḥanafī dan banyak lagi sumber rujukan lain.

Ulama-ulama hadith seperti Imam Bukhāri yang menghasilkan karya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, diikuti pula *Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Imam Muslim, keempat-empat kitab sunan yang dihasilkan oleh keempat-empat Imam iaitu Imam Abū Dāwud, Imam Tirmidhī, Imam Ibn Mājah dan Imam Nasā'ī serta kebanyakan karya hadith yang lain, turut memuatkan hadith-hadith dalam penulisan mereka di bawah bab yang sama iaitu dalam bahagian *Kitāb al-Nikāḥ*. Semuanya itu diusahakan para ulama hadith bagi menjelaskan kepada umat Islam betapa pentingnya menunaikan kewajipan yang telah diamanahkan Allah kepada umat manusia, terutamanya dalam memelihara dan menjaga kepentingan hak suami dan isteri.

Pengembangan ilmu agama bukan hanya berlegar di sekitar tanah arab sahaja, bahkan penyebarannya terus menerus berlaku dengan pesat seiring dengan pengembangan dakwah agama Islam ke merata tempat di seluruh dunia. Rentetan itu,

---

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh & Perundangan Islam*, terj. Syed Ahmad Syed Hussain et al., (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 7:39.

ramai daripada umat manusia memeluk agama Islam termasuklah masyarakat Melayu di Nusantara ketika itu. Lalu ada dalam kalangan mereka bermusafir ke negara Timur Tengah bagi memperdalam ilmu agama sehingga lahir tokoh-tokoh dakwah dan para ilmuan yang berwibawa. Hasilnya, ramai ulama di Nusantara sejak kurun ke-17 lagi telah menghasilkan karya-karya penulisan jawi demi menjalankan tanggungjawab dalam menyampaikan ilmu dan menunaikan perintah Allah S.W.T serta memenuhi kehendak rohani umat Islam di Nusantara ketika itu.

Sewaktu pengumpulan ilmu dilakukan oleh ulama-ulama Timur Tengah dengan giat menerbitkan karya-karya penulisan, ulama Nusantara juga turut tidak terlepas daripada melakukan perkara yang sama dengan menghasilkan pelbagai karya penulisan jawi. Maka, terbitlah karya-karya utama melayu jawi yang menjadi sumber utama ilmu ketika itu khususnya di Tanah Melayu. Kelemahan dan kekurangan umat Islam dalam memahami bahasa Arab ketika itu, kebarangkalian menjadi faktor utama mengapa penulisan dalam bahasa Melayu jawi dilaksanakan.<sup>2</sup> Persoalan-persoalan agama seperti persoalan fiqh, ibadat dan pelbagai lagi diperjelaskan di dalam kitab-kitab jawi yang dihasilkan demi meningkatkan kefahaman kepada masyarakat melayu Islam.

Kitab-kitab jawi yang memuatkan persoalan fiqh serta menyentuh perkara-perkara berkenaan munakahat adalah seperti di dalam kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*, *Jawāhir al-Saniyyah*, *Hidāyah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*, *Fath al-Mannan*, *Sullam al-Mubtadi' fī Ma'rifah Ṭariq al-Muhtadī*, dan *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il*. Kesemua kitab-kitab tersebut adalah karangan Syeikh Dawud al-Fatani (m. 1297H/ 1879M). Terdapat juga kitab-kitab jawi lain yang turut memuatkan isu yang sama iaitu kitab *al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyyah* yang telah dikarang oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri, kitab *Mir'at al-Ṭullāb fī Tashīl Ma'rifat al-Aḥkām al-Sharī'ah li*

---

<sup>2</sup> Mahayudin Hj. Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 1: xxi.



*Mālik al-Wahhāb* oleh Syeikh Abdul Ra'uf Singkel, kitab *Tanqih al-Qawl* oleh Syeikh Nawawi al-Bantani<sup>3</sup>, kitab *Muhimmah* oleh Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim al-Fatani, kitab *Baḥr al-Madhī* karya Syeikh Idris al-Marbawi yang merupakan kitab jawi terjemahan dan syarah kepada *Sunan al-Tirmidhī* dan banyak lagi kitab-kitab jawi lain yang turut menghuraikan perihal munakahat.

## II. Latar Belakang Kajian

Karya-karya penulisan jawi khususnya di Tanah Melayu telah banyak dihasilkan oleh ulama-ulama Melayu sejak kurun ke-17 lagi. Oleh itu, kajian yang mendalam terhadap karya-karya tersebut perlu dilakukan bagi penambahbaikkannya dan memelihara sebarang bentuk penulisan ulama terdahulu daripada hilang begitu sahaja di samping menghargai jasa pengorbanan mereka dalam mencurahkan ilmu kepada umat Islam. Sebahagian daripada kitab-kitab tersebut memuatkan maklumat-maklumat penting tanpa memberi sandaran kepada mana-mana pihak dan ia perlu kepada penganalisaan yang lebih terperinci. Adakalanya sumber penulisan dinyatakan secara umum dan adakalanya tidak. Apatah lagi sekiranya ia melibatkan penggunaan hadith Nabi s.a.w yang dinyatakan secara umum periwayatannya tanpa penjelasan lanjut berkenaan status hukum hadith yang dibawa.

Sebahagian besar penyelidikan telah pun dilakukan terhadap karya-karya penulisan jawi. Namun begitu, masih ada beberapa kitab jawi lain yang belum lagi diselidiki secara terperinci. Justeru itu, penulis telah memilih untuk menganalisis beberapa kitab jawi yang memuatkan di dalamnya sebilangan besar jumlah hadith yang berkait rapat dengan persoalan munakahat. Kitab yang dimaksudkan penulis adalah Kitab *Muhimmah* karangan Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim al-Fatani. Kitab ini

---

<sup>3</sup> Agus Sutopo, "Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam Bidang Hadith: Kajian Terhadap Kitab *Tanqih al-Qawl*" (Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 85.

merupakan antara kitab jawi melayu yang sering digunakan di pondok-pondok pengajian dan di kuliah-kuliah masjid bagi membicarakan hal-hal berkenaan munakahat. Kitab ini cukup terkenal kerana dijadikan rujukan pengajian oleh penuntut-penuntut bagi kedua-dua institusi berkenaan di Malaysia. Oleh itu, kitab ini dilihat berpotensi besar dalam memperkenalkan hadith-hadith Nabi s.a.w. kepada masyarakat umum kerana penggunaannya yang begitu meluas dalam kuliah-kuliah di masjid.

Namun begitu, penelitian mesti dilakukan terhadap kitab berkenaan kerana kedudukan hadith-hadith yang dibawa tidak dinyatakan sama sekali dalam kitab tersebut. Masyarakat memerlukan penjelasan dan penerangan akan hal ini kerana kemahiran masyarakat dalam menilai status hadith adalah begitu lemah disebabkan tidak semua peringkat masyarakat terlibat dalam pengajian hadith secara khusus. Lebih-lebih lagi, bidang pengajian hadith kurang mendapat sambutan dan perhatian di sisi masyarakat pada masa kini. Sebanyak 133 buah hadith telah dikenalpasti penulis terdapat dalam kitab ini. Kebanyakan matan hadith adalah berbentuk terjemahan Melayu jawi dan sebilangan kecil matan yang lain adalah dalam bahasa arab. Selain itu, penulis mendapati kekurangan pada kitab ini iaitu data-data berkenaan biografi pengarang kitab, langsung tidak dijumpai. Penulis telah pun menghubungi pihak Khazanah Fathaniyah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan biografi pengarang kitab tersebut. Namun, data berkenaan biografi pengarang kitab tersebut tiada bersama mereka serta tidak dijumpai dan berkemungkinan juga belum ada lagi kajian yang dilakukan berkenaan biografi pengarang kitab tersebut oleh mana-mana pengkaji termasuklah Allahyarham Ustaz Wan Saghir bin Abdullah.<sup>4</sup>

Penulis juga telah memilih sebuah kitab lain iaitu kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* yang mana turut mengandungi hadith-hadith sepertimana yang terkandung dalam kitab *Muhimmah*. Faktor atau sebab utama pemilihan kitab ini

---

<sup>4</sup> En. Azrul Bin Basarudin, (Kakitangan, Khazanah Fathaniyah), dalam temubual dengan penulis, 15 Disember 2010.

sebagai subjek kajian penulis adalah disebabkan ketokohan pengarang kitab iaitu Syeikh Dawud al-Fatani sebagai tokoh terulung dan pelopor dalam bidang fiqah di Nusantara. Selain itu, faktor pemilihan juga disebabkan terdapat persamaan antara kedua-dua buah kitab iaitu terdapat beberapa bab khusus yang turut menyentuh persoalan munakahat dan kedudukan hadith yang dibawa turut tidak dinyatakan sama sekali oleh pengarang kitab serta tiada sebarang penilaian yang pernah dilakukan oleh mana-mana kajian sebelum ini. Namun, kajian ini yang menfokuskan terhadap kedua-dua buah kitab bukanlah bermakna ia suatu kajian perbandingan, bahkan kajian ini mengumpulkan hadith-hadith di dalam satu topik yang sama.

Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* turut menjadi salah satu pilihan penulis dalam kajian ini kerana umum mengetahui bahawa bab munakahat kerap dijadikan rujukan masyarakat bagi sesuatu permasalahan dalam topik ini, maka masyarakat memerlukan satu sumber rujukan terutamanya dalam permasalahan fiqah secara umumnya dan khususnya dalam persoalan munakahat. Justeru itu, ia dipilih sebagai bahan kajian penulis di samping ia juga merupakan karya dalam kategori bidang fiqh berbanding kitab *Muhimmah* yang merupakan karya dalam bidang hadith. Kitab ini mengandungi beberapa bab khusus yang telah menyentuh persoalan munakahat dan memuatkan sejumlah bilangan hadith iaitu sebanyak 24 buah hadith dalam bab-bab tersebut. Perkara yang sama turut berlaku terhadap hadith-hadith berkenaan sepertimana yang berlaku terhadap hadith-hadith dalam kitab *Muhimmah*. Kesemua hadith yang dibawa tidak dinyatakan secara jelas serta terperinci berkenaan sumber periwayatannya dan status hukum bagi setiap hadith.

Oleh itu, penulis merasa terpenggil untuk memperhalusi kembali darjat bagi hadith-hadith yang dibawa dengan melakukan pentakhrijan terhadap hadith-hadith tersebut. Natijah daripada kajian ini, masyarakat dapat mengambil manfaat yang besar agar mereka dapat beramal dengan lebih yakin tanpa sebarang keraguan terhadap

hadith-hadith yang sudah dikenalpasti sebagai *maqbūl*. Selain itu, kajian ini merupakan suatu penghargaan kepada para ulama dengan cara menonjolkan usaha-usaha mereka yang telah bersusah payah mengumpul dan membukukan ilmu yang dimiliki bagi tujuan penyebaran ilmu. Ini membuktikan lagi kesungguhan mereka yang begitu tinggi kerana benar-benar menjaga kemaslahatan generasi terdahulu serta generasi yang terkemudian supaya umat Islam tidak ketinggalan dalam ilmu agama di samping berusaha memenuhi keperluan hidup di dunia.

### **III. Permasalahan Kajian**

Kajian ini cuba merungkaikan beberapa persoalan yang timbul berkaitan dengan tajuk yang dikemukakan. Terdapat beberapa fokus utama masalah kajian ini antaranya:

1. Bagaimanakah sejarah perkembangan dan metodologi penulisan hadith-hadith munakahat dalam karya penulisan jawi?
2. Apakah bentuk atau metodologi penulisan hadith yang digunakan pengarang bagi kedua-dua kitab tersebut?
3. Apakah sumber rujukan dan kedudukan hadith daripada kedua-dua kitab yang dikaji?
4. Bagaimanakah hasil penilaian dan analisis terhadap hadith-hadith tersebut dan adakah sumber pengambilan hadith yang dinyatakan oleh pengarang-pengarang kitab sama sebagaimana hasil takhrij?

### **IV. Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti dan memaparkan sejarah perkembangan dan metodologi penulisan hadith-hadith munakahat dalam karya penulisan jawi dengan susunan yang lebih teratur dan sistematik.

2. Menyatakan bentuk metodologi penulisan hadith daripada kedua-dua kitab yang dikaji.
3. Mentakhrij hadith-hadith terpilih daripada kedua-dua kitab yang dikaji.
4. Membuat penilaian dan analisis dari sudut status hadith-hadith yang dikaji, sumber riwayat hadith oleh pengarang-pengarang kitab yang dikaji dan sumber riwayat hadith berdasarkan hasil takhrij serta melakukan perbandingan terhadap kedua-dua sumber berkenaan.

## **V. Kepentingan Kajian**

1. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan bagi mana-mana kuliah yang dianjurkan oleh institusi-institusi tertentu seperti instituti pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan tertentu, jabatan-jabatan agama seperti JAKIM dan sebagainya, di samping menampung kekurangan sumber rujukan di institusi-institusi terbabit yang menjadikan ia sebagai silibus pengajian khususnya dalam persoalan munakahat.
2. Memberi kesedaran kepada umat Islam supaya mengenalpasti sumber ilmu pengetahuan secara umum, dan khususnya dalam mengenalpasti status hadith-hadith yang ditemui dengan melaksanakan penyelidikan terhadapnya terlebih dahulu sebelum dijadikan ia sebagai rujukan utama.
3. Mendidik sifat berhati-hati dalam kalangan umat Islam terhadap mana-mana hadith munakahat yang *da'if* dan palsu supaya tidak berpegang kepadanya apatah lagi menjauhi salah faham yang timbul daripada hadith-hadith yang sedemikian.
4. Memberi peluang kepada masyarakat umum untuk membaca atau merujuk dengan bebas khususnya dalam persoalan munakahat tanpa rasa ragu terhadap sumber yang dibawa.

5. Menyediakan komponen rujukan terbaik khususnya kepada pihak perpustakaan.
6. Menggalakkan masyarakat supaya berani melakukan kajian dan penyelidikan terhadap hadith-hadith Nabi s.a.w. supaya umat Islam tidak tergolong dalam golongan taklid semata-mata.
7. Memudahkan dan memberi gambaran kepada pembaca dalam memahami kaedah pengumpulan maklumat berdasarkan kajian yang bersifat tematik.

## VI. Pengertian Tajuk Kajian

### a) Hadith-hadith Munakahat

Perkataan “hadith” adalah berasal daripada kalimah bahasa arab iaitu (حديث).

Pengertian hadith boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu daripada aspek bahasa dan istilah<sup>5</sup>.

#### 1. Bahasa:

Pengertian daripada aspek ini boleh dibahagikan kepada dua makna iaitu:

a) (جديد) bermaksud baru. lawan bagi perkataan lama (قديم).

b) (الكلام) bermaksud percakapan. Kata jamak bagi perkataan hadith adalah *Aḥādīth* (أحاديث) dan inilah maksud yang paling hampir kepada pengertian dari sudut bahasa.

#### 2. Istilah: Ia membawa maksud apa yang disampaikan oleh Nabi s.a.w. meliputi perbuatan, ucapan, persetujuan baginda (تقرير), dan sifat baginda sama ada dari sudut fizikal atau akhlakunya.

---

<sup>5</sup> Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, *Takhrīj al-Ḥadīth: Nash'atuhu wa Manhajīyyatuhu*, ed. ke-3 (Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2004), 10.

Bagi perkataan munakahat pula, ia merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa arab iaitu daripada perkataan “*nakaḥa*” yang membawa maksud kahwin.<sup>6</sup> Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, munakahat membawa maksud hukum fikah berkaitan perkahwinan seperti pernikahan, perceraian, kewajiban suami isteri dan lain-lain.<sup>7</sup>

Oleh itu, “Hadith-hadith Munakahat” boleh diertikan sebagai sesuatu yang disampaikan oleh Nabi s.a.w. meliputi perbuatan, ucapan, persetujuan baginda, dan sifat baginda sama ada dari sudut fizikal atau akhlagnya yang mana kesemua penyampaian Nabi s.a.w itu melibatkan hukum fikah khususnya dalam soal perkahwinan seperti pernikahan, perceraian, kewajiban suami isteri dan lain-lain.

## **b) Takhrij**

Perkataan “*Takhrij*” berasal daripada bahasa arab iaitu daripada perkataan *kharraja* (خَرَجَ) yang membawa pengertian mengeluarkan. Menurut pandangan Dr. Muḥammad Abū al-Layth<sup>8</sup>, *takhrij* boleh difahami daripada beberapa aspek iaitu:

- i. Bahasa: menjelaskan sesuatu dan menerangkannya.
- ii. Istilah:

Dari sudut ini, ia boleh dibahagikan kepada dua makna iaitu;

Pertama: *Muḥaddith* meriwayatkan hadith-hadith dalam kitabnya beserta sanadnya sendiri.

---

<sup>6</sup> Ibn al-Manzūr, *Lisan al-‘Arab*, ed. ‘Abd Allah ‘Alī al-Kabīr, (Kaheerah: Dār al-Ma‘ārif, t.t.) 51: 4537.

<sup>7</sup> Hajah Noresah bt. Baharom et. al., *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, (cet. ke-7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 907.

<sup>8</sup> Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, *Mu‘jam al-Mustalahāt al-Ḥadīthiyah*, (cet. 1, Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2004), 20.

Kedua: Menyandarkan hadith kepada sesiapa yang meriwayat hadith tersebut terutamanya dari kalangan para Imam yang meriwayatkannya dalam kitab mereka serta menyebut darjat bagi hadith itu.

### c) Analisis

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, analisis dapat difahami dengan maksud, penyelidikan atau penghuraian terhadap sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan, dan lain-lain untuk mengetahui pelbagai aspek atau ciri-cirinya secara terperinci dan mendalam.<sup>9</sup>

Kesimpulannya, pengertian tajuk yang boleh difahami di sini adalah penulis akan melakukan takhrij terhadap hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab jawi terpilih iaitu kitab *Muhimmah* dan kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* yang mana hadith-hadith berkaitan dengan perkara munakahat sahaja akan dipilih untuk ditakhrij dan dianalisis secara lebih terperinci. Analisis yang dimaksudkan penulis di sini adalah merangkumi beberapa perkara iaitu penilaian status hadith, kekerapan sumber riwayat hadith oleh pengarang-pengarang kitab yang dikaji dan kekerapan sumber riwayat hadith berdasarkan hasil takhrij serta menyatakan perbezaan daripada kedua-dua sumber berkenaan.

## VII. Skop Kajian

Skop bagi kajian ini adalah tertumpu kepada takhrij hadith-hadith munakahat yang mana melibatkan keseluruhan hadith-hadith yang terkandung dalam kitab *Muhimmah* dan hadith-hadith di dalam tiga buah bab yang terpilih daripada kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*.

---

<sup>9</sup> Hajah Noresah et. al., *Kamus Dewan*, 41.



## VIII. Sorotan Kajian Lepas

1. Fauzi Deraman, “Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin Abdullah Al-Fataniy” (tesis kedoktoran, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997).

Di dalam kajian ini, pengkaji telah membincangkan berkenaan biografi dan metodologi penulisan Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani dalam karya-karyanya. Selain itu, beliau turut memuatkan serba sedikit latar belakang perkembangan karya penulisan jawi di Nusantara dan beliau telahpun melakukan takhrij hadith secara ringkas daripada beberapa karya Syeikh Dawud antaranya hadith-hadith daripada kitab *Iḍāḥ al-Bāb* (iaitu kitab yang menyentuh hal-hal munakahat), *Bughyat al-Ṭullāb*, *Munyat al-Muṣallī*, *Ghayat al-Taqrīb*, *al-Durr al-Thamīn* dan *Arba ‘īn* Syeikh Dawud al-Fatani.

2. Asmeng Yalawae, “Penghayatan Hak Dan Tanggungjawab Suami Isteri Dalam Sistem Kekeluargaan Islam: Satu Kajian Khusus Di Narathiwat Selatan Thailand” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998).

Kajian ini lebih bersifat kajian lapangan dan tidak ada satu pun dalam kajian ini yang menyentuh secara khusus terhadap hadith-hadith munakahat.

3. Norliza Ghazali, “Objektif Perkahwinan: Satu Kajian Khusus Terhadap Kefahaman Dan Penghayatan Masyarakat Islam Di Kuala Lumpur” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999).

Kajian ini juga lebih bersifat kajian lapangan dan tidak ada satu pun dalam kajian ini yang menyentuh secara khusus terhadap hadith-hadith munakahat.

4. **Mohd Muhiden B. Abd. Rahman, “Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith: Kajian Terhadap *Kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawīyyah*” (tesis kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999).**

Pengkaji telah menyentuh dalam kajian beliau berkenaan sejarah penulisan karya-karya hadith sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehinggalah ia terus berkembang di Nusantara dalam bentuk penulisan jawi. Perbincangan topik yang diketengahkan pengkaji membantu penulis untuk mengumpulkan data-data berkenaan sejarah kewujudan penulisan kitab-kitab jawi dan kepentingannya kepada umat Islam di Nusantara. Bab munakahat juga terdapat di dalam *Kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawīyyah* dan sedikit sebanyak membantu penulis dari sudut pengumpulan data berkenaan hadith-hadith munakahat yang terdapat dalam karya penulisan jawi.

5. **Aba Yazid, “Implementasi Teori Maqāṣid al-Syari'ah Terhadap Konsep Nikah Dan Hak-hak Wanita” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).**

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat perpustakaan. Perbincangan disertasi ini adalah lebih menjurus kepada usaha mempertimbangkan kembali nilai-nilai hak asasi kaum wanita dan prinsip kesetaraan gender dalam Islam yang mana ia diperbincangkan dalam teori *maqāṣid al-syari'ah*. Kemudian itu, dibina semula bangunan fiqah nikah dan wilayah nikah moden setelah melalui proses analisis keseluruhan aspek termasuk mengambil kira khazanah pemikiran klasik berkaitan konsep dan wilayah nikah. Namun begitu, kajian ini tidak ada suatu isu pun yang menyentuh berkenaan perihal munakahat dalam karya jawi.

6. **Khadher Ahmad, “Sumbangan Syeikh ‘Abd Al-Samad Al-Falimbani dalam Bidang Hadith: Analisis Metodologi Penyusunan dan takhrij Hadith dalam**

**Kitab *Hidāyah al-Sālikīn*” (Disertasi, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).**

Penulisan ini merupakan kajian di peringkat sarjana. Pengkaji telah memuatkan dalam kajian disertasi ini dengan penemuan metodologi ulama dahulu dalam membawa hadith. Contoh-contoh yang dibawa pengkaji sedikit sebanyak membantu penulis mengenalpasti elemen takhrij yang digunakan ulama terdahulu dalam menyatakan hadith.

- 7. Yunelis, Ena, “Kedudukan Kitab Fiqh Klasik Mazhab Syafi’i dalam Menetapkan Hukum Di Kalangan Ulama Nahdlatul Ulama” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).**

Kajian ini cuba mengenal pasti kitab-kitab fiqh klasik yang mana selalu diguna pakai dalam kalangan ulama Nahdlatul Ulama di Indonesia dalam menetapkan berbagai kes hukum yang terjadi dalam masyarakat. Kebanyakan kitab-kitab fiqh klasik yang kerap dijadikan sumber adalah dari karangan ulama mazhab Syafii. Penulis berhajat kepada maklumat-maklumat sebegini kerana berkemungkinan kitab-kitab fiqh klasik ini ada menyentuh perihal munakahat dan juga mempunyai kaitan dengan kemunculan karya-karya jawi yang dikaji penulis.

- 8. Mohd Anuar Ramli, “Analisis Gender dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu” (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).**

Kajian ini menfokuskan tentang analisis gender di dalam karya fiqh klasik ulama Melayu. Tujuan kajian ini adalah melihat sejauhmana kewujudan isu gender dan elemen bias gender dalam karya fiqh klasik dan juga melihat wujudkah sikap misoginis dari kalangan ulama Melayu terutamanya dalam isu-isu berkaitan dengan perempuan.

Pengkaji juga telah melakukan analisis gender dalam pelbagai tema fiqh dengan menjadikan kitab *Furū' al-Masā'il* karya Syeikh Dawud al-Fatani sebagai asas kepada kajian beliau. Antara tema-tema fiqh yang dikaji adalah dalam aspek munakahat (kekeluargaan). Namun begitu, pengkaji lebih khusus tertumpu dalam isu poligami sahaja berbanding isu-isu lain dalam munakahat.

**9. Waliko, “Konsep Perwalian Nikah Menurut Tinjauan Hadis” (Disertasi, Program Pasca Sarjana, Universitas Islam Negeri (UIN), Syarif Hidayatullah Jakarta, 2004).**

Kajian ini merupakan kajian yang hanya menfokuskan kepada konsep sebenar wali nikah yang dilihat daripada sudut hadith-hadith Nabi s.a.w. Kajian ini dilakukan supaya permasalahan yang timbul seperti hak perempuan sama ada untuk berwali atau tidak dalam konteks pernikahan dan lain-lain lagi dijelaskan sebaiknya. Walaupun sedikit sebanyak hadith-hadith yang dikaji adalah berkaitan munakahat, natijahnya kajian ini tidak menfokuskan persoalan hak suami isteri, perceraian dan lain-lain. Fokus utama kajian ini hanya tertumpu kepada isu wali nikah.

**10. Mohd Aizul Yaakob, “Riwayat Mengenai Kelebihan Bulan Hijri dalam Jam‘u al-Fawa‘id wa Jawahir al-Qala‘id oleh Syeikh Dawud al-Fatani : Takhrij dan Analisis” (Disertasi Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).**

Kajian disertasi ini hanya tertumpu kepada hadith-hadith yang berkaitan dengan bulan hijri.

**11. ‘Imād al-Dīn ‘Umar Mustafā ‘Āmir, “*Al-Aḥādīth al-Wāridah fī Ḥimāyah al-Urah min al-Tafakkuk: Jam‘ān wa Taṣnīfān wa Takhrijān*” (Disertasi, Kuliah Pengajian Tinggi, Universiti Jordan, 2004).**

Kajian ini menghimpunkan hadith-hadith yang berkait rapat dengan topik pemeliharaan daripada perpecahan keluarga. Hadith-hadith berkaitan dibawa bersama dan ditakhrij, kemudian disusun mengikut topik yang sesuai.

**12. Forum Kajian Islam Tradisional Pasuruan (2004), M. Idrus Ramli (ed.), *Menguak Kebatilan Dan Kebohongan Sekte FK3 dalam Buku “Wajah Baru Relasi Suami-Istri Telaah Kitab ‘Uqūd al-Lujayn’*, c. 1. Pasuruan: Rabithah Ma’ahid Islamiyah Cabang Kabupaten Pasuruan.**

Buku ini dikarang oleh pihak Forum Kajian Islam Tradisional Pasuruan untuk menjawab pelbagai persoalan yang timbul serta mengkritik semula isu-isu yang ditimbulkan oleh pengarang buku “*Wajah Baru Relasi Suami-Istri Telaah Kitab ‘Uqūd al-Lujayn’*” iaitu Forum Kajian Kitab Kuning (FK3) yang mana mereka telah mengkritik kitab *‘Uqūd al-Lujayn* karangan Syeikh Nawawi Banten. Hakikatnya, terkandung dalam kitab *‘Uqūd al-Lujayn*, hadith-hadith yang menyentuh perkara-perkara munakahat. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung membantu penulis dalam mengumpulkan maklumat berkaitan hadith-hadith munakahat.

## **IX. Metodologi Penyelidikan**

Dalam melakukan penyelidikan ini, penulis akan menggunakan beberapa pendekatan bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar. Metode yang digunakan penulis adalah:

### **1. Metode Penentuan Subjek**

Penulis telah memilih kitab *Muhimmah* dan tiga buah bab yang terpilih daripada kitab *Jam‘ al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* sebagai subjek kajian untuk mengkaji hadith-hadith munakahat yang terdapat dalam kedua-dua karya ini. Sebanyak 133 buah hadith

terhimpun dalam 12 buah bab dalam kitab *Muhimmah* telahpun dikenalpasti penulis. Manakala sebanyak 24 buah hadith didapati dalam 3 buah bab yang terpilih daripada kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*. Jumlah keseluruhan hadith yang bakal dianalisis adalah 157 buah hadith.

Selain itu, kajian ini turut memfokuskan sejarah perkembangan karya penulisan jawi khusus dalam bidang munakahat dan menyentuh serba sedikit berkenaan bentuk dan metodologi ulama-ulama terdahulu dalam penulisan hadith-hadith munakahat.

## **2. Metode Pengumpulan Data**

Kajian ini secara umumnya bersifat kajian perpustakaan (library research). Kesemua data-data kajian dikumpulkan melalui kaedah perpustakaan. Misalnya, penulis akan menyatakan status atau hukum suatu hadith dengan menukulkan pandangan daripada ulama-ulama menerusi penelitian daripada kitab-kitab yang terpilih dan menjelaskan secara terperinci berkenaan kedudukan hadith-hadith yang bermasalah sekiranya wujud. Selain itu, penulis juga menggunakan kaedah historis atau pensejarahan dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan perkembangan karya penulisan jawi khusus kepada topik munakahat.

## **3. Metode Analisis Data**

Secara umumnya, kajian ini menggunakan tiga metode utama di dalam menganalisis data.

### **a. Metode Historiografi**

Metode ini digunakan ketika membahaskan sejarah perkembangan penulisan karya jawi khususnya dalam topik munakahat.

### **b. Metode Kualitatif**

Metode kualitatif juga akan digunakan di dalam analisis data yang telah dikumpulkan. Metode ini secara khususnya tertumpu kepada bab ketiga kajian ini terutama ketika menganalisis status hadith beserta penjelasan terperinci berkenaan kedudukan hadith yang dinyatakan penulis.

### **c. Metode Kuantitatif**

Metode ini akan digunakan penulis dalam bab yang keempat terutamanya ketika menyatakan bilangan hadith mengikut kategori kedudukan bagi setiap hadith yang dianalisis sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *ḍa'īf*, *mawḍū'* dan sebagainya.

## **X. Sistematika Penulisan**

### **BAB PENDAHULUAN**

1. Pendahuluan
2. Latar Belakang Kajian
3. Permasalahan Kajian
4. Objektif Kajian
5. Kepentingan Kajian
6. Pengertian Tajuk Kajian
7. Skop Kajian
8. Sorotan Kajian Lepas
9. Metodologi Penyelidikan
10. Sistematika Penulisan

**BAB SATU: PENULISAN BERKENAAN HADITH-HADITH MUNAKAHAT  
DALAM KARYA-KARYA JAWI**

1.1 Pendahuluan

1.2 Sejarah Perkembangan Penulisan Hadith-hadith Munakahat dalam Kitab-Kitab  
Jawi di Nusantara

1.3 Bentuk atau Metodologi Penulisan Hadith-hadith Munakahat dalam Karya Jawi

1.3.1 Penulisan Hadith-hadith Munakahat

a) Penulisan dalam Bab-bab tertentu

i. Contoh-contoh Pembahagian Bab

b) Penulisan Dalam Bentuk Pembukuan Secara Khusus

1.3.2 Elemen Takhrij daripada Karya-Karya Jawi

1.4 Rumusan

**BAB DUA: PENGENALAN KITAB DAN METODOLOGI PENULISAN**

2.1 Pengenalan

2.2 Pengaruh Penggunaan Kitab *Muhimmah* dan *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* Di Malaysia

2.3 Kitab *Muhimmah*

2.3.1 Pengenalan Ringkas Kitab

2.3.2 Metode Penyusunan Bab

2.3.3 Pernyataan Sanad dan Perawi Hadith

2.3.4 Metode Penulisan Matan Hadith

2.3.5 Metodologi Penulisan Kitab Secara Umum

2.3.6 Jumlah Hadith Yang Terkandung Di Dalam Kitab

2.3.7 Sumber Pengambilan Hadith



## 2.4 Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*

- 2.4.1 Pengenalan Ringkas Kitab
- 2.4.2 Metode Penyusunan Bab
- 2.4.3 Pernyataan Sanad dan Perawi Hadith
- 2.4.4 Metode Penulisan Matan Hadith
- 2.4.5 Jumlah Hadith Yang Terkandung Di Dalam Bab-bab Yang Terpilih
- 2.4.6 Sumber Pengambilan Hadith

## **BAB TIGA: TAKHRIJ HADITH**

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Metodologi Penulis Dalam Mentakhrij Hadith
- 3.3 Bentuk Matan Yang Ditakhrij
- 3.4 Takhrij Hadith-hadith daripada Kitab *Muhimmah*
- 3.5 Takhrij Hadith-hadith daripada Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*

## **BAB EMPAT: ANALISIS HADITH**

- 4.1 Pengenalan
- 4.2 Analisis Takhrij
- 4.3 Penilaian Status Hadith
  - 4.3.1 Pengkelasan Hadith Mengikut Darjat
    - 4.3.1.1 Kitab *Muhimmah* karangan Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani
    - 4.3.1.2 Kitab *Jam' al-Fawā'id Wa Jawāhir al-Qalā'id* karangan Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani
    - 4.3.1.3 Ulasan Keseluruhan Darjat Hadith

4.3.2 Kekerapan Sumber Periwiyatan Hadith

4.4 Sumber Riwayat Hadith yang dibawa Pengarang-pengarang Kitab Jawi

4.4.1 Sumber Periwiyatan Hadith

4.4.2 Perbandingan Sumber Riwayat Asal Pengarang dengan Sumber Hasil

Takhrij

4.4.3 Ulasan

## **BAB LIMA: KESIMPULAN DAN SARANAN**

5.1 Pendahuluan

5.2 Rumusan

5.3 Saranan dan Cadangan

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

**BAB**  
**SATU**

**BAB SATU**

**PENULISAN BERKENAAN HADITH-HADITH MUNAKAHAT DALAM**

**KARYA- KARYA JAWI**

**1.1 Pendahuluan**

Bab ini akan dimulai dengan sejarah perkembangan penulisan hadith-hadith munakahat dalam karya-karya jawi di Nusantara. Penulis akan mengupas satu persatu bagaimana penulisan hadith-hadith munakahat berlaku pada peringkat permulaan dengan menghuraikan secara ringkas kelahiran karya jawi dalam bidang hadith di Nusantara. Kemudian, karya jawi dalam bidang fiqah turut dibahaskan dalam bab ini kerana secara tidak langsung perbahasan munakahat juga termasuk dalam bidang ini. Kedua-dua bidang karya jawi tersebut pasti melibatkan penggunaan dalil-dalil terutamanya yang melibatkan hadith-hadith Nabi s.a.w. sebagai hujah.

Berikutnya, penulis akan menyatakan bentuk atau metodologi penulisan hadith-hadith munakahat secara umum yang telah diaplikasikan oleh pengarang-pengarang kitab terdahulu dalam kebanyakan karya jawi mereka. Penjelasan berkenaan susunan penulisan hadith-hadith munakahat sama ada dalam bentuk bab-bab tertentu atau dalam bentuk pembukuan secara khusus akan diperincikan dalam subtopik bahagian ini. Oleh itu, penulis akan mengenengahkan beberapa karya jawi yang terpilih sebagai sampel pada bahagian ini. Elemen-elemen takhrij yang diguna pakai pengarang-pengarang karya jawi terhadap hadith-hadith munakahat yang dibawa dalam penulisan mereka, turut penulis jelaskan secara umum pada bahagian berikutnya.

Selepas itu, pada subtopik berikutnya penjelasan berkaitan pengaruh penggunaan Kitab *Muhimmah* dan *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* di Malaysia disertakan penulis sebagai bukti bahawa penggunaan kitab-kitab ini begitu meluas dan

masih dijadikan pengajian sehingga kini. Ini mengukuhkan lagi bahawa penyelidikan ini adalah benar-benar relevan dan diperlukan pada masa kini.

## **1.2 Sejarah Perkembangan Penulisan Hadith-hadith Munakahat dalam Kitab-Kitab Jawi di Nusantara**

Perkembangan dan penyebaran agama Islam di Nusantara sedikit sebanyak menjadi penyebab utama kepada kelahiran naskhah-naskhah Melayu atau penulisan karya-karya jawi. Ini kerana karya-karya jawi telah menjadi medium kepada umat Islam di Nusantara pada era itu sebagai sumber rujukan dan pelengkap dalam memahami ilmu agama. Aktiviti penulisan buku-buku agama secara meluas di Nusantara hanya bermula pada abad ke-17 Masihi terutamanya di Aceh. Justeru itu, banyak kitab agama adalah karangan daripada ulama-ulama tempatan sendiri. Kemudian, barulah usaha ini merebak ke negeri-negeri lain.<sup>1</sup> Pengkategorian karya-karya jawi pula adalah mencakupi pelbagai bidang dan disiplin ilmu.

Secara umumnya, pecahan bidang ilmu yang dimaksudkan penulis adalah terdiri daripada kesusasteraan dan bahasa, agama, sejarah, astrologi<sup>2</sup>, farmakologi<sup>3</sup>, surat-surat perjanjian, ketatanegaraan, undang-undang dan sebagainya. Dalam erti kata lain, penghasilan karya-karya jawi boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu bidang agama, sejarah, bahasa dan sastera<sup>4</sup>. Dalam ketiga-tiga bidang penulisan tersebut, bidang agama merupakan bidang yang paling dominan berbanding bidang-bidang lain.

---

<sup>1</sup> Mahayudin Hj. Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 1:18. Pada peringkat permulaan penulisan karya jawi, budaya menyalin, menterjemah dan menyadur karya-karya asing terutamanya dari bahasa Arab telah menjadi perkara lumrah dalam kalangan ulama Nusantara ketika itu. Terdapat juga karya yang dihasilkan oleh mereka sendiri yang mana kebanyakannya bercampur aduk dengan unsur-unsur tempatan seperti sejarah yang berbentuk hikayat, sastera jampi serapah dan pelbagai lagi. Ada juga karya yang ditulis dalam bahasa Arab tetapi bilangannya adalah sedikit.

<sup>2</sup> "Astrologi", laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai 4 Mac 2011, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=astrologi>. Astrologi membawa maksud ilmu nujum atau ilmu peramalan sesuatu berdasarkan kajian bintang-bintang.

<sup>3</sup> "Farmakologi", *Ibid.*, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=farmakologi>, 4 Mac 2011. Ia membawa maksud sains atau kajian tentang ubat-ubatan, termasuk sifat, tindakan, dan kegunaannya.

<sup>4</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, (cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990) 57.

Ini kerana usaha penyebaran dan pengembangan agama Islam ketika itu telah diperhebatkan terutamanya melalui medium penulisan.<sup>5</sup>

Jikalau dilihat dalam skop yang lebih kecil lagi, khususnya penulisan dalam bidang agama, ia meliputi beberapa aspek antaranya tauhid, aqidah, fiqah atau hukum, tasawuf, akhlaq, hadith, tafsir dan doa.<sup>6</sup> Walaupun skop tersebut amat luas yang mana mencakupi seluruh kehidupan manusia, hakikatnya tradisi ilmu-ilmu Islam di Nusantara terbatas kepada beberapa aspek iaitu fiqah, tasawuf dan ilmu kalam atau tauhid. Manakala, aspek lain seperti tafsir, hadith dan lain-lain tidak diberi perhatian sebaiknya oleh ulama Nusantara dan ini berkemungkinan disebabkan faktor keperluan pada waktu itu yang lebih terfokus kepada isu-isu dasar Islam, perkara ibadah dan perbahasan tauhid.<sup>7</sup> Besar kemungkinan juga ini berlaku kerana pada peringkat awal kedatangan Islam atau Zaman Samudera – Pasai dan Melaka, lebih memerlukan pengetahuan dasar Islam iaitu aqidah. Tambahan pula, perbahasan tauhid menjadi isu hangat antara ulama Nusantara pada waktu itu (Abad 16 M dan 17 M). Kemudian disusuli pula dengan keperluan kepada pengetahuan ibadah atau fiqah kerana bagi mereka pada ketika itu agama Islam terlalu baru buat mereka. Begitu juga ilmu tasawuf yang lebih tertumpu kepada soal kerohanian dan akhlak mula berkembang pada era itu dan boleh dikatakan ia kemuncak kepada ajaran Islam yang menjadi pelengkap kepada ilmu-ilmu Islam yang

---

<sup>5</sup> Mahayudin, *Naskhah Jawi*, xiv.

<sup>6</sup> Kadang-kadang isu munakahat juga boleh dilihat dalam penulisan yang berbentuk syair atau gurindam. Ia merupakan alternatif kepada penulisan yang berbentuk prosa seperti kitab-kitab jawi. Kebiasaannya, hukum yang perlu diketahui bakal pengantin seperti rukun nikah, kufu, kenduri kahwin, jenis-jenis talak, iddah, nafakah dan hadanah diperbincangkan dalam bentuk syair. Raja Ali Haji adalah antara tokoh terulung di Aceh pada abad ke 17 yang melahirkan karya-karya agama dalam bentuk puisi. Sila rujuk; Abu Hassan bin Mohd Sham, *Syarahana Perdana "Ulama Nusantara: Antara Penghasilan Karya Kreatif dan Kitab Jawi"* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2004), 21 & 25.

<sup>7</sup> Mohd Muhiden B. Abd. Rahman, "Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian al-Hadith: Kajian Terhadap Kitab al-Fawā'id al-Bahiyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyah" (tesis kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003), 94. Sila rujuk juga Mahayudin, *Naskhah Jawi*, 22. Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah, Islam pernah mengalami zaman kegelapannya dan kesannya adalah terhadap pemikiran ilmu fiqah. Salah satu ciri-cirinya adalah karya-karya yang lahir pada zaman ini tidak mencamtumkan dalil antara nas al-Quran dan hadith. Kebanyakannya adalah kitab-kitab Malikiyyah dan Syafiiyyah dalam bentuk matan, syarah dan hasyiah. Hanya pendapat (*qawl*) para ulama sahaja dimasukkan. Lebih mendukacitakan lagi, fenomena ini juga memberi kesan kepada penulisan karya Jawi yang datang kemudian terutamanya dari sudut nukilan pendapat (*qawl*) yang dimasukkan lebih terikat kepada mazhab-mazhab tertentu. Sila lihat; Abdul Rahman, *Pemikiran Umat Islam Nusantara*, 80.

lain. Maka, tidak hairanlah mengapa karya tasawuf paling banyak dihasilkan pada era tersebut. Besar kebarangkalian juga karya tasawuf banyak dihasilkan adalah disebabkan kebanyakan pendakwah pada masa itu adalah daripada kalangan ulama sufi yang datang dari India dan Arab. Lantaran itu, penulisan-penulisan yang berlegar pada waktu itu adalah lebih berkisar kepada persoalan asas atau aqidah yang menjadi perkara tunjang dalam agama Islam.<sup>8</sup> Justeru itu, bidang-bidang penulisan lain dilihat seakan-akan terasing daripada arus perdana ketika itu.

Namun begitu, perkembangan ilmu fiqh yang berlaku di Nusantara secara tidak langsung sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada perkembangan ilmu hadith. Meskipun kitab-kitab yang dihasilkan dalam bidang hadith begitu terhad, usaha penyebarannya tidak pernah terhenti bahkan dengan adanya penulisan dalam bidang fiqh, ia menjadi medium bagi meneruskan kesinambungan penyebaran hadith dan telah memberi kesan kepada umat Islam ketika itu betapa pentingnya hadith-hadith Nabi s.a.w. sebagai sumber hukum dalam keseluruhan hidup umat Islam.

Sekiranya diperhatikan penulisan dalam bidang fiqh, pada asalnya kitab-kitab fiqh yang dihasilkan oleh ulama-ulama di Nusantara ini adalah berorientasikan kepada beberapa buah kitab utama dalam kalangan ulama-ulama mazhab Syafii. Misalnya, pada zaman kerajaan Pasai (abad ke-13) yang terkenal sebagai pusat pengajian Islam terpenting telah menjadikan kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* karangan Imam Muḥyi al-Dīn Abū Zakariyyā al-Nawāwī (1232 M -1277 M) sebagai rujukan pengajian di surau dan madrasah di Indonesia. Setelah kemunduran kerajaan Pasai, Melaka pula telah mengambil alih peranan sebagai pusat politik dan dicatatkan terdapat catatan berkenaan penggunaan kitab *Talkhiṣ al-Minhāj* yang ditulis Imām al-Nawāwī, kitab *al-Muhadhdhab* oleh Abū Ishāq al-Shirāzī dan juga karya-karya Ibn Ḥajar al-Haythamī di Melaka.<sup>9</sup> Kesan daripada penggunaan karya-karya Imām al-Nawāwī dan al-Shirāzī,

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 95.

<sup>9</sup> Abdul Rahman, *Pemikiran Umat Islam Nusantara*, 121.

hukum Islam yang berlandaskan mazhab Syafii telah berkembang di Melaka. Kenyataan ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila dua buah kitab undang-undang yang terkenal iaitu *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut* diperhatikan isi kandungannya. Hukum Islam telah diterapkan dalam kedua-dua undang-undang tersebut dan pengaruh agama Islam jelas ketara dalam bidang munakahat, muamalat, *jinayat* dan sebagainya. Abdul Rahman Haji Abdullah telah mendatangkan contoh bahawa Bab 25-28 yang membahaskan contoh perkahwinan dikatakan bermazhab Syafii.<sup>10</sup>

Kitab fiqh berbahasa Melayu yang mana dianggap antara kitab terawal dan pertama dikarang di Nusantara ini adalah *Al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī. Walaupun kitab ini hanya membicarakan persoalan fiqh ibadat sahaja, hakikatnya ia telah menjadi perintis kepada penulisan kitab-kitab fiqh berbahasa Melayu yang lain.<sup>11</sup> Kemudian, lahirlah karya-karya lain dalam bidang fiqh yang menyentuh segenap aspek dalam bidang fiqh dan antaranya termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan munakahat. Misalnya, kitab *Safīnah al-Hukkām* karangan Jalāl al-Dīn al-Tursanī iaitu sebuah kitab yang mengupas tentang persoalan *al-Qadā'* atau kehakiman. Kitab yang dihasilkan lebih bertujuan sebagai panduan bagi para kadi, pegawai kerajaan dan juga kepada raja. Aspek hukum perkahwinan juga turut disentuh pengarang di samping hukum-hukum lain seperti perdagangan, jenayah dan pusaka dengan disertai petunjuk-petunjuk bagi para kadi. Sebuah lagi kitab iaitu kitab *Hidāyah al-'Awwām* yang luas bidang cakupannya, bukan sahaja dalam masalah ibadah bahkan juga dalam hal munakahat dan lain-lain telah dikarang oleh Jamāl al-Dīn al-Tursanī iaitu putera kepada Jalāl al-Dīn.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> *Ibid.*, 122.

<sup>11</sup> Jamaluddin Hashim, "Metode Penulisan Fiqh oleh Nūr al-Dīn al-Rānirī Dalam kitab *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*", *Jurnal Syariah* 17 (Bil. 2, 2009), 267 - 298. Sila lihat; Abdul Rahman, *Pemikiran Umat Islam Nusantara*, 127.

<sup>12</sup> Abdul Rahman, *Pemikiran Umat Islam Nusantara*, 127.



Karya-karya lain yang ditemui antaranya, dikatakan karya milik Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī iaitu *Bāb al-Nikāh*. Kenyataan ini dipetik daripada buku *Pemikiran Umat Islam di Nusantara* karya Abdul Rahman Haji Abdullah iaitu:

“Menurut satu sumber, dikatakan ketika Kedah diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah, raja Aceh telah mengirimkan dua buah kitab karya Nūr al-Dīn al-Rānirī, iaitu *Ṣirāṭ al-Mustaḳīm* dan *Bāb al-Nikāh* ke Kedah.”<sup>13</sup>

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī (w. 1658M/ 1068H) juga telah menghasilkan suatu karya lain yang turut memuatkan satu bab yang berkaitan munakahat iaitu di dalam karya beliau yang bernama “*Al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawīyyah*”. Kitab tersebut telah siap ditulis pada 6 Syawal 1045H / 1635M.<sup>14</sup> Kitab ini mengandungi hadith-hadith yang berkaitan dengan *targhīb* dan *tarhīb* sebanyak 823 buah hadith. Bab-bab di dalam kitab ini merangkumi *abwāb al-dīn*, iaitu bermula dengan “*Bab Pada Menyatakan Menggemari Niat*” dan berakhir dengan “*Bab Pada Menyatakan Menggemari Meminta Ampun dan Taubat*”.<sup>15</sup> Jumlah keseluruhan bab ini adalah sebanyak 53 buah bab. Bab yang menyentuh perihal munakahat adalah Bab ke-41 iaitu “*Bab Pada Menyatakan Menggemari Berkasih-kasihan dengan Isteri dan Hak Suami Atas Isteri dan Hak Isteri Atas Suami*”.<sup>16</sup> Kitab ini dicetak beberapa kali di Mekah dan Asia Tenggara. Namun, bagi cetakan di Asia Tenggara adalah daripada Maktabah wa Maṭba‘ah al-Nahdī wa Awlādihi yang mana ia dicetak di bahagian tepi kitab *Jam‘ al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*. Jumlah halaman bagi cetakan tersebut adalah 330 halaman.<sup>17</sup>

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, 134.

<sup>14</sup> Mohd Muhiden B. Abd. Rahman, “Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya”, 187.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 190.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 197.

<sup>17</sup> *Ibid.*, 190. Cetakan ini telah ditashih oleh Hj. Abdullah b. Ibrahim dari Langgar, Kedah dan juga oleh Syeikh Ahmad Sa‘ad al-Filfilānī. Kitab ini pernah diterbitkan dan dicetak oleh penerbit Sulaimān Mar‘ī dari Singapura dan Pulau Pinang.

Mahayudin Hj. Yahaya ada menyebutkan beberapa naskhah Jawi berkenaan perihal munakahat dalam penulisan beliau. Contoh-contoh penemuan naskhah yang dimaksudkan adalah seperti “*Siti Şiyānah Şāhib Fatut wa al-Amānah*” oleh Raja Ali Haji. Naskhah ini terkandung dalamnya berkenaan pengajaran ilmu dan sifat amanah bermula daripada tuntutan ibadat sehinggalah kepada perihal berkenaan perhubungan suami isteri.<sup>18</sup> Menurut Profesor Dato’ Dr. Abu Hassan daripada Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur bahawa Raja Ali Haji juga pernah membina syair yang menceritakan perihal munakahat iaitu dinamakan “*Syair Kitāb al-Nikāḥ*”. Terkandung dalamnya hukum yang perlu diketahui bakal pengantin seperti rukun nikah, kufu, kenduri kahwin, jenis-jenis talak, iddah, nafkah dan susuan.<sup>19</sup> Selain itu, terdapat lagi manuskrip-manuskrip lain yang direkodkan oleh Mahayudin Hj. Yahaya iaitu “*Kitāb al-Nikāḥ*” salah satu hasil penulisan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari tetapi kitab ini masih belum ditemui. Menurut kaum keluarga Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, beliau pernah menulis tentang hal-hal yang berkaitan pernikahan seperti masalah wali nikah, akad nikah dan lain-lain.<sup>20</sup>

Mahayudin Hj. Yahaya turut merekodkan penemuan manuskrip-manuskrip Jawi lain dan antara karya-karya yang ada menyentuh perkara munakahat adalah seperti naskhah “*Şifā’ al-Qulūb*”. Pengarang bagi naskhah ini tidak diketahui dan tahun terbitannya adalah pada 1225H bersamaan 1810M. Jumlah halaman adalah sebanyak 57 halaman dan jumlah bab adalah sebanyak 40 buah bab. Bab ke-25 adalah bab kelebihan berkahwin. Bab-bab lain pula menyentuh perkara-perkara seperti kelebihan ilmu dan

---

<sup>18</sup> Mahayudin, *Naskhah Jawi*, 29.

<sup>19</sup> Abu Hassan, *Syarahān Perdana-Ulama Nusantara*, 25. Menurut Profesor Dato’ Dr. Abu Hassan, berkemungkinan penghasilan syair “*Kitāb al-Nikāḥ*” oleh Raja Ali Haji bertitik tolak daripada pembacaan beliau terhadap kitab-kitab Jawi yang beredar sekitar Riau ketika itu seperti *Mir’at Ṭullab*, *Furū’ al-Masā’il* dan lain-lain.

<sup>20</sup> Mahayudin, *Naskhah Jawi*, 69.

ulama, kelebihan wuduk, azan, berpuasa, solat yang difardukan dan lain-lain. Bilangan hadith yang terkandung dalam manuskrip ini adalah sebanyak 400 buah hadith.<sup>21</sup>

Manuskrip lain yang turut direkodkan beliau adalah naskhah yang bertajuk “*Talkhiṣ al-Falāḥ fī Bayān Aḥkām al-Ṭalaq wa al-Nikāḥ*” oleh seorang ulama Aceh iaitu Muḥammad Zain Ibn al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-Ashī al-Shāfi‘ī. Tahun dan tempat penerbitan tidak diketahui. Bilangan halaman bagi naskhah ini pula adalah sebanyak 26 halaman. Naskhah ini mengandungi perbincangan hukum nikah dan talak yang terhimpun di dalam empat fasal, tidak termasuk bahagian *khāṭimah* (kesimpulan).<sup>22</sup>

Karya-karya lain yang ditemui adalah seperti kitab *Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth Sharḥ Lubāb al-Ḥadīth* dikarang oleh Syeikh Nawawi al-Bantani yang lahir pada 1815M dan wafat pada 1897M. Kebiasaannya kitab ini diguna pakai dalam kalangan Pondok-pondok Malaysia. Misalnya, Pondok Pulau Pisang, Kedah dan juga Pondok Pesantren di Indonesia. Jumlah keseluruhan bab bagi kitab ini adalah 40 buah bab. Penulisan kitab ini dimulai dengan bab tentang keutamaan ilmu dan ulama serta diakhiri dengan bab keutamaan sabar ketika mendapat musibah. Ringkasnya, perbahasan adalah berkisar amalan fardu dan sunnah. Bab yang mempunyai kaitan dengan persoalan munakahat terletak di dalam bab yang ke-25 iaitu bab “*Keutamaan Nikah*”. Jumlah keseluruhan halaman adalah sebanyak 64 halaman.<sup>23</sup> Selain itu, Syeikh Nawawi turut menghasilkan sebuah kitab iaitu “*Uqūd al-Lujayn Fī Bayān Ḥuqūq al-Zawjayn*” yang juga membicarakan perihal munakahat.<sup>24</sup>

Sumber-sumber penulisan Jawi semakin bertambah apabila kemunculan sebilangan besar ulama dari Patani misalnya Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani (w.1847 M) yang telah menyumbangkan usaha beliau dalam penulisan. Kehadiran

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, 283.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 299-300.

<sup>23</sup> Agus Sutopo, “Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam Bidang Hadith: Kajian Terhadap Kitab *Tanqīḥ al-Qawl*” (Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 80-81.

<sup>24</sup> *Ibid.*, 33. Tarikh kewafatan dirujuk daripada disertasi ini, Badaruddin Haba, “Kajian Hadith Dalam Kitab Tafsir Marah Labid Karya Syeikh Nawawi al-Bantani: Tumpuan Kepada Surah Al-Baqarah” (Disertasi, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 59.

tokoh ulama ini juga telah memberi impak yang besar dan menyemarakkan lagi penerbitan naskhah-naskhah atau karya-karya Jawi Melayu di Nusantara. Kebanyakan naskhah-naskhah yang dicetak adalah berkaitan dengan fiqah. Hasil usaha kerajaan Turki Uthmaniyyah dengan bantuan ulama Melayu di Mekah, naskhah-naskhah Melayu Jawi telah mula dicetak di Istanbul, Mesir, Mekah dan kemudiannya mula dicetak di Pulau Pinang pada sekitar abad ke-20. Perbahasan fiqah yang diperbincangkan dalam beberapa buah karya beliau turut melibatkan perbincangan isu-isu munakahat yang mana secara tidak langsung penggunaan hadith-hadith berkaitan telah dimasukkan dalam perbincangan tersebut. Bahkan beliau juga telah mengarang sebuah kitab yang khusus mengenai munakahat iaitu Kitab *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*.<sup>25</sup>

Selain itu, beliau juga telah memuatkan dalam karya beliau kitab *Furū' al-Masā'il* iaitu sebuah bab di bawah topik munakahat. Kitab ini dikatakan merupakan sebuah karya yang lengkap dan kemuncak dalam bidang fiqah di Nusantara yang mencakupi segenap aspek ibadah seperti muamalat, jinayat, dan pelbagai masalah lain. Tidak ketinggalan juga beberapa karya-karya lain yang dihasilkan beliau seperti kitab *Sullam al-Mubtadī fi Ma'rifah Ṭarīqah al-Muhtadī*, *Jawāhir al-Saniyyah*, *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* dan sebagainya yang turut mengandungi beberapa bab yang berkaitan dengan munakahat beserta penggunaan hadith-hadith sebagai sumber pendalilan.<sup>26</sup> Dalam erti kata lain, dengan terbitnya karya-karya Jawi fiqah ketika itu, secara tidak langsung hadith-hadith sebagai sumber dalil telah berjaya disebarkan melalui karya-karya tersebut. Menurut Mahayudin Hj. Yahaya, karya-karya Jawi dalam bidang fiqah yang dihasilkan, kebanyakannya adalah menurut mazhab Syafii.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> Mahayudin, *Naskhah Jawi*, xv & xvi. Menurut Mahayudin Hj. Yahaya, sepanjang penyelidikan beliau berkenaan naskhah Melayu didapati Indonesia satu-satunya negara yang kaya dengan naskhah Melayu tentang Islam kerana kebanyakan naskhah-naskhah yang tersimpan di perpustakaan di seluruh dunia adalah diperolehi dari Indonesia. Sila lihat; Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 64 & h. 138.

<sup>26</sup> Abdul Rahman, *Pemikiran Umat Islam Nusantara*, 138.

<sup>27</sup> Mahayudin, *Naskhah Jawi*, 352.

Pada kurun ke-19 menyusul pula beberapa buah kitab fiqah yang lain. Kitab yang paling terkemuka ketika itu ialah kitab *Maṭla' al-Badrayn wa Majma' al-Baḥrayn* karangan Muhammad bin Ismail Dawud al-Fatani yang telah diterbitkan pada tahun 1882 di Makkah. Meskipun kitab ini telah menyentuh permasalahan akidah di bahagian permulaan kitab, akan tetapi dari segi keseluruhannya kitab ini merupakan sebuah kitab fiqah. Perbahasan munakahat turut diperbincangkan dalam kitab ini. Perbahasan antara kitab ini dengan kitab *Furū' al-Masā'il* adalah hampir sama, cuma ia lebih ringkas dan padat. Kitab *Maṭla' al-Badrayn*, *Furū' al-Masā'il* dan kitab *Ṣirāt al-Mustaqīm* dikatakan antara kitab-kitab yang terpenting dan paling berpengaruh di Nusantara.<sup>28</sup> Kelahiran kitab *Muhimmah* oleh Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani adalah antara terbitan yang terkemudian menyenaraikan isu-isu munakahat dalam karya jawi.

Berdasarkan pembacaan dan pemerhatian, secara umumnya penulis beranggapan bahawa hadith-hadith munakahat mudah dan banyak didapati dalam karya-karya jawi khususnya pada penulisan bidang hadith dan fiqah. Kedua-dua bidang ini menjadi sumber penulis mengumpulkan hadith-hadith berkenaan kerana ia menjadi skop utama penulis. Manakala topik munakahat pula mempunyai kaitan langsung dengan bidang fiqah yang mana hadith-hadith munakahat sering dijadikan sumber penetapan hukum dalam topik tersebut.

Meskipun penulisan karya jawi dalam bidang hadith adalah terhad berbanding bidang-bidang lain, realitinya penggunaan hadith tetap digunakan sebagai dalil utama kerana ia adalah sumber hukum Islam yang merangkumi segenap aspek bidang dalam kehidupan. Berikut adalah jadual senarai kitab-kitab Jawi berkenaan munakahat yang telah dibahasakan penulis sebelum ini:

---

<sup>28</sup> Abdul Rahman, *Pemikiran Umat Islam Nusantara*, 139.

**Jadual 1.0: Karya-Karya Jawi Berkaitan Munakahat**

<b>KARYA-KARYA JAWI BERKAITAN MUNAKAHAT</b>			
<b>BIL.</b>	<b>NAMA KITAB</b>	<b>PENGARANG</b>	<b>TAHUN PENERBITAN</b>
1	Kitab Undang-undang Melaka	-	-
2	Kitab Undang-undang Laut	-	-
3	<i>Safīnah al-Hukkām</i>	Jalāl al-Dīn al-Tursanī	-
4	<i>Hidāyah al-‘Awwām</i>	Jamāl al-Dīn al-Tursanī	-
5	<i>Bāb al-Nikāḥ</i>	Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī	-
6	<i>Al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyah</i>	Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī	1045H / 1635M
7	<i>Sitī Şiyānah Şāhib Fatut wa al-Amānah</i>	Raja Ali Haji	-
8	<i>Syair Kitāb al-Nikāḥ</i>	Raja Ali Haji	-
9	<i>Kitāb al-Nikāḥ</i>	Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari	-
10	<i>Shifā' al-Qulūb</i>	-	1225H / 1810M
11	<i>Talkhis al-Falāḥ fī Bayān Aḥkām al-Ṭalaq wa al-Nikāḥ</i>	Muḥammad Zain Ibn al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-Ashī al-Shāfi'ī	-
12	<i>Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth Sharḥ Lubāb al-Ḥadīth</i>	Syeikh Nawawi al-Bantani	-
13	<i>'Uqūd al-Lujayn Fī Bayān Ḥuqūq al-Zawjayn</i>	Syeikh Nawawi al-Bantani	-
14	<i>Idāḥ al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ bi al-Şawāb</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	1224 H
15	<i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-
16	<i>Furū' al-Masā'il</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-
17	<i>Sullam al-Mubtadī fī Ma'rifah Ṭarīqah al-Muhtadī</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-
18	<i>Jawāhir al-Saniyyah</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-
19	<i>Maṭla' al-Badrayn wa Majma' al-Baḥrayn</i>	Muhammad bin Ismail Dawud al-Fatani	1882 M
20	<i>Muhimmah</i>	Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani	1949 M

## **1.3 Bentuk atau Metodologi Penulisan Hadith-hadith Munakahat dalam Karya Jawi**

### **1.3.1 Penulisan Hadith-hadith Munakahat**

Penulisan karya-karya Jawi yang memuatkan hadith-hadith munakahat dalam bentuk buku secara khusus tidak banyak dihasilkan di Nusantara. Hadith-hadith munakahat yang dibincangkan dalam kebanyakan karya-karya Jawi adalah dalam bentuk bab-bab kecil dan lebih kepada perbincangan fiqah serta hanya melibatkan hadith-hadith tertentu sahaja. Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap beberapa buah kitab Jawi yang melibatkan hadith-hadith munakahat, secara ringkasnya penulisan hadith-hadith munakahat boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

- i. Penulisan dalam bentuk bab-bab tertentu.
- ii. Pembukuan secara khusus.

#### **1.3.1.1 Penulisan dalam Bab-bab tertentu**

Kategori ini adalah pembahagian yang paling banyak didapati dalam kebanyakan karya-karya jawi. Lazimnya, sebahagian kecil atau bab-bab tertentu sahaja yang membicarakan isu-isu munakahat berbanding daripada keseluruhan bab dalam sesebuah kitab. Sebilangan besar kitab-kitab yang terlibat adalah daripada bidang fiqah. Contoh-contoh kitab bagi kategori ini adalah:

1. *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* karangan Sheikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu.
2. *Al-Jawāhir al-Saniyyah* karangan Sheikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu.

3. *Sullam al-Mubtadī fī Ma‘rifah Ṭarīqah al-Muhtadī* karangan Sheikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maṭba‘ah Bin Halābī di Patani, Thailand pada 13 Syawwal 1252H.
4. *Kifāyah al-Muhtadī Pada Menerangkan Cahaya Sullam al-Mubtadī* karangan Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail al-Fatani. Kitab ini merupakan kitab syarah bagi kitab *Sullam al-Mubtadī fī Ma‘rifah Ṭarīqah al-Muhtadī* karangan Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini telah diterbitkan oleh Percetakan al-Ma‘arif Sendirian Berhad.
5. *Senjata Tok Haji dan Tok Lebai* karangan Abdul Qadir bin Abdul Mutalib al-Indūnisī al-Mandīlī.
6. *Terjemahan Riyād al-Ṣāliḥīn* karangan asal oleh Imam Nawawi r.h.m. Kitab ini telah diterjemahkan dan diterbitkan dalam tulisan Melayu jawi oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
7. *Bahjah al-Mubtadīn wa Farḥah al-Mujtadīn* karangan al-‘Alamah al-Dhaki al-Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zayn B. Mustafa al-Fatani. Kitab ini telah diterbitkan oleh pihak Khazanah Fataniyyah di Kuala Lumpur pada tahun 2000.
8. *Maṭla‘ al-Badrayn wa Majma‘ al-Baḥrayn* karangan Muhammad Bin Ismail Dawud Fatani yang telah diterbitkan pada tahun 1984 oleh Nahdi Trading tanpa menyebut tempat penerbitan.
9. *Terjemahan Matan Fath al-Qarīb al-Mujīb al-Ghāyah wa al-Taqrīb* karangan Qāḍī Abū Shujā‘ al-Aṣfahānī diterjemah dan disyarahkan oleh Haji Sirajuddin Abbas. Kitab ini telah diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan.
10. *Al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* karangan Sheikh Ali Bin Abdurrahman. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu.



11. *Idaman Penuntut Pada Menghuraikan Yang Kusut (Ilmu Fiqh): Bahagian Jual Beli dan Nikah* karangan Haji Abdul Ghani Bin Haji Yahya. Kitab ini telah dicetak kali ketujuh pada tahun 2011 dan telah diterbitkan oleh Syarikat Bajrai di Kuala Lumpur.
12. *Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* karangan Sheikh Zayn al-‘Abidin Bin Muhammad al-Fatani. Bab munakahat diletakkan dalam jilid yang ke-2. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maṭba‘ah Bin Halābī di Patani, Thailand.<sup>29</sup>
13. *Furū‘ al-Masā’il* karangan Sheikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Bab munakahat diletakkan dalam jilid yang ke-2. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu.

#### **a) Contoh-contoh Pembahagian Bab**

Penulis telah memilih beberapa buah kitab dengan menyenaraikan kitab-kitab tertentu beserta penjelasan secara ringkas bentuk-bentuk penulisan yang terdapat dalam karya tersebut. Penjelasan adalah lebih tertumpu kepada bab dan pemecahan bab yang hanya berkaitan dengan perkara munakahat. Kitab-kitab tersebut adalah:

#### **I) Kitab *Al-Jawāhir al-Saniyyah*.<sup>30</sup>**

Kitab ini merupakan salah satu kitab fiqah yang terkenal di Nusantara karangan Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani (m. 1297H/ 1879M). Jumlah keseluruhan kitab bagi karya ini ialah 61 buah kitab iaitu bermula daripada kitab *Ṭahārah* sehinggalah kitab *Menyatakan Hukum Mak Anak*. Kitab yang mempunyai kaitan dengan isu munakahat

---

<sup>29</sup> Pada asalnya, kitab ini ditulis dalam bahasa Arab. Kemudian, ia sempurna diterjemah kepada bahasa Melayu dan *ditaṣhīhkan* oleh Muhammad Farid Muhammad (merupakan ketua penuntut-penuntut Johor) dan dibantu oleh Ustaz Muhammad Taha Suhaimi dari Singapura pada 1348 H. Ketika itu, kedua-duanya adalah pelajar di dalam Kuliah Syariah, Universiti al-Azhar, Mesir.

<sup>30</sup> Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani, *Al-Jawāhir al-Saniyyah*, (t.tp.: Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu, t.t.), 280.

adalah dari kitab ke-26 hinggalah kitab ke-38. Jumlah halaman adalah sebanyak 282 halaman. Penulis merujuk kepada cetakan Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu. Contoh-contoh pembahagian kitab dalam perkara munakahat adalah:

1. Kitab Menyatakan Hukum Nikah

- i. Fasal Menyatakan Rukun Nikah
- ii. Fasal Menyatakan Yang Menegahkan Wali bagi Mengkahwinkan akan Mewalinya
- iii. Fasal Pada Menyatakan Kufu
- iv. Fasal Menyatakan Dikahwinkan Orang *Mahjūr ‘Alayh*
- a. Bab Menyatakan Barang Yang Haram daripada Nikah
  - i. Fasal Menyatakan Nikah Orang Halal dan Yang Tiada Halal dan Barang Yang Sebut Keduanya
- b. Bab Menyatakan Nikah Orang Musyrik
- c. Bab Menyatakan Khiyar dan *A‘faf*-kan Anak akan Asalnya dan Nikah Sahaya
  - i. Fasal Menyatakan *A‘faf*
  - ii. Fasal Menyatakan Nikah Sahaya

2. Kitab Menyatakan Isi Kahwin

- i. Fasal Menyatakan Hukum Perempuan Yang Menyerahkan Dirinya
- ii. Fasal Menyatakan Hukum Mut‘ah dan Hukum Bersumpah Apabila Bersalahan Pada Mahar *Musammanya*
- iii. Fasal Menyatakan Jamuan dan Berkahwin
- a. Bab Menyatakan Giliran dan Nusyuz

3. Kitab Menyatakan Tebus Talak

4. Kitab Menyatakan Hukum Talak

- i. Fasal Menyatakan Menyerah Talak Suami Bagi Isterinya

- ii. Beberapa Furu' Yang Bertaburan Pada Talak
- 5. Kitab Menyatakan *Raj'ah*
- 6. Kitab Menyatakan '*Īlā'* iaitu Bersumpah Suaminya
- 7. Kitab Menyatakan Hukum *Zihār*
- 8. Kitab Menyatakan *Kaffārah*
- 9. Kitab Menyatakan *Li'ān* dan *Qadhaf*
- 10. Kitab Menyatakan '*Iddah*
  - i. Fasal Menyatakan '*Iddah* Mati dan '*Iddah* Orang Yang Hilang
  - ii. Wajib Diberikan Tempat Kedudukan Bagi Perempuan Yang Ber'*iddah*
- 11. Kitab Menyatakan *Istibra'*
- 12. Kitab Menyatakan Menyusu
- 13. Kitab Menyatakan Nafkah Isteri dan Kerabat dan *Mamluknya*
  - i. Fasal Menyatakan Yang Mewajibkan Belanjanya dan Yang Menggugurkan Dia
  - ii. Fasal Menyatakan Hukum Papa Suami dengan Belanja Isterinya
  - iii. Fasal Menyatakan Belanja *Qarīb*
  - iv. Fasal Menyatakan Memelihara Kanak-kanak
  - v. Fasal Menyatakan Belanja Sahaya dan Segala Yang Dimilikinya

**II) Kitab Idaman Penuntut Pada Menghuraikan Yang Kusut (Ilmu Fikah):  
Bahagian Jual Beli dan Nikah (Penggah Kedua).**<sup>31</sup>

Kitab ini merupakan karangan Haji Abdul Ghani Bin Haji Yahya yang membahaskan persoalan dalam ilmu fiqah. Bab munakahat terletak di dalam jilid yang kedua dan kitab ini telah diterbitkan oleh Syarikat Bajrai, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur. Jumlah

<sup>31</sup> Haji Abdul Ghani Bin Haji Yahya, *Idaman Penuntut Pada Menghuraikan Yang Kusut (Ilmu Fikah)* (cet. ke-7, Kuala Lumpur: Syarikat Bajrai, 2011), 2:148.

halaman bagi jilid ini ialah 148 halaman. Contoh pembahagian bab munakahat dalam kitab ini ialah:

1. *Bāb al-Nikāh*

- a. Rukun-rukun Nikah
- b. Masalah Rampaian Mengenai Saksi
- c. Yang Berkuasa Menjadi Wali
  - i. Susunan Wali
  - ii. Wali *Mujbir*
  - iii. Tegahan Menjadi Wali
  - iv. Cawangan-cawangan Masalah Mengenai Wali
  - v. *Kafā'ah* (setaraf) Dalam Nikah
- d. Perempuan Yang Haram Dikahwini
  - i. Haram Dengan Sebab Bersemenda
  - ii. Susuan Yang Mengharamkan Nikah
  - iii. Berkahwin Dengan *Kitābīh*
  - iv. *Khiyār* Dalam Nikah
  - v. *A'fāf* (Membaikkan Nafsu)
  - vi. *Ṣadāq* atau Mas Kahwin
- e. *Walimah al-'Urus*
  - i. Berbilang Isteri (Poligami)
  - ii. Giliran dan Nusyuz
  - iii. *Shiqāq* (Tegang Perselisihan)
  - iv. *Al-Khulu'* (Tebus Talak)
- f. *Al-Ṭalāq*
  - i. *Ta'liq* Talak
  - ii. Talak *Sunnī* dan *Bud'ī*

- iii. *Al-Raj'ah* (Rujuk)
  - iv. *Al-Tahlīl* (Bercina Buta)
  - v. *Al-'Īlā'* (Bersumpah Tak Hendak Setubuh)
  - vi. *Al-Zihār* (Menyerupakan Isteri Dengan Ibu)
  - vii. *Al-Li'ān* (Berlaknat-laknat)
- g. *Al-'Iddah*
- i. Perempuan Dalam *'Iddah*
  - ii. *Al-Nafaqah*
  - iii. *Al-Haḍānah* (Memelihara Anak)

### 1.3.1.2 Penulisan dalam Bentuk Pembukuan Secara Khusus

Hadith-hadith munakahat dalam karya-karya Jawi yang dihasilkan bagi kategori ini adalah lebih sedikit bilangannya berbanding penulisan hadith-hadith munakahat yang ditulis dan diwakili dalam bentuk bab-bab kecil dalam kitab. Penghasilan kitab-kitab sebegini memerlukan kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam meluaskan perbincangan terhadap skop yang lebih khusus. Kebarangkalian faktor tersebutlah menjadi sebab utama mengapa penghasilan karya-karya Jawi sebegini begitu terhad. Penulis menyenaraikan 5 buah kitab di sini. Contoh-contoh kitab bagi kategori ini adalah:

1. *Iḍāḥ al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ bi al-Ṣawāb* karangan Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maṭba'ah Bin Halābī di Patani, Thailand. Kitab ini telah selesai ditulis Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani pada 9 Rabi' al-Awwal 1224H.<sup>32</sup>
2. *Muhimmah*

<sup>32</sup> Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani, *Iḍāḥ al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ bi al-Ṣawāb*, (Patani: Maṭba'ah Bin Halābī, t.t.), 58.

3. *Panduan Nikah Kahwin* karangan Haji Jamaluddin Hashim yang telah diterbitkan oleh Lembaga Penerbitan Jabatan Agama Johor pada tahun 1977.
4. *Panduan Perkahwinan: Kepada Bakal Pengantin, Siri 29, al-Iman*. Diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Nama pengarang dan tahun terbitan tidak dapat dikenal pasti penulis.<sup>33</sup>
5. *Ta'liq Ṭalāq Antara Hukum Fiqh dan Hukum Qanun* karangan Dr. Haron Din yang telah diterbitkan oleh Percetakan Watan Sendirian Berhad di Kuala Lumpur pada tahun 1990.

#### a) Contoh-contoh Penulisan Bab

Penulis telah menjadikan kitab *Idāḥ al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ bi al-Ṣawāb* karangan Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani sebagai sampel dalam subtopik ini. Contoh penulisan bab di dalam kitab ini adalah:

1. *Khutbah al-Kitāb*
2. Bab Pada Menyatakan Beberapa Kelebihan Berkahwin dan Pada Mereka Yang Sunat Baginya Berkahwin dan Barang Yang Sunat Pada Perempuan Yang Dikahwinkan dan Beberapa Sunat Pada Bernikah.
3. Faedah Sunat Menilik Kepada Perempuan Yang Hendak Dipinangnya.
4. *Maṭlabun* Khutbah Nikah dan Khutbah Membaca Nabi Pada Ketika Akad Nikah Saidinā ‘Alī dengan Siti Fāṭimah dan sebagainya.

Penulis hanya mendatangkan sebahagian contoh sahaja sebagai sampel kerana menjauhi daripada menyebut terlalu banyak bab. Contoh-contoh daripada bab lain dan antaranya ialah:

---

<sup>33</sup> “Penulis tidak diketahui”, *Panduan Perkahwinan: Kepada Bakal Pengantin (Siri 29, al-Iman)*, (Terengganu: Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, t.t.), Halaman tajuk. Berdasarkan pengamatan penulis, berkemungkinan kitab ini siap dicetak sekitar tahun 1992 berasaskan daripada maklumat tarikh selesai bagi kata pengantar kitab tersebut iaitu pada 13 April 1992.

- Adapun rukun yang pertama itu *sīghah*
- Rukun Yang Keduanya Itu *Shāhid*
- Rukun Yang Ketiga Itu *Walī*
- *Maṭlabun Tafwīd* Perempuan
- *Maṭlabun Menyatakan Mahar Mithil*
- Bab Pada Menyatakan *Talāq* dan *Khulu'* dan pelbagai lagi.

### 1.3.2 Elemen Takhrij daripada Karya-Karya Jawi

Pengertian bagi kalimah takhrij telah pun penulis jelaskan pada bab pendahuluan iaitu menjelaskan periwayatan seseorang *muhaddīth* bagi hadith-hadith yang terdapat dalam kitabnya dengan sanadnya sendiri, ataupun menyandarkan hadith kepada sesiapa yang meriwayatkan hadith tersebut terutamanya dari kalangan para Imam yang meriwayatkannya dalam kitab mereka serta menyebut darjat bagi hadith itu.<sup>34</sup>

Justeru itu, elemen takhrij yang ingin dibawa penulis di sini adalah begitu penting bagi mengenalpasti sumber periwayatan sesuatu hadith yang dibawa pengarang kitab adalah benar-benar wujud. Elemen-elemen takhrij yang wujud pada sesebuah hadith yang dibawa seperti pernyataan periwayat, sanad dan apa-apa jua yang berkaitan, hakikatnya memberi kemudahan kepada para pengkaji hadith dalam meneliti kembali periwayatan asal sehinggalah tahap mengetahui hukum hadith sama ada dari sudut sahih atau lemahnya sesuatu hadith. Berikut akan penulis bawakan bentuk-bentuk takhrij yang wujud dalam beberapa karya Jawi yang disenaraikan penulis sebelum ini. Bentuk-bentuk takhrij yang penulis maksudkan ialah:

---

<sup>34</sup> Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, *Takhrij al-Ḥadīth: Nash'atuhu wa Manhajiyatuhu*, (cet. ke-3, Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2004), 9.

### a) Menyatakan Sumber Perolehan Hadith dengan Menyebut Nama Kitab

Misalnya:

(Dan sabda Nabi s.a.w) barangsiapa meninggalkan berkahwin kerana takut papa, maka tiada ia daripada kami dan ini cela, maka 'illah tertegah iaitu kerana takut papa tiada bagi asal meninggalkan berkahwin demikianlah tersebut di dalam (*Ihyā*').<sup>35</sup>

Perkataan (*Ihyā*') di sini membawa maksud hadith ini dipetik atau diambil daripada kitab *Ihyā*' *Ulūm al-Dīn* karangan Imām al-Ghazālī.

### b) Menyatakan Sumber Periwiyatan

Misalnya:

Dan sabdanya '*alayhi al-salām* tuntutan olehmu akan rezeki dengan berkahwin kerana memadai kerana bahawasanya berkahwin itu mendatangkan berkat dan mengelakan<sup>36</sup> rezeki apabila baik niatnya, meriwayatkan dia (**Dailamī**) daripada Ibn 'Abbās *Raḍīy Allah 'Anhumā*.<sup>37</sup>

Sumber periwiyatan jelas dinyatakan daripada riwayat al-Dailamī.

### c) Menyatakan Perawi Tertinggi (*Rāwī 'A'lā*)

Misalnya:

Kata Saidina 'Abd Allah Bin 'Abbas *Raḍīy Allah 'Anhumā*:  
(لا يتم نسك الناسك حتى يتزوج) tiada sempurna ibadah yang mengerjakan ibadah itu hingga berkahwin.<sup>38</sup>

Tiga elemen takhrij ini sahaja yang jelas pada pengamatan penulis. Ketiga-tiga elemen ini dapat dimanfaatkan penulis dengan meneliti kembali hadith-hadith dengan melihat

---

<sup>35</sup> Syeikh Ali Bin Abdul Rahman al-Kalantani, *Al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb*, (t.tp.: Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādūhu, t.t.), 138.

<sup>36</sup> "Menghelakan", laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai 27 Mac 2012, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=menghelakan>. Perkataan "menghelakan" membawa maksud "menarik".

<sup>37</sup> Syeikh Ali, *Al-Jawhar al-Mawhūb*, 138.

<sup>38</sup> Syeikh Dawud, *Iḍāḥ al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ*, 3.



ketiga-tiga perkara tersebut. Namun begitu, tidak semua hadith mempunyai aspek-aspek takhrij sebegitu. Kebanyakan hadith-hadith yang dibawa dalam karya-karya Jawi adalah dalam bentuk kenyataan matan hadith semata.

#### **1.4 Rumusan**

Sumbangan ulama-ulama Nusantara dalam bidang ilmu ternyata tampak jelas dengan penghasilan karya-karya penulisan dalam bidang agama. Namun begitu, dapatan penulis sedikit sebanyak telah memberi gambaran bahawa kebanyakan penulisan yang wujud terutamanya yang hanya menfokuskan perbincangan hadith-hadith munakahat, tidak banyak dihasilkan. Perbincangan munakahat hanya lebih tertumpu kepada permasalahan fiqah sahaja dan ianya mudah didapati dalam karya-karya Jawi bidang fiqh.

Bentuk atau metodologi penulisan hadith-hadith munakahat dalam karya-karya Jawi tidak banyak bezanya antara satu sama lain. Kebanyakan hadith yang dibawa adalah sebagai penguat atau hujah bagi sesuatu keterangan. Namun begitu, perbezaan yang jelas adalah apabila melihat kepada karya-karya Jawi yang berlainan bidang, terutamanya antara karya Jawi dalam bidang fiqah dan bidang hadith. Pembawaan hadith dalam karya fiqah adalah lebih tertumpu kepada penjelasan terhadap permasalahan fiqah semata. Kekadang, tiada satu dalil pun dimasukkan dalam karya sebegini. Manakala, hadith lebih banyak diketengahkan dalam karya-karya Jawi bagi penulisan dalam bidang hadith.

Kebanyakan hadith-hadith yang dibawa dalam sebahagian besar karya-karya Jawi perlu ditakhrij kembali. Ini kerana elemen-elemen takhrij yang dijumpai penulis terhadap hadith-hadith dalam karya-karya Jawi adalah tidak lengkap. Perkara ini perlu dititik beratkan terutamanya bagi penuntut-penuntut ilmu yang menjadikan karya-karya Jawi sebagai silibus pengajian supaya hadith-hadith yang dipelajari jelas statusnya dan terhindar daripada beramal dengan hadith-hadith yang bermasalah.

**BAB**

**DUA**

## BAB DUA

### PENGENALAN KITAB DAN METODOLOGI PENULISAN

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan memaparkan pengaruh penggunaan kedua-dua kitab, pengenalan dan metodologi penulisan bagi kedua-dua kitab yang dikaji penulis. Pengenalan bagi setiap kitab akan disusuli dengan beberapa perkara iaitu pengenalan ringkas kitab, metode penyusunan bab, pernyataan sanad dan perawi hadith, metode penulisan matan hadith, jumlah hadith yang terkandung di dalam kitab dan sumber pengambilan hadith oleh pengarang-pengarang kitab.

#### 2.2 Pengaruh Penggunaan Kitab *Muhimmah* dan *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* Di Malaysia

Penggunaan kitab *Muhimmah* sebagai silibus pengajian di kelas-kelas pengajian dan kuliah-kuliah di masjid seluruh negara telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan kelas pengajian tersebut daripada jadual-jadual kuliah masjid.

Bagi pengajian kitab *Muhimmah* di negeri Selangor telah pun diadakan di beberapa buah tempat dan antaranya ialah di Surau al-Syakirin No. 1A, BU 3/2 Bandar Utama Damansara, 47800 di Petaling Jaya oleh Ustaz Ali.<sup>1</sup> Kemudian, kitab *Muhimmah* dan fiqh wanita pernah diajar di Surau al-Ukhwah, No.3 Jalan Nova U5/50, Subang Bestari, Seksyen U5, 40150 di Shah Alam oleh Ustaz Fauza bagi siri kuliah muslimat.<sup>2</sup>

Penceramah-penceramah terkenal di tanah air turut menggunakan kitab *Muhimmah* ini sebagai silibus pengajian di surau-surau dan di masjid-masjid. Misalnya,

---

<sup>1</sup> Surau al-Syakirin Bandar Utama, dicapai 27 Februari 2012, <http://www.suraualsyakirin.com/>.

<sup>2</sup> Surau al-Ukhwah, dicapai 27 Februari 2012, <http://www.surau-alukhwah.com/?p=426>.

Ustaz Dato' Shamsuri Ahmad,<sup>3</sup> Ustaz Azhar Idrus<sup>4</sup> dan Ustaz Kazim Elias.<sup>5</sup> Terdapat juga penceramah-penceramah bebas lain yang turut mengajar kitab ini, antaranya Ustaz Nik Muhammad Nasri bin Nik Malek,<sup>6</sup> Ustaz Azman Abd Halim,<sup>7</sup> Ustaz Ansori Morsid,<sup>8</sup> Ustaz Yunus Kamaruddin<sup>9</sup> dan Ustaz Hj Omar Said.<sup>10</sup>

Selain itu, institusi-institusi tertentu turut menganjurkan kelas pengajian kitab *Muhimmah*. Misalnya, Jabatan Imigresen Malaysia di Putrajaya telah menganjurkan kelas tersebut pada setiap hari Jumaat (setiap bulan) dalam minggu pertama dan minggu ketiga di surau aras 2, ibu pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya.<sup>11</sup>

Terbitnya kitab "*Muhimmah*" dalam tulisan rumi telah mengukuhkan lagi bukti bahawa pengaruh penggunaan kitab "*Muhimmah*" sebagai rujukan pengajian di kuliah-kuliah di masjid dan di tempat lain-lain begitu meluas dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat awam. Kitab tersebut telah dicetak buat kali

---

<sup>3</sup> "Ceramah Ustaz Shamsuri Ahmad", laman sesawang myMaktabaty.com, dicapai 27 Februari 2012, [http://www.mymaktabaty.com/2008/07/mp3-ceramah-ustaz-shamsuri-ahmad\\_21.html](http://www.mymaktabaty.com/2008/07/mp3-ceramah-ustaz-shamsuri-ahmad_21.html). Laman web ini merupakan koleksi pautan-pautan kuliah dalam format mp3 yang telah disampaikan oleh para ilmuwan dalam negara. Pautan bagi kuliah kitab *Muhimmah* adalah pada bilangan yang ke-142 hinggalah 160.

<sup>4</sup> "Ustaz Azhar Idrus", Laman sesawang ustazazhar.net, dicapai 28 Februari 2012, <http://ustazazhar.net/v01/kitab-muhimmah-siri-20/>. Koleksi kuliah beliau juga boleh didapati di laman web rasminya iaitu Koleksi Kuliyah Ustaz Azhar Idrus, dicapai 29 Februari 2012, <http://siputonline.blogspot.com/>.

<sup>5</sup> "Ustaz Muhammad Kazim", laman sesawang myMaktabaty.com, dicapai 28 Februari 2012, <http://www.mymaktabaty.com/2010/11/update-12112010-ustaz-muhammad-kazim.html>, dan laman sesawang Masjid Al-Ridhuan, Hulu Klang, Selangor, dicapai 29 Februari 2012, <http://masjidalridhuan.org/jadual-kuliah-bulanan.html>.

<sup>6</sup> "Huraian Kitab *Muhimmah*", laman sesawang Ustaz Nik Muhammad Nasri Nik Malek, dicapai 29 Februari 2012, <http://www.niknasri.com/?p=2147>. Beliau merupakan bekas pensyarah pengajian Islam, Terengganu Advanced Technical Institute (TATI), Kemaman, Terengganu dan kini sebagai penceramah bebas. Kuliah pengajian beliau diadakan sekitar Kemaman, Terengganu.

<sup>7</sup> "Ceramah Ustaz Azman Abd Halim", laman sesawang myMaktabaty.com, dicapai 29 Februari 2012, <http://www.mymaktabaty.com/2010/11/mp3-ceramah-ustaz-azman-abd-halim.html>, dan laman sesawang Masjid Asy-Syarif Meru Klang, dicapai 29 Februari 2012, [http://asysyarifmeru.net/asysyarifmeru\\_net/media/File/JADUAL%20MAS%20-2-2012.png](http://asysyarifmeru.net/asysyarifmeru_net/media/File/JADUAL%20MAS%20-2-2012.png). Penceramah pernah mengajar kitab *Muhimmah* di Surau al-Abror, Taman Meru Indah, Klang dan di Masjid Asy-Syarif Meru Klang, Selangor.

<sup>8</sup> Kuliah dan Pengajian Ilmu Masjid Kota Damansara, laman sesawang Masjid Kota Damansara, dicapai 29 Februari 2012, <http://kuliahmasjidkd.blogspot.com/2011/07/rakaman-kuliah-mac-2011.html>.

<sup>9</sup> Blog Pesanan Untuk Umat, dicapai 29 Februari 2012, <http://surau2faber.blogspot.com/search/label/Ust%20Yunus%20Kamaruddin>. Beliau menyampaikan kuliah di Surau Menara 2 Faber Towers, Jalan Desa Bahagia, Taman Desa, 58100, Kuala Lumpur.

<sup>10</sup> Laman Web SURAUDESAWAN, dicapai 5 Mac 2012, [http://www.dapat.net/SURAUDESAWAN/jadual\\_Mac\\_Apr2012.pdf](http://www.dapat.net/SURAUDESAWAN/jadual_Mac_Apr2012.pdf). Beliau mengajar kitab *Muhimmah* di Surau al-Amin, Taman Desawan Klang, Selangor.

<sup>11</sup> Laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia, dicapai 28 Februari 2012, [http://www.imi.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=570%3Akelas-pengajian-kitab-muhimmah-&catid=1%3Aberita-terkini&Itemid=288&lang=bm](http://www.imi.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=570%3Akelas-pengajian-kitab-muhimmah-&catid=1%3Aberita-terkini&Itemid=288&lang=bm).

yang keenam bagi tahun 2010 dan telah diterbitkan oleh Al-Hidayah Publications serta dialih tulisannya daripada tulisan Melayu jawi kepada tulisan rumi oleh Ustazah Noraine Abu.<sup>12</sup> Hijjaz Records Publishing juga telah menerbitkan kitab “*Muhimmah*” bagi cetakan kali pertama pada tahun 2012 yang mana semakan dan susunan semula telah dilakukan oleh Ustaz Wan Ji Bin Wan Hussin. Selain peralihan tulisan dari tulisan Melayu jawi kepada tulisan rumi dilakukan, terbitan ini juga memaparkan penjelasan dalam bentuk bahasa Melayu moden bagi memudahkan kefahaman para pembaca.<sup>13</sup>

Pengaruh penggunaan bagi kitab *Jam‘ al-Fawā‘id wa Jawāhir al-Qalā‘id* pula tidak ditemui penulis, baik dalam bentuk pengajaran formal ataupun secara tidak formal. Namun begitu, terdapat satu kajian khusus yang mengkaji sebahagian daripada kitab ini iaitu sebuah disertasi yang bertajuk “*Riwayat Mengenai Kelebihan Bulan Hijri dalam Jam‘u al-Fawā‘id wa Jawāhir al-Qalā‘id oleh Syeikh Dawud al-Fatani : Takhrij dan Analisis*”.<sup>14</sup> Meskipun begitu, kajian disertasi ini hanya tertumpu kepada hadith-hadith yang berkaitan dengan bulan hijri.

## **2.3 Kitab *Muhimmah***

### **2.3.1 Pengenalan Ringkas Kitab**

Kitab *Muhimmah* atau nama lain bagi kitab ini adalah *Muhimmah al-Hamam*<sup>15</sup> telah dikarang oleh Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani.

Maklumat lanjut berkenaan pengarang kitab ini tidak diketahui penulis. Ini kerana tiada sebarang penemuan sama ada berbentuk senarai khusus atau mana-mana kajian dari penyelidik lain yang telah melakukan kajian terhadap kitab ini mahupun

---

<sup>12</sup> Syeikh ‘Abdullah Ibnu ‘Abdur Rahim Fathani & Syeikh ‘Abdul Ra’uf Fanshuri Aceh, *Muhimmah & al-Mawa‘izd al-Badi‘ah*, terj. Noraine Abu, (cet. ke-6, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2010), 5.

<sup>13</sup> Syeikh ‘Abdullah Ibnu ‘Abdur Rahim Fathani, *Kitab Muhimmah*, terj. Ustaz Wan Ji B. Wan Hussin, (cet. 1, Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2012), 4.

<sup>14</sup> Mohd Aizul Yaakob, “Riwayat Mengenai Kelebihan Bulan Hijri dalam Jam‘u al-Fawa‘id wa Jawahir al-Qala‘id oleh Syeikh Dawud al-Fatani : Takhrij dan Analisis” (Disertasi, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

<sup>15</sup> Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani, *Muhimmah*, (cet. ke-4, Fatani: Fatani Press, 1964), 41.

mengulas berkenaan pengarangnya. Penulis juga telah menghubungi pihak Khazanah Fathaniyah untuk bertanyakan hal ini, namun jawapan yang sama turut penulis terima bahawa pihak mereka tiada sebarang rekod khusus dan terperinci berkenaan pengarang kitab ini.<sup>16</sup> Besar kemungkinan juga maklumat ini tidak ditemui kerana banyak sumber dan naskhah tradisi telah hilang disebabkan peperangan yang tercetus dan berlarutan lebih daripada 10 kali antara Patani dengan Siam. Peristiwa yang telah banyak memberi kesan atas kehilangan sumber tradisi ini adalah peristiwa pembuangan naskhah berupa kitab-kitab agama, al-Quran tulisan tangan, kitab tafsir, manuskrip dan sebagainya ke Sungai Jambu, Patani pada tahun 1947/48.<sup>17</sup>

Secara umumnya, kitab ini banyak membicarakan berkenaan kelebihan dan kepujian terhadap perbuatan seorang isteri yang telah menunaikan tanggungjawab terhadap suaminya dan juga memberi peringatan yang sebaliknya apabila ia derhaka. Selain itu, kitab ini turut memuatkan serba sedikit berkenaan hak-hak isteri yang mesti ditunaikan dan dipenuhi suami dalam menjalani kehidupan sebagai suami isteri. Tidak keterlaluan sekiranya penulis mengatakan bahawa sebahagian besar penjelasan-penjelasan tambahan yang dimuatkan pengarang kitab adalah dalam bentuk (*targhīb wa tarhīb*) iaitu galakan dan ancaman. Kitab asal bagi kitab “*Muhimmah*” ini telah siap dicetak pada hari Ahad, 1 Muharram 1369 H bersamaan 23 Oktober 1949 M oleh Matba‘ah Persama Achen Street, Pulau Pinang.<sup>18</sup> Namun begitu, kitab “*Muhimmah*” yang berada di tangan penulis adalah cetakan yang terkemudian oleh cetakan Fatani Press dan kitab ini merupakan gabungan dengan sebuah lagi kitab iaitu kitab “*Al-Mawā‘iz al-Badī‘ah*” karangan Syeikh Abdul Rauf Fansuri.

Beberapa buah kitab lain terutamanya kitab fiqah, telah diguna pakai pengarang kitab sebagai sumber rujukan sampingan. Contohnya, beliau telah menggunakan kitab

---

<sup>16</sup> En. Azrul Bin Basarudin (Kakitangan Khazanah Fathaniyah), dalam temubual dengan penulis, 15 Disember 2010.

<sup>17</sup> Mohd Zamberi A. Malek, *Pensejarahan Patani*, (cet. 1, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 10.

<sup>18</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 41.

*Tuhfah* oleh Shaykh Ibn Hajar, kitab *Nihāyah* oleh Shaykh Ramli<sup>19</sup>, kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* oleh Imām al-Ghazālī<sup>20</sup> dan kitab *Sharḥ Arba'īn* bagi Imām Nawāwī r.h.m.<sup>21</sup> Pandangan-pandangan daripada ulama-ulama lain juga turut dipetik pengarang kitab sebagai penjelasan atau perincian hujah kepada pernyataan-pernyataan lain. Tokoh-tokoh lain yang dimaksudkan penulis adalah Abī Sulayman al-Daranī r.h.m.<sup>22</sup>, Junayd al-Baghdādī r.h.m.<sup>23</sup> dan Sayyidī Abī al-‘Abbās al-Marsī r.h.m.<sup>24</sup>

### 2.3.2 Metode Penyusunan Bab

Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani telah pun membuat pengasingan topik dalam kitab ini dengan membahagikan kepada beberapa bab. Terdapat 12 buah bab dalam kitab ini iaitu:

1. Maka Inilah Suatu (Muhimmah): Yang Ditakutkan Atas Tiap-tiap Perempuan Yang Bersuami, iaitu Mengerjakan Pekerjaan Yang Jadi Derhaka Akan Suaminya.<sup>25</sup>
2. (Ini Suatu Tanbih) Pada Menyatakan Kelebihan Segala Perempuan Yang Mengikut Bagi Suaminya.<sup>26</sup>
3. (Ini Suatu Tanbih) Pada Menyatakan Kebinasaan Atas Lelaki Yang Mempunyai Isterinya Sebab Berkahwin.<sup>27</sup>
4. (Ini Suatu Tanbih Pula) Maka Hendaklah Ada Bagi Lelaki Yang Ada Baginya Isterinya Itu Di Dalam Cemburuan Yang Pertengahan.<sup>28</sup>

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>20</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>21</sup> *Ibid.*, 29.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 17.

<sup>23</sup> *Ibid.*, 25.

<sup>24</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>25</sup> *Ibid.*, 2.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 11.

<sup>27</sup> *Ibid.*, 15.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 18.

5. (Ini Suatu Tanbih Pula) Tatkala Kita Ketahuilah Daripada Segala Jalan Yang Jadi Kebiasaan Atas Segala Orang Yang Berkahwin, Seperti Yang Telah Tersebut Dahulu Itu, (Maka Sayugianya) Pula Kita Ketahui Akan Faedah Berkahwin dan Kelebihannya.<sup>29</sup>
6. (Ini Suatu Tanbih) Pula Pada Menyatakan *Qismun*, Ertinya; Giliran.<sup>30</sup>
7. (Ini Suatu Tanbih) Pula Pada Menyatakan *Tahājar* dan *Tashāman*.<sup>31</sup>
8. (Ini Suatu *Muhimmah*) Yang Ditakut Atas Segala Orang Yang Memutuskan Akan Segala Keluarganya.<sup>32</sup>
9. (Tanbih) Sesungguhnya Telah *Menaqal* Oleh Qurṭubī Di Dalam Tafsirnya: “Akan *Ittifaqlah* Segala Ulama Atas Mengatakan Haram Memutuskan Keluarganya dan Wajib Menghubungkan Dia”.<sup>33</sup>
10. (Faedah)<sup>34</sup>
11. Adapun Riwayat Beranak Pada Malam Pula<sup>35</sup>
12. (Faedah)<sup>36</sup>

Bab pertama telah dimulakan dengan ancaman ke atas isteri, khususnya kepada mereka yang derhaka kepada suami. Perbuatan derhaka seorang isteri ke atas suami yang diketengahkan pengarang di dalam bab ini adalah seperti<sup>37</sup>:

- a) Menegah suami daripada menggaulinya.
- b) Keluar rumah tanpa izin suami melainkan perkara-perkara yang disebabkan syarak seperti menuntut ilmu fardu ‘ain.
- c) Bermasam muka kepada suami.

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, 22.

<sup>30</sup> *Ibid.*, 33.

<sup>31</sup> *Ibid.*, 34.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*, 38.

<sup>34</sup> *Ibid.*, 39.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 40.

<sup>36</sup> *Ibid.*, 41.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 2 & 3.



d) Meminta talak daripada suami.

Kemudian, pengarang telah mengemukakan ancaman-ancaman yang dikenakan kepada pihak isteri yang derhaka menerusi 31 buah hadith yang dimasukkan dalam bab ini. Pengarang turut membuat sedikit ulasan daripada beberapa hadith yang dinyatakan.

Setelah pengarang kitab menyatakan ancaman atau menimbulkan rasa takut kepada pihak isteri yang derhaka, maka pada bab yang kedua pula, beliau telah mengemukakan kelebihan atau fadilat seorang isteri yang taat kepada suami sebagai galakan kepada para isteri supaya bersungguh-sungguh dalam melakukan kebajikan kepada suami. Hadith yang dikemukakan adalah sebanyak 14 buah hadith.

Pada bab yang ketiga berikutnya, pengarang kitab telah memasukkan tegahan serta ancaman ke atas seorang suami daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan amal kebajikan serta membinasakan suami di akhirat kelak. Contoh bagi perkara-perkara yang memusnahkan amalan kebajikan suami adalah seperti tidak menunaikan hak-hak ahli keluarga. Misalnya, tidak mengajar hukum perkara-perkara yang bersifat fardu 'ain dari segi iktiqad dan ibadah, memberi makan ahli keluarganya dari sumber yang haram serta beberapa perkara lain lagi yang boleh menjerumuskan seorang suami ke dalam perbuatan dosa. Peringatan-peringatan yang dinyatakan seharusnya menjadi pengajaran kepada para suami agar lebih berhati-hati dengan tindak-tanduk yang dilakukan dirinya serta ahlinya yang lain kerana semua itu adalah dibawah tanggungannya. Sebanyak 8 buah hadith telah dimuatkan dalam bab ini.

Bab keempat pula, pengarang kitab membicarakan keadaan cemburu seorang suami ke atas isterinya. Pengarang telah mengulas dengan lebih terperinci perihal ini yang mana seorang suami itu seharusnya mempunyai perasaan cemburu yang pertengahan kepada isterinya. Ini kerana hanya dengan perasaan sebegini, diharapkan mampu mendorong seorang suami mengambil berat atau mengetahui pergerakan isterinya daripada melakukan perkara-perkara yang menyebabkan seorang suami itu

menanggung dosa atas perbuatan ahlinya atau di bawah tanggungannya. Pada masa yang sama seorang suami itu tidak seharusnya terlalu menyekat atau mengongkong dan cemburu keterlaluan sehingga menyebabkan timbul kepayahan ke atas isteri dalam melakukan suatu perkara khususnya perkara yang masih tertakluk dibawah lingkungan syarak. Terdapat 12 buah hadith dalam bab ini.

Kemudian, setelah pengarang memaparkan perkara-perkara yang membinasakan serta merosakkan amal kebajikan bagi orang yang berkahwin iaitu pada bab ketiga dan keempat, maka pada bab yang kelima, pengarang telah menyatakan kelebihan dan faedah bagi sesiapa yang berkahwin. Pada bahagian ini, unsur-unsur galakan dan dorongan juga diterapkan pengarang kepada pembaca dengan mendatangkan dalil-dalil yang berkaitan khususnya berkenaan kelebihan berkahwin. Beberapa pandangan daripada tokoh-tokoh tertentu serta pengalaman mereka turut dimuatkan pengarang secara umum. Bilangan hadith pada bab ini adalah 46 buah hadith.

Pada bab yang keenam, Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani telah memasukkan peringatan ke atas suami yang beristeri lebih daripada seorang supaya bertindak adil dalam membahagi-bahagikan giliran ke atas isteri-isterinya, selagi mana para isteri tersebut tidak menderhakai suami mereka. Berdasarkan ulasan daripada pengarang kitab, sekiranya penderhakaan ke atas suami berlaku, maka terkeluarlah suami daripada memenuhi hak isteri pada hari tersebut sama ada daripada sudut nafkah dan gilirannya. Terdapat 3 buah hadith dalam bab ini.

Bab ketujuh telah memuatkan teguran kepada sesama muslim yang bertengkar agar kembali berdamai dan memperelokkan kembali hubungan persaudaraan, lebih-lebih lagi yang membabitkan pertalian darah atau keturunan. Beberapa ancaman turut dinyatakan terhadap mereka yang tidak mahu kembali kepada perdamaian. 4 buah hadith telah dimasukkan dalam bab ini.

Kemudian, ancaman dan balasan kepada mereka yang memutuskan silaturahmi antara ahli keluarga dimasukkan pada bab yang seterusnya iaitu dalam bab kelapan. Beberapa contoh balasan dan teguran kepada pemutus silaturahmi dinyatakan sama ada dalam bentuk dalil al-Quran dan hadith atau dalam bentuk hikayat atau kisah teladan yang diambil daripada individu atau dari tokoh yang berpengaruh. Jumlah keseluruhan hadith dalam bab ini adalah 4 buah hadith.

Pada bab kesembilan, pengarang kitab telah mengukuhkan lagi bab ketujuh dan kelapan dengan mendatangkan kelebihan dan faedah yang bakal diperolehi bagi mereka yang menghubungkan silaturahmi antara ahli keluarganya. Kemudian, galakan tersebut disusuli pula dengan ancaman serta balasan kepada sesiapa yang memutuskan silaturahmi dengan keluarganya. 8 buah hadith telah dimasukkan dalam bab ini.

Selepas itu, pada bab kesepuluh dan kesebelas, pengarang kitab telah menyenaraikan nama-nama yang sesuai diberikan kepada anak yang baru dilahirkan, baik lelaki mahupun perempuan. Nama-nama yang dinyatakan adalah berdasarkan kepada hari dan waktu kelahiran. Hanya 2 buah hadith sahaja yang dinyatakan dalam bab kesepuluh. Manakala dalam bab kesebelas, tiada satu hadith pun dinyatakan.

Bab terakhir dalam kitab ini, pengarang telah membawakan kaifiat atau kaedah-kaedah secara umum untuk mengakikahkan seseorang anak yang baru dilahirkan. Hanya sebuah hadith yang dimuatkan dalam bab ini.

### **2.3.3 Pernyataan Sanad dan Perawi Hadith**

Pengarang kitab telah mendatangkan hadith dalam bentuk pembawaan sanad atau periwayatan yang berbeza-beza. Ini boleh dilihat dalam beberapa situasi berdasarkan pembahagian berikut:

### a) Mengemukakan Perawi Tertinggi (*Rawī A'ālā*)

Apabila pengarang kitab mengemukakan hadith-hadith dalam setiap bab, sesekali beliau akan hanya mendatangkan perawi tertinggi bagi sebahagian hadith-hadith yang dibawa tanpa menyatakan periwayat hadith tersebut. Misalnya pada hadith berikut:

#### (Hadith 1)

Berkata **A'ishah r.a.**: *"Hai segala perempuan! Jikalau kamu mengetahui semuanya dengan hak segala suami kamu atas kamu sekalian, nescaya menjadikan oleh perempuan daripada kamu semuanya menyapu debu yang ada pada dua kaki suaminya itu dengan hadapan mukanya."*<sup>38</sup>

Begitu juga beberapa contoh daripada hadith-hadith yang lain:

#### (Hadith 6)

Diceritakan daripada **Sayyidinā 'Umar bin al-Khaṭṭab r.a.**: Bahawa sesungguhnya ia keluar serta sahabatnya, maka melihat seorang perempuan menanggung ia akan seorang yang tua di atas belakangnya, maka berkata oleh Sayyidinā 'Umar: *"Apa yang kepayahan ini?"* Maka menjawab perempuan itu: *"Ya Amirul Mu'minin! Bahawa sesungguhnya ia bapaku, dan sesungguhnya jadilah ia seperti kanak-kanak....."*<sup>39</sup>

#### (Hadith 9)

Diceritakan oleh **Sayyidinā 'Alī r.a.**: *"Adalah pada suatu hari masuk aku ke dalam rumah Nabi s.a.w., dan ada sertaku isteriku, Sītī Fāṭimah r.a., maka tatkala menepuk (mengetuk) pintu, maka sabda Nabi s.a.w. "Siapa yang di pintu itu?" Maka sahut Sītī Fāṭimah: "Kami dengan suami kami 'Alī, hamba datang mengadap akan dikau ya Rasulullah....."*<sup>40</sup>

### b) Mengemukakan Periwayat Hadith

Bentuk-bentuk pernyataan sanad dan perawi hadith yang turut diguna pakai oleh pengarang kitab adalah hanya menyatakan periwayat bagi hadith tersebut. Misalnya,

---

<sup>38</sup> *Ibid.*, 3.

<sup>39</sup> *Ibid.*, 4-5.

<sup>40</sup> *Ibid.*, 6.

pengarang menyatakan periwayat sebenar bagi hadith yang dibawa tanpa mengemukakan perawi tertinggi pada hadith yang dibawa atau dalam erti kata lain dalam bentuk hadith *mu'allaq*<sup>41</sup>. Contohnya:

### (Hadith 2)

Dan telah mengeluarkan oleh **al-Ḥākim** bahawa sesungguhnya seorang perempuan berkata ia bagi Nabi s.a.w.: *“Bahawa sesungguhnya anak mamakku si anu namanya, ibunya meminang ia akan dia akan daku maka khabarkan olehmu akan daku apa-apa hak suaminya atas isterinya, maka jikalau ada suatu yang kuasa aku mengerjakan dia nescaya hendaklah aku berkahwin akan dia.”*<sup>42</sup>

### (Hadith 15)

(Dan telah) mengeluarkan oleh **Aḥmad** dan **Ṭabrānī** dan **Bayhaqī** dan **Ḥākim**: *“Di mana-mana perempuan yang memakai bauan-bauan kemudian keluar ia, maka lalu ia atas suatu kaum supaya mendapat mereka itu akan baunya, maka perempuan itu seperti buat zina dan tiap-tiap mata memandang itu zina.”*<sup>43</sup>

## c) Mengemukakan Perawi Tertinggi (*Rāwī A'la*) dan Periwat Hadith

Metode-metode lain yang juga telah digunakan pengarang ketika menyatakan hadith adalah dengan menyatakan kedua-dua elemen seperti yang disebut penulis dalam subtopik sebelum ini iaitu dengan menyatakan perawi tertinggi dan periwayat bagi hadith-hadith yang dibawa. Misalnya,

### (Hadith 10)

(Dan telah) mengeluarkan oleh **Bukhārī** dan **Muslim** daripada **Abū Hurayrah** (sabda Nabi s.a.w): *“Apabila memanggil oleh lelaki akan isterinya kepada hamparannya, maka enggan ia, maka tidur ia padahal marah ia atas isterinya nescaya melaknatkan akan dia oleh segala malaikat hingga sampai subuh.”*<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup> *Mu'allaq* ialah pembuangan perawi pada bahagian awal sanad hadith sama ada pembuangan seorang perawi atau lebih ataupun keseluruhannya. Sila lihat: Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, *‘Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Mu'āṣiruhā*, (cet. ke-4, Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2005), 172.

<sup>42</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 3.

<sup>43</sup> *Ibid.*, 8.

<sup>44</sup> *Ibid.*

### (Hadith 36)

(Dan telah mengeluarkan oleh **Aḥmad** dan **Muslim** daripada **Ibn ‘Umar**: *“Bermula dunia ini sekaliannya kesukaan, dan sebaik kesukaan itu perempuan yang soleh.”*<sup>45</sup>

#### d) Tidak Mengemukakan Perawi Hadith

Adakalanya pengarang membawa hadith-hadith Nabi s.a.w. dengan hanya menyandarkan kepada Nabi s.a.w. secara langsung tanpa pernyataan sanad ataupun periwayat bagi hadith tersebut. Selain itu, dalam sesetengah keadaan pengarang kitab hanya menyatakan **(ada riwayat)** atau **(beberapa riwayat)** dan seumpamanya tanpa menjelaskan sanad atau periwayat yang dimaksudkan ketika membawa mana-mana hadith. Misalnya pada hadith yang ketiga iaitu:

### (Hadith 44)

(Dan sabda **Nabi s.a.w**): *“Bermula yang terlebih hampir perempuan kepada rahmat Tuhannya itu, apabila ada ia duduk di dalam rumahnya, dan bahawa sesungguhnya sembahyang di dalam serambi rumahnya itu terlebih afdal ia daripada sembahyang di dalam masjid. Dan sembahyangnya di tengah rumah itu yang terlebih afdal ia daripada sembahyangnya di dalam serambi rumahnya. Dan sembahyang di dalam bilik rumahnya itu terlebih afdal daripada sembahyang di tengah rumah.”*<sup>46</sup>

### (Hadith 64)

(Dan suatu) **riwayat** tiga perkara tiada masuk mereka itu ke dalam syurga<sup>47</sup>:

1. Orang yang menyakiti akan dua ibu-hapanya.
2. Orang yang dayus.
3. Suruh-suruhan kerana berbuat zina.

### (Hadith 65)

“(Adapun ) yang telah *thābit*lah daripada **beberapa riwayat** yang banyak perhimpunan orang yang diharamkan Allah s.w.t. daripada ampun-Nya bagi segala dosa mereka itu, iaitu lapan belas bahagi pada

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>46</sup> *Ibid.*, 13.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 20.

malam yang diampun beberapa banyak dosa daripada segala makhluk,.....”<sup>48</sup>

### 2.3.4 Metode Penulisan Matan Hadith

#### a) Matan Berbentuk Terjemahan Melayu Jawi

Secara umumnya, kebanyakan hadith-hadith yang dibawa pengarang kitab adalah dalam bentuk terjemahan daripada bahasa Arab kepada Melayu jawi. Penulis telahpun mendatangkan sebahagian contoh petikan-petikan terjemahan hadith daripada kitab *Muhimmah* sepertimana yang penulis paparkan pada subtopik sebelum ini. Bacaan bagi keseluruhan terjemahan hadith boleh dilihat dalam bab yang ketiga dalam disertasi ini.

#### b) Matan Dalam Bahasa Arab

Terdapat juga sebahagian kecil matan hadith dalam bentuk bahasa Arab. Lazimnya, apabila pengarang kitab membawa matan hadith berbahasa Arab, beliau akan menyertakan sekali dengan terjemahan bagi matan tersebut. Misalnya,

#### (Hadith 95)

Telah bersabda Nabi s.a.w.:

تُنكِحُ الْمَرْأَةَ لِمَالِهَا وَجَمَالِهَا وَحُسْنِهَا وَدِينِهَا فَعَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّينِ.

Maksudnya: “Berkahwin akan perempuan itu kerana hartanya dan eloknyanya dan kerana bangsanya dan kerana agamanya, maka lazimkan olehmu berkahwin dengan perempuan yang mempunyai agama.”<sup>49</sup>

#### c) Matan Dalam Bentuk *Mafhūm* (Kefahaman) Hadith

Metode penulisan matan hadith dalam bentuk mafhum juga telah digunakan pengarang kitab dalam sesetengah tempat. Misalnya:

---

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> *Ibid.*, 30.

### (Hadith 8)

(Dan sayugianya) bahawa menyebut dan mengingatkan ia bagi isterinya akan *khobar* yang *ṣaḥīḥ* keduanya, iaitu apabila bermalam oleh perempuan hal keadaannya meninggalkan ia akan tempat ketiduran suaminya nescaya melaknatkan akan dia oleh segala malaikat hingga sampai waktu subuh.<sup>50</sup>

### (Hadith 59)

Dan (demikian lagi) adalah Rasulullah s.a.w. telah memberi izin bagi perempuan keluar pada hari raya tertentu tetapi tiada harus keluar mereka itu melainkan dengan reda suami mereka itu dan keluar sekarang harus pula bagi perempuan yang terpelihara daripada kejahatan dengan reda suaminya tetapi duduk di rumahnya itu terlebih sejahtera ia daripada cemburuan daripada fitnah.<sup>51</sup>

## d) Mengemukakan Kepelbagaian Sifat Pada Matan Hadith

Kepelbagaian sifat pada matan adalah salah satu bentuk metode yang digunakan pengarang kitab dalam penulisan matan hadith. Sifat-sifat pada matan hadith yang dimaksudkan penulis adalah seperti hadith-hadith *qudsī* dan *marfū*‘, *mawqūf*, dan *maqṭū*‘. Berikut adalah contoh-contoh hadith berdasarkan pembahagian sifat pada matan hadith:

### i. Hadith *Qudsī*

Pemilihan hadith-hadith yang bersifat hadith *qudsī* turut dimasukkan pengarang ke dalam kitab *Muhimmah* ini sebagai pelengkap kepada hujah-hujah lain yang dibawa.

Misalnya:

### (Hadith 74)

“(Dan) tersebut di dalam *khobar*, bahawa sesungguhnya sekalian kanak-kanak orang yang Islam itu semuanya berhimpun mereka itu pada padang *mawqif* pada hari kiamat. (Maka) **firman Allah Ta’ala** bagi

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 19.



segala malaikat: “Bawa pergilah oleh kamu dengan sekalian kanak-kanak itu masuk syurga.” Maka berkatalah bagi....”<sup>52</sup>

### (Hadith 75)

“(Dan tersebut) pula di dalam khabar yang lain, apabila berhimpun segala makhluk pada hari kiamat, dan **firman Allah Ta’ala**: “Hendaklah keluar daripada jumlah orang yang tiada berdosa”, maka tiada keluar ia melainkan Yaḥyā ibn Zakariyā *Ṣalawāh Allah ‘Alayhimā* dan Nabi kita Muhammad s.a.w. dan segala kanak-kanak orang yang Islam,.....”<sup>53</sup>

### ii. Hadith *Marfū’*

Hadith *marfū’* membawa erti sesuatu yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. daripada perkataan, perbuatan, perakuan atau pengiktirafan dan sifat baginda sama ada riwayat hadith tersebut diambil secara *muttaṣil* (sanad bersambung) ataupun *munqaṭi’* (sanad terputus).<sup>54</sup> Contoh bagi kategori hadith *marfū’* ini adalah melalui petikan-petikan hadith berikut;

### (Hadith 2)

Dan telah mengeluarkan oleh al-Ḥākim bahawa sesungguhnya seorang perempuan berkata ia bagi Nabi s.a.w.: “Bahawa sesungguhnya anak mamaku si anu namanya, ibunya meminang ia akan dia akan daku maka khabarkan olehmu akan daku apa-apa hak suaminya atas isterinya, maka jikalau ada suatu yang kuasa aku mengerjakan dia nescaya hendaklah aku berkahwin akan dia”. Maka **bersabda Nabi s.a.w.**: “Setengah daripadanya itu jikalau mengalir dua lubang hidungnya akan darah atau nanah maka menjilat ia perempuan itu akan dia dengan lidahnya.....”<sup>55</sup>

### iii. Hadith *Mawqūf*

Hadith *mawqūf* pula adalah berbeza dengan *marfū’*. *Mawqūf* membawa erti sesuatu yang disandarkan kepada sahabat r.a. sama ada daripada perkataan, perbuatan, perakuan

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, 23.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 24.

<sup>54</sup> Muḥammad Abū al-Layth, *‘Ulūm al-Ḥadīth*, 138.

<sup>55</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 3.

dan sifat mereka. Sesuatu hadith itu juga dinamakan *mawqūf* kerana rantaian perawi bagi hadith tersebut terhenti di peringkat sahabat r.a. dan tidak sampai kepada Nabi s.a.w. “*Al-’Athar*” juga adalah nama panggilan lain bagi hadith *mawqūf*.<sup>56</sup> Contoh hadith *mawqūf* dalam kitab “*Muhimmah*” adalah seperti:

**(Hadith 1)**

**Berkata ‘Āishah r.a.:** “*Hai segala perempuan! Jikalau kamu mengetahui semuanya dengan hak segala suami kamu atas kamu sekalian, nescaya menjadikan oleh perempuan daripada kamu semuanya menyapu debu yang ada pada dua kaki suaminya itu dengan hadapan mukanya.*”<sup>57</sup>

**iv. Hadith *Maqtū’***

Hadith *maqtū’* ialah hadith yang disandarkan kepada *tābi’īn* atau yang lainnya sama ada daripada perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat mereka. Ia juga disebut sebagai *Athar* sepertimana sebutan lain bagi hadith *mawqūf*.<sup>58</sup> Contoh hadith ini ialah:

**(Hadith 57)**

**(Dan kata) Hasan al-Baṣrī r.h.m.:** “*Adakah kamu tinggalkan, yakni biarkan akan perempuan kamu itu bersuka-suka akan lelaki yang banyak di dalam pekan, nescaya menjahatkan Allah Ta’ala akan seorang yang tiada cemburuan.*”<sup>59</sup>

**e) Penggunaan Kalimah-kalimah Tertentu Dalam Menyatakan Matan Hadith**

Setelah penulis melakukan pengamatan terhadap satu persatu hadith di dalam kitab ini, penulis mendapati bahawa pengarang kitab telah menggunakan perkataan atau kalimah **(khabar)**, **(citra)**, dan **(warid)** pada kebanyakan hadith yang dibawa. Lazimnya, ia

<sup>56</sup> Muḥammad Abū al-Layth, ‘*Ulūm al-Ḥadīth*, 139.

<sup>57</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 3.

<sup>58</sup> Muḥammad Abū al-Layth, ‘*Ulūm al-Ḥadīth*, 143. Sila lihat juga: Manna’ Khalil al-Qattan, *Cara Mudah Memahami Ilmu-Ilmu Hadith*, terj. Abu Ezzat al-Mubarak, (cet. 1, Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd., 2006), 196.

<sup>59</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 19.

digunakan sebelum hadith dinyatakan. Penggunaan kalimah-kalimah tersebut juga berkemungkinan besar digunakan bagi memudahkan pembaca mengenalpasti matan hadith yang dibawa. Contohnya:

**(Hadith 4)**

“Diceritakan di dalam beberapa **khabar** bahawa sesungguhnya seorang perempuan datang ia kepada Nabi s.a.w., bersabda ia baginya: “*Apa bicara engkau?*”, maka sembah ia: “*Ya Rasulullah, bahawa sesungguhnya kami hendak membawa datang segala perempuan kepada engkau.*” Maka bersabda ia: “*Kerana apa?.....*”<sup>60</sup>

**(Hadith 11)**

(Dan **citra**) daripada keduanya pula: “*Demi Tuhan yang diriku dijadikan dengan qudratnya tiada daripada seorang lelaki yang memanggil ia akan isterinya kepada hamparannya, maka enggan ia atas datangnya melainkan adalah Tuhan yang pada langit itu suruhnya dan kekerasannya itu murkalah atasnya hingga redha daripadanya oleh suaminya.*”<sup>61</sup>

**(Hadith 19)**

(Dan) **warid** (telah datang) daripada Nabi s.a.w., bahawa sesungguhnya bersabda ia: “*Aku melihat ke dalam neraka akan kebanyakan segala isinya itu sekalian perempuan.*”<sup>62</sup>

### 2.3.5 Metodologi Penulisan Kitab Secara Umum

#### i. Pengukuhan Hujah Menerusi Dalil-dalil *Naqli*

Pendekatan lain yang diguna pakai pengarang kitab ialah saling mengukuhkan hujah-hujah yang dibawa dengan dalil-dalil *naqli*. Lazimnya, ia diletakkan ketika pengarang kitab mendatangkan keterangan dan penjelasan terhadap mana-mana hadith munakahat yang dibawa atau memperincikan mana-mana keterangan yang lain daripada pihak pengarang kitab sendiri bagi tujuan memperkuat hujah serta mempermudah

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, 3.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 8.

<sup>62</sup> *Ibid.*, 9.

pembaca dalam memahami huraian yang dibawa pengarang. Misalnya, pengarang kitab telah mendatangkan firman Allah s.w.t<sup>63</sup>:

..... وَالَّتِي تَخَافُونَ ذُنُوزَهُمْ فَعِظُوهُنَّ .....

Al-Nisa' 4: 34

Maksudnya: “.....segala perempuan yang takut kamu akan derhaka mereka itu, maka ajar oleh kamu akan mereka itu....”

Kemudian, penjelasan ayat al-quran itu diperincikan menerusi hadith lain seperti:

### (Hadith 8)

(Dan sayugianya) bahawa menyebut dan mengingatkan ia bagi isterinya akan khabar yang *shahih* keduanya, iaitu apabila bermalam oleh perempuan hal keadaannya meninggalkan ia akan tempat ketiduran suaminya nescaya melaknatkan akan dia oleh segala malaikat hingga sampai waktu subuh.<sup>64</sup>

## ii. Penukilan Pendapat dan Pandangan Daripada Ulama-Ulama

Dalam sesetengah keadaan, pengarang kitab akan mendatangkan beberapa maklumat tambahan seperti membawa kata-kata ulama sama ada menukilkan kata-kata daripada ulama tertentu ataupun pandangan-pandangan tersebut didatangkan secara umum tanpa menyandarkan kepada mana-mana pihak. Kebiasaannya pengarang kitab memperincikan sebarang penjelasan tersebut setelah hadith-hadith yang berkaitan dikemukakan. Misalnya<sup>65</sup>;

“(Dan telah) berkata oleh setengah ulama:

1. Wajiblah atas perempuan mengekali malu daripada suaminya, dan merendahkan mata pada hadapannya.
2. (Dan wajib) pula mengikut bagi suruhnya dan diam ia tatkala berkata suaminya, dan berdiri tatkala datangnya dan tatkala keluarnya dan mendatangkan diri atas suaminya tatkala hendak tidur dan memakai bauan-bauan...”

(Petikan daripada kitab *Muhimmah*)

---

<sup>63</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> *Ibid.*, 5.

Pandangan daripada tokoh-tokoh ulama tertentu turut dimuatkan dalam kitab ini.

Misalnya;

“(Dan tersebut) di dalam *Tuhfah* bagi **Shaykh Ibn Hajar**, dan di dalam *Nihāyah* bagi **Ramlī**: Apabila zahir tanda derhakanya seperti kasar jawabnya kemudian daripada lambatnya dan masam mukanya kemudian daripada bersihnya dan berpaling kemudian daripada berhadapan, maka mengajarlah ia akan isterinya hal keadaan sunat,.....”<sup>66</sup>

(Petikan daripada kitab *Muhimmah*)

Contoh lain:

(Tetapi) kata **Imam Nawāwī**: *Dipalu ia, ertinya; harus bagi suaminya berbuat yang demikian itu dengan syarat mengetahuinya akan memberi faedah oleh palu itu.*<sup>67</sup>

### 2.3.6 Jumlah Hadith Yang Terkandung Di Dalam Kitab

Jumlah bagi keseluruhan hadith yang terkandung dalam kitab ini adalah sebanyak 133 buah hadith.

### 2.3.7 Sumber Pengambilan Hadith

Pernyataan sesuatu sumber pengambilan hadith adalah begitu penting kepada umat Islam, khususnya dalam memastikan hadith yang terdapat dalam mana-mana penulisan, percakapan atau seumpama dengannya mempunyai sumber hadith yang berasas daripada Nabi s.a.w. Penulis telah mengenal pasti sumber-sumber hadith yang terkandung dalam kitab “*Muhimmah*” ini berdasarkan maklumat yang dicatatkan pengarang kitab pada hadith-hadith yang dikemukakan.

Namun begitu, sebahagian besar hadith tidak dinyatakan sumber periwayatannya. Maka, penulis mendapati bahawa sebanyak 97 buah hadith daripada 133 buah hadith iaitu jumlah keseluruhan bagi hadith yang disebut, tidak dinyatakan

---

<sup>66</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>67</sup> *Ibid.*

sumber periwayatannya. Meskipun begitu, jumlah selebihnya daripada keseluruhan hadith iaitu sebanyak 36 buah hadith telah dinyatakan periwayatannya. Bilangan periwayatannya adalah sebanyak 20 buah sumber. Sumber-sumber periwayatan adalah daripada Imam Aḥmad (164-241H), Imam al-Bukhārī (194-256H), Imam Muslim (204-261H), Imam Abū Dāwud (220-275H), Imam al-Tirmidhī (209-279H), Imam al-Nasā'ī (215-303H), Ibn Mājah (209-273H), Al-Ḥākim (m. 405H), Ibn Ḥibbān (m. 439H), Imam Bayhaqī (m. 458H), Al-Khaṭīb al-Baghdādī (392-463H), Imam al-Ṭabrānī (260-360H), Ibn 'Adī āl-Jurjānī (277-365H), Ibn 'Asākir, Ibn 'Alī, Rāfi'ī, Abū Dāwud al-Ṭayālīsī (m. 204H), Abū Ya'la al-Mūsilī (210-307H), al-Aṣbahānī (m. 430H) dan Imam al-Suyūfī (m. 911H) iaitu pengarang kitab *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*.

## **2.4 Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id***

### **2.4.1 Pengenalan Ringkas Kitab**

Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* telah ditulis pada tahun 1239 H bersamaan 1823 M oleh Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Namun begitu, ia telah berjaya dihimpunkan secara sempurna dan kemudian dicetak buat pertama kalinya di Mekah pada hari Jumaat bertarikh 27 Jamadi al-Awwal tahun 1309 H bersamaan 28 Disember 1891M setelah ditashihkan oleh Haji Abdullah Ibrahim al-Qadahi dan Syeikh Ahmad Saad al-Filfilani.<sup>68</sup> Sebahagian pandangan menyatakan kitab itu dicetak setelah ditashihkan oleh Syeikh Ahmad Bin Muhammad Zayn al-Fatani.<sup>69</sup> Sebahagian besar kandungan kitab ini telah menyentuh berkenaan dengan perkara-perkara fiqh. Namun begitu, di bahagian akhirnya telah dikaitkan dengan pelbagai aspek yang berkaitan dengan akhlak dan tasawuf. Contoh-contoh bentuk ulasan yang telah dibawa pengarang

---

<sup>68</sup> Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani, *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, (t.tp.: Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu, t.t.), 330.

<sup>69</sup> Fauzi Deraman, "Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin Abdullah Al-Fataniy" (tesis kedoktoran, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997), 378.

kitab adalah berkenaan dengan ibadah, doa, zikir, kelebihan jihad dan peperangan, kelebihan hari-hari dalam seminggu serta amalan-amalannya. Selain itu, pengarang kitab juga telah menyentuh berkenaan perihal munakahat seperti hak wanita ke atas suaminya dan perkara yang sebaliknya.<sup>70</sup>

Pada bahagian tepi kitab ini telah dimuatkan karya “*al-Fawā'id al-Bahiyyah*” karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī. Kitab ini telah diulang cetak oleh Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlāduhu tanpa menyebut tarikh dan tempat. Begitu juga terdapat satu lagi cetakan di Singapura yang telah dilakukan oleh Sulayman Mar’ie tanpa menyebut tarikh cetakan.<sup>71</sup> Penulis telah menggunakan kitab di bawah cetakan Muḥammad al-Nahdī sebagai sumber rujukan utama penulis ketika memetik mana-mana hadith untuk dimasukkan dalam kajian penulis.

#### 2.4.2 Metode Penyusunan Bab

Kitab *Jam‘ al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* ini mengandungi sebanyak 51 buah bab. Namun begitu, isu-isu dan perkara yang berkaitan dengan perihal munakahat tidak menjadi fokus utama dalam kitab ini. Hanya beberapa buah bab sahaja yang mempunyai kaitan dengan bidang munakahat. Sebanyak 3 buah bab yang telah dikenalpasti penulis termasuk dalam perihal munakahat iaitu bab yang ke-35 hingga 37 akan menjadi fokus utama penulis dalam kajian ini iaitu:

1. Bab Menyebutkan Kelebihan Hak Laki Atas Isteri.<sup>72</sup>
2. *Naṣāih* (Nasihat-nasihat) Daripada ‘Aishah Raḍiy Allah ‘Anhā.<sup>73</sup>
3. Bab Pada Menyatakan Hak Perempuan Atas Suaminya.<sup>74</sup>

---

<sup>70</sup> Syeikh Dawud, *Jam‘ al-Fawā'id*, 331-332.

<sup>71</sup> Fauzi Deraman, “Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi”, 378.

<sup>72</sup> Syeikh Dawud, *Jam‘ al-Fawā'id*, 232-234.

<sup>73</sup> *Ibid.*, 234-235.

<sup>74</sup> *Ibid.*, 235-237.

Sehubungan itu, penulis tidak berhasrat menjelaskan secara keseluruhan dan terperinci berkenaan metode penyusunan bab dalam kitab ini melainkan penumpuan diberikan kepada 3 buah bab sahaja. Ini kerana selain daripada bab-bab tersebut menjadi sebab dan fokus penulis dalam kajian ini, pembatasan topik juga telah menjadi faktor utama kepada penulis terutamanya bagi mengelakkan penulis daripada menghuraikan sebarang butiran maklumat yang tidak diperlukan dan tidak berkaitan.

Metode penyusunan bab daripada pengarang kitab jelas kelihatan apabila bab-bab yang berkaitan disusun berdasarkan keutamaan. Misalnya, khusus dalam perihal munakahat didahulukan dengan bab yang ke-35 iaitu (Bab Menyebutkan Kelebihan Hak Laki Atas Isteri). Syeikh Dawud telah membawakan hadith-hadith berbentuk fadilat bagi memberi dorongan dan galakan kepada para isteri supaya berusaha dalam memberi khidmat yang terbaik kepada para suami. Tidak ketinggalan juga, di penghujung bab ini pengarang kitab memasukkan juga sebuah hadith yang berbentuk ancaman dan peringatan secara umum kepada para wanita dalam menjalankan ketaatan dalam kehidupan seharian. Terdapat 12 buah hadith yang dimuatkan dalam bab ini.

Bab yang berikutnya adalah lanjutan daripada bab sebelum ini iaitu bab yang ke-36 (*Naṣāih* Daripada ‘Aishah Raḍiy Allah ‘Anhā) dengan memuatkan hadith-hadith yang khusus ditujukan kepada ‘Aishah oleh Rasulullah s.a.w. yang juga merupakan peringatan serta nasihat kepada golongan wanita. Hadith-hadith yang dibawakan lebih bersifat kelebihan dalam beramal dan juga ancaman kepada para wanita khususnya bagi mereka yang ingkar kepada suruhan Allah dan juga derhaka kepada suami mereka. Bilangan hadith di dalam bab ini adalah sebuah hadith. Walau bagaimanapun, berdasarkan pembacaan dan pengamatan penulis, terhimpun dalam sebuah hadith tersebut sebanyak 20 buah nasihat daripada Rasulullah s.a.w. kepada ‘Aishah.

Selepas itu, disusuli pula dengan bab yang ke-37 iaitu (Bab Pada Menyatakan Hak Perempuan Atas Suaminya) yang merupakan kesinambungan daripada kedua-dua



bab yang disebutkan tadi. Setelah menjelaskan hak-hak yang mesti ditunaikan isteri kepada suaminya serta kelebihanannya, maka bab ke-37 ini adalah sebaliknya iaitu hak-hak isteri yang mesti dipenuhi seorang suami sebagai ketua keluarga. Terdapat hadith-hadith yang bersifat dorongan dan galakan kepada para lelaki khususnya dalam menjalani kehidupan sebagai seorang suami serta hadith-hadith yang bersifat ancaman bagi suami yang tidak menjalankan amanah dengan baik sebagai pemimpin dalam sesebuah keluarga. Bab ini memuatkan sebanyak 11 buah hadith.

### 2.4.3 Pernyataan Sanad dan Perawi Hadith

Metode yang telah diguna pakai pengarang kitab dalam menyatakan sanad dan perawi hadith terbahagi kepada beberapa kategori iaitu:

#### a) Mengemukakan Perawi Tertinggi (*Rawī A'la*) Sahaja

Kebanyakan hadith-hadith yang dibawa pengarang kitab telah dinyatakan perawi tertinggi (*rawī a'la*) melainkan hanya sebilangan kecil hadith yang terkecuali daripada kategori ini. Contoh-contoh hadith yang dimaksudkan penulis adalah seperti:

#### (Hadith 6)

(Dan riwayat) daripada **Anas bin Mālik** daripada Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Bahawasa perempuan apabila sembahyang ia akan yang limanya dan puasa ia akan bulannya dan memelihara bagi farajnya dan taat akan suaminya, maka masuk ia daripada barang pintu syurga yang ia kehendak.”*<sup>75</sup>

#### (Hadith 8)

(Dan daripada) **Mu'adh bin Jabal** r.a., katanya: *“Di mana ada perempuan berdiri atas dua kakinya dan membakar roti bagi suaminya, maka menyakiti tangannya atau mukanya panas api melainkan diharamkan mukanya daripada api neraka, dan di mana*

---

<sup>75</sup> Syeikh Dawud, *Jam' al-Fawā'id*, 232.

*ada perempuan berdiri kepada suaminya hingga masuk ia atasnya dan....*”<sup>76</sup>

### **(Hadith 13)**

Daripada ‘**Āishah** r.a. katanya: “Telah berwasiat akan daku Rasulullah s.a.w., maka sabdanya: Hai ‘Āishah, aku berwasiat akan dikau akan wasiat, maka hafazkan olehmu akan dia, maka bahawsanya engkau sentiasa dengan kebajikan selama engkau hafazkan wasiatku.”.....<sup>77</sup>

### **b) Tidak Mengemukakan Perawi Hadith**

Metode pembawaan hadith-hadith yang tidak dinyatakan sanad dan periwayatnya juga telah dimuatkan pengarang kitab dalam bab-bab ini. Kebanyakan hadith-hadith yang termasuk dalam kategori ini adalah disebut secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. tanpa menamakan perawi-perawi lain yang terlibat dalam jalur periwayatannya. Terdapat 4 buah hadith yang termasuk dalam bahagian ini. Antara contoh-contoh hadith adalah seperti:

### **(Hadith 7)**

(Dan riwayat) daripada **Rasulullah s.a.w.** bersabda: “*Jikalau bahawasanya lakinya mengalir daripada salah satu lubang hidungnya darah dan kena yang lainnya nanah, maka menjilat oleh perempuan itu, tiada lagi ia sempurnakan hak suaminya.*”<sup>78</sup>

### **(Hadith 19)**

(Dan **sabda Nabi**) **s.a.w.:** “*Baktikan kamu akan bapa kamu nescaya dibaktikan kamu anak kamu, dan memelihara segala perempuan orang nescaya dipelihara isteri kamu.*”<sup>79</sup>

---

<sup>76</sup> *Ibid.*, 233.

<sup>77</sup> *Ibid.*, 234.

<sup>78</sup> *Ibid.*, 232.

<sup>79</sup> *Ibid.*, 236.

### c) Mengemukakan Hadith *Mursal*

Terdapat sebuah hadith yang ketara sifat pada sanadnya iaitu sanad yang bersifat *mursal*. Hadith *mursal* adalah dibawah kategori hadith yang ditolak disebabkan terputus pada sanad. *Mursal* ialah hadith yang mana sanadnya terputus selepas peringkat *tābi 'īn*, sama ada *tābi 'īn* itu adalah *tābi 'īn* besar ataupun *tābi 'īn* kecil.<sup>80</sup> Misalnya pada hadith yang berikut:

#### (Hadith 17)

(Dan riwayat) daripada **Ḥasan Baṣrī** daripada **Nabi s.a.w.** berpesan kamu dengan segala perempuan kebajikan maka bahawasanya ia pada kamu itu tuanan tiada memiliki mereka itu bagi diri mereka itu sesuatu dan sesungguhnya ambil kamu akan dia dengan amanat Allah dan minta halal kamu akan farajnya dengan kalimat Allah.<sup>81</sup>

Walaupun terdapat sebuah hadith sahaja yang bersifat *mursal* dalam ketiga-tiga bab yang dikaji penulis, banyak lagi contoh-contoh hadith *mursal* yang boleh dilihat dalam bab-bab yang lain. Contohnya hadith berikut yang dipetik daripada “Bab Pada Menyatakan Kelebihan Jihad dan *Ghazwah*”:

#### (Hadith)

(Dan daripada) **Ḥasan Baṣrī** bahawasanya **Nabi s.a.w.** bersabda: “Barangsiapa memenuhi Allah s.w.t. akan syhadah, maka mati ia adalah baginya pahala syahid.”<sup>82</sup>

Hadith di atas jelas menunjukkan bahawa hadith tersebut terputus sanadnya di peringkat sahabat r.a.

---

<sup>80</sup> Muḥammad Abū al-Layth, *‘Ulūm al-Ḥadīth*, 174.

<sup>81</sup> Syeikh Dawud, *Jam‘ al-Fawā'id*, 235.

<sup>82</sup> *Ibid.*, 184.

#### 2.4.4 Metode Penulisan Matan Hadith

##### a) Matan Dalam Bentuk Terjemahan Melayu Jawi

Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* secara keseluruhannya memaparkan matan-matan hadith yang dibawa dalam terjemahan Melayu jawi. Sekiranya terdapat matan hadith selain dalam terjemahan Melayu Jawi, maka itu hanyalah potongan daripada ayat-ayat al-Quran ataupun sebahagian daripada perkataan arab yang diambil dari matan asal hadith seperti hadith *qudsī* dan lain-lain.

Matan-matan hadith dalam terjemahan Melayu jawi yang dibawa adalah bersesuaian dengan situasi zaman awal kedatangan Islam di Nusantara pada era itu. Ini kerana ramai umat Islam ketika itu kurang memahami bahasa Arab dan berhajat kepada penulisan-penulisan agama yang ditulis mahupun diterjemah ke dalam tulisan Melayu jawi sebagai rujukan atau panduan dalam kehidupan. Kitab-kitab agama yang diterjemah kebanyakannya adalah daripada karya-karya agama yang ditulis dalam bahasa Arab.

##### b) Penggunaan Kalimah-kalimah Tertentu Dalam Menyatakan Matan Hadith

Matan-matan hadith yang dimuatkan dalam kitab ini boleh dikenal pasti dengan melihat kalimah-kalimah atau perkataan-perkataan tertentu yang sering digunakan ketika pengarang kitab iaitu Syeikh Dawud al-Fatani menyatakan hadith-hadith Nabi s.a.w. Perkataan-perkataan yang sering digunakan adalah seperti (**riwayat**), (**sabda Nabi s.a.w.**) dan sesekali pengarang kitab menggunakan kalimah (**disebutkan**) sebelum menyatakan mana-mana hadith. Contohnya pada hadith-hadith berikut:

##### (Hadith 20)

(**Riwayat**) daripada Anas ibn Mālik r.a., daripada Nabi s.a.w.:  
“*Bahawasanya bersabda ia empat nafaqāt tiada hisab hamba dengan dia pada hari kiamat (satu) nafkah di atas dua ibu bapanya, (kedua)*”

*nafkah atas berbuka puasa, (ketiga) nafkah atas makan sahur, (keempat) nafkah atas 'iyāl-nya yakni isi rumahnya.*"<sup>83</sup>

#### **(Hadith 21)**

(Dan **sabda Nabi s.a.w.**): *"Empat dinar: (satu dinar) dibelanja di dalam sabilillah, (kedua dinar) disedekahkan bagi segala masākīn, (ketiga dinar) yang diberikan dia pada merdeheka, (keempat dinar) yang dibelanjakan atas ahlinya dan yang terlebih besar pahalanya dinar yang nafkahkan atas ahlinya."*<sup>84</sup>

#### **(Hadith 23)**

(Dan **disebutkan**) bahawasanya seorang laki-laki datang kepada 'Umar r.a. hendak mengadu-ngadu akan isterinya, maka tatkala sampai kepada rumahnya mendengar akan isterinya Umm Kalthūm berpanjang lidahnya atasnya, maka berkata laki-laki itu: *"Bahawasanya aku berkehendak mengadu kepadanya daripada isteriku dan baginya daripada bawa seumpamaku jua"*, maka kembali ia maka menyeru akan dia 'Umar, maka bertanya ia akan dia maka katanya: *"Bahawasa aku berkehendak mengadu kepada engkau akan isteriku, maka aku dengar barang yang aku dengar aku kembali"* maka berkata 'Umar: *"Bahawasanya aku maafkan daripadanya kerana banyak huqūq baginya atasku....."*<sup>85</sup>

### **c) Mengemukakan Kepelbagaian Sifat Pada Matan Hadith**

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap kesemua hadith dalam ketiga-tiga bab tersebut, didapati hadith-hadith tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa kategori yang mana dilihat dari sudut sifat-sifat pada matan iaitu seperti hadith *qudsī*, *marfū'*, *mawqūf*, dan *maqṭū'*. Namun begitu, pembahagian hadith *marfū'* dan *mawqūf* difokuskan dalam kategori ini kerana kedua-dua sifat ini sahaja yang menonjol sepanjang pengamatan penulis terhadap ketiga-tiga bab yang menjadi skop kajian penulis. Contoh-contoh hadith tersebut adalah seperti berikut;

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, 236.

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> *Ibid.*

## i. Hadith *Marfū'*

Hadith *marfū'* telah penulis jelaskan sepertimana pada subtopik sebelum ini dan contoh bagi kategori hadith *marfū'* ini adalah seperti petikan-petikan hadith berikut;

### (Hadith 2)

(Dan riwayat) daripada 'Aṭā' daripada Ibn 'Umar, katanya datang seorang perempuan kepada **Rasulullah s.a.w.**, maka bersembah ia: "*Ya Rasulullah, apa hak suami atas isterinya?*", **sabdanya:** "*Bahawa jangan engkau tegahkan daripada dirinya walau di atas belakang Qutb yakni pelapat belakang unta sekalipun dan jangan puasa sehari melainkan dengan izinnya melainkan puasa bulan Ramadan,....*"<sup>86</sup>

### (Hadith 7)

(Dan riwayat) daripada **Rasulullah s.a.w. bersabda:** "*Jikalau bahawasanya lakinya mengalir daripada salah satu lubang hidungnya darah dan kena yang lainnya nanah, maka menjilat oleh perempuan itu, tiada lagi ia sempurnakan hak suaminya.*"<sup>87</sup>

## ii. Hadith *Mawqūf*

Contoh bagi hadith *mawqūf* pula adalah seperti:

### (Hadith 8)

(Dan daripada) **Mu'ādh bin Jabal r.a., katanya:** "*Di mana ada perempuan berdiri atas dua kakinya dan membakar roti bagi suaminya, maka menyakiti tangannya atau mukanya panas api melainkan diharamkan mukanya daripada api neraka, dan di mana ada perempuan berdiri kepada suaminya hingga masuk ia atasnya dan disapu akan mukanya dan dihamparkan kain supaya duduk ia atasnya.....*"<sup>88</sup>

### (Hadith 24)

(Dan disebutkan) bahawasanya seorang laki-laki datang kepada 'Umar r.a. hendak mengadu-ngadu akan isterinya, maka tatkala sampai kepada rumahnya mendengar akan isterinya Umm Kalthūm

<sup>86</sup> Syeikh Dawud, *Jam' al-Fawā'id*, 232.

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> *Ibid.*, 232.

berpanjang lidahnya atasnya, maka berkata laki-laki itu: *“Bahawasanya aku berkehendak mengadu kepadanya daripada isteriku dan baginya daripada bawa seumpamaku jua”*, maka kembali ia maka menyeru akan dia ‘Umar, maka bertanya ia akan dia maka katanya: *“Bahawasa aku berkehendak mengadu kepada engkau akan isteriku, maka aku dengar barang yang aku dengar aku kembali”* maka berkata ‘Umar: *“Bahawasanya aku maafkan daripadanya kerana banyak huqūq baginya atasku.....”*<sup>89</sup>

#### 2.4.5 Jumlah Hadith Yang Terkandung Di Dalam Bab-bab Yang Terpilih

Bilangan hadith yang terkumpul daripada keseluruhan bab-bab terpilih yang dikaji penulis adalah sebanyak 24 buah hadith. 12 buah hadith adalah daripada (Bab: Menyebutkan Kelebihan Hak Laki Atas Isteri), manakala sebuah hadith adalah daripada bab berikutnya iaitu (Bab: *Naṣa’ih* Daripada ‘Aishah r.a.) dan 11 buah hadith lagi adalah daripada (Bab: Pada Menyatakan Hak Perempuan Atas Suaminya).

#### 2.4.6 Sumber Pengambilan Hadith

Secara umumnya tidak ada sebarang petunjuk yang jelas daripada mana-mana petikan hadith di dalam ketiga-tiga bab ini berkenaan sumber pengambilan hadith melainkan terhadap hadith-hadith berikut:

##### (Hadith 3)

(Dan riwayat) daripada **Qatādah**, katanya disebutkan bagi kami bahawa Ka‘ab berkata: *“Pertama barang yang tanya akan perempuan daripadanya pada hari kiamat daripada sembahyangnya, kemudian daripada hak suaminya.”*<sup>90</sup>

##### (Hadith 5)

(Dan riwayat) daripada **Qatādah**, katanya disebutkan, maka kami bahawasanya Nabi s.a.w. sabdanya di dalam khutbahnya dan ia

---

<sup>89</sup> *Ibid.*, 236.

<sup>90</sup> *Ibid.*, 232.

bersabda di mana hai segala manusia bahawasa sabdanya: *“Bagi kamu atas isteri kamu hak dan bahawasa bagi segala perempuan kamu atas kamu hak dan bahawa setengah daripada hak kamu atas perempuan itu wajib ia memelihara hamparan kamu dan jangan ia izin bagi seorang yang ia benci akan dia pada rumah kamu dan.....”*<sup>91</sup>

Kedua-dua hadith di atas jelas menunjukkan bahawa periwayatan hadith-hadith berkenaan adalah daripada Qatādah dan hanya kedua-dua hadith itu sahaja yang jelas sumber pengambilan hadithnya.

---

<sup>91</sup> *Ibid.*



# **BAB**

# **TIGA**

## BAB TIGA

### TAKHRIJ HADITH

#### 3.1 Pengenalan

Sumbangan ulama Nusantara tidak dapat dinafikan lagi dengan melihat penerbitan karya-karya Jawi Melayu yang begitu banyak. Namun begitu, penelitian yang mendalam diperlukan dalam meneliti dan memurnikan lagi hadith-hadith yang dikemukakan dalam setiap kitab jawi. Penulis tidaklah bermaksud merendah-rendahkan kewibawaan ulama Nusantara, bahkan menghargai sumbangan mereka dalam menyediakan karya-karya tersebut. Meskipun kajian berkenaan karya-karya Jawi ini telah banyak dihasilkan, namun masih terdapat sebahagian kecil karya yang seharusnya diamati kerana karya tersebut terkenal dan dijadikan sebagai silibus pengajian di mana-mana tempat dalam tanah air. Kesemua hadith munakahat daripada kitab *Muhimmah* dan *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* akan ditakhrij dalam bab ini.

#### 3.2 Metodologi Penulis Dalam Mentakhrij Hadith

Penulis telah meletakkan beberapa metode dalam melakukan takhrij hadith. Metode ini dibangunkan bagi menjelaskan secara umum pendirian penulis ketika proses takhrij hadith dilakukan. Penerangan metode ini juga sedikit sebanyak membantu penulis bagi mengelakkan sebarang kekeliruan seperti perbincangan atau perbahasan yang terlalu panjang. Contohnya, penulis mengemukakan terlalu banyak riwayat yang berulang dan sebagainya. Justeru itu, metode yang digunakan adalah seperti berikut:

- a) Takhrij hadith dilakukan setelah penulis mengenalpasti matan asal arab yang sama maksud dengan matan hadith Melayu Jawi dalam karya tersebut. Takhrij hadith dilakukan dengan merujuk kepada karya-karya utama dalam bidang hadith. Penulis berpada dengan sumber hadith yang ditemui daripada *kutub al-*

*sittah*, dan sekiranya ia tidak ditemui dalam *kutub al-sittah* barulah pencarian hadith diperluaskan kepada mana-mana kitab hadith yang lain.

- b) Sekiranya matan asal arab yang tepat tidak ditemui, penulis akan mencari matan arab yang hampir sama maksud dengan matan hadith Melayu Jawi tersebut.
- c) Sekiranya matan arab yang dicari tidak dijumpai, maka penulis akan mencari matan tersebut daripada sumber sekunder.
- d) Seandainya tiada sebarang matan arab pun dijumpai bagi hadith Melayu Jawi tersebut, maka penulis akan menyatakan bahawa sumber hadith tersebut “**tidak ditemui**”. Maka, status hukum hadith tersebut “**tidak diketahui**” atau “**tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber tidak ditemui.**”
- e) Perletakan hukum bagi sesebuah hadith dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada keseluruhan riwayat asal bagi hadith tersebut (termasuk *shawāhid* dan *mutāba‘at*) atau riwayat yang paling hampir dengan maksud hadith tersebut sekiranya riwayat asal tidak ditemui. Ini dilakukan bagi mengelak perbincangan terlalu panjang seperti mengemukakan riwayat yang berulang-ulang dan sebagainya.
- f) Kriteria-kriteria yang akan dimasukkan dalam takhrij dan ulasan hadith adalah seperti ‘*Azw* (menyandarkan riwayat), mendatangkan pandangan-pandangan daripada ulama-ulama muktabar dalam bidang hadith, dan membawa pandangan daripada pentahkik-pentahkik kitab sekiranya ada.

### 3.3 Penentuan Hukum Hadith

Penentuan bagi setiap hukum hadith adalah diambil daripada beberapa perkara berikut:

- a) Hukum hadith: akan dinyatakan dengan melihat lima buah aspek iaitu:-

- i. Sekiranya terdapat mana-mana hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim atau salah seorang daripadanya, maka memadai untuk dihukumkan hadith tersebut sebagai *ṣaḥīḥ*.
  - ii. Sekiranya kebanyakan ulama dan pentahkik kitab meletakkan sesuatu hukum seperti *ṣaḥīḥ* bagi hadith yang dikaji, memadai bagi penulis untuk berpegang kepada pandangan mereka.
  - iii. Sekiranya tiada komentar atau pandangan daripada ulama dan pentahkik kitab berkenaan hadith tersebut, maka penulis sendiri yang akan menilai sanad hadith itu. Kemudian, penulis menjustifikasikan hadith itu sama ada *maqḅūl* (diterima) atau *mardūd* (ditolak) dengan berlandaskan ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* bagi mengetahui kedudukan perawi dalam sanad hadith itu.
  - iv. Hanya riwayat yang bermasalah sahaja yang akan dijelaskan secara terperinci seperti perawi bernama fulan bin fulan *majḥūl* dan seumpamanya.
  - v. Penulis akan meletakkan hukum bagi sesebuah hadith itu sebagai “**tidak diketahui**” atau “**tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui**” apabila ciri-ciri berikut dikenalpasti pada sesebuah hadith, iaitu:
    - a. Ketiadaan sumber asal bagi hadith tersebut.
    - b. Tiada sebarang ulasan daripada ulama-ulama hadith yang muktabar ataupun pandangan yang dilontarkan daripada pentahkik-pentahkik kitab berkenaan hadith tersebut, dan
    - c. Sanadnya tidak dijumpai.
- b) Pendirian penulis dalam meletakkan hukum hadith: Penulis lebih cenderung mengutamakan pandangan-pandangan yang dibawa oleh ulama-ulama hadith

atau pentahqiq kitab yang lebih jelas dalam menyatakan kedudukan sesebuah hadith secara terperinci seperti seorang pentahkik membuat perbandingan dengan mendatangkan riwayat-riwayat yang berlainan, kemudian membuat pentarjihan terhadap riwayat-riwayat tersebut, lalu mengemukakan sebab pemilihan riwayat tersebut.

### 3.4 Bentuk Matan Yang Ditakhrij

Berikut adalah jadual atau gambar rajah yang menjelaskan bentuk matan hadith yang dibawa oleh pengarang-pengarang kitab serta bilangannya yang akan ditakhrij dalam kajian ini:

**Jadual 3.1: Bentuk Matan Yang Ditakhrij**

No.	Bentuk Matan Hadith	Bilangan
1	Teks Arab	33
2	Terjemahan (Melayu jawi)	112
3	Kefahaman	12
4	Jumlah	157

### 3.5 TAKHRIJ HADITH-HADITH DARIPADA “KITAB MUHIMMAH”

**Bab: Inilah Suatu Muhimmah Yang Ditakutkan Atas Tiap-tiap Perempuan Yang Bersuami, Iaitu Mengerjakan Pekerjaan Yang Jadi Derhaka Akan Suaminya**

#### 1. (Hadith 1)

Berkata A'ishah r.a.: *“Hai segala perempuan! Jikalau kamu mengetahui semuanya dengan hak segala suami kamu atas kamu sekalian, nescaya menjadikan oleh perempuan daripada kamu semuanya menyapu debu yang ada pada dua kaki suaminya itu dengan hadapan mukanya.”*<sup>1</sup>

**Matan Arab:**

قَالَتْ عَائِشَةُ: يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ، لَوْ تَعَلَّمْنَ حَقَّ أَزْوَاجِكُنَّ عَلَيْكُنَّ لَجَعَلْتِ الْمَرْأَةُ مِنْكُنَّ  
تَمْسُخَ الْعُبَارِ عَنْ وَجْهِ زَوْجِهَا بِنَخْرِ وَجْهِهَا

<sup>1</sup> Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani, *Muhimmah*, (cet. ke-4, Fatani: Fatani Press, 1964), 3.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Ibn Abī Shaybah<sup>2</sup> (w. 235H). Penulis tidak menemui sebarang *turūq* lain melainkan daripada jalan periwayatan ini. Sanad Ibn Abī Shaybah ini adalah dari Waki‘, dari Qurrah bin Khālid, dari seorang perempuan Banī ‘Uṭārid yang bernama Rabi‘ah dan daripada ‘Āishah r.a. Hadith ini adalah bertaraf *mawqūf* kerana terhenti di peringkat sahabat. Setelah meneliti status bagi setiap perawi, maka maklumat yang didapati penulis adalah semua perawi adalah *thiqah*<sup>3</sup> melainkan perawi yang bernama Rabi‘ah dari Banī ‘Uṭārid. Identiti perawi ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab *rijāl* hadith.

### Hukum Hadith:

Sanad bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf*. Ini kerana identiti perawi bernama Rabi‘ah tidak ditemui penulis dan ia *majhūl*. Tambahan pula, Ibn Abī Shaybah meriwayatkan hadith ini secara bersendirian. *Wallahu a‘lam*.

## 2. (Hadith 2)

Dan telah mengeluarkan oleh al-Ḥākim bahawa sesungguhnya seorang perempuan berkata ia bagi Nabi s.a.w.: “Bahawa sesungguhnya anak mamaku si anu namanya, ibunya meminang ia akan dia akan daku maka khabarkan olehmu akan daku apa-apa hak suaminya atas isterinya, maka jikalau ada suatu yang kuasa aku mengerjakan dia nescaya hendaklah aku berkahwin akan dia”. Maka bersabda Nabi s.a.w.: “Setengah daripadanya itu jikalau mengalir dua lubang hidungnya akan darah atau nanah maka menjilat ia perempuan itu akan dia dengan lidahnya sesungguhnya belum lagi mendatangkan ia akan hak suaminya dan jikalau patut bagi seorang manusia bahawa sujud ia bagi seorang manusia nescaya aku suruh akan perempuan bahawa sujud ia bagi suaminya apabila masuk ia atas isterinya bagi orang yang melebihi akan dia oleh Allah Ta’ala atas isterinya”. Maka, berkata oleh perempuan yang bertanya itu: “Demi Tuhan yang membangkitkan akan dikau dengan sebenarnya jadi Nabi tiadalah aku bersuami selama kekal di dalam dunia ini.”<sup>4</sup>

### Matan Arab:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حَمَّادٍ الْعَدْلِيُّ، ثنا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُغِيرَةِ السُّكْرِيُّ بِحَمْدَانَ، ثنا الْقَاسِمُ بْنُ الْحَكَمِ الْعَرَبِيُّ، ثنا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ الْيَمَامِيُّ، عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: جَاءَتِ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>2</sup> Abū Bakr ‘Abd Allah bin Muḥammad bin Ibrāhīm Ibn Abī Shaybah, *al-Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah*, ed. Ḥamad bin ‘Abd Allah al-Jum‘ah et al., (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2004), 6:234 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Haq al-Zawj ‘alā Imra’atihi, no. hadith 17297).

<sup>3</sup> Jamāl al-Dīn Abī al-Hujjāj Yūsuf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’i al-Rijāl*, ed. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1992), 16:39. Penjelasan status bagi setiap perawi, sila lihat di kitab yang sama iaitu pada jilid dan halaman, 16: 39 & 40, 30: 474 & 476, 23: 579 & 580.

<sup>4</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 3.

فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَا فُلَانَةُ بِنْتُ فُلَانٍ، قَالَ: «قَدْ عَرَفْتُكَ فَمَا حَاجَتُكَ؟»  
 قَالَتْ: حَاجَتِي إِلَى ابْنِ عَمِّي فُلَانِ الْعَابِدِ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «قَدْ  
 عَرَفْتُهُ» قَالَتْ: يَخْطُبُنِي، فَأَخْبِرْنِي مَا حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى الزَّوْجَةِ إِنْ كَانَ شَيْئًا أُطِيقُهُ،  
 تَزَوَّجْتُهُ، وَإِنْ لَمْ أُطِيقْ لَا أَتَزَوَّجْ، قَالَ: " مِنْ حَقِّ الزَّوْجِ عَلَى الزَّوْجَةِ: أَنْ لَوْ سَأَلَتْ  
 مَنْخِرَاهُ دَمًا وَقَيْحًا، وَصَدِيدًا فَلَحَسْتَهُ بِلِسَانِهَا مَا أَدَّتْ حَقَّهُ، لَوْ كَانَ يَنْبَغِي لِيَشْرَ أَنْ  
 يَسْجُدَ لِيَشْرَ، لِأَمْرَتِ الْمَرْأَةِ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا إِذَا دَخَلَ عَلَيْهَا، لِمَا فَضَّلَهُ اللَّهُ عَلَيْهَا  
 " قَالَتْ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَا أَتَزَوَّجُ مَا بَقِيَتْ فِي الدُّنْيَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ḥākim<sup>5</sup> (w. 405H), al-Bazzār<sup>6</sup> (w. 292H), al-Bayhaqī<sup>7</sup> (w. 458H). Ketiga-tiga sanad ini bertemu pada perawi bernama al-Qāsim bin al-Ḥakam al-‘Uraniyy. Al-Ḥākim menyatakan bahawa periwayatan ini terdiri daripada sanad yang *ṣahīḥ*. Manakala, pentahkik bagi *Mustadrak al-Ḥākim*, Abū ‘Abd al-Raḥman Muqbil bin Hādī al-Wādī‘ī menukikan daripada al-Dhahabī (w. 748H) pula menyatakan bahawa sanad tersebut adalah *munkar*. Ini kerana terdapat perawi yang bernama Sulayman *waham* (melakukan kesalahan dan kesilapan seperti fikiran bercampur aduk) dan perawi bernama al-Qāsim sebagai *ṣadūq takallamu fih* (*ṣadūq* yang dipertikaikan). Pentahkik kitab *Sunan al-Kubrā li al-Bayhaqī*, Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā telah menukikan daripada pengarang kitab *al-Jawhar* bahawa perawi bernama Sulayman al-Yamāmī adalah *ḍa‘īf*. Manakala perawi al-Qāsim al-‘Uraniyy pula disebut *La yuhtajju bih* (tidak harus berhujah dengannya) oleh Abū al-Qāsim. Perawi bernama Muḥammad al-Mughīrah pula disebut *fihī nazar*.<sup>8</sup>

### Hukum Hadith:

Sanad bagi hadith ini adalah *shadīd al-ḍa‘īf*. Ini kerana terdapat seorang perawi dalam sanad tersebut bernama Muḥammad al-Mughīrah yang berada pada tahap tingkatan *al-*

<sup>5</sup> Abū ‘Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣahīḥayn*, ed. Abū ‘Abd al-Raḥman Muqbil bin Hādī al-Wādī‘ī, (Kaherah: Dār al-Haramayn li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1997), 2:225 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2827).

<sup>6</sup> Abū Bakr Aḥmad bin ‘Amr bin ‘Abd al-Khālīq al-‘Atakīy al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma‘rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil bin Sa‘d et al., (al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥukm, 2006), 15:219 (Musnad Abī Hamzah Anas bin Mālik, no. hadith 8634).

<sup>7</sup> Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 7:134. (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Man Takhallā li ‘Ibādah Allah Idhā Lam Tatuq Nafsuhu ilā al-Nikāḥ, no. hadith 13485).

<sup>8</sup> Bashīr Maḥmūd Fattāḥ, *al-Mu‘jam al-Istīlāḥī li al-Lafz al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl fi Ilmi al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2011), 293. Terdapat beberapa makna yang boleh difahami daripada kalimah *fihī nazar* iaitu boleh membawa maksud sama ada terdapat celaan terhadap percakapan perawi atau seorang yang lalai atau buruk pada hafazannya atau *tadlis* dan seumpama dengannya.

*jarh* yang paling rendah dalam kalangan perawi-perawi yang turut meriwayatkan hadith ini.

### 3. (Hadith 3)

Dan sesungguhnya telah diceritakan daripada Rasulullah s.a.w., bahawa sesungguhnya ia tatkala datang ke Madinah keluar ia kepada suatu jenazah, maka melihat ia akan beberapa perempuan mengiring akan jenazah, maka bersabda ia bagi sekalian mereka itu: “Adakah kamu menanggung serta sama-sama dengan orang yang menanggung?”, maka sembah kami sekalian: “Tiada.” Maka bersabda ia: “Adakah kamu sembahyang serta orang yang menyembahyang akan dia”, maka sembah kami sekalian: “Tiada”. Maka bersabda Rasulullah s.a.w. bagi sekaliannya: “Balik oleh kamu sekaliannya, tiada ada dizarah dan tiada ada pahala”, maka sekalian mereka itu perempuan disuruh mereka itu dengan tetap di dalam segala rumah mereka itu.<sup>9</sup>

#### Matan Arab:

خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَإِذَا نَسَوَتْهُ جُلُوسٌ، فَقَالَ: مَا يُجْلِسُكُمْ؟ قُلْنَ: نَنْتَظِرُ الْجِنَازَةَ، قَالَ: هَلْ تَغْسِلُنَّ؟ قُلْنَ: لَا، قَالَ: هَلْ تَحْمِلُنَّ؟ قُلْنَ: لَا، قَالَ: هَلْ تُدَلِّينَ فِيْمَنْ يُدَلِّي؟ قُلْنَ: لَا، قَالَ: فَارْجِعْنَ مَأْزُورَاتٍ غَيْرِ مَأْجُورَاتٍ.

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Ibn Mājah<sup>10</sup> (w. 275H), ‘Abd al-Razzāq<sup>11</sup> (w. 211H), al-Bazzār<sup>12</sup> (w. 292H), al-Bayhaqī<sup>13</sup> (w. 458H) dan Abū Ya‘lā al-Mūšilī<sup>14</sup> (w. 307H). Periwiyatan daripada Ibn Mājah, al-Bazzār dan al-Bayhaqī telah bertemu pada perawi bernama Isrā‘īl. Manakala periwiyatan daripada ‘Abd al-Razzāq dan Abū Ya‘lā al-Mūšilī merupakan *shawāhid* bagi ketiga-tiga *turuq* itu tadi. Muḥammad Fū‘ad Abd al-Bāqī pentahkik bagi *Sunan Ibn Mājah* menukulkan bahawa perawi bernama Dīnār Bin ‘Amr disebut sebagai *matruk* oleh al-Azdī, dan *kadhdhāb* oleh al-Khalīlī dalam kitabnya *al-Irshād*. Perawi bernama Isma‘īl Bin Sulayman pula disebut *ṣāliḥ* oleh Abū Ḥātim tetapi Ibn Ḥibbān menyebutnya di dalam *al-Thiqāt* sebagai *yukhtī*. Al-Albani

<sup>9</sup> Syeikh Abdullah, *Muḥimmah*, 3.

<sup>10</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fū‘ad Abd al-Bāqī (t.tp.: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyah, t.t.), 1:502 (Kitāb al-Janā’iz, Bāb Mā Jā’a fī Itbā’ al-Nisā’ al-Janā’iz, no. hadith 1578).

<sup>11</sup> Abū Bakr ‘Abd al-Razzāq Bin Hammām al-Ṣan‘ānī, *al-Muṣannaḥ ‘Abd al-Razzāq*, ed. Ḥabīb al-Raḥman al-A‘zāmī (cet. ke-2, Beirut: Maktab al-Islāmī, 1983), 3:456 (Kitāb al-Janā’iz, Bāb Man‘ al-Nisā’ Itbā’ al-Janā’iz, no. hadith 6298).

<sup>12</sup> Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma‘rūf Musnad al-Bazzār*, ed. Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah, 2:249 (Musnad ‘Alī, no. hadith 653).

<sup>13</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 4:129 (Kitāb al-Janā’iz, Jamā‘ Abwāb al-Bukā’ alā al-Mayyit, Bāb Mā Warada fī Nahy al-Nisā’ ‘an Itbā’ al-Janā’iz, no. hadith 7201).

<sup>14</sup> Aḥmad Bin ‘Alī Bin al-Muthannā al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūšilī*, ed. Ḥusayn Salīm Asad (Beirut: Dār al-Ma’Mūn li al-Turāth, 1986), 7:109 & 268 (Musnad Anas Bin Mālik, no. hadith 4056 dan no. 4284).



men<sup>da</sup>‘ifkan hadith ini.<sup>15</sup> Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah pentahkik *Musnad al-Bazzār* menukilkan daripada kitab *Taqrīb al-Tahdhīb* bahawa perawi dalam hadith riwayat al-Bazzār iaitu Ishāq Bin Mansūr disebut sebagai *ṣadūq takallamu fīhi li al-tashayyu’*. Ismā‘īl Bin Salmān disebut sebagai *ḍa‘īf* dan Dīnār Bin ‘Amr pula disebut sebagai *ṣāliḥ al-ḥadīth* dituduh dirinya *rafīdah*. Pentahkik juga menukilkan daripada kitab *al-Zawā‘id* bahawa Ibn al-Jawzī turut meriwayatkan hadith ini melalui *ṭuruq* yang sama dengan riwayat al-Bazzār di dalam kitabnya *al-‘Ilal Mutanāhiah*. Pentahkik Ḥusayn Salīm Asad bagi *Musnad Abī Ya‘lā* menyatakan bahawa riwayat bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf*. Beliau menukilkan daripada al-Azdī dan al-Dhahabī bahawa perawi bernama al-Ḥārith bin Ziyād daripada Anas sebagai *ḍa‘īf majhūl*.

### **Hukum Hadith:**

Kesemua riwayat yang dibawa adalah hampir kepada mafhum asal matan hadith ini. Penulis berpegang bahawa kebanyakan *ṭuruq* hadith ini adalah *ḍa‘īf* disebabkan kecacatan yang ditemui pada beberapa perawi tertentu bagi setiap riwayat.

### **4. (Hadith 4)**

Diceritakan dalam beberapa khabar bahawa sesungguhnya seorang perempuan datang ia kepada Nabi s.a.w., bersabda ia baginya: “*Apa bicara engkau?*” maka sembah ia: “*Ya Rasulullah, bahawa sesungguhnya kami hendak membawa datang segala perempuan kepada engkau.*” Maka bersabda ia: “*Kerana apa?*”, maka sembah perempuan itu: “*Adalah sekalian mereka itu, bahawa berkata semuanya bahawa sesungguhnya Allah Ta’ala menjadikan ia akan kita sekalian dan pula menjadikan ia akan kita sekalian ini di bawah tangan, yakni di bawah perintah segala lelaki lagi dihabiskan (dikurung) kita sebab hak mereka itu di dalam segala rumah, dan menjadikan ia akan kita sekalian akan tempat keinginan bagi segala mereka itu dan fardhukan atas kita berkhidmat bagi mereka itu dan menjadikan ia bagi mereka itu perang sabil dan hadir berjama’ah dan Allah s.w.t. menentukan ia akan mereka itu dengan khithab (pekerjaan), tiada kita maka apa kita ganti akan barang yang mengurniai Allah Ta’ala akan mereka itu.*” Maka hairanlah Rasulullah s.a.w. daripada sebaik-baik ibaratnya, dan berkata ia: “*Tiada aku lihat akan seorang perempuan yang telah baik dan manis perkataan pada pekerjaan Allah Ta’ala daripada engkau.*” Kemudian bersabda ia: “*Menyampaikan olehmu daripada belakang engkau daripada segala perempuan yang Islam bahawa sesungguhnya sebaik-baik taat salah seorang kamu bagi suaminya itu menyamai akan kebajikan itu semuanya.*”<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 277. Sila lihat; Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 1988), 6:262.

<sup>16</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 3.

### Matan Arab:

جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي وَافِدَةٌ لِلنِّسَاءِ  
إِلَيْكَ هَذَا الْجِهَادُ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى الرَّجَالِ فَإِنْ نَصَبُوا أُجْرُوا، وَإِنْ قُتِلُوا كَانُوا أَحْيَاءً عِنْدَ  
رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ وَنَحْنُ مَعَاشِرَ النِّسَاءِ نَقُومُ عَلَيْهِمْ فَمَا لَنَا مِنْ ذَلِكَ؟ قَالَ: فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أُبَلِّغِي مَنْ لَقِيتِ مِنَ النِّسَاءِ أَنَّ طَاعَةَ الرَّوْجِ وَاعْتِرَافًا بِحَقِّهِ يَعْدِلُ ذَلِكَ  
وَقَلِيلٌ مِنْكُمْ مَنْ يَفْعَلُهُ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh ‘Abd al-Razzāq<sup>17</sup> (w. 211H), al-Bazzār<sup>18</sup> (w. 292H), al-Bayhaqī<sup>19</sup> (w. 458H) dan al-Ṭabrānī<sup>20</sup> (w. 360H). Riwayat ‘Abd al-Razzāq dan al-Bazzār bertemu pada perawi bernama Rushdīn Bin Kurayb. Manakala riwayat daripada al-Bayhaqī dan al-Ṭabrānī bertemu pada perawi bernama Hishām Bin Yūsuf. Persamaan keempat-empat *ṭuruq* ini adalah hadith *mawqūf* daripada ‘Abd Allah Ibn ‘Abbās. Pentahkik *Al-Muṣannaḥ* ‘Abd al-Razzāq iaitu Ḥabīb al-Raḥman al-A‘zāmī menukikan daripada pandangan al-Haythamī bahawa perawi bernama Rushdīn Bin Kurayb adalah sangat *ḍa‘īf*. Pentahkik *Musnad al-Bazzār* iaitu ‘Ādil Bin Sa‘d menyatakan bahawa dalam riwayat al-Bazzār, perawi bernama al-Qāsim Bin Wuhayb al-Kūfī, Mandal dan Rushdīn Bin Kurayb, ketiga-tiganya adalah *ḍa‘īf*. Pentahkik bagi *al-Mu‘jam al-Kabīr* iaitu Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menukikan daripada kitab *al-Majma‘* bahawa dinyatakan perawi bernama Qasim bin Fayāḍ adalah *ḍa‘īf*.

### Hukum Hadith:

Penulis tidak menjumpai mana-mana matan hadith yang serupa dengan makna hadith yang dibawa oleh pengarang kitab. Namun begitu, penulis hanya memilih hadith-hadith yang mempunyai mafhum yang hampir sama dengan hadith yang dibawa. Secara umumnya kesemua sanad hadith terdiri daripadanya beberapa perawi yang bermasalah. Adapun matan yang hampir sama dengan mafhum hadith tersebut adalah riwayat daripada al-Bazzār. Maka, hukum bagi hadith riwayat ini adalah *ḍa‘īf*.

<sup>17</sup> ‘Abd al-Razzāq, *al-Muṣannaḥ* ‘Abd al-Razzāq, 8:463 (Kitāb al-Imān wa al-Nudhūr, Bāb Man al-Nadhr li Yanharna Nafsihi, no. hadith 15914).

<sup>18</sup> Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma‘rūf Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil Bin Sa‘d, 11:377 (Musnad Ibn ‘Abbās Raḍiy Allah ‘anhumā, no. hadith 5209).

<sup>19</sup> Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin ‘Alī al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī et al. (Riyadh: Maktabah al-Rushd li Nashr wa al-Tawzī‘, 2003), 11:169 (Kitāb Ḥuqūq al-Awḷād wa al-Aḥlīn, no. hadith 8354).

<sup>20</sup> Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, ed. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.), 10:355 (Bāb al-‘Ayn, Wa Mā Asnada ‘Abd Allah Bin ‘Abbās Raḍiy Allah ‘anhumā, no. hadith 10702).

## 5. (Hadith 5)

Bahawa sesungguhnya seorang Badwi datanglah ia kepada Nabi s.a.w., maka berkata ia: *“Bahawa sesungguhnya engkau telah menyeru engkau akan manusia kepada Allah Ta’ala dan aku percaya dengan dikau dan tiada aku benarkan akan dikau melainkan dengan mukjizat yang diperlihatkan akan daku.”* Bersabda baginya Rasulullah s.a.w.: *“Apa yang engkau kehendaki?”* Maka berkata ia: *“Engkau suruh akan pohon kurma yang sudah kering ini, maka datang ia akan dikau dan adalah antara hadapan keduanya itu satu pohon kurma yang kering lagi sudah lama.”* Maka bersabda bagi Badwi itu oleh Rasulullah s.a.w.: *“Pergilah olehmu, dan kata olehmu baginya bahawa sesungguhnya Muhammad bahawa sesungguhnya ia memanggil akan dikau.”* Maka pergilah ia dan berkata ia: *“Hai pohon kurma! Perkenankan olehmu akan Muhammad bahawa sesungguhnya ia memanggil akan dikau.”* Maka bergerak-geraklah pohon kurma itu daripada pihak yang kanannya, dan tercabutlah segala akarnya dan bergerak-gerak kepada sebelah kirinya, maka tercabut pula segala akarnya, maka jadilah ia datang seperti demikian itu kepada Rasulullah s.a.w. Maka tatkala hampir ia kepadanya, memanggil ia serta: *السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ*, Maka jawab Nabi s.a.w.: *وَعَلَيْكَ السَّلَامُ*, Mereka berkata oleh Badwi itu: *أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ*, Maka bersabda baginya oleh Rasulullah s.a.w.: *“Memadailah akan dikau ini.”* Ertinya; mukjizat ini. Maka berkatalah ia: *“Kafa... kafa..... Ertinya; memadailah.... memadailah...”* Kemudian menyuruh Nabi s.a.w. akan pohon kurma itu kembali, maka kembali ia kepada tempatnya. Maka berkata oleh Badwi itu: *“Ya Rasulullah! Aku minta akan dikau akan suatu mukjizat yang tiada pernah meminta akan dia oleh yang lain daripada aku, maka engkau perkenankan akan daku kepadanya; maka izinkan olehmu akan daku bahawa aku sujud bagi engkau sudah sujud di belakang tiap-tiap sembahyang.”* Maka sabda Nabi s.a.w.: *“Tiada harus sujud bagi yang lain daripada Allah Ta’ala, dan jikalau harus bagi seorang bahawa sujud bagi lain daripada Allah Ta’ala, nescaya aku suruh akan sekalian perempuan bahawa sujud bagi suaminya mereka itu kerana membesarkan bagi hak suami mereka itu.”*<sup>21</sup>

### Matan Arab:

أَنَّ أَعْرَابِيًّا جَاءَ يَسْأَلُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيْنَ هُوَ؟ حَتَّى دُفِعَ إِلَى قَوْمِ  
جُلُوسٍ مِنْ أَصْحَابِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَيْنَ النَّبِيُّ فَأَرَوْهُ، فَسَلَّمَ عَلَيْهِ  
فَقَالَ: أَيُّ نَبِيِّ اللَّهِ أَتَيْتُكَ فَأَقْبَلُ؟ قَالَ: «نَعَمْ» قَالَ: أَقْبَلُ رَجُلِيكَ؟ قَالَ: «نَعَمْ»  
فَقَالَ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ، إِنِّي أَتَيْتُكَ مُسْلِمًا أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّكَ عَبْدُ اللَّهِ  
وَرَسُولُهُ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «ذَلِكَ خَيْرٌ لَكَ» فَقَالَ: إِنَّهُ عَرَضَ لِي أَمْرٌ  
لَا أَذْرِي مَا هُوَ وَلَكِنْ لَيْسَ لِي وَالْحَمْدُ لِلَّهِ أَنْ أَكُونَ فِي شَكٍّ مِنْ شَأْنِي، وَلَكِنِّي قَدْ  
أَنْكَرْتُ نَفْسِي. قَالَ: «فَمَا تُرِيدُ» قَالَ: أُرِيدُ أَنْ تَدْعُوَ تِلْكَ الشَّجَرَةَ الْخَضْرَاءَ فَتَأْتِيكَ.  
فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «تَعَالَى يَا شَجَرَةُ» فَاتَّكَأَتِ الشَّجَرَةُ عَلَى أَصْلِهَا يَمِينًا  
وَشِمَالًا، ثُمَّ اتَّكَأَتِ حَتَّى قَبِضَتْ عَرُوقَهَا، ثُمَّ اسْتَوَتْ، ثُمَّ أَقْبَلَتْ تَمْشِي إِلَى نَبِيِّ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَجُرِّ عَرُوقِهَا وَفَرُوعِهَا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " بِمِ  
تَشْهَدِينَ يَا شَجَرَةُ؟ قَالَتْ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ. قَالَ:

<sup>21</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 4.

«صَدَقْتِ» فَظَنَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْأَعْرَابِيِّ فَقَالَ: «مَهْ» فَقَالَ مُرَهَا فَلْتَرْجِعِ إِلَى مَكَانِهَا. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلشَّجَرَةِ: «ارْجِعِي إِلَى مَكَانِكِ وَكُونِي كَمَا كُنْتِ» فَرَجَعَتِ الشَّجَرَةُ إِلَى حُفْرَتِهَا ثُمَّ دَلَّتْ عُرْوَقَهَا فِي الْحُفْرَةِ فَرَجَعَ كُلُّ عَرِيقٍ فِي مَكَانِهِ الَّذِي كَانَ فِيهِ، ثُمَّ التَّامَّتْ عَلَيْهِ الْأَرْضُ. فَقَالَ الْأَعْرَابِيُّ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي مَا كَانَ عَرَضَ لِي، أَرْجِعُ إِلَى قَوْمِي وَأَهْلِي فَأُخْبِرُهُمُ الْخَبَرَ لَعَلِّي آتِيكَ بِطَائِفَةٍ مِنْهُمْ مُؤْمِنِينَ. قَالَ: «ارْجِعِ فَقَدْ أَذْنُتُ لَكَ» فَاسْتَسْنَى الْأَعْرَابِيُّ وَمَ يَأُلُ. قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَسْجُدُ لَكَ؟ قَالَ: «لَا، إِنَّمَا السَّجْدَةُ لِلَّهِ، وَلَوْ كُنْتُ أَمْرًا أَحَدًا مِنْ أُمَّتِي بِالسُّجُودِ لِعَیْرِ اللَّهِ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ruwiyānī<sup>22</sup> (w. 307H), al-Dārimī<sup>23</sup> (w. 255H) dan al-Hākīm<sup>24</sup> (w. 405H). Sanad bagi riwayat al-Ruwiyānī dan al-Hākīm bertemu pada perawi bernama Ṣāliḥ Bin Ḥayyān. Manakala, riwayat al-Hākīm dan al-Dārimī bertemu pada perawi bernama Ḥibbān Bin ‘Alī. Persamaan bagi sanad-sanad hadith ini ialah hadith ini merupakan hadith *mawqūf*. Pentahkik bagi *Musnad al-Ruwiyānī* iaitu Ayman ‘Alī Abū Yamānī menyatakan perawi bernama Muḥammad Bin Ḥamīd al-Rāzī dituduh sebagai *sariqah al-ḥadīth*.<sup>25</sup> Pentahkik bagi *Sunan al-Dārimī* iaitu Ḥusayn Salīm Asad al-Dārānī menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf*. Pentahkik bagi *Al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn* iaitu Abū ‘Abd al-Raḥman Muqbil bin Hādī al-Wādī‘ī menyatakan bahawa terdapat *wāḥin (ḍa‘īf)* pada perawi dalam sanad hadith ini iaitu Ṣāliḥ Bin Ḥayyān yang dihukumkan sebagai *matrūk*.<sup>26</sup>

### Hukum Hadith:

Riwayat yang paling hampir dengan hadith ini adalah daripada al-Ruwiyānī. Terdapat masalah pada sanad iaitu pada perawi bernama Muḥammad Bin Ḥamīd al-Rāzī dan Ṣāliḥ Bin Ḥayyān. Imam al-Dhahabī (w. 748H) menyatakan bahawa Ṣāliḥ Bin Ḥayyān adalah *wāḥin (ḍa‘īf)*, Yaḥyā bin Ma‘īn pula menyatakan bahawa ia adalah *ḍa‘īf*, berkata

<sup>22</sup> Abū Bakr Muḥammad Bin Hārūn al-Ruwiyānī, *Musnad al-Ruwiyānī*, ed. Ayman ‘Alī Abū Yamānī (Kaherah: Muassasah Qurtubah, 1995), 1:77 (Musnad Ibn Buraydah ‘an Buraydah, no. hadith 37).

<sup>23</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Allah Bin ‘Abd al-Raḥman Bin al-Faḍl Bin Bahrām Bin ‘Abd Ṣamad al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī al-Ma‘rūf bi Sunan al-Dārimī*, ed. Ḥusayn Salīm Asad al-Dārānī (al-Mamlakah al-‘Arabiyah al-Sa‘ūdiyyah: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 2:918 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Nahy an Yasjudā li Ahad, no. hadith 1505).

<sup>24</sup> Al-Hākīm, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 4:287 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, no. hadith 7405).

<sup>25</sup> Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, *Mu‘jam al-Mustalahāt al-Ḥadīthiyah*, (cet. 1, Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2004), 43. Sila lihat, *Sariqah al-ḥadīth* membawa makna seseorang *muḥaddīth* mendakwa bahawa dia mendengar hadith daripada seseorang syeikh, hakikatnya adalah sebaliknya. Apabila diselidiki hanya perawi hadith itu sahaja yang meriwayatkan hadith tersebut.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 75. Sila lihat, perkataan *matrūk* yang dimaksudkan di sini adalah *matrūk* pada perawi iaitu seseorang perawi yang dituduh sebagai pendusta atau pemalsu atau berlaku percampuran terhadap pengetahuannya dalam ingatan dan pemikirannya.

al-Bukhārī bahawa *fīhi naẓar* dan berkata al-Nasā'ī bahawa *laysa bi al-thiqah*.<sup>27</sup> Apabila dilihat kepada perawi Ṣāliḥ Bin Hayyān secara tidak langsung berkait rapat dengan riwayat al-Dārimī dan al-Ḥākim. Maka, hukum hadith ini adalah *ḍa'īf*.

## 6. (Hadith 6)

Dicitrakan daripada Sayyidina 'Umar bin al-Khattab r.a.: Bahawa sesungguhnya ia keluar serta sahabatnya, maka melihat seorang perempuan menanggung ia akan seorang yang tua di atas belakangnya, maka berkata oleh Sayyidinā 'Umar: “*Apa yang kepayahan ini?*” Maka menjawab perempuan itu: “*Ya Amirul Mu'minin! Bahawa sesungguhnya ia bapaku, dan sesungguhnya jadilah ia seperti kanak-kanak ingin ia pada tiap-tiap suatu saat dan satu saat berkehendak ia kepada bermain tanah seperti bermain kanak-kanak yang kecil dan sekali pula meminta ia akan makan dan sekali pula meminta ia akan minuman, maka tiap-tiap ghaib aku daripadanya memanggil-manggil ia akan daku dengan tangis, maka aku tanggung akan dia di atas belakangku di mana tempat berkeliling aku hingga apabila ingin ia akan suatu nescaya aku beri akan dia dan jikalau tiada dapat maka aku beri akan dia suatu benda.*” Demikian lagi, maka ajaiblah oleh Sayyidinā 'Umar, dan berkata ia: “*Adakah kamu tahu, bahawa sesungguhnya perempuan ini mendatangkan ia akan hak bapa.*” Maka sembah mereka itu: *بَلَىٰ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ*, Maka kata (Sayyidina 'Umar r.a.): “*Dan aku pohon, aku berkata seperti yang demikian itu jua bahawa sesungguhnya ia mendatangkan akan haknya dan serta ziyadah pula.*” Maka kata perempuan itu: “*Tersalah engkau (ya Amirul Mu'minin) kerana belum lagi aku bayarkan akan haknya, bahawa sesungguhnya adalah bapaku itu memelihara ia akan daku dan berdirilah ia dengan segala asbabku, dan berkhidmat ia akan daku serta mencita-cita ia akan hidupku dan enggan ia daripada matiku dan khidmat akan dia, dan aku berdiri memelihara atasnya. (Dan tetapi) aku mencita-cita aku akan matinya.*”<sup>28</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab dan riwayat hadith ini tidak ditemui.

### Hukum Hadith:

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

## 7. (Hadith 7)

Dan telah mengeluarkan oleh Ahmad daripada Anas: Telah berkata ia adalah ahli *bayt* daripada Anshari, ada bagi mereka itu, itu yang menerangkan mereka itu atasnya akan air hingga katanya, maka tatkala memandang unta kepada Rasulullah s.a.w. nescaya berhadaplah ia kepadanya hingga tersungkur ia hal keadaannya sujud unta itu antara hadapannya, maka berkata baginya oleh segala sahabat: “*Ya Rasulullah, ini binatang tiada berakal, sujud ia bagi engkau dan kami sekalian ini semuanya mempunyai akal, maka kamilah yang terlebih sebenarnya bahawa kami sujud bagi engkau.*” Maka bersabda ia: “*Tiada patut sekali-kali jika seorang manusia itu bahawa sujud ia bagi*

<sup>27</sup> Shams al-Dīn Muḥammad Bin Aḥmad Bin 'Uthmān al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, ed. Shu'ayb al-Arna'ūṭī (cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1982), 7:373.

<sup>28</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 4.

manusia dan jikalau patut sujud itu bagi seorang manusia nescaya aku suruh akan perempuan itu bahawa sujud ia bagi suaminya kerana sangat besar haknya itu atas isterinya jikalau ada pada tapak kakinya hingga sampai kepada tengah kepalanya pun yang jadi najis ia sebab nanah dan darah kemudian berhadaplah oleh isterinya itu akan dia, maka menjilat-jilat akan dia sesungguhnya belum lagi mendatangkan hak suaminya.”<sup>29</sup>

### Matan Arab:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَصْلُحُ لِيَشْرَ أَنْ يَسْجُدَ لِيَشْرٍ وَلَوْ صَلَحَ لِيَشْرٍ  
أَنْ يَسْجُدَ لِيَشْرٍ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِرُؤُوسِهَا ؛ مِنْ عِظْمِ حَقِّهِ عَلَيْهَا وَالَّذِي  
نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ كَانَ مِنْ قَدَمِهِ إِلَى مَفْرَقِ رَأْسِهِ فُرْحَةٌ تَجْرِي بِالْقَيْحِ وَالصَّدِيدِ ثُمَّ اسْتَقْبَلْتَهُ  
فَلَحَسْتَهُ مَا أَدَّتْ حَقَّهُ.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam Aḥmad<sup>30</sup>, al-Nasā’ī<sup>31</sup>, al-Ṭabrānī<sup>32</sup> dan al-Diyā’. Perawi tertinggi bagi kedua-dua sanad hadith ini adalah sahabat Anas bin Mālik. Periwatannya daripada al-Diyā’ adalah kesinambungan daripada riwayat Imam Aḥmad. Riwayat Imam al-Nasā’ī adalah *mutāba’at* kepada riwayat Aḥmad dan kedua-dua periwatannya itu telah bertemu pada perawi bernama Khalaf bin Khalīfah melainkan periwatannya daripada al-Ṭabrānī. Pentahkik bagi *Musnad Aḥmad* iaitu Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan hadith daripada riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ li ghayri*. Pentahkik bagi *Mu’jam al-Kabīr* iaitu Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menukulkan daripada kitab *al-Majma’* iaitu Ibn Ḥibbān telah *menthiqahkan* Abū ‘Izzah al-Dibāgh dan juga menyatakan perawi-perawi dalam sanad ini adalah *thiqah*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah riwayat Imam Aḥmad. Maka, status bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ li ghayri* seperti mana yang dihukumkan oleh Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ. Ini kerana beliau mendapati himpunan hadith-hadith yang berkaitan saling menguatkan antara satu sama lain lalu mengangkat statusnya daripada *ḥasan* kepada *ṣaḥīḥ li ghayri*.

<sup>29</sup> *Ibid.*, 5.

<sup>30</sup> Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal al-Shaybānī, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, ed. Shu‘ayb al-Arna’ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997), 20:64 (Musnad Anas Bin Mālik, no. hadith 12614).

<sup>31</sup> Abū ‘Abd al-Raḥman Aḥmad Bin Shu‘ayb al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Ḥasan ‘Abd al-Mun‘im al-Shalabī (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001), 8:253. (Kitāb ‘Asharah al-Nisā’, Bāb Haq al-Rajul ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 9102).

<sup>32</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr*, 11:356 (‘Ikrimah ‘an Ibn ‘Abbas, no. hadith 12003).

## 8. (Hadith 8)

(Dan sayugianya) bahawa menyebut dan mengingatkan ia bagi isterinya akan *khobar* yang *ṣaḥīḥ* keduanya, iaitu apabila bermalam oleh perempuan hal keadaannya meninggalkan ia akan tempat ketiduran suaminya nescaya melaknatkan akan dia oleh segala malaikat hingga sampai waktu subuh.<sup>33</sup>

### Matan Arab:

إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ، فَأَبَتْ أَنْ يَجِيءَ، لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تَصْبِحَ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī,<sup>34</sup> Muslim,<sup>35</sup> dan Abū Dāwud.<sup>36</sup> Ketiga-tiga periwayatan ini bertemu pada perawi bernama Abī Ḥāzim. Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī turut menyatakan hadith riwayat daripada Abū Dāwud ini adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>37</sup>

### Hukum Hadith:

Status hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana Imam al-Bukhārī dan Muslim turut meriwayatkan hadith ini. Apabila sesuatu hadith itu diriwayatkan secara *muttafaqun ‘alayh*, maka menjadi suatu perkara yang makruf di kalangan ahli hadith bahawa status hadith tersebut adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>38</sup>

## 9. (Hadith 9)

Dicitrakan oleh Sayyidina ‘Ali r.a.: “Adalah pada suatu hari masuk aku ke dalam rumah Nabi s.a.w., dan ada sertaku isteriku, Siti Fatimah r.a., maka tatkala menepuk (mengetuk) pintu, maka sabda Nabi s.a.w. “*Siapa yang di pintu itu?*” Maka sahut Siti Fatimah: “*Kami dengan suami kami ‘Ali, hamba datang mengadap akan dikau ya Rasulullah.*” Maka tatkala membuka pintu bagi kami, maka tiba-tiba kami dapat akan

<sup>33</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 6.

<sup>34</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Ismā‘īl Bin Ibrāhīm Bin al-Mughīrah Bin Bardizbah al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ Bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 449 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Idhā Bātat al-Mar’ah Muhājirah Firāsh Zawjihā, no. hadith 5193).

<sup>35</sup> Abū Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj Bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ Bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 919 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Taḥrīm Imtinā‘ihā min Firāsh Zawjihā, no. hadith 122).

<sup>36</sup> Abū Dāwud Sulaymān Bin al-Ash‘ath Bin Ishāq al-Azdī al-Sajastānī, “*Sunan Abī Dāwud*,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ Bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 1380 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī Ḥaḥ al-Zawj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 2141).

<sup>37</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāwud*, (Kuwait: Muassasah Ghirās li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2002), 6:358 (Kitāb al-Nikāḥ, Ḥaḥ al-Zawj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 1858). Sila lihat; Abū Dāwud Sulaymān Bin al-Ash‘ath Bin Ishāq al-Azdī al-Sajastānī, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 372.

<sup>38</sup> *Muttafaqun ‘alayh* membawa erti periwayatan sesuatu hadith daripada Imam al-Bukhārī dan Muslim (dalam kitab *Ṣaḥīḥ* mereka) yang mana secara tidak langsung status hadith tersebut diketahui umum sebagai *ṣaḥīḥ*. Ini kerana syarat penerimaan hadith daripada kedua-dua Imam adalah ketat dan benar-benar berkualiti.

Nabi hal keadaannya menangis akan sebagai tangis yang sangat.” Maka kataku baginya: *“Penebusmu aku, engkaulah bapaku, dan ibuku, ya Rasulullah. Apalah yang menangiskan akan dia.”* Maka sabdanya: *“Bahawa sesungguhnya telah aku lihat pada malam mikraj beberapa beberapa perempuan daripada umatku di dalam seksa yang amat sangat, maka sangatlah salah pekerjaan mereka itu kerana itulah yang menangiskan akan daku daripada sangat seksa mereka itu.”* Berkata Saiyidina ‘Ali r.a.: *“Ya Rasulullah betapa engkau lihat kepada mereka itu.”* Maka sabda Rasulullah s.a.w.: *“Telah aku lihat seorang perempuan yang tergantung dengan lidahnya dan api neraka yang sangat panas dituangkan ke dalam lehernya. (Dan) aku lihat seorang perempuan yang tergantung dengan rambutnya dan mendidih otak kepalanya. (Dan) aku lihat pula seorang perempuan yang tergantung dengan dua kakinya padahal terikat lagi terlipat telah mengeluarkan segala malaikat yang menyiksa itu dengan dua tangannya daripada pihak belakang dan minyak tanah itu dilumurkan pada badannya dan dituangkan air panas ke dalam lehernya. (Dan aku lihat) seorang perempuan yang tergantung dengan dua susunya dan buah zaqqum itu dituangkan masuk di dalam lehernya, erti buah zaqqum itu, iaitu buah kayu di dalam neraka yang amat pahit, maka apabila memakan mereka itu akan zaqqum itu nescaya menggelegak segala isi perut mereka itu dan otak mereka itu dan gusi mereka itu dan keluar lidah apinya daripada mulut mereka itu. (Dan ku lihat pula) seorang perempuan yang tergantung padahal memakan ia akan daging dirinya dan api neraka dinyala-nyalakan daripada pihak bawahnya. (Dan aku lihat) pula seorang perempuan yang tergantung lagi menambat oleh segala malaikat akan dua kakinya kepada dua susunya dan ditambahkan dua susunya kepada ubun-ubunnya dan dijadikan atas badannya itu beberapa ular dan kala hal keadaannya memakan ia akan dagingnya dan minum ia akan darahnya. (Dan aku lihat) pula seorang perempuan yang tergantung hal keadaannya buta dan tuli dan kelu di dalam kerongkongan api neraka padahal keluar otak daripada kepalanya dan lagi mengalir ke dalam hidungnya dan segala badannya itu amat busuk lagi terputar-putar seperti kena penyakit yang besar. (Dan aku lihat) pula seorang perempuan yang tergantung hal keadaannya dipotong segala daging badannya daripada hadapannya hingga ke belakangnya daripada segala anggotanya dengan gunting api neraka. (Dan aku lihat) pula seorang perempuan yang tergantung hal keadaannya hitam segala mukanya dan dua susunya dan api memakan isi perutnya. (Dan aku lihat) pula seorang perempuan yang tergantung kepalanya seperti kepala babi, dan tubuhnya seperti tubuh keldai, dan di atasnya itu beribu-beribu warna daripada azab. (Dan aku lihat) pula seorang perempuan yang tergantung atas rupa anjing dan api neraka itu masuk daripada bawah duburnya dan keluar ia daripada mulutnya dan segala malaikat itu memukul mereka itu akan kepalanya, dan badannya dengan pemukul api neraka.”* Kata Saiyidina ‘Ali: *“Maka berdirilah Siti Fatimah r.a. kepada Nabi s.a.w., maka berkata Siti Fatimah: “Hai kekasihku dan cahaya mataku, khabarkan olehmu apa-apa dosa mereka itu hingga jatuh atas sekalian mereka itu dengan beberapa bagai-bagai seksa.”* Maka sabda Nabi s.a.w.: *“(Ada pun) perempuan yang tergantung dengan rambutnya itu, maka bahawa sesungguhnya ia tiada mahu menutup rambutnya daripada lelaki yang lain yang haram memandangnya. (Dan adapun) perempuan yang tergantung dengan lidahnya dan air yang panas dituangkan di leher itu, maka bahawa sesungguhnya ia menyakiti akan suaminya. (Dan adapun) perempuan yang tergantung dua susunya itu, maka bahawa sesungguhnya ia memberikan air susu suaminya tiada dengan izinnya. (Dan adapun) perempuan yang tergantung dengan dua kakinya di dalam kerongkongan api neraka itu, maka bahawa sesungguhnya ia keluar daripada suaminya dengan tiada izin daripadanya. (Dan adapun) perempuan yang tergantung dan memakan ia akan tubuhnya dan api neraka dinyala-nyalakan daripada pihak bawahnya, maka bahawa sesungguhnya ia memperhiasi tubuhnya kerana orang yang lain yang tiada memperhiasi bagi suaminya. (Dan adapun) perempuan yang tergantung dengan dua kakinya yang*



tertambat kepada dua susunya bertambat pada ubun-ubun dan telah dijadikan kepadanya beberapa ular dan kala yang memakan ia akan dagingnya dan meminum ia akan darahnya bahawa sesungguhnya ia di dalam dunia tiada hendak bersuci badannya dan tiada hendak mandi daripada junub dan haid dan daripada nifas dan meringan- ringan akan sembahyang. (Dan adapun) perempuan yang tergantung hal keadaan kelu dan buta dan tuli yang ada ia di dalam kurungan daripada api neraka, maka bahawa sesungguhnya ada ia mendatangkan daripada anak zina ditambatkan akan dia pada batang leher suaminya. (Dan adapun) perempuan yang kepalanya seperti kepala babi dan badannya itu seperti badan himar, yakni keldai bahawa sesungguhnya ia adalah sangat mengadu-adu lagi amat dusta. (Dan adapun) perempuan yang seperti rupa anjing dan api masuk ia daripada mulutnya dan keluar ia daripada duburnya, maka bahawa sesungguhnya ia adalah sangat membangkit akan manusia lagi banyak dengki berdengi.”<sup>39</sup>

### Matan Arab:

وَقَالَ عَلِيُّ كَرَّمَ اللَّهُ وَجْهَهُ: دَخَلْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا وَ فَاطِمَةُ، فَوَجَدْنَاهُ يَبْكِي بُكَاءً شَدِيدًا، فَقُلْتُ لَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (فِدَاكَ أَبِي وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ) ففداك مبتدأ، وما بعده خبره أي أنا أفدى لك من حزنك وبكائك بأبي وأمي لشدة محبتي إياك (مَا الَّذِي أَبْكَاكَ ؟، قَالَ) صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (يَا عَلِيُّ، لَيْلَةُ أُسْرِي بِي إِلَى السَّمَاءِ رَأَيْتُ نِسَاءً مِنْ أُمَّتِي يُعَذِّبْنَ فِي النَّارِ، فَبَكَيْتُ لَمَّا رَأَيْتُ مِنْ شِدَّةِ عَذَابِهِنَّ) ثُمَّ فَصَلَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا الْإِجْمَالَ بِقَوْلِهِ: (رَأَيْتُ امْرَأَةً مُعَلَّقَةً بِشَعْرِهَا يَغْلِي) (دِمَاغَهَا، وَ) (رَأَيْتُ امْرَأَةً مُعَلَّقَةً بِلِسَانِهَا وَالْحَيْمِ) أَي الْمَاءِ الْحَارِ (يُصَبُّ فِي حَلْقِهَا، وَ) (رَأَيْتُ امْرَأَةً قَدْ شَدَّ رِجْلَاهَا إِلَى تَدْيِيئِهَا وَ) (يَدَاهَا إِلَى نَاصِيئِهَا، وَقَدْ سَلَطَ اللَّهُ عَلَيْهَا الْحَيَاتِ وَالْعَقَّارِبَ، وَ) (رَأَيْتُ امْرَأَةً مُعَلَّقَةً بِتَدْيِيئِهَا، وَ) (رَأَيْتُ امْرَأَةً رَأْسُهَا رَأْسُ حَنْزِيرٍ وَبَدْنُهَا بَدَنُ حِمَارٍ وَعَلَيْهَا أَلْفُ أَلْفٍ مِنَ الْعَذَابِ، وَ) (رَأَيْتُ امْرَأَةً عَلَى صُورَةِ الْكَلْبِ، وَالنَّارُ تَدْخُلُ مِنْ فِيهَا وَتَخْرُجُ مِنْ دُبُرِهَا، وَالْمَلَائِكَةُ يَضْرِبُونَ رَأْسَهَا بِمِقَامِعٍ مِنْ نَارٍ، فَقَامَتْ فَاطِمَةُ الرَّهْرَاءُ) (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، وَقَالَتْ: يَا حَبِيبِي وَفَرَّةَ عَيْنِي) (مَا كَانَ أَعْمَالُ هَؤُلَاءِ) (حَتَّى وَقَعَ عَلَيْهِنَ هَذَا الْعَذَابُ) (فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا بُنَيَّةُ، أَمَّا الْمُعَلَّقَةُ بِشَعْرِهَا فَإِنَّهَا كَانَتْ لَا تُعْطَى شَعْرَهَا مِنْ الرِّجَالِ) (وَأَمَّا الْمُعَلَّقَةُ بِلِسَانِهَا فَإِنَّهَا كَانَتْ تُؤَذَى زَوْجِهَا) (وَأَمَّا الْمُعَلَّقَةُ بِتَدْيِيئِهَا فَإِنَّهَا كَانَتْ تُوْطِئُ فِرَاشَ زَوْجِهَا. وَأَمَّا الَّتِي شَدَّ رِجْلَاهَا إِلَى تَدْيِيئِهَا وَيَدَاهَا إِلَى نَاصِيئِهَا وَقَدْ سَلَطَ اللَّهُ عَلَيْهَا الْحَيَاتِ وَالْعَقَّارِبَ فَإِنَّهَا كَانَتْ لَا تَعْتَسِلُ مِنَ الْجَنَابَةِ وَالْحَيْضِ، وَتَسْتَهْرِئُ بِالصَّلَاةِ. وَأَمَّا الَّتِي رَأْسُهَا رَأْسُ حَنْزِيرٍ وَبَدْنُهَا بَدَنُ حِمَارٍ فَإِنَّهَا كَانَتْ تَمَامَةً كَذَّابَةً. وَأَمَّا الَّتِي عَلَى صُورَةِ الْكَلْبِ، وَالنَّارُ تَدْخُلُ مِنْ فِيهَا وَتَخْرُجُ مِنْ دُبُرِهَا، فَإِنَّهَا كَانَتْ مَنَانَةً حَسَادَةً. وَ يَا بُنَيَّةُ، الْوَيْلُ) (لِامْرَأَةِ تَعْصِي زَوْجِهَا. وَالْحَاصِلُ) (أَنَّ الزَّوْجَ

<sup>39</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 6.

لِلزَّوْجَةِ كَالْوَالِدِ لِلْوَالِدِ، لَأَنَّ طَاعَةَ الْوَالِدِ لِوَالِدِهِ وَطَلَبَ رِضَاهُ وَاجِبٌ، وَلَا يَجِبُ ذَلِكَ عَلَى الزَّوْجِ).

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menemui hadith ini di dalam kitab-kitab hadith muktabar. Hadith ini hanya ditemui setelah pencarian hadith melalui laman web dilakukan. Pencarian adalah dengan kata kunci “رَأَيْتُ امْرَأَةً مُعَلَّقَةً بِشَعْرِهَا يُعْلِي”. Paparan menunjukkan hadith ini diulas dalam kitab *Majmu‘ Fatawa wa Maqalat al-Mutanawwi‘ah* oleh Shaykh ‘Abd al-‘Aziz Bin ‘Abd Allah Bin Bāz, pada jilid ke-6 dalam halaman ke-223 serta dihukumkan oleh Shaykh Ibn Bāz sebagai hadith ini dusta dan matannya adalah *munkar*.<sup>40</sup>

#### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *mawḍū‘*.

#### 10. (Hadith 10)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abi Hurayrah (sabda Nabi s.a.w): “*Apabila memanggil oleh lelaki akan isterinya kepada hamparannya, maka enggan ia, maka tidur ia padahal marah ia atas isterinya nescaya melaknatkan akan dia oleh segala malaikat hingga sampai subuh.*”<sup>41</sup>

#### Matan Arab:

إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ أَنْ تَجِيءَ فَبَاتَ غَضَبَانَا عَلَيْهَا : لَعْنَتُهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah pengulangan bagi hadith ke-8. Sila rujuk hadith kelapan bagi mengetahui status hadith ini.

#### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣahīḥ*.

<sup>40</sup> Laman sesawang Dorar.net, dicapai 9 April 2013, <http://www.dorar.net/enc/hadith?skeys=مُعَلَّقَةٌ%20امْرَأَةٌ%20رَأَيْتُ>. Sila lihat; ‘Abd al-‘Aziz Bin ‘Abd Allah Bin Bāz, *Majmū‘ Fatāwā wa Maqālāt Mutanawwi‘ah*, (Riyadh: Dār al-Qāsim li al-Nashr, t.t.), 26:223.

<sup>41</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 8.

## 11. (Hadith 11)

(Dan citra) daripada keduanya pula: “*Demi Tuhan yang diriku dijadikan dengan qudratnya tiada daripada seorang lelaki yang memanggil ia akan isterinya kepada hamparannya, maka enggan ia atas datangnya melainkan adalah Tuhan yang pada langit itu suruhnya dan kekerasannya itu murkalah atasnya hingga reda daripadanya oleh suaminya.*”<sup>42</sup>

### Matan Arab:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، مَا مِنْ رَجُلٍ يَدْعُو امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهَا، فَتَأْتِي عَلَيْهِ، إِلَّا كَانَ الَّذِي  
فِي السَّمَاءِ سَاخِطًا عَلَيْهَا حَتَّى يَرْضَى عَنْهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Muslim<sup>43</sup> dan al-Bazzār.<sup>44</sup> Kedua-dua sanad periwayatan telah bertemu pada Abū Hurayrah.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana diriwayatkan oleh Muslim.

## 12. (Hadith 12)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Ibnu Hibban dan Baihaqi: “*Tiga orang yang tiada menerima Allah Ta'ala bagi mereka itu akan sembahyangnya tiada mengangkat Allah Ta'ala bagi mereka itu kepada langit akan kebajikan, Hamba yang lari daripada penghulunya hingga kembali ia kepada penghulunya, Perempuan yang marah atasnya oleh suaminya hingga redha ia, Orang yang mabuk hingga jaga ia daripada mabuknya.*”<sup>45</sup>

### Matan Arab:

ثَلَاثَةٌ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ هُمْ صَلَاةً، وَلَا يَرْفَعُ هُمْ إِلَى السَّمَاءِ حَسَنَةً: الْعَبْدُ الْأَبْقَى حَتَّى يَرْجِعَ  
إِلَى مَوَالِيهِ فَيَضَعُ يَدَهُ فِي أَيْدِيهِمْ، وَالْمَرْأَةُ السَّاخِطُ عَلَيْهَا زَوْجُهَا حَتَّى يَرْضَى،  
وَالسَّكَرَانُ حَتَّى يَصْحُو

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān<sup>46</sup> (w. 739H), al-Bayhaqī<sup>47</sup> (w. 458H) dan Ibn Khuzaymah<sup>48</sup> (w. 311H). Ketiga-tiga periwayatan telah bertemu pada perawi

<sup>42</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 8.

<sup>43</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 919 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Taḥrīm Imtinā‘ihā min Firāsh Zawjihā, no. 121).

<sup>44</sup> Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma‘rūf Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil Bin Sa‘d, 17:32 (Musnad Abī Hamzah Anas Bin Mālik, no. hadith 9545).

<sup>45</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 8.

<sup>46</sup> Al-Amīr ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, ed. Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ (cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 12:178 (Kitāb al-Ashribah, Bāb Faṣl fī al-Ashribah, no. hadith 5355).

<sup>47</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 1:573 (Kitāb al-Ṣalāh, Jamā‘ Abwāb al-Mawāqīt, Bāb Zawāl al-‘Aql bi al-Sukr lā yakūn ‘Udhran fī Suqūṭ al-Farḍ ‘anhu, no. hadith 1830).

bernama Hishām bin ‘Ammār. Pentahkik *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* iaitu Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad daripada periwayatan Ibn Ḥibbān adalah *ḍa‘īf* kerana terdapat perawi bernama Hishām bin ‘Ammār iaitu *kibar fasār yatalaqqan*<sup>49</sup> dan Zuhayr bin Muḥammad yang mana apabila ahli Sham mengambil riwayat daripadanya, maka semua riwayat daripadanya adalah *ghayr mustaqīmah* (tidak benar).

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḍa‘īf*. Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan bahawa sanadnya adalah *ḍa‘īf* disebabkan beberapa masalah yang terdapat pada perawi bernama Hishām bin ‘Ammār dan Zuhayr bin Muḥammad.

### 13. (Hadith 13)

(Telah) mengeluarkan Khatib: “*Di mana-mana perempuan yang keluar ia daripada rumahnya dengan tiada izin suaminya adalah ia perempuan itu di dalam murka Allah Ta’ala hingga kembali ia kepada rumahnya atau hingga redha daripadanya oleh suaminya.*”<sup>50</sup>

### Matan Arab:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ خَرَجَتْ مِنْ غَيْرِ أَمْرِ زَوْجِهَا، كَانَتْ فِي سَخَطِ اللَّهِ حَتَّى تَرْجِعَ إِلَى بَيْتِهَا أَوْ يَرْضَى عَنْهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Baghdādī<sup>51</sup> (w. 463H) di dalam kitabnya “*Tārīkh Madīnah al-Salām*” mengikut jalan periwayatan Abī Nu‘aym al-Ḥāfiẓ dengan sanadnya Ibrāhīm bin Hudbah. Dr. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf iaitu pentahkik bagi kitab ini menyatakan bahawa hadith ini *mawḍū‘*. Al-Albānī dalam kitabnya “*Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*” menyatakan bahawa hadith ini *mawḍū‘*.<sup>52</sup> Ini kerana terdapat perawi bernama Ibrāhīm bin Hudbah yang dituduh sebagai *kadhhab* dan riwayat daripadanya adalah *munkar*<sup>53</sup> sepertimana yang

<sup>48</sup> Abū Bakr Muḥammad bin Ishāq bin Khuzaymah al-Salamī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, ed. Muḥammad Mustafā al-A‘ẓamī (Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1980), 2:69 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Nafī Qabūl Ṣalāh al-Mar’ah al-Ghādibah li Zawjihā wa Ṣalāh al-‘Abd al-Ābiq, no. hadith 940).

<sup>49</sup> *Kibar fasār yatalaqqan* membawa maksud seseorang perawi yang tua nyanyuk dan situasinya itu menyebabkan hafazan hadithnya tidak kuat dan tidak *ḍābiṭ*. Beliau sering ditegur disebabkan hafazannya yang tersangkut-sangkut dan mudah menerima teguran yang membetulkannya sama ada teguran itu benar ataupun salah.

<sup>50</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 8.

<sup>51</sup> Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit al-Khatīb al-Baghdādī, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, ed. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2001), 7:155 (Bāb Alīf, Dhikr Man Ismuhu Ibrāhīm ‘alā mā Taqaddam min al-Tartīb Hurūf al-Mu‘jam, Ḥarf al-Hā’).

<sup>52</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 3:88.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 89.

dinukilkan daripada al-Dhahabī dalam kitab “*al-Du‘afā*” dan Imam Aḥmad turut menyatakan bahawa hadith-hadith daripadanya adalah *munkar*.

#### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *mawḍū‘* kerana terdiri daripada perawi dusta iaitu Ibrāhīm bin Hudbah.

#### **14. (Hadith 14)**

(Dan pada suatu) riwayat: “*Telah melaknatkan akan dia oleh segala malaikat yang di langit dan tiap-tiap suatu yang lalu atasnya yang lain daripada jin dan manusia hingga kembali ia.*”<sup>54</sup>

#### **Matan Arab:**

لَعَنَهَا كُلُّ مَلَكٍ فِي السَّمَاءِ، وَكُلُّ شَيْءٍ تَمُرُّ عَلَيْهِ، غَيْرَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ، حَتَّى تَرْجِعَ

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>55</sup> (w. 360H), al-Bayhaqī<sup>56</sup> dan Ibn Abī Shaybah.<sup>57</sup> Periwiyatan al-Ṭabrānī adalah daripada jalan periwiyatan ‘Amr bin Dīnār. Riwayat al-Bayhaqī dan Ibn Abī Shaybah adalah dari *ṭuruq* yang berlainan serta memiliki lafaz matan yang berbeza dan masing-masing bertemu pada perawi bernama ‘Aṭā’. Namun begitu, hadith ini jelas daripada riwayat al-Ṭabrānī. Hadith ini tidak diriwayatkan daripada ‘Amr bin Dīnār melainkan melalui Muhammad bin Zayd. Suwayd bin ‘Abd al-‘Aziz bersendirian dalam meriwayatkan hadith ini.

#### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah riwayat al-Ṭabrānī. Di dalam hadith ini terdapat perawi bernama Suwayd bin ‘Abd al-‘Aziz. Pentahkik bagi kitab *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawā‘id al-Mu‘jamayn* oleh al-Haythamī (w. 807H) iaitu ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr menyatakan bahawa Suwayd bin ‘Abd al-‘Aziz adalah *matrūk*.<sup>58</sup> Maka, hukum hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan*.

<sup>54</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 8.

<sup>55</sup> Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, ed. Abū Mu‘ādh Ṭāriq bin ‘Iwād Allah bin Muḥammad et al., (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.), 1:164 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Aḥmad, no. hadith 513).

<sup>56</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:477 (Kitāb al-Qaṣm wa al-Nushūz, Bāb Mā Ja’a fī Bayān Ḥaqqihi ‘Alayhā, no. hadith 14713).

<sup>57</sup> Ibn Abī Shaybah, *al-Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah*, 6:232 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Ḥaq al-Zawaj ‘alā Imra’atihi, no. hadith 17293).

<sup>58</sup> Nūr al-Dīn al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawā‘id al-Mu‘jamayn*, ed. ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr, (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1992), 4:195 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Ḥaq al-Zawaj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 2321).

## 15. (Hadith 15)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Ahmad dan Tabarani dan Baihaqi dan Hakim: “Di mana-mana perempuan yang memakai bauan-bauan kemudian keluar ia, maka lalu ia atas suatu kaum supaya mendapat mereka itu akan baunya, maka perempuan itu seperti buat zina dan tiap-tiap mata memandang itu zina.”<sup>59</sup>

### Matan Arab:

أَمَّا امْرَأَةٌ اسْتَعْطَرَتْ، فَمَرَّتْ بِقَوْمٍ لِيَجِدُوا رِيحَهَا فَهِيَ زَانِيَةٌ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi<sup>60</sup> (w. 279H), Imam Aḥmad<sup>61</sup> (w. 241H), al-Ḥākim<sup>62</sup> (w. 405H), al-Bayhaqī<sup>63</sup> (w. 458H) dan Ibn Khuzaymah<sup>64</sup> (w. 311H) . Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan bahawa sanad daripada riwayat Imam Aḥmad adalah *jayyid* dan perawi bernama Marwān bin Mu‘āwiyah adalah tergolong sebagai perawi yang diambil riwayatnya oleh kedua-dua Imam (*rijāl al-shaykhayn*). Pentahkik *Mustadrak al-Ḥākim* iaitu Abū ‘Abd al-Raḥman Muqbil Bin Hādī al-Wādi‘ī menyatakan sanadnya *ṣaḥīḥ* kerana terdiri daripada *rijāl* Muslim. Pentahkik kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* iaitu Muḥammad al-Mustafā al-A‘zamī menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini adalah *hasan*. Shaykh al-Albānī menyatakan hadith riwayat al-Tirmidhi adalah *hasan*.<sup>65</sup>

### Hukum Hadith:

Matan hadith ini adalah serupa dengan riwayat Imam al-Tirmidhi dan Ibn Khuzaymah. Penulis bersetuju dengan pandangan daripada pentahkik kepada kedua-dua riwayat tersebut iaitu Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ dan Muḥammad al-Mustafā al-A‘zamī yang meletakkan status hadith ini sebagai *hasan*. Namun begitu, riwayat al-Ḥākim adalah lebih *ṣaḥīḥ*.

<sup>59</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 8.

<sup>60</sup> Muḥammad Bin ‘Īsā Bin Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Al Salman, (Riyadh: Maktabah al- Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzi‘, t.t.), 625 (Kitāb al-Adab, Bāb Mā Jā’a fī Karāhiyah Khurūj al-Mar’ah Muta‘aṭṭirah, no. hadith 2786).

<sup>61</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 32:483 (Awal Musnad al-Kufiyyīn, Ḥadīth Abū Mūsā al-Asy‘arī, no. hadith 19711).

<sup>62</sup> Al-Ḥākim, *Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:467 (Kitāb al-Tafsīr, Tafsīr Sūrah al-Nūr, no. hadith 3554).

<sup>63</sup> Al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā*, 3:349 (Kitāb al-Jum‘ah, wa min Jamā‘ Abwāb al-Hay‘ah li al-Jum‘ah, Bāb Mā Yukrahu li al-Nisā’ min al-Ṭayb ‘inda al-Khurūj wa Mā Yashtahirna bih no. hadith 5975).

<sup>64</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3:91 (Kitāb al-Imāmah fī al-Ṣalāh wa Mā fīhā min al-Sunan Mukhtaṣar min Kitāb al-Musnad, Bāb al-Taghlīz fī Ta‘aṭṭur al-Mar’ah ‘inda al-Khurūj li yūjad Rīhuhā wa Tasmiyah Fā’ilahā Zāniyah, no. hadith 1681).

<sup>65</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzi‘, 2000), 2:451 (Kitāb al-Nikāh wa Mā Yata‘llaqu bih, Tarhīb al-Mar’ah an Takhruja min Baytiḥā Muta‘aṭṭirah Mutazayyinah, no. hadith 2019).

## 16. (Hadith 16)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Ibn ‘Adi dan Ibn ‘Asakir: “Apabila berkata oleh perempuan itu bagi suaminya, “*tiada aku lihat daripada engkau akan kebajikan sekali-kali*”, maka sesungguhnya batallah amalnya perempuan itu.<sup>66</sup>

### Matan Arab:

إِذَا قَالَتِ الْمَرْأَةُ لِرَوْحِهَا مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قَطُّ فَقَدْ حَيْطَ عَمَلُهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab melainkan daripada kitab *al-Kāmil Fī Du‘afā’ al-Rijāl* oleh Ibn ‘Adī<sup>67</sup> (w. 365H) dan *Tārīkh Madīnah Dimashq* oleh Ibn ‘Asākīr<sup>68</sup> (w. 571H) yang mana kedua-dua riwayat mengambil dari *ṭarīq* Salām Bin Razīn. Pengarang kitab *Al-Kāmil Fī Du‘afā’ al-Rijāl* iaitu Ibn ‘Adī menyenaraikan perawi bernama Yūsuf Bin Ibrāhīm al-Tamīmī di dalam sanad hadith ini sebagai perawi yang *ḍa‘īf*. Yusuf Bin Ibrahim tidak dikenali dan hadith yang diriwayatkannya tidak banyak. Al-Dhahabī menyatakan bahawa perawi bernama Salām Bin Razīn pula adalah tidak dikenali dan hadithnya adalah *bāṭil*. Beliau turut menukulkan dari al-‘Uqaylī bahawa beliau mengambil dari ‘Abd Allah bin Aḥmad bin Ḥanbal dari bapanya (iaitu Imam Aḥmad) menyatakan berkenaan Salām Bin Razīn, “Ini adalah *mawḍū‘* dan hadith ini diriwayatkan pendusta (*al-Kadhhdhābīn*).<sup>69</sup> Shaykh al-Albānī menyatakan bahawa hadith ini *mawḍū‘*.<sup>70</sup>

### Hukum Hadith:

Hadith ini *mawḍū‘*.

## 17. (Hadith 17)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmidhi: “*Di mana-mana perempuan yang meminta ia akan suaminya akan talak daripada tiada suatu kejahatan, maka haramlah atasnya mencium bau syurga.*”<sup>71</sup>

### Matan Arab:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ سَأَلَتْ زَوْجَهَا طَلَاقًا فِي غَيْرِ مَا بَأْسٍ، فَحَرَامٌ عَلَيْهَا رَائِحَةُ الْجَنَّةِ

<sup>66</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 9.

<sup>67</sup> Abū Aḥmad ‘Abd Allah Bin ‘Adī al-Jurjānī, *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 8:506 (Tarjamah Yūsuf Bin Ibrāhīm al-Tamīmī).

<sup>68</sup> Abū al-Qāsim ‘Alī Bin al-Ḥasan Ibn Hibbah Allah Bin ‘Abd Allah al-Shāfi‘ī, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, ed. ‘Amr Bin Ghurāmah al-‘Amrawī, (t.tp: Dār al-Fikr, 1997), 57:84 (Harf al-Mīm, Muḥriz Bin ‘Abd Allah Bin Muḥriz Abū al-Qāsim al-Tunniṣī al-Shaykh al-Ṣāliḥ).

<sup>69</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Aḥmad Bin ‘Uthmān Al-Dhahabī, *Mizān al-I‘tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, ed. ‘Alī bin Muḥammad al-Bajāwī (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 2:175.

<sup>70</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 4:135 (no. hadith 1632).

<sup>71</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 9.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū Dāwud<sup>72</sup> (w. 275H), Imam al-Tirmidhi<sup>73</sup> (w. 279H), Ibn Mājah<sup>74</sup> (w. 273H), Ibn Hibbān<sup>75</sup> (w. 739H) dan al-Dārimī<sup>76</sup> (w. 255H). Hampir keseluruhan riwayat di atas bertemu periwayatan mereka pada perawi bernama Ayyūb. Shaykh al-Albānī telah men<sup>ṣ</sup>ahihkan hadith ini.<sup>77</sup> Pentahkik *Ṣahīḥ Ibn Hibbān* iaitu Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūt menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ṣahīḥ* berdasarkan syarat Muslim dan perawi-perawinya adalah *thiqah*. Ḥusayn Salīm Asad iaitu pentahkik bagi Sunan al-Dārimī turut menyatakan bahawa sanadnya adalah *ṣahīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣahīḥ*.

### 18. (Hadith 18)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Abu Dawud dan Ibnu Majah: “*Tiada dinyatakan lelaki pada barang yang memalu ia akan isterinya atas palunya.*”<sup>78</sup>

#### Matan Arab:

لَا يُسْأَلُ الرَّجُلُ فِيمَا ضَرَبَ امْرَأَتَهُ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwud<sup>79</sup>, Ibn Mājah<sup>80</sup>, al-Nasā’ī<sup>81</sup> (w. 303H) dan al-Hākim.<sup>82</sup> Setiap jalur periwayatan mempunyai sedikit perbezaan terhadap matan. Pertembungan sanad bagi setiap periwayatan berlaku pada perawi bernama Abū

<sup>72</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 253 (Kitāb al-Ṭalāq, Bāb fī al-Khuluq, no. hadith 2226).

<sup>73</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 282 (Kitāb al-Ṭalāq wa al-Li‘ān, Bāb Mā Jā’a fī al-Mukhtali‘āt, no. hadith 1187).

<sup>74</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 354 (Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Karāhiyah al-Khulu‘ li al-Mar’ah, no. hadith 2055).

<sup>75</sup> Ibn Hibbān, *Ṣahīḥ Ibn Hibbān*, 9:490 (Kitāb al-Nikāh, Bāb Mu‘āsharah al-Zawjayn, no. hadith 4184).

<sup>76</sup> Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3:1457 (Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Nahy ‘an Tas’al al-Mar’ah Zawjahā Ṭalāqahā, no. hadith 2316).

<sup>77</sup> Muḥammad Bin ‘Abd Allah al-Khaṭīb al-Tibrīzī, *Mishkāt al-Maṣābiḥ*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (cet. ke-2, Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1979), 2:978 (Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Khulu‘ wa al-Ṭalāq, no. hadith 3279).

<sup>78</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 9.

<sup>79</sup> Abī Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 244 (Kitāb al-Nikāh, Bāb fī Ḍarbi al-Nisā’, no. hadith 2147).

<sup>80</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 343 (Kitāb al-Nikāh, Bāb Ḍarbi al-Nisā’, no. hadith 1986).

<sup>81</sup> Al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:264 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb Ḍarb al-Rajul Zawjatahu, no. hadith 9123).

<sup>82</sup> Al-Hākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣahīḥayn*, 4:291 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, Ḥadīth ‘Abd Allah Bin ‘Amr, no. hadith 7420).



‘Awānah. Shaykh al-Albānī menda‘īfkan hadith ini.<sup>83</sup> Hasan ‘Abd al-Mun‘im Shalabī pentahkik bagi *Al-Sunan al-Kubrā* menyatakan nama yang betul bagi perawi bernama ‘Abd al-Raḥman al-Muslī adalah ‘Abd al-Raḥman Bin al-Muslī. Pentahkik Abī ‘Abd al-Raḥman Muqbil Bin Hādī al-Wādi‘ī menyatakan bahawa perawi bernama ‘Abd al-Raḥman al-Muslī adalah *majhūl*.

#### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ḍa‘īf*.

### **19. (Hadith 19)**

(Dan) warid (telah datang) daripada Nabi s.a.w., bahawa sesungguhnya bersabda ia: “*Aku melihat ke dalam neraka akan kebanyakan segala isinya itu sekalian perempuan.*”<sup>84</sup>

#### **Matan Arab:**

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أُرِيتُ النَّارَ فَإِذَا أَكْثَرُ أَهْلِهَا النِّسَاءُ

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>85</sup> (w. 256H) dan Muslim<sup>86</sup> (w. 261H). Kedua-dua jalur periwayatan telah bertemu pada peringkat sahabat Ibn ‘Abbās r.‘anhumā.

#### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

### **20. (Hadith 20)**

(Dan kerana inilah) bersabda Nabi s.a.w.: “*Bermula perempuan semuanya aurat, maka tahankan olehmu akan mereka itu di dalam rumah, maka bahawa sesungguhnya perempuan itu apabila keluar ia kepada berjalan maka bertanya baginya oleh ahlinya: “Ke mana engkau hendak pergi?”, maka jawab ia: “Aku hendak pergi lihat akan orang yang sakit”, atau “aku hendak mengikut akan jenazah”, maka sentiasalah perempuan itu menyesatkan oleh syaitan hingga mengeluarkan ia akan tangannya.*”<sup>87</sup>

<sup>83</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa‘īf Sunan Abī Dāwūd*, (Kuwait: Muassasah Ghirās li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2002), 2:222 (Kitāb al-Nikāh, Bāb fī Ḍarbi al-Nisā’, no. hadith 371).

<sup>84</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 9.

<sup>85</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam wa Sunanihi wa Ayyāmihi*, ed. Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1979), 1:26. (Kitāb al-Imān, Bāb Kufrān al-‘Ashīr wa Kufri dūna Kufri, no. hadith 29).

<sup>86</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1152 (Kitāb al-Raqāq, Bāb Akthar Ahl al-Jannah al-Fuqarā’ wa Akthar Ahl al-Nār al-Nisā’ wa Bayān al-Fitnah bi al-Nisā’, no. hadith 94).

<sup>87</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 9.

### Matan Arab:

إِنَّمَا النَّسَاءُ عَوْرَةٌ، وَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَتَخْرُجُ مِنْ بَيْتِهَا، وَمَا بِهَا مِنْ بَأْسٍ فَيَسْتَشْرِفُ لَهَا  
الشَّيْطَانُ، فَيَقُولُ: إِنَّكَ لَا تَمُرِينَ بِأَحَدٍ إِلَّا أَعْجَبْتِهِ، وَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَتَلْبَسُ ثِيَابَهَا، فَيُقَالُ:  
أَيْنَ تُرِيدِينَ؟ فَتَقُولُ: أَعُوذُ مَرِيضًا، أَوْ أَشْهَدُ جِنَازَةً، أَوْ أُصَلِّي فِي مَسْجِدٍ، وَمَا عَبَدَتِ  
امْرَأَةٌ رَبَّهَا مِثْلَ أَنْ تَعْبُدَهُ فِي بَيْتِهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>88</sup> (w. 360H), Ibn Khuzaymah<sup>89</sup> dan al-Bayhaqī<sup>90</sup> (w. 458H). Pertembungan riwayat bagi al-Ṭabrānī dan Ibn Khuzaymah berlaku pada perawi bernama Abī al-Aḥwaṣ. Manakala, riwayat al-Bayhaqī telah bertemu pada riwayat al-Ṭabrānī pada perawi bernama Shu‘bah. Pentahkik *Al-Mu‘jam al-Kabīr* iaitu Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salāfī menyatakan perawi-perawinya adalah *thiqah*. Pentahkik bagi *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* iaitu Muḥammad Mustafā al-A‘zamī menukilkan daripada Shaykh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī daripada kitabnya *Irwā’ al-Ghalīl* menyatakan bahawa sanad bagi riwayat Ibn Khuzaymah adalah *ṣaḥīḥ*. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī pentahkik bagi *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān* menyatakan bahawa sanad bagi riwayat al-Bayhaqī ini semuanya adalah *thiqah*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

#### 21. (Hadith 21)

Dan sabdanya pula: “Tiada menuntut oleh perempuan dengan kerana Allah Ta’ala dengan seperti bahawa duduk ia di dalam rumahnya atau berbuat ibadat ia akan Tuhannya dan mengikut ia akan suaminya.”<sup>91</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab dan riwayat hadith ini tidak ditemui.

### Hukum Hadith:

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

<sup>88</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 9:208 (Khutbah Ibn Mas‘ud wa min Kalamihī, no. hadith 8914).

<sup>89</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3:93 (Kitāb al-Imāmah fī al-Ṣalāh wa Mā fīhā min al-Sunan Mukhtaṣar min Kitāb al-Musnad, Bāb Ikhtiyār Ṣalāh al-Mar’ah fī Baytihā ‘alā Ṣalātihā fī al-Masjid, no. hadith 1685).

<sup>90</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 10:237 (Bāb al-Ḥayā’, Faṣl fī Hijāb al-Nisā’ wa al-Taghlīz fī Satrahna, no. hadith 7434).

<sup>91</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 9.

## 22. (Hadith 22)

(Dan) adalah Nabi s.a.w. bersabda ia: “Adakah tiada kamu malu dan tiada kamu cemburu dengan memberi akan seorang kamu akan isterinya keluar ia antara segala lelaki padahal memandang ia kepada mereka itu dan memandang lelaki itu padanya.”<sup>92</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab dan riwayat hadith ini tidak ditemui.

### Hukum Hadith:

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

## 23. (Hadith 23)

(Dan warid) pula daripada Nabi s.a.w., bahawa sesungguhnya bersabda ia: “Meminta ampun bagi perempuan yang mengikut bagi suaminya itu oleh segala burung yang terbang pada hawa’ dan segala ikan yang di dalam air, dan segala malaikat yang pada langit dan matahari dan bulan selama di dalam keredhaan suaminya dan di mana-mana perempuan yang derhaka ia akan suaminya maka atasnya laknat Allah dan laknat segala malaikat dan segala manusia sekalianya dan di mana-mana perempuan yang masam pada hadapan suaminya maka perempuan itu di dalam murka Allah Ta’ala hingga suka ia dan di mana-mana perempuan yang keluar ia daripada rumahnya dengan tiada izin suaminya nescaya melaknatkan akan dia oleh malaikat hingga kembali pulang ia.”<sup>93</sup>

### Matan Arab:

وَرُوِيَ عَنْهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَنَّهُ قَالَ: يَسْتَغْفِرُ لِلْمَرْأَةِ الْمُطِيعَةِ لِزَوْجِهَا الطَّيْرِ فِي  
الْهَوَاءِ وَالْحَيْتَانِ فِي الْمَاءِ وَالْمَلَائِكَةُ فِي السَّمَاءِ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ مَا دَامَتْ فِي رِضَا  
زَوْجِهَا، وَأَيُّمَا امْرَأَةٍ عَصَتْ زَوْجَهَا فَعَلَيْهَا لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَأَيُّمَا امْرَأَةٍ  
كَلَحَتْ فِي وَجْهِ زَوْجِهَا فَهِيَ فِي سَخَطِ اللَّهِ إِلَى أَنْ تُضَاحِكَهُ وَتَسْتَرْضِيَهُ، وَأَيُّمَا امْرَأَةٍ  
خَرَجَتْ مِنْ دَارِهَا بِغَيْرِ إِذْنِ زَوْجِهَا لَعَنَتَهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تَرْجِعَ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menjumpai hadith ini di dalam kitab-kitab hadith muktabar melainkan dalam kitab *Al-Kabā'ir* yang dikarang oleh Imam al-Dhahabī<sup>94</sup> (w. 748H) dalam fasal *al-Kabīrah al-Sābi‘ah wa al-Arba‘ūn* yang membincangkan topik *Nushūz al-Mar’ah ‘alā Zawjihā*. Penulis hanya menjumpai hanya matan hadith tanpa penyataan sanad.

### Hukum Hadith:

Sumber asal bagi hadith ini tidak ditemui dan statusnya tidak diketahui.

<sup>92</sup> *Ibid.*, 9.

<sup>93</sup> *Ibid.*, 9.

<sup>94</sup> Muḥammad Bin Aḥmad Bin ‘Uthmān al-Dhahabī, *al-Kabā'ir*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 180.

## 24. (Hadith 24)

(Dan telah) datang daripada Nabi s.a.w., bahawa sesungguhnya ia bersabda empat bahagi daripada perempuan yang isi neraka<sup>95</sup>:

1. Perempuan yang jahat perkataan atas suaminya dan jikalau ghaib suaminya daripadanya maka tiada memeliharakan ia akan dirinya dan jikalau hadir suaminya nescaya menyakiti ia akan dia dengan lidahnya.
2. Perempuan yang membuat ia akan suaminya barang yang tiada kuasa.
3. Perempuan yang tiada menutup akan dirinya daripada lelaki dan keluar ia daripada rumahnya hal keadaan memakai perhiasan yang kemegahan.
4. Perempuan yang tiada baginya cita-cita melainkan hendak makan dan minum dan tidur dan tiada baginya gemar pada pekerjaan sembahyang dan tiada gemar pula pada berbuat taat bagi Allah dan RasulNya dan tiada gemar pula di dalam taat bagi suaminya.

### Matan Arab:

وَأَمَّا الْأَرْبَعَةُ اللَّوَاتِي فِي النَّارِ فَأَمْرَاءٌ بَدَيْتُهُ لَللِّسَانِ عَلَى زَوْجِهَا إِنْ غَابَ عَنْهَا لَمْ تَصْنُ  
نَفْسَهَا وَإِنْ حَضَرَ آذَتْهُ بِلِسَانِهَا، وَأَمْرَاءٌ تُكَلِّفُ زَوْجَهَا مَا لَا يُطِيقُ، وَأَمْرَاءٌ لَا تَسْتُرُ  
نَفْسَهَا مِنَ الرِّجَالِ وَتَخْرُجُ مِنْ بَيْتِهَا مُتَبَهَّرَةً، وَأَمْرَاءٌ لَيْسَ لَهَا هَمٌّ إِلَّا الْأَكْلُ وَالشُّرْبُ  
وَالنَّوْمُ وَلَيْسَ لَهَا رَغْبَةٌ فِي صَلَاةٍ وَلَا فِي طَاعَةِ اللَّهِ وَلَا طَاعَةِ رَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ وَلَا فِي طَاعَةِ زَوْجِهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menjumpai hadith ini di dalam kitab-kitab hadith muktabar melainkan dalam kitab *Al-Kabā'ir* yang dikarang oleh Imam al-Dhahabī<sup>96</sup> (w. 748H) dalam fasal *al-Kabīrah al-Sābi'ah wa al-Arba'un* yang membincangkan topik *Nushūz al-Mar'ah 'alā Zawjihā* sepertimana hadith yang dibincangkan sebelum ini. Penulis hanya menjumpai hanya matan hadith tanpa pernyataan sanad.

### Hukum Hadith:

Sumber asal bagi hadith ini tidak ditemui dan statusnya tidak diketahui.

## 25. (Hadith 25)

(Dan) menyuruh pula oleh Nabi s.a.w. akan bernikah, dan bersabdanya: “*Hai segala orang yang muda, bernikah-nikah barang yang kuasa daripada kamu akan bernikah, maka hendaklah beristeri, maka sesungguhnya beristeri itu, iaitu memejamkan ia bagi mata dan memeliharakan ia bagi farajnya dan barangsiapa tiada kuasa, maka lazimkanlah atasnya dengan puasa, maka bahawa sesungguhnya puasa itu melemahkan ia akan syahwat.*”<sup>97</sup>

<sup>95</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 9.

<sup>96</sup> Al-Dhahabī, *al-Kabā'ir*, 181.

<sup>97</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 10.

### Matan Arab:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَعْضُ لِلْبَصْرِ، وَأَخْصَنُ  
لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ، فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī<sup>98</sup> (w. 256H), Muslim<sup>99</sup> (w. 261H) dan beberapa riwayat yang lain. Riwayat al-Bukhārī dan Muslim telah bertemu pada perawi bernama *al-A'mash*.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana riwayatnya *muttafaqun 'alayh*.

## 26. (Hadith 26)

(Dan) lagi sabda Nabi s.a.w.: “Bernikahlah kamu dan berbanyaklah kamu, maka bahawa sesungguhnya aku lagi akan bermegah-megahan dengan kamu pada segala umat yang dahulu-dahulu pada hari kiamat.”<sup>100</sup>

### Matan Arab:

تَزَوَّجُوا فَإِنِّي مُكَاتِرٌ بِكُمْ الْيَوْمَ الْقِيَامَةَ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>101</sup> (w. 360H), al-Bayhaqī<sup>102</sup> (w. 458H) dan al-Ruwiyānī<sup>103</sup> (w. 307H). Riwayat al-Bayhaqī dan al-Ruwiyānī bertemu pada perawi bernama ‘Amr Bin ‘Alī dari *ṭāriq* Abū Umāmah. Manakala riwayat daripada al-Ṭabrānī adalah dari *ṭāriq* yang berlainan iaitu daripada *ṭāriq* Sahl Bin Ḥunayf serta memiliki sedikit perbezaan pada matannya berbanding dengan matan riwayat al-Bayhaqī dan al-Ruwiyānī. Namun begitu riwayat yang hampir dengan pencarian matan hadith ini adalah dari riwayat al-Bayhaqī dan al-Ruwiyānī. Perawi bernama Muḥammad Bin Thābit dikenalpasti bermasalah. Kebanyakan riwayatnya adalah bersendirian dan tiada *mutāba‘at* bagi mana-mana riwayatnya. Pentahkik kitab *al-Kāmil fī Duafā’ al-Rijāl* iaitu Suhayl al-Zakkār menukikan daripada al-Nasā’ī bahawa Muḥammad Bin Thābit

<sup>98</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 149 (Kitāb al-Ṣawm, Bāb al-Ṣawm li Man Khāfa ‘alā Nafsihi al-‘Uzbah, no. hadith 1905).

<sup>99</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 910 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Istihbāb al-Nikāḥ li Man Tāqat Nafsuhi Ilayhi wa Wajada Muanah wa Ishtighāl man ‘Ajaz ‘an al-Mu’an bi al-Ṣawm, no. hadith 1400).

<sup>100</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 10.

<sup>101</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 6:44 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, Sahl Bin Ḥunayf, no. hadith 5746).

<sup>102</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:125 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Raghbah fī al-Nikāḥ, no.13457).

<sup>103</sup> Al-Ruwiyānī, *Musnad al-Ruwiyānī*, 2:274 (Abū Ghālib ‘an Abī Umāmah, no. hadith 1188).

adalah *lā ba'sa bih*, manakala daripada Abū Dāwud al-Sajastānī menyatakannya sebagai *laysa bi shay'* dan Ibn Ma'īn pula menyatakannya sebagai *ḍa'īf*.<sup>104</sup>

**Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ḍa'īf*.

**27. (Hadith 27)**

(sabda) Nabi s.a.w.: *“Barang di mana ada perempuan yang berbuat ibadat seperti ibadat Siti Maryam anak ‘Imran, padahal tiada redha daripada perempuan itu oleh suaminya, nescaya tiada menerima Allah Ta’ala daripadanya segala amalnya dan dimasukkan Allah Ta’ala akan dia bersama-sama dengan segala kafir, dan munafiq dan lapis yang di bawah daripada segala neraka, melainkan bahawa taubat ia.”*<sup>105</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan riwayat hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**28. (Hadith 28)**

(Dan) sabda Nabi s.a.w.: *“Barang di mana perempuan yang menilik ia kepada muka suaminya dengan muka yang masam, nescaya disuratkan Allah Ta’ala dengan sebilang-bilang tiap-tiap bintang di langit kejahatan, maka jika mati ia dahulu daripada redha suaminya, nescaya dimasukkan ia ke dalam neraka.”*<sup>106</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan riwayat hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**29. (Hadith 29)**

(Dan lagi citra) daripada Hasan Basri r.h.m, bahawa sesungguhnya sabda Nabi s.a.w.: *“Apabila lari seorang perempuan daripada rumah suaminya, nescaya tiada menerima Allah Ta’ala akan sembahyang hingga kembali ia kepada suaminya dan ditaruhkan tangan itu kepada tangan suaminya, dan berkata ia kepada suaminya: “Perbuatlah olehmu dengan barang yang engkau kehendak”, serta dengan manis muka, dan jikalau*

---

<sup>104</sup> Abū Aḥmad ‘Abd Allah Bin ‘Adī al-Jurjānī, *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*, ed. Suhayl Zakkār (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Fikr, 1988), 6:134.

<sup>105</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 11.

<sup>106</sup> *Ibid.*, h. 11.

*tiada diperbuat seperti yang demikian itu serta kuasanya, maka iaitu zalim, dan zalim itu haram, dan dikutuki Allah Ta'ala daripada yang demikian itu.”*<sup>107</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**30. (Hadith 30)**

(Dan lagi citra daripada) Sayyidina ‘Ali r.a., bahawa sesungguhnya telah berkata ia, *“Adalah aku duduk serta Nabi s.a.w. pada suatu hari di dalam rumah Siti Khadijah r.a., menceritakan akan kami oleh Nabi s.a.w. akan cerita Bani Israil, iaitu cerita umat Nabi yang dahulu-dahulu, kemudian bersabda ia: “Tiada ada daripada perempuan yang berkata ia bagi suaminya: “Apa bagimu?”, yakni dengan perkataan yang membawa kepada marah dan sakit hati, melainkan melaknatkan akan dia oleh Allah Ta'ala, dan segala malaikat, dan putuskan oleh segala amalnya perempuan itu.”*<sup>108</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**31. (Hadith 31)**

(Dan demikian lagi) cerita daripada Rasulullah s.a.w.: *“Tiada daripada perempuan yang berkata ia dengan perkataan yang keji bagi suaminya melainkan mengeluarkan Allah Ta'ala akan dia akan lidahnya pada hari kiamat daripada pihak belakangnya, kemudian digantung akan dia dengan lidahnya dan ditambatkan akan tangannya dan kakinya dengan rantai dan belunggu, kemudian maka diserukan atasnya pada padang Mahsyar dengan serunya: “Inilah balasan bagi orang yang derhakakan suaminya”, kemudian menghela akan dia oleh segala malaikat Zabaniyyah ke dalam api neraka, kemudian berkata pula: “Rasai olehmu akan seksa yang amat sangat dengan sebab engkau derhaka dan menyakiti akan suamimu di dalam dunia.”*<sup>109</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

---

<sup>107</sup> *Ibid.*

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> *Ibid.*

## **Bab: (Ini Suatu Tanbih) Pada Menyatakan Kelebihan Segala Perempuan Yang Mengikuti Bagi Suaminya.**

### **32. (Hadith 32)**

(seperti sabda Nabi s.a.w.): “Apabila mengerjakan oleh perempuan akan sembahyang yang lima waktu dan mengerjakan akan puasa Ramadhan dan memelihara ia akan farajnya dan mengikut ia akan suaminya, nescaya dikata baginya: “Masuklah olehmu akan syurga daripada mana-mana pintu yang engkau kehendaki.” Telah menceritakan akan dia oleh Ahmad.<sup>110</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **33. (Hadith 33)**

(Dan lagi) cerita Ummu Salamah r.a.: “Barang di mana ada perempuan mati ia padahal redha suaminya dengan dia, nescaya masuk ia ke dalam syurga.”<sup>111</sup>

#### **Matan Arab:**

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّمَا امْرَأَةٍ مَاتَتْ وَرَوَّجُهَا  
رَاضٍ عَنْهَا دَخَلَتْ الْجَنَّةَ

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Tirmidhī<sup>112</sup> (w. 279H), Ibn Mājah<sup>113</sup> (w. 273H), al-Ṭabrānī<sup>114</sup> (w. 360H), Abū Ya‘lā al-Mūṣilī<sup>115</sup> (w. 307H) dan al-Ḥākim<sup>116</sup>. Al-Tirmidhī menyatakan bahawa hadith ini *ḥasan gharīb*. Shaykh al-Albānī pula menyatakan hadith ini *munkar*.<sup>117</sup> Abū ‘Abd al-Raḥman Muqbil bin Hādī al-Wādī‘ī pentahkik *Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn* menyatakan bahawa perawi bernama Musāwir Bin ‘Abd Allah al-

<sup>110</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>111</sup> *Ibid.*

<sup>112</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 276 (Kitāb al-Raḍā‘, Bāb Mā Jā’a fī Haq al-Zawaj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 1161).

<sup>113</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 323 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Haq al-Zawj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 1854).

<sup>114</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 23:374 (Musnad al-Nisa’, Umm Musāwir al-Himyarī ‘an Umm Salamah, no. hadith 884).

<sup>115</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 12:331 (Musnad Umm Salamah Zawj al-Nabī Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 6903).

<sup>116</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 4:288 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, no. hadith 7407).

<sup>117</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Da‘if al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 2:9 (Kitāb al-Qudāh wa Ghayrihi, Bāb Tarḥīb Man Waliy Shay’an min ‘Umūr al-Muslimīn fī al-‘Adl Imāmā Kāna aw Ghayrih, no. hadith 1317).



Himyārī dan ibunya adalah *majhūl* kedua-duanya sepertimana yang dinukilkan daripada kitab *Fayḍ al-Qadīr*. Beliau menukilkan lagi bahawa daripada kitab *al-Mīzān al-ʿIḍāl* berkenaan riwayat ‘Abd Allah al-Ḍabī yang mengambil daripada Musāwir adalah *majhūl* dan pengkhabarannya adalah *munkar*.

### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ḍaʿīf*.

### **34. (Hadith 34)**

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: “Sebaik-baik lelaki daripada umatku itu yang terlebih baik, iaitu mereka itu bagi segala perempuan mereka itu, dan sebaik-baik perempuan daripada umatku itu yang terlebih baik mereka itu bagi suami mereka itu dan terangkatlah bagi tiap-tiap perempuan daripada mereka itu darjatnya pada tiap-tiap siang dan malam pahala seribu-ribu syahid yang mati mereka itu di dalam perang sabilillahi Ta’ala, hal keadaannya mereka itu sabar lagi kerana Allah Ta’ala.”<sup>118</sup>

### **Matan Arab:**

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِنِسَائِهِمْ»

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Penulis tidak menemui matan arab yang seerti dengan maksud hadith yang dibawa pengarang kitab melainkan matan arab yang memiliki makna yang hampir sama maksud sebahagian daripada awal matan. Ia diriwayatkan oleh Ibn Mājah<sup>119</sup>, al-Bazzār<sup>120</sup>, al-Ḥākim<sup>121</sup> dan al-Bayhaqī.<sup>122</sup> Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>123</sup> Al-Ḥākim menyatakan sanad bagi hadith riwayatnya ini *ṣaḥīḥ*, manakala pentahkiknya Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā menukilkan daripada Imam al-Dhahabī daripada kitab al-Talkhīṣ bahawa sanad riwayat Al-Ḥākim adalah *ṣaḥīḥ*. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī menyatakan sanad riwayat al-Bayhaqī pula adalah *ḍaʿīf* kerana terdapat perawi *ḍaʿīf* dalam sanadnya iaitu ‘Ubayd Bin Sa’īd dan Yazīd Bin ‘Iyād.

<sup>118</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 12.

<sup>119</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 342 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Ḥusni Mu‘āsharah al-Nisā’, no. hadith 1978).

<sup>120</sup> Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma‘rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil bin Sa’d, 14:311 (Musnad Abī Hurayrah, no. hadith 7947).

<sup>121</sup> Abū ‘Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 4:191 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, no. 7327).

<sup>122</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 11:165 (Bāb fī Ḥuqūq al-Awḷād wa al-Ahlīn, no. 8346).

<sup>123</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah wa Shay’ min Fiqhīhā wa Fawā’idihā*, (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1995), 1:576.

### Hukum Hadith:

Riwayat yang paling hampir dengan hadith ini adalah dari riwayat Ibn Mājah, al-Bazzār dan al-Ḥākim. Maka hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Riwayat al-Bayhaqī pula adalah *ḍa'īf* kerana terdapat perawi lemah dalam sanadnya.

### 35. (Hadith 35)

(Dan sabda) Nabi s.a.w.: “(Bermula) perempuan yang soleh itu terlebih baik ia daripada lelaki yang soleh.”<sup>124</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab dan sebarang periwiyatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### Hukum Hadith:

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### 36. (Hadith 36)

(Dan telah mengeluarkan oleh Ahmad dan Muslim daripada Ibn ‘Umar: “Bermula dunia ini sekaliannya kesukaan, dan sebaik kesukaan itu perempuan yang soleh.”<sup>125</sup>

### Matan Arab:

إِنَّ الدُّنْيَا كُلَّهَا مَتَاعٌ، وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam Aḥmad<sup>126</sup> (m. 241H), Imam Muslim<sup>127</sup> (m. 261H), Ibn Mājah<sup>128</sup> (m. 275H), al-Bazzār<sup>129</sup> (m. 292H), Imam al-Nasā’ī<sup>130</sup> (m. 303H), Imam al-Bayhaqī<sup>131</sup> (m. 458H) dan Ibn Ḥibbān<sup>132</sup> (m. 739H). Matan hadith daripada riwayat Aḥmad, al-Nasā’ī, al-Bayhaqī dan Ibn Ḥibbān memiliki lafaz yang sama

<sup>124</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 12.

<sup>125</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>126</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *al-Musnad li al-Imām Aḥmad*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1995), 6:140 (Musnad ‘Abd Allah bin ‘Umar, no. hadith 6567).

<sup>127</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 926 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Khayr Matā‘ al-Dunyā al-Mar’ah al-Sāliḥah, no. hadith 3649).

<sup>128</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 323 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Afḍal al-Nisā’, no. hadith 1855).

<sup>129</sup> Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakḥkḥār al-Ma‘rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah, 6:415 (Musnad ‘Abd Allah bin ‘Amr bin al-‘ās radīy Allah ‘anhumā, no. hadith 2441).

<sup>130</sup> Abū ‘Abd al-Raḥman Aḥmad bin Shu‘ayb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 500 (Kitāb al-Nikāḥ, Bab al-Mar’ah al-Ṣāliḥah, no. hadith 3232).

<sup>131</sup> Al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā*, 7:128 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Istiḥbāb al-Tazawwaj bi Dhāt al-Dīn, no. hadith 13468).

<sup>132</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 9:340 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Dhikr al-Bayān bi anna al-Mar’ah al-Ṣāliḥah li al-Mu’min Khayr Matā‘ al-Dunyā, no. hadith 4031).

berbanding riwayat lain yang berlainan lafaz tetapi masih mengekalkan maksud yang sama. Manakala dari sudut jalur periwayatan pula, sanad dari riwayat Aḥmad, Muslim, al-Nasā’ī, Ibn Ḥibbān dan al-Bayhaqī bertemu pada perawi yang sama bernama ‘Abd Allah bin Yazīd.

Berbeza sedikit dengan periwayatan dari Ibn Mājah dan al-Bazzār yang mana kedua-dua periwayatan tersebut bertemu pada ‘Abd Allah bin Yazīd tetapi periwayatan adalah terus daripada ‘Abd Allah bin ‘Amr bukannya seperti *turūq* lain yang melalui beberapa perawi seperti Ḥīwah, Shurahbīl bin Sharīk dan bapa kepada ‘Abd al-Raḥman al-Ḥubuliy. Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menjelaskan bahawa hadith yang diriwayatkan Ibn Ḥibbān dan Imam Ahmad, sanadnya *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat Muslim melainkan dari perawi Ibn Lahī‘ah. Manakala Shaykh Aḥmad Muḥammad Shākīr menyatakan sanadnya dalam riwayat Imam Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Albānī (m. 1420H) telah men*ṣaḥīḥ*kan hadith ini.<sup>133</sup>

#### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Ini kerana hadith ini telah diriwayatkan Imam Muslim dan kesemua jalur periwayatan sanad lain bagi hadith ini adalah menepati syarat Imam Muslim seperti mana yang disepakati kesemua para pentahkik kitab melainkan dari perawi Ibn Lahī‘ah yang merupakan mutāba‘āt dalam riwayat Aḥmad.

#### **37. (Hadith 37)**

(Dan telah) mengeluarkan oleh Ibn Majah daripada Abi Umamah, dengan katanya: *“Tiada memberi faedah oleh orang yang mukmin, kemudian daripada takut bagi Allah akan kebajikan baginya daripada isterinya yang soleh, maka menyuruh oleh suaminya akan dia, nescaya mengikut perempuan itu akan dia, dan jika memandang ia kepadanya, nescaya menyuka ia akan suaminya, dan apabila bersumpah ia atasnya, nescaya memberi kebajikan ia akan dia, dan jika ghaib suaminya daripadanya, nescaya memeliharakan ia akan dirinya dan harta suaminya.”*<sup>134</sup>

#### **Matan Arab:**

مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ زَوْجَةٍ صَالِحَةٍ، إِنْ أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ، وَإِنْ نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتْهُ، وَإِنْ أَقْسَمَ عَلَيْهَا أَبْرَتَهُ، وَإِنْ غَابَ عَنْهَا نَصَحْتَهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهِ

<sup>133</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrīzī, *Mishkāt al-Maṣābīḥ*, 2:927 (Kitāb al-Nikāḥ, al-Faṣl al-Awwal, no. hadith 3083).

<sup>134</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 12.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh ‘Abd al-Razzāq<sup>135</sup> (m. 211H), Ibn Mājah<sup>136</sup> (m. 275H) dan al-Ṭabrānī<sup>137</sup> (m. 360H). Ketiga-tiga periwayatan mempunyai sanad yang berbeza yang mana masing-masing diriwayatkan oleh sahabat yang berlainan. Manakala dari sudut matannya, terdapat sedikit perbezaan dan pertambahan lafaz pada riwayat-riwayat tersebut. Bagi riwayat Ibn Mājah dan al-Ṭabrānī, kedua-duanya memiliki matan yang hampir sama melainkan berbeza pada awal lafaz iaitu *مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ* pada riwayat Ibn Mājah dan *مَا أَفَادَ عَبْدٌ بَعْدَ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ زَوْجٍ مُؤْمِنَةٍ* pada riwayat al-Ṭabrānī. Bagi riwayat ‘Abd al-Razzāq pula, terdapat pertambahan di hujung matan iaitu *تُنَكِّحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ: لِدِينِهَا، وَجَمَالِهَا، وَمَالِهَا، وَحَسَبِهَا، فَعَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِيثَ يَدَاكَ*.

Muhammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī menyatakan bahawa perawi ‘Alī bin Yazīd dalam sanad hadith riwayat Ibn Mājah telah dihukumkan Imām al-Bukhārī (m. 256H) dalam kitab *al-Zawā’id* sebagai *munkar al-ḥadīth* dan perawi yang bernama ‘Uthmān bin al-‘Ātikah diperselisih para ulama tentang dirinya. Pentahkik bagi kitab *Mu’jam al-Awsaṭ* menyatakan bahawa hadith dalam kitab ini tidak diriwayatkan Jābir melainkan dari perawi bernama Sharīk dan diikuti oleh Yazīd. Dinyatakan juga bahawa sanad daripada Yazīd ini adalah bersendirian.<sup>138</sup> Al-Albānī telah menda’ifkan hadith ini.<sup>139</sup>

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḍa’if*.

### 38. (Hadith 38)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Ibnu ‘Ali dan Rafī‘i daripada Abi Sa’id: “*Bahawa sesungguhnya lelaki apabila memandang ia kepada isterinya dan memandang pula isterinya kepadanya, nescaya menilik Allah Ta’ala kepada keduanya akan sebagai tilik rahmat, maka apabila mengambil ia akan tangan, nescaya gugurlah segala dosa keduanya pada sebilang-bilang segala anak jari keduanya.*”<sup>140</sup>

<sup>135</sup> ‘Abd al-Razzāq, *al-Muṣannaḥ ‘Abd al-Razzāq*, 11:304 (Kitāb al-Jāmi‘ li al-Imām Ma‘mar bin Rāshid, Bāb Haq al-Rajul ‘alā Imr’atihi, no. hadith 20605).

<sup>136</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muhammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, 1:596 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Afḍal al-Nisā’, no. hadith 1857).

<sup>137</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Awsaṭ*, 2:325 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Aḥmad, no. hadith 2115).

<sup>138</sup> *Ibid.*, 326.

<sup>139</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’ifah wa al-Mawḍū‘ah*, 9:413. (no. hadith 4421).

<sup>140</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 12.

### Matan Arab:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا  
نَظَرَ إِلَى امْرَأَتِهِ وَنَظَرَتْ إِلَيْهِ نَظَرَ اللَّهُ تَعَالَى إِلَيْهِمَا نَظْرَةً رَحْمَةً فَإِذَا أَخَذَ بِكَفِّهَا تَسَاقَطَتْ  
ذُنُوبُهُمَا مِنْ حِلَالٍ أَصَابِعُهُمَا"

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menemui periwayatan hadith ini di dalam mana-mana kitab hadith muktabar melainkan dari riwayat al-Rāfi‘ī.<sup>141</sup> Al-Albānī di dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah* bagi nombor hadith 3274, menyatakan sanad hadith ini adalah *mawḍū‘*. Ini kerana terdapat dalam sanadnya al-Taymīyy iaitu Ismā‘īl Bin Yaḥyā al-Taymīyy dan kebanyakan riwayatnya adalah *bāṭil*. Al-Albānī turut menukulkan daripada al-Khāṭib bahawa perawi bernama al-Ḥusayn Bin Mu‘ādh al-Khurāsānī dalam sanad ini juga adalah *laysa bi al-thiqah* (tidak dipercayai) dan periwayatan darinya adalah *mawḍū‘*.<sup>142</sup>

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *mawḍū‘*.

### 39. (Hadith 39)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Tayalisi: “Bermula hak suami atas isterinya itu, bahawa jangan menegahkan ia akan dirinya, dan jikalau ada ia isteri nya itu di atas belakang pelapik unta sekalipun.”<sup>143</sup>

### Matan Arab:

مَا حَقُّ الرَّوْجِ عَلَى امْرَأَتِهِ؟ فَقَالَ: لَا تَمْنَعُهُ نَفْسَهَا وَإِنْ كَانَتْ عَلَى ظَهْرِ قَتَبٍ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū Dāwud al-Ṭayālīsī<sup>144</sup> (w. 204H), al-Bayhaqī<sup>145</sup> (w. 458H), Ibn Abī Shaybah<sup>146</sup> (w. 235H), Aḥmad<sup>147</sup> dan al-Ṭabrānī.<sup>148</sup> Riwayat Abū

<sup>141</sup> ‘Abd al-Karīm Bin Muḥammad al-Rāfi‘ī al-Qazwīnī, *al-Tadwīn Fī Akhbār Qazwīn*, ed. ‘Azīz Allah al-‘Aṭarīdī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987), 2:47 (Ḥarf al-Yā’ fī al-Abā’, tanpa no. hadith).

<sup>142</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 7:274.

<sup>143</sup> Syaikh Abdullah, *Muhimmah*, 12.

<sup>144</sup> Sulaymān Bin Dāwud Bin al-Jārūd, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, ed. Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī (t.tp.: Dār Hijr, 1999), 3:457 (Musnad ‘Aṭā’ Bin Abī Rabāḥ ‘an Ibn ‘Umar, no. hadith 2063).

<sup>145</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:477 (Kitāb al-Qasm wa al-Nushūz, Bāb Mā Jā’a fī Bayān Haqqihi ‘Alayhā, no. hadith 14713).

<sup>146</sup> Abū Bakr ‘Abd Allah Bin Muḥammad Bin Abī Shaybah al-Kūfī al-‘Abasī, *al-Kitāb al-Muṣannaf al-Aḥādīth wa al-‘Āthār*, ed. Kamāl Yūsuf al-Ḥūt (Beirut: Dār al-Tāj, 1989), 3:557 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Ḥaq al-Zawj ‘alā Imra’atihi, no. hadith 17124).

Dāwud al-Ṭayālīsī bertemu dengan riwayat al-Bayhaqī pada perawi bernama Jarīr, manakala riwayat Ibn Abī Shaybah bertemu dengan riwayat al-Ṭayālīsī pada perawi bernama Layth. Ketiga-tiga riwayat itu tadi adalah dari *ṭuruq* Ibn ‘Umar dan memiliki matan yang sama. Riwayat Aḥmad pula dari *tariq* Qays Bin Ṭalq ‘an Abīhi dan riwayat al-Ṭabrānī pula dari *tariq* Zayd Bin Arqam. Matan hadith bagi riwayat Aḥmad dan al-Ṭabrānī masing-masing memiliki sedikit perbezaan antara satu sama lain namun membawa makna yang sama. Menurut pentahkik *Musnad Abū Dāwud al-Ṭayālīsī* iaitu Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī sanad bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan* (sangat lemah). Ini kerana perawi yang bernama Layth Bin Abī Salīm bersendirian dalam meriwayatkan hadith ini dan dia adalah *ḍa‘īf* disebabkan pengambilan riwayatnya daripada ‘Aṭā’ berlaku selepas *ikhtilāf* (nyanyuk). Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan hadith riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ lighayrih*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah riwayat Abū Dāwud al-Ṭayālīsī dan hukum hadith ini ialah sangat *ḍa‘īf*. Namun begitu, terdapat riwayat lain yang lebih kuat seperti hadith riwayat Aḥmad dan lain-lain.

### 40. (Hadith 40)

(Dan suatu riwayat) bersabda Nabi s.a.w.:

إِذَا دَعَى الرَّجُلُ زَوْجَتَهُ لِحَاجَةٍ فَلْتَأْتِهِ وَإِنْ كَانَتْ عَلَى التَّنَوُّرِ.

Ertinya: “Apabila memanggil oleh lelaki akan isterinya kerana hajat, maka hendaklah datang akan dia, dan jikalau ada isterinya itu di atas dapur sekalipun.”<sup>149</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan Aḥmad<sup>150</sup>, Ibn Abī Shaybah<sup>151</sup>, al-Tirmidhī<sup>152</sup>, al-Nasā’ī<sup>153</sup>, al-Ṭabrānī<sup>154</sup>, Ibn Hibbān<sup>155</sup> dan al-Bayhaqī.<sup>156</sup> Imam al-Tirmidhī menyatakan hadith ini

<sup>147</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 39:458 (Al-Mulḥik al-Mustadrak min Musnad al-Anṣār, Baqiyyah Ḥadīth Ṭallaq Bin ‘Alī al-Ḥanafī, no. hadith 20).

<sup>148</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 5:200 (‘Amr Bin Dīnār al-Makkī ‘an Zayd Bin Arqam, no. hadith 5084).

<sup>149</sup> Syeikh Abdullah, *op.cit.*, h. 12.

<sup>150</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 26:216 (Musnad al-Madaniyyin, Hadith Talq Bin ‘Alī, no. hadith 16288).

<sup>151</sup> Ibn Abī Shaybah, *al-Kitāb al-Muṣannaḥ al-Aḥādīth wa al-‘Āthār*, 3:558 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Haqq al-Zawj ‘alā Imra’atihi, no. hadith 17135).

<sup>152</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 1:275 (Kitāb al-Raḍā‘, Bāb Mā Jā’a fī Haqq al-Zawj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 1160).

<sup>153</sup> Al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:187 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb Fī al-Mar’ah Tabīṭ Muhājirah li Firāsh Zawjihā, no. hadith 8922).

*ḥasan gharīb*. Shaykh al-Albānī mengklasifikasi hadith ini sebagai *ṣaḥīḥ*.<sup>157</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan riwayat Ahmad adalah *ḍa‘īf* disebabkan perawi bernama Muḥammad Bin Jābir. Begitu juga Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menyatakan perawi bernama Muḥammad Bin Jābir al-Yamāmi dalam hadith riwayat al-Ṭabrānī ini sebagai *ḍa‘īf*. Sanad bagi riwayat Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana yang dinyatakan Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ sebagai pentahkik *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*.

### Hukum Hadith:

Riwayat yang paling tepat bagi hadith di atas adalah riwayat al-Tirmidhī. Maka hukum hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ*. Kesemua sanad di atas adalah *ṣaḥīḥ* melainkan riwayat Aḥmad dan al-Ṭabrānī.

### 41. (Hadith 41)

Diceritakan daripada Mu‘ādh Ibn Jabal r.a., sabda Nabi s.a.w.:

لَا تُؤْذِي امْرَأَةً زَوْجَهَا فِي الدُّنْيَا، إِلَّا قَالَتْ زَوْجَتُهُ مِنْ الْخَوْرِ الْعَيْنِ: لَا تُؤْذِيهِ، فَاتَّلَكَ اللَّهُ، فَإِنَّمَا هُوَ عِنْدَكَ دَحِيلٌ يُوشِكُ أَنْ يُفَارِقَكَ إِنِّيْنَا.

Ertinya: “Tiada menyakiti oleh seorang perempuan akan suaminya yang di dalam dunia ini melainkan berkata oleh isterinya yang daripada bidadari yang elok rupanya itu: “Jangan engkau sakiti akan dia, hai mati dibunuh Allah bagimu, maka bahawa sesungguhnya iaitu padamu daging yang berjalan, hampirlah ia bercerai akan kamu datang ia mendapatkan kami”<sup>158</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat Aḥmad<sup>159</sup>, al-Tirmidhī<sup>160</sup>, Ibn Mājah<sup>161</sup>, al-Ṭabrānī<sup>162</sup> dan al-Shāshī<sup>163</sup> (w. 335H). Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad dari riwayat Aḥmad

<sup>154</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 8:396 (Mā Rawā Qays Bin Ṭalq ‘an Abīhi Muḥammad Bin Jābir al-Yamāmi ‘an Qays Bin Ṭalq, no. hadith 8235).

<sup>155</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, 9:473 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mu‘āsharah al-Zawjayn, Dhikr al-Amr li al-Mar‘ah bi Ijābah al-Zawj ‘alā ay Hālah Idhā Kānat Ṭāhirah, no. hadith 4165).

<sup>156</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:477 (Kitāb al-Qasam wa al-Nushūz, Bāb Mā Jā’a fī Bayāni Haqqihi ‘Alayhā, no. hadith 14710).

<sup>157</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 2:418 (Kitāb al-Nikāḥ wa Mā Yata‘llaqu bih, Targhīb al-Zawj fī al-Wafā’ bi Ḥaqq Zawjatihi wa Ḥusn ‘Ishratihā, no. hadith 1946).

<sup>158</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 12.

<sup>159</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 36:417 (Musnad Mu‘āz Bin Jabal, no. hadith 22101).

<sup>160</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 278 (Kitāb al-Raḍā’, Bāb 19, no. hadith 1174).

<sup>161</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 348 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī al-Mar‘ah Tu’dhī Zawjahā, no. hadith 2014).

<sup>162</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 20: 113 (Mu‘āz Bin Jabal, Kathīr Bin Murrah al-Ḥaḍramīyy ‘an Mu‘āz, no. hadith 224).

<sup>163</sup> Abū Sa‘īd al-Haytham Bin Kulayb al-Shāshī, *al-Musnad li al-Shāshī*, ed. Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah (al-Maḍīnah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, 1993), 3:271 (Musnad Mu‘āz Bin Jabal, Kathīr Bin Murrah ‘an Mu‘āz, no. hadith 1374).

adalah *hasan* kerana dari jalur Ismā‘īl Bin ‘Iyāsh. Imam al-Tirmidhī menyatakan hadith ini *hasan gharīb*. Shaykh al-Albānī pula men<sup>ṣ</sup>ahihkan riwayat ini.<sup>164</sup> Pentahkik bagi *Mu‘jam al-Kabīr* iaitu Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menukikan daripada Imam al-Tirmidhī bahawa Imam Aḥmad, Ibn Ma‘īn dan al-Bukhārī telah menthiqahkan Ismā‘īl Bin ‘Iyāsh yang mengambil riwayat daripada ahli Sham iaitu Baḥīr Bin Sa‘d juga adalah *thiqah*. Keseluruhan perawi-perawi lain dalam sanad al-Ṭabrānī ini juga adalah *ṣahīḥ*. Pentahkik *Musnad li al-Shāshī* iaitu Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah menyatakan sanad ini bermasalah kerana terdapat perawi bernama ‘Abd al-Wahhāb Bin al-Ḍahāk yang dihukum *matrūk* kerana telah didustakan oleh Abū Ḥātim. Keseluruhan riwayat di atas adalah melalui *ṭariq* Ismā‘īl Bin ‘Iyāsh.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣahīḥ*.

### 42. (Hadith 42)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Tabrani: “*Bermula perempuan itu tiada menunaikan ia akan huquq (hak-hak) Allah Ta’ala hingga mendatangkan ia akan hak suaminya sekalian, dan jikalau menghendaki ia akan dia dan padahalnya di atas belakang pelapik unta, janganlah menegahkan ia akan dirinya.*”<sup>165</sup>

### Matan Arab:

الْمَرْأَةُ لَا تُؤَدِّي حَقَّ اللَّهِ عَلَيْهَا حَتَّى تُؤَدِّيَ حَقَّ زَوْجِهَا حَتَّى لَوْ سَأَلَهَا وَهِيَ عَلَى ظَهْرِ  
قَتَبٍ لَمْ تَمْنَعُهُ نَفْسَهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini mempunyai persamaan dari segi makna dengan hadith yang ke-39 sebelum ini. Hadith ini telah diriwayat oleh al-Ṭabrānī<sup>166</sup> dengan tiga sanad dari *ṭariq* yang sama iaitu dari Zayd Bin Arqam. Setiap sanad adalah *mutāba‘at* kepada sanad yang lain. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī pentahkik *Mu‘jam al-Kabīr* menyatakan bahawa perawi-perawi bagi hadith ini adalah *ṣahīḥ*. Begitu juga Al-Albānī menyatakan sanad-sanad bagi hadith ini dalam riwayat al-Ṭabrānī adalah *ṣahīḥ*.<sup>167</sup>

<sup>164</sup> Al-Albānī, *Ṣahīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 2:418 (Kitāb al-Nikāḥ wa Mā Yata‘llaqu bih, Targhīb al-Zawj fī al-Wafā’ bi Ḥaqq Zawjatihi wa Ḥusn ‘Ishratihā, no. hadith 1945).

<sup>165</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 13.

<sup>166</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 5:200 (‘Amr Bin Dīnār al-Makkī ‘an Zayd Bin Arqam, no. hadith 5084). Sila lihat; 5:208 (Al-Qasim Bin ‘Awf al-Shaybani ‘an Zayd Bin Arqam, no. hadith 5116 & 5117). Sila lihat juga; al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 7:255 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 7433).

<sup>167</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣahīḥah wa Shay’ min Fiqihā wa Fawā’idihā*, 3:201.



## Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 43. (Hadith 43)

(Dan demikian lagi) jangan sekali-kali menyalahi akan janji suamimu. Dan kata Imam Al-Ghazali adalah seorang lelaki keluar ia kepada musafir dan berjanji ia dengan isterinya bahawa jangan turun daripada rumahnya tempat yang di atas kepada tempat yang di bawah. Dan adalah bapa perempuan itu pada tempat yang di bawah itu, maka sakit ia, maka menyuruh oleh perempuan itu kepada Rasulullah s.a.w. minta izin pada turun kepada mendapat bapanya itu. Maka sabda Nabi s.a.w.: “*Perbuat taat olehmu akan suamimu pula*”. Maka mati bapanya sanya, maka minta izin perempuan itu akan Rasulullah s.a.w. pada keluarkan mengikut akan jenazah bapanya itu. Maka sabda Nabi s.a.w.: “*Berbuat taat olehmu akan suamimu, yakni ikut olehmu akan janji suamimu itu*”. Maka ditanamkan orang akan bapanya itu padahal perempuan itu tiada hadir kepadanya, dan tiada melihat ia akan dia. Maka setelah itu menyuruh oleh Rasulullah s.a.w. kepadanya, mengkhabarkan akan dia: “*Bahawa sesungguhnya Allah s.w.t. telah mengampun bagi bapanya itu sebab taat bagi suaminya.*”<sup>168</sup>

### Matan Arab:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّ رَجُلًا خَرَجَ، وَأَمَرَ امْرَأَتَهُ أَنْ لَا تَخْرُجَ مِنْ بَيْتِهَا، وَكَانَ أَبُوهَا فِي أَسْفَلِ الدَّارِ، وَكَانَتْ فِي أَغْلَاهَا، فَمَرَضَ أَبُوهَا، فَأَرْسَلَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَذَكَرَتْ لَهُ ذَلِكَ فَقَالَ: «أَطِيعِي زَوْجَكَ» ، فَمَاتَ أَبُوهَا، فَأَرْسَلَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: «أَطِيعِي زَوْجَكَ» ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ غَفَرَ لِأَبِيهَا بِطَاعَتِهَا لِرَوْجِحِهَا»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat al-Ṭabrānī<sup>169</sup>, ‘Abd Bin Ḥumayd<sup>170</sup> (w. 249 H), dan al-Haythamī (w. 282 H).<sup>171</sup> ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr menyatakan bahawa riwayat al-Ṭabrānī adalah *ḍa‘īf* kerana terdapat dalam sanadnya perawi yang lemah iaitu ‘Iṣmah Bin al-Mutawakkil dan perawi yang tidak dikenali kerana tidak dijumpai identitinya iaitu Muḥammad Bin Mūsā serta Muḥammad Bin Sahl.<sup>172</sup> Pentahkik Abū ‘Abd Allah Muṣṭafā Bin al-‘Adawī pula menyatakan riwayat ‘Abd Bin Ḥumayd adalah

<sup>168</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 13.

<sup>169</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 7:332 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 7648).

<sup>170</sup> ‘Abd Bin Ḥumayd (2002), *al-Muntakhab min Musnad ‘Abd Bin Humayd*, ed. Abū ‘Abd Allah Muṣṭafā Bin al-‘Adawī (cet. ke-2, Riyadh: Dār al-Balansiyyah, 2002), 2:309 (Musnad Anas Bin Mālik, no. hadith 1367).

<sup>171</sup> Nūr al-Dīn ‘Alī Bin Sulayman Bin Abī Bakr al-Haythamī (1992), *Bughyah al-Bāḥith ‘an Zawā‘id Musnad al-Ḥārith*, ed. Ḥusīn Aḥmad Ṣāliḥ al-Bākīrī, (Madinah al-Munawwarah: Markaz Khidmah al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah, al-Jāmi‘ah al-Islamiyyah, 1992), 1:553 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Fī Ḥaḳ al-Zawj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 499).

<sup>172</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn*, 4: 191 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Ḥaḳ al-Zawj ‘alā al-Mar’ah, no. hadith 2314).

*da'if jiddan* kerana terdapat perawi yang *matrūk* di dalam sanadnya iaitu Yūsuf Bin 'Aṭīyyah. Pentahkik Ḥusīn Aḥmad Šālīḥ al-Bākiri menyatakan hadith dari riwayat musnad al-Ḥārith terdapat pada sanadnya perawi yang *matrūk* iaitu Yūsuf Bin 'Aṭīyyah.

#### **Hukum Hadith:**

Riwayat paling hampir adalah dari al-Ṭabrānī. Hukum hadith ini adalah *da'if*.

#### **44. (Hadith 44)**

(Dan sabda Nabi s.a.w.): “*Bermula yang terlebih hampir perempuan kepada rahmat Tuhannya itu, apabila ada ia duduk di dalam rumahnya, dan bahawa sesungguhnya sembahyang di dalam serambi rumahnya itu terlebih afdal ia daripada sembahyang di dalam masjid. Dan sembahyangnya di tengah rumah itu yang terlebih afdal ia daripada sembahyangnya di dalam serambi rumahnya. Dan sembahyang di dalam bilik rumahnya itu terlebih afdal daripada sembahyang di tengah rumah.*”<sup>173</sup>

#### **Matan Arab:**

صَلَاةُ الْمَرْأَةِ فِي بَيْتِهَا خَيْرٌ مِنْ صَلَاتِهَا فِي حُجْرَتِهَا، وَصَلَاتُهَا فِي حُجْرَتِهَا خَيْرٌ مِنْ صَلَاتِهَا فِي دَارِهَا، وَصَلَاتُهَا فِي دَارِهَا خَيْرٌ مِنْ صَلَاتِهَا خَارِجَ

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan hadith yang dijumpai penulis hanyalah yang hampir dari sudut makna dengan teks asal hadith yang dikaji. Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>174</sup> dalam *Mu'jam al-Awsaṭ*. Al-Ṭabrānī menyatakan hadith ini tidak diriwayatkan melainkan melalui satu sanad sahaja iaitu jalan riwayat dari Umm Salamah dan hadith ini adalah *marfū'*. Manakala, satu lagi sanad lain juga dari al-Ṭabrānī<sup>175</sup> dalam *Mu'jam al-Kabīr* melalui jalan riwayat 'Abd Allah adalah secara *mawqūf*. Al-Haythamī (w.807H) menyatakan bahawa perawi-perawinya adalah perawi yang *ṣaḥīḥ*.<sup>176</sup> Al-Albānī menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini adalah *jayyid* dan menghukum hadith ini sebagai *ḥasan*.<sup>177</sup>

#### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ḥasan*.

<sup>173</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 13.

<sup>174</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 9:48 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Mas'adah, no. hadith 9101).

<sup>175</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 9:342 (Bāb al-'Ayn, Khuṭbah Ibn Mas'ūd wa min Kalāmihī, no. hadith 9483).

<sup>176</sup> Nūr al-Dīn 'Alī Bin Abī Bakr al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, ed. 'Abd Allah Muḥammad al-Darwīsh (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 2:155 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Khurūj al-Nisā' Ilā al-Masājid wa Ghayr Dhalik wa Ṣalātihinna fī Buyūtihinna wa Ṣalātihinna fī al-Masjid, no. hadith 2108).

<sup>177</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 1:259 (Kitāb al-Ṣalāh, Targhīb al-Nisā' fī al-Ṣalāh fī Buyūtihinna wa Luzūmihā wa Tarhībihinna min al-Khurūj minhā, no. hadith 342).

#### 45. (Hadith 45)

(Sungguhnyanya) telah diriwayatkan daripada Asma', anak Sayyidina Abu Bakar Al-Siddiq r.a., Bahawa sungguhnya ia berkata: *“Telah mengkahwin akan daku oleh Zubayr padahal tiada baginya di dalam bumi ini daripada harta, dan tiada memiliki ia akan sahaya, dan tiada memiliki suatu yang lain daripada satu kudanya, dan satu untanya yang menjiruskan kebunnya, maka adalah aku memberi makan akan dia, dan aku mencukup akan dia belanjanya dan memelihara akan dia, dan aku menambah biji kurma makanan bagi untanya. Dan lagi aku memberi makan akan dia, dan memberi minum air akan dia. Dan aku menjahit timba kulit. Dan aku menggiling akan tepung gandum dan syair. Dan aku perbuat akan dia roti. Dan adalah aku memindahkan biji kurma, padahal aku junjung di atas kepalaku daripada perjalanan dua sulus farsakh (dua pertiga farsakh) jauhnya hingga menyuruh akan daku oleh bapaku, Abu Bakar Al-Siddiq r.a. dengan satu khadam perempuan, berkhidmat akan daku, maka memadai akan daku dan memelihara akan dia akan daku, maka seolah-olahnya memerdekakan ia akan daku daripada berkhidmat itu, maka adalah sebaik-baik perempuan itu adalah cita-citanya itu membaikkannya dan memelihara badannya dan mengerjakan pekerjaan yang di dalam rumahnya, serta sembahyang fardu yang lima waktu, dan puasa pada bulan Ramadhan, dan memelihara akan dia akan farajnya, dan mengikut bagi suruh, dan tegah suaminya nescaya masuklah perempuan itu ke dalam syurga Tuhannya.”*<sup>178</sup>

#### Matan Arab:

عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ، قَالَتْ: تَزَوَّجَنِي الرَّبِيعُ، وَمَا لَهُ فِي الْأَرْضِ مِنْ مَالٍ وَلَا مَمْلُوكٍ، وَلَا شَيْءٍ غَيْرِ فَرَسِهِ. قَالَتْ: فَكُنْتُ أَعْلِفُ فَرَسَهُ، وَأَكْفِيهِ مَثْوَنَتَهُ، وَأَسْوِسُهُ، وَأَذُقُّ النَّوَى لِنَاضِحِهِ، أَعْلِفُ، وَأَسْتَقِي الْمَاءَ، وَأَخْرُزُ غَرْبَهُ، وَأَعْجِنُ، وَمَا أَكُنُّ أَحْسِنُ أَخْبِرُ، فَكَانَ يَجْبُرُ لِي جَارَاتٍ مِنَ الْأَنْصَارِ، وَكُنَّ نِسْوَةَ صِدْقٍ، وَكُنْتُ أَنْقُلُ النَّوَى مِنْ أَرْضِ الرَّبِيعِ الَّتِي أَقْطَعَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رَأْسِي، وَهِيَ مِنِّي عَلَى ثُلْثِي فَرَسِخٍ. قَالَتْ: فَجِئْتُ يَوْمًا وَالنَّوَى عَلَى رَأْسِي، فَلَقِيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَهُ نَفَرٌ مِنْ أَصْحَابِهِ، فَدَعَانِي ثُمَّ قَالَ: «إِخْ إِخْ»، لِيَحْمِلَنِي خَلْفَهُ. قَالَتْ: فَاسْتَحْيَيْتُ أَنْ أَسِيرَ مَعَ الرَّجَالِ، وَذَكَرْتُ الرَّبِيعَ وَغَيْرَتَهُ. قَالَتْ: وَكَانَ أَعْيَرَ النَّاسِ، فَعَرَفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنِّي قَدِ اسْتَحْيَيْتُ، فَمَضَى، وَجِئْتُ الرَّبِيعَ، فَقُلْتُ: لَقِيَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى رَأْسِي النَّوَى، وَمَعَهُ نَفَرٌ مِنْ أَصْحَابِهِ، فَأَنَاحَ لِأَرْكَبَ مَعَهُ، فَاسْتَحْيَيْتُ، وَعَرَفْتُ غَيْرَتَكَ، فَقَالَ: وَاللَّهِ لِحَمْلِكَ النَّوَى كَانَ أَشَدَّ عَلَيَّ مِنْ رُكُوبِكَ مَعَهُ. قَالَتْ: حَتَّى أَرْسَلَ إِلَيَّ أَبُو بَكْرٍ بَعْدَ ذَلِكَ بِخَادِمٍ، فَكَفَّنِي سِيَّاسَةَ الْفَرَسِ فَكَأَنَّمَا أَعْتَقَنِي

<sup>178</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 14.

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>179</sup>, Muslim<sup>180</sup>, Aḥmad<sup>181</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>182</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan sanad bagi hadith riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim.

### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

## **Bab: (Ini Suatu Tanbih) Pada Menyatakan Kebinasaan Atas Lelaki Yang Mempunyai Isterinya Sebab Berkahwin**

### **46. (Hadith 46)**

(Dan) tersebut di dalam hadith Nabi s.a.w.: *“Bahawa sesungguhnya seorang hamba Allah diperhentikan ia pada dekat neraca pada hari kiamat, dan adalah baginya daripada beberapa kebajikan seumpama bukit yang besar, kemudian maka ditanya akan dia daripada memelihara ahlinya dan daripada hartanya, dan daripada dirinya dengan memelihara mereka itu dan ditanya daripada hartanya, daripada mana ia mengusahakan akan dia, dan pada apa membelanjakan akan dia hingga habis segala amalnya yang kebajikan. Dan dituntut balas bagi kejahatannya itu dan tiada tinggal baginya satu kebajikan jua pun. Menyeru oleh malaikat, yakni berteriak ia di hadapan orang yang banyak, dengan katanya: “Inilah orang yang memakan akan segala amal kebajikannya itu oleh segala ahlinya di dalam dunia, dan terkaya ia pada hari ini dengan segala amalnya.”*<sup>183</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **47. (Hadith 47)**

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: *“Tiada mendapati akan Allah oleh seorang dengan dosa yang terlebih besar daripada dosa yang jahil segala isi rumahnya.”*<sup>184</sup>

<sup>179</sup> Al-Bukhārī, *“Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”*, 451 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ghayrah, no. hadith 5224).

<sup>180</sup> Muslim, *“Ṣaḥīḥ Muslim”*, 1066 (Kitāb al-Salām, Bāb Jawāz Irdāf al-Mar’ah al-Ajnbīyah Idhā A‘yat fī al-Ṭarīq, no. hadith 2182).

<sup>181</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 44:502 (Musnad al-Nisā’, Ḥadīth Asmā’ Binti Abī Bakr al-Ṣiddīq Raḍiy Allah ‘Anhumā, no. hadith 26937).

<sup>182</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 10:352 (Kitāb al-Siyar, Bāb fī al-Khilāfah wa al-Imārah, no. hadith 4500).

<sup>183</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 15.

<sup>184</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 15.

### Matan Arab:

لَا يَلْقَى اللَّهُ أَحَدَ بِذَنْبٍ أَكْبَرَ مِنْ جَهَالَةِ أَهْلِهِ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini tidak dijumpai dalam kitab-kitab hadith muktabar melainkan penulis mendapati daripada kitab *Takhrij Aḥādīth Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* yang merupakan himpunan bagi hadith-hadith yang telah ditakhrij oleh tiga tokoh iaitu al-'Irāqī, al-Subkī dan al-Zubīdī. Al-Subkī menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini tidak dijumpai.<sup>185</sup> Kedudukan hadith ini dalam *bāb al-nikāḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini tidak diketahui kerana ketiadaan sanad menjadi sebab penilaian hukum tidak dapat dilaksanakan.

### 48. (Hadith 48)

Seperti sabda Nabi s.a.w.:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَنْوُتُ.

Ertinya: “Memadailah dengan seorang itu derhaka dan dosa bahawa menghilangkan ia akan hak orang yang wajib nafkah atasnya.”<sup>186</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū Dāwud<sup>187</sup>, Aḥmad<sup>188</sup>, Abū Dāwud al-Ṭayālīsī<sup>189</sup>, al-Ḥumaydī<sup>190</sup> (w. 219H), al-Ṭabrānī<sup>191</sup>, al-Ḥākim<sup>192</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>193</sup> Al-Albānī telah menyatakan hadith ini adalah *ḥasan lighayrih*.<sup>194</sup> Shaykh Shu‘ayb al-ʿArna‘ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ḥasan* dan status bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ lighayrih*. Manakala bagi hadith riwayat Ibn Ḥibbān, beliau menyatakannya sebagai

<sup>185</sup> Abū ‘Abd Allah Maḥmūd Bin Muḥammad al-Ḥaddād, *Takhrij Aḥādīth Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn li al-'Irāqī wa al-Subkī wa al-Zubīdī* (Riyadh: Dār al-‘Āshimāh, 1987), 2:963.

<sup>186</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 16.

<sup>187</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 293 (Kitāb al-Zakāh, Bāb fī al-Ṣilah al-Raḥīm, no. hadith 1692), 293.

<sup>188</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 11:36 (Musnad ‘Abd Allah Bin ‘Amrū Bin al-‘Āṣ Raḍiy Allah ‘anhumā, no. hadith 6495).

<sup>189</sup> Al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, 4:38 (Musnad ‘Abd Allah Bin ‘Amrū Bin al-‘Āṣ, no. hadith 2395).

<sup>190</sup> Abū Bakr ‘Abd Allah Bin al-Zubayr al-Qurashī, *Musnad al-Ḥumaydī*, ed. Ḥusayn Salīm Asad (Dimashq: Dār al-Saqā, 1996), 1:508 (Musnad ‘Abd Allah Bin ‘Amrū Bin al-‘Āṣ Raḍiy Allah ‘anhu, no. hadith 610).

<sup>191</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 5: 226 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 5155).

<sup>192</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 1:574 (Kitāb al-Zakāh, no. hadith 1515).

<sup>193</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 10:51 (Kitāb al-Raḍā‘, Bāb Dhikr al-Zajr ‘an an Yuḍayyi‘ al-Mar’u Man Tulzamuḥu Nafaqatuhu Min ‘Iyālihi, no. hadith 4240).

<sup>194</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhib wa al-Tarhib*, 2:426 (Kitāb al-Nikāḥ wa Mā Yata‘llaqu bih, al-Targhib fī al-Nafaqah ‘alā al-Zawjah wa al-‘Iyāl, no. hadith 1965).

*ṣaḥīḥ*. Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī menyatakan hadith riwayat al-Ṭayālīsī sebagai *ṣaḥīḥ*. Ḥusayn Salīm Asad juga men<sup>ṣaḥīḥ</sup>kan riwayat al-Ḥumaydī. Al-Ḥākim menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana keseluruhan jalur periwayatan hadith ini adalah terdiri daripada perawi-perawi yang *thiqah*.

### 49. (Hadith 49)

(Dan) telah mengeluarkan oleh Ṭabrānī: “*Di mana-mana lelaki yang berkahwin ia akan perempuan atas sedikit daripada isi kahwinnya atau banyak yang tiada padanya membayar ia kepada perempuan itu akan haknya lagi akan menipu daya lelaki itu akan dia, maka mati ia dan padahalnya tiada membayar ia kepada perempuan itu akan haknya nescaya berjumpalah ia akan Allah Ta’ala pada hari kiamat dan padahal ia lelaki itu zina, yakni seperti dosa orang yang berbuat zina.*”<sup>195</sup>

### Matan Arab:

أَيُّمَا رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً بِمَا قَلَّ مِنَ الْمَهْرِ أَوْ كَثُرَ لَيْسَ فِي نَفْسِهِ أَنْ يُؤَدِّيَ إِلَيْهَا حَقَّهَا،  
خَدَعَهَا، فَمَاتَ وَأَمْ يُؤَدِّيَ إِلَيْهَا حَقَّهَا، لَقِيَ اللَّهَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَهُوَ زَانٍ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat al-Ṭabrānī.<sup>196</sup> Ada tiga tempat matan ini ditemui daripada riwayat al-Ṭabrānī iaitu dua daripadanya adalah dalam *Mu‘jam al-Awsaṭ* dan satu lagi dalam *Mu‘jam al-Ṣaghīr*. Al-Ṭabrānī menyatakan bahawa hadith ini hanya diriwayatkan melalui jalan Abū Maymūn al-Kurdī. Ketiga-tiga sanad adalah sama cuma berbeza sedikit dari sudut matan. Pentahkik bagi kitab *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawā‘id al-Mu‘jamayn* iaitu ‘Abd al-Quddus Bin Muḥammad Nadhīr<sup>197</sup> dan Muḥammad Shakūr Maḥmūd al-Ḥājj Amrīr iaitu pentahkik *Al-Rawḍ al-Dānī ilā Mu‘jam al-Ṣaghīr* menukikkan daripada al-Haythamī (w. 807H) bahawa perawi-perawi dalam sanad hadith

<sup>195</sup> Syeikh Abdullah, *Muḥimmah*, 16.

<sup>196</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 2:237 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Aḥmad, no. hadith 1851) dan 6:210 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 6213). Sila lihat juga; Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *al-Rawḍ al-Dānī ilā Mu‘jam al-Ṣaghīr li al-Ṭabrānī*, ed. Muḥammad Shakūr Maḥmūd al-Ḥājj Amrīr (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1985), 1:84 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Aḥmad, no. hadith 111).

<sup>197</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn*, 4:47 (Kitāb al-Buyū‘, Bāb fī Man Nawā an Lā Yaqqī Dayyanahu, no. hadith 2076).

al-Ṭabrānī adalah *thiqah*. Hadith ini di $\dot{s}$ ahihkan al-Albānī dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*.<sup>198</sup>

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 50. (Hadith 50)

Seperti sabda Nabi s.a.w.:

لَا يُفْلِحُ قَوْمٌ تَمَلَّكُهُمْ امْرَأَةٌ.

Ertinya: “Tiada dapat kemenangan oleh kaum yang memiliki mereka itu oleh perempuan.”<sup>199</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat al-Bukhārī,<sup>200</sup> al-Tirmidhī,<sup>201</sup> Aḥmad,<sup>202</sup> al-Nasā’ī,<sup>203</sup> Abū Dāwud al-Ṭayālīsī,<sup>204</sup> al-Bazzār,<sup>205</sup> al-Ḥākim,<sup>206</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>207</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt men $\dot{s}$ ahihkan hadith riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān. Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī iaitu pentahkik *Musnad Abū Dāwud al-Ṭayālīsī* menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*. Al-Ḥākim berkata bahawa hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Terdapat perbezaan matan antara setiap riwayat. Hadith di atas menepati riwayat Aḥmad dan al-Ḥākim dari sudut matan.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ*.

### 51. (Hadith 51)

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w., kata Imam Al-Ghazālī, hanya sesungguhnya:

<sup>198</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 2:352 (Kitāb al-Buyu‘ wa Ghayrihā, Tarhīb min al-Dayn wa Targhīb al-Mustaddayn wa al-Mutazawwij an Yanwiyā al-Wafā’ wa al-Mubādarah Ilā Qadā’ Dayn al-Mayt, no. hadith 1807).

<sup>199</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 17.

<sup>200</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 592 (Kitāb al-Fitan, Bāb al-Fitnah Allatī Tamūj Kamawj al-Baḥr, no. hadith 7099).

<sup>201</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 1:512 (Kitāb al-Fitan, Bāb 75, no. hadith 2262).

<sup>202</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 34:122 (Musnad Abū Bakrah Nufay‘ Bin al-Ḥārith Bin Kaladah, no. hadith 20478).

<sup>203</sup> Al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 809 (Kitāb ‘Ādāb al-Quḍāh, Bāb al-Nahy ‘an Isti‘māl al-Nisā’ fī al-Hukm, no. hadith 5388).

<sup>204</sup> Al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, 2:205 (Musnad Abū Bakrah, no. hadith 919).

<sup>205</sup> Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma‘rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah, 9:106 (Musnad Abī Bakrah Raḍiy Allah ‘anhu, no. hadith 3647).

<sup>206</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 4:430 (Kitāb al-‘Ādāb, no. hadith 7871).

<sup>207</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Shu‘ayb al-Arna’ūt, 10:375 (Kitāb al-Siyar, Bāb al-Khilāfah wa al-Imārah, no. hadith 4516).

تَعَسَّ عَبْدًا لِرُوحَةٍ.

Ertinya: “Binasa dan jahat lelaki yang jadi hamba bagi isterinya.”<sup>208</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini tidak dijumpai penulis melainkan dalam kitab *Takhrij Ahādīth Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* iaitu himpunan hasil takhrij al-‘Irāqī, al-Subkī dan al-Zubaydī. Berkata al-‘Irāqī, “aku berpegang tiada asal bagi hadith ini kerana hadith yang diketahui aku ialah تَعَسَّ عَبْدًا لِرُوحَةٍ iaitu riwayat al-Bukhārī dari hadith Abū Hurayrah”. Manakala al-Subkī menyatakan sanadnya tidak dijumpai.<sup>209</sup>

#### **Hukum Hadith:**

Tiada asal bagi hadith ini.

#### **52. (Hadith 52)**

Kata Sayyidina ‘Umar r.a.:

خَالِفُوا النِّسَاءَ فَإِنَّ فِي خِلَافِهِنَّ الْبِرَّكَةَ.

Ertinya: “Bersalahan oleh kamu akan perempuan di dalam suatu yang disukai oleh hawa nafsunya yang menyalahi akan syariat kerana bahawa sesungguhnya di dalam menyalahi akan mereka itu dapat berkah.”<sup>210</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini hanya diriwayatkan oleh Ibn al-Ja’d (w. 230H).<sup>211</sup> Al-Albānī menyatakan dalam kitabnya *Silsilah al-Ahādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah* bahawa sanad bagi hadith ini ḍa‘īf. Ini kerana terdapat perawi yang ḍa‘īf iaitu Abū ‘Uqayl dan perawi yang *majhūl* dalam sanad hadith ini iaitu Hafṣ Bin ‘Uthmān.<sup>212</sup> Hadith ini diriwayatkan secara bersendirian oleh Abū ‘Uqayl.

#### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah ḍa‘īf.

<sup>208</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 17.

<sup>209</sup> Abū ‘Abd Allah Maḥmūd Bin Muḥammad al-Ḥaddād, *Takhrij Ahādīth Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 2:981 (Kitāb Ādāb al-Nikāḥ, no. hadith 1368).

<sup>210</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 17.

<sup>211</sup> Abū al-Ḥasan ‘Alī Bin al-Ja’d Bin ‘Ubayd al-Jawharī (1985), *Musnad Ibn al-Ja’d*, ed. ‘Abd al-Mahdī Bin ‘Abd al-Qādir (Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, 1985), 2:1066 (Musnad Abū ‘Uqayl Yahyā Bin al-Mutawakkil, no. hadith 3081).

<sup>212</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Ahādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 1:619-620 (no. hadith 430).



### 53. (Hadith 53)

Hadith Nabi s.a.w.:

إِذَا فَعَلْتَ أُمَّتِي خَمْسَ عَشْرَةَ خَصْلَةً حَلَّ بِهَا الْبَلَاءُ.

Ertinya: “Apabila berbuat oleh umatku akan yang lima belas perkara, nescaya turunlah atas segala mereka itu bala’.”<sup>213</sup>

Salah satunya:

1. Apabila adalah rampasan itu diambil dengan kekerasan.
2. Apabila adalah amanah itu jadi rampasan.
3. Apabila adalah zakat itu akan jadi pemiutang.
4. Apabila adalah mengikut lelaki akan isterinya.
5. Apabila adalah derhaka ia akan ibunya.
6. Berbuat kebencian ia akan taulannya.
7. Benci ia akan bapanya.
8. Terangkat dirinya atas segala saudara di dalam segala majlis.
9. Adalah penghulu bagi segala kaum itu yang terlebih hina bagi mereka itu.
10. Apabila adalah sebaik-baik lelaki itu takut bagi kejahatannya.
11. Diminum segala arak.
12. Dipakai segala perhiasan sutera.
13. Mengambil oleh kaum itu akan hamba perempuan yang bernyanyi-nyanyi.
14. Bermain-main ia akan segala alat permainan, seperti (rebab) dan kecapi dan biola dan serunai dan barang sebagainya.
15. Telah melaknatkan akan kesalahan umat ini oleh awalnya.

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat al-Tirmidhī<sup>214</sup>, al-Ṭabrānī<sup>215</sup>, al-Dānī<sup>216</sup> (w. 444H) dan Ibn Abī al-Dunyā<sup>217</sup> (w. 280H). Al-Tirmidhī menyatakan hadith ini adalah *gharīb*. Al-Ṭabrānī menyatakan hadith ini tidak diriwayatkan daripada Yaḥyā melainkan dari Faraj Bin Faḍālah. Dr. Riḍā’ Allah Bin Muḥammad Idrīs al-Mubārakfūrī pentahkik bagi kitab *al-Sunan al-Wāridah fī Al-Fitan wa Ghawā’iluhā wa al-Sā’ah wa Ashrātihā* menukilkan daripada al-Munāwī iaitu beliau mengambil daripada al-‘Irāqī dan al-Mundhirī bahawa hadith menjadi *ḍa’if* disebabkan kelemahan Faraj Bin Faḍālah dan al-Dhahabī pula menyatakan bahawa perawi ini *munkar*.<sup>218</sup> ‘Amr ‘Abd al-Mun‘im Salīm iaitu pentahkik kitab *Dham al-Malāhī li Ibn Abī al-Dunyā* menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *munkar*.

<sup>213</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 17.

<sup>214</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 1:500 (Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā’a fī ‘Alāmah Ḥulūl al-Maskh wa al-Khasf, no. hadith 2210).

<sup>215</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Awsaṭ*, 1:150 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Aḥmad, no. hadith 469).

<sup>216</sup> Abū ‘Amrū ‘Uthmān Bin Sa’id al-Muqri’ al-Dānī, *al-Sunan al-Wāridah fī al-Fitan wa Ghawā’iluhā wa al-Sā’ah wa Ashrātihā*, ed. Riḍā’ Allah Bin Muḥammad Idrīs al-Mubārakfūrī (Riyadh: Dār al-‘Āshimah, t.t.), 3:683 (Bāb Mā Jā’a fī Mā Yanzilu min al-Balā’ wa Yahillu min al-‘Uqūbah bi Hadhihi al-Ummah Idhā ‘Amilat bi al-Ma’āsī wa Ishtaharat bi al-Dhunūb, no. hadith 320).

<sup>217</sup> Abū Bakr ‘Abd Allah Bin Muḥammad Bin ‘Ubayd al-Qurashī, *Dham al-Malāhī li Ibn Abī al-Dunyā*, ed. ‘Amr ‘Abd al-Mun‘im Salīm (Kaheerah: Maktabah Ibn Taymiyyah, 1995), 27 (no. hadith 5).

<sup>218</sup> Al-Dānī, *al-Sunan al-Wāridah*, 3:684.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ḍa'if jiddan*.

## Bab: (Ini Suatu Tanbih Pula) Maka Hendaklah Ada Bagi Lelaki Yang Ada Baginya Isterinya Itu Di Dalam Cemburuan Yang Pertengahan

### 54. (Hadith 54)

Sabda Nabi s.a.w.:

إِنِّي لَعَيُورٌ وَمَا مِنْ امْرَأَةٍ لَا يُعَارُ إِلَّا مَنكُوسُ الْقَلْبِ.

Ertinya: “Bahawa sesungguhnya aku sesungguhnya cemburuan dan tiada daripada seorang yang tiada cemburuan melainkan terbaliklah hatinya.”<sup>219</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini tidak dijumpai penulis melainkan ia diriwayatkan oleh Ibn Abī Shaybah<sup>220</sup> dan terdapat sedikit pertambahan dalam pertengahan matan iaitu *وَأَنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ غَيُورًا*. Al-Subkī dalam *Takhrij Ahādīth Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn li al-‘Irāqī wa al-Subkī wa al-Zubaydī* menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini tidak ditemui.<sup>221</sup>

### Hukum Hadith:

Sanad bagi hadith ini tidak ditemui.

### 55. (Hadith 55)

Dan lagi (sabda Nabi s.a.w.): “Bahawa sesungguhnya Allah Ta’ala itu cemburuan dan orang yang mukmin pun cemburuan, dan cemburuan Allah Ta’ala itu bahawa mendatangi oleh seorang lelaki akan yang diharamkan oleh Allah Ta’ala atasnya.”<sup>222</sup>

### Matan Arab:

إِنَّ اللَّهَ يِعَارُ، وَإِنَّ الْمُؤْمِنَ يِعَارُ، وَعَيْرُهُ اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَ الْمُؤْمِنُ مَا حَرَّمَ عَلَيْهِ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Bukhārī,<sup>223</sup> Muslim,<sup>224</sup> al-Tirmidhī,<sup>225</sup> Aḥmad,<sup>226</sup> Ibn Ḥibbān,<sup>227</sup> al-Bayhaqī,<sup>228</sup> Abī Dāwud al-Ṭayālīsī<sup>229</sup> dan Abū Ya‘lā al-Mūsilī.<sup>230</sup> Shaykh

<sup>219</sup> Syeikh Abdullah, *Muḥimmah*, 18.

<sup>220</sup> Ibn Abī Shaybah, *al-Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah*, 6:353 (Kitāb al-Nikāh, Bāb fī al-Ghayrah wa Mā Dhukira fīhā, no. hadith 17892).

<sup>221</sup> Abū ‘Abd Allah Maḥmūd Bin Muḥammad al-Ḥaddād, *Takhrij Ahādīth Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 2:986.

<sup>222</sup> Syeikh Abdullah, *Muḥimmah*, 18.

Shu‘ayb al-Arna’uṭ menyatakan sanad dari riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat Bukhārī dan Muslim. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī menyatakan sanad bagi riwayat al-Bayhaqī adalah *ṣaḥīḥ*. Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī menyatakan sanad riwayat al-Ṭayālīsī adalah *ṣaḥīḥ*. Ḥusayn Salīm Asad menyatakan pada asalnya sanad bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf* disebabkan terputus pada peringkat tabiīn, tetapi ia *ṣaḥīḥ* disebabkan riwayat-riwayat lain yang lebih *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 56. (Hadith 56)

(Seperti) sabda Nabi s.a.w.:

إِنَّ اللَّهَ مِنَ الْعَبْرَةِ يَبْعَثُهَا اللَّهُ تَعَالَى وَهِيَ غَيْرَةُ الرَّجُلِ عَلَى أَهْلِهِ مِنْ غَيْرِ سَبَبٍ.

Ertinya: “Bahawa sesungguhnya setengah daripada cemburuan itu dibenci dan dimurkai akan dia oleh Allah Ta’ala, iaitu cemburuan seseorang lelaki atas ahlinya dengan tiada sebab yang membawa kepada syak.”<sup>231</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan hadith yang dibawa pengarang kitab adalah sedikit berbeza dengan matan hadith yang asal. Hadith ini telah diriwayatkan Aḥmad<sup>232</sup>, Abū Dāwud<sup>233</sup>, al-Nasā’ī<sup>234</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>235</sup>, al-Ṭabrānī<sup>236</sup>, al-Dārimī<sup>237</sup> dan Ibn Abī Shaybah.<sup>238</sup> Kesemua sanad adalah dari jalur riwayat Jābir Bin ‘Atīk. Shaykh Shu‘ayb al-Arna’uṭ menyatakan riwayat

<sup>223</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 451 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ghayrah, no. hadith 5223).

<sup>224</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1156 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Ghayrah Allah Ta’ālā wa Taḥrīm al-Fawāḥish, no. hadith 2761).

<sup>225</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 1:277 (Kitāb al-Raḍā’, Bāb Mā Jā’a fī al-Ghayrah, no. hadith 1168).

<sup>226</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 16:557 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 10950).

<sup>227</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 1:528 (Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb al-Ṣidq wa al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘an al-Munkar, no. hadith 293).

<sup>228</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi’ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 13:259 (Bāb fī al-Ghayrah wa al-Midhā’, no. hadith 10307).

<sup>229</sup> Al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, 4:114 (Musnad Abu Hurayrah, no. hadith 2479).

<sup>230</sup> Abū Ya’lā, *Musnad Abī Ya’lā al-Mūṣilī*, 10:395 (Musnad Abu Hurayrah, no. hadith 5998).

<sup>231</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 18.

<sup>232</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 39:159 (Musnad Jābir Bin ‘Atīk, no. hadith 23750).

<sup>233</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 467 (Kitāb al-Jihād, Bāb fī al-Khuyalā’ fī al-Ḥarb, no. hadith 2659).

<sup>234</sup> Al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 398 (Kitāb al-Jihād, Bāb al-Ikhtiyāl fī al-Ṣadaqah, no. hadith 2558).

<sup>235</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 1:530 (Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb al-Ṣidq wa al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘an al-Munkar, no. hadith 295).

<sup>236</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr*, 2:189 (Bāb al-Jīm, Wa Mā Asnada Jābir Bin ‘Atīk, no. hadith 1772, 1773, 1774, 1775, 1776 dan 1777).

<sup>237</sup> Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3:1428 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī al-Ghayrah, no. hadith 2272).

<sup>238</sup> Abū Bakr ‘Abd Allah bin Muḥammad bin Abī Shaybah, *Musnad Ibn Abī Shaybah*, ed. ‘Ādil Bin Yūsuf al-Ghazāwī (Riyadh: Dār al-Waṭan, 1997), 2:379 (Musnad Jābir Bin ‘Atīk al-Anṣārī Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 896).

Aḥmad adalah *ḥasan lighayrih* dan riwayat Ibn Ḥibbān adalah *ḥasan*. Beliau menyatakan perawi iaitu anak lelaki kepada Jābir Bin ‘Atīk dalam sanad ini adalah ‘Abd al-Raḥman yang merupakan *majhūl al-ḥāl* dalam riwayat ini. *Shawāhid* yang lain telah menguatkan riwayat ini. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī turut menyatakan ‘Abd al-Raḥman Bin Jābir Bin ‘Atīk adalah *majhūl*. Ḥusayn Salīm Asad menyatakan sanad bagi riwayat al-Dārimī adalah *jayyid*. ‘Ādil Bin Yūsuf al-Ghazāwī pentahkik *Musnad Ibn Abī Shaybah* menyatakan sanadnya *ṣaḥīḥ*.

#### **Hukum Hadith:**

Riwayat Aḥmad adalah berstatus *da‘īf* kerana terdapat perawi yang *majhūl al-ḥāl* tetapi kedudukannya diangkat menjadi *ḥasan lighayrih* disebabkan sokongan dari (*shawāhid*) jalur periwayatan lain yang lebih kuat yang mana terdiri daripada sanad yang *hasan* dan juga *ṣaḥīḥ* seperti dari riwayat Ibn Ḥibbān dan Ibn Abī Shaybah.

#### **57. (Hadith 57)**

(Dan kata) Hasan al-Basri r.h.m.: “Adakah kamu tinggalkan, yakni biarkan akan perempuan kamu itu bersuka-suka akan lelaki yang banyak di dalam pekan, nescaya menjahatkan Allah Ta’ala akan seorang yang tiada cemburuan.”<sup>239</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

#### **58. (Hadith 58)**

berkata Siti ‘Aishah r.a.: “Jika mengetahui oleh Nabi s.a.w. akan barang yang didatangkan oleh perempuan yang kemudian daripadanya nescaya menegahkan ia akan mereka itu daripada keluar daripada rumah mereka itu ke dalam masjid atau lainnya.”<sup>240</sup>

#### **Matan Arab:**

أَنَّهَا سَمِعَتْ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَقُولُ: «لَوْ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى مَا أَحَدَثَ النِّسَاءُ لَمَنَعَهُنَّ الْمَسْجِدَ كَمَا مَنَعَتْ نِسَاءَ بَنِي إِسْرَائِيلَ

<sup>239</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 19.

<sup>240</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 19.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Bukhārī<sup>241</sup>, Muslim<sup>242</sup>, Aḥmad<sup>243</sup>, al-Ṭabrānī<sup>244</sup>, Ibn Khuzaymah<sup>245</sup> dan Abū Ya‘lā al-Mūṣilī.<sup>246</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ* menurut syarat al-Bukhārī dan Muslim. Husayn Salīm Asad pula menyatakan sanad bagi riwayat Abū Ya‘lā al-Mūṣilī adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 59. (Hadith 59)

Dan (demikian lagi) adalah Rasulullah s.a.w. telah memberi izin bagi perempuan keluar pada hari raya tertentu tetapi tiada harus keluar mereka itu melainkan dengan redha suami mereka itu dan keluar sekarang harus pula bagi perempuan yang terpelihara daripada kejahatan dengan redha suaminya tetapi duduk di rumahnya itu terlebih sejahtera ia daripada cemburuan daripada fitnah.<sup>247</sup>

### Matan Arab:

١. حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى، أَخْبَرَنَا أَبُو خَيْثَمَةَ، عَنْ عَاصِمِ الْأَحْوَلِ، عَنْ حَفْصَةَ بِنْتِ سِيرِينَ، عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ، قَالَتْ: «كُنَّا نُؤْمَرُ بِالخُرُوجِ فِي الْعِيدَيْنِ، وَالْمُحَبَّأَةِ، وَالْبِكْرِ»، قَالَتْ: «الْحَيْضُ يُخْرَجْنَ فَيَكُنَّ خَلْفَ النَّاسِ، يُكَبَّرْنَ مَعَ النَّاسِ»  
٢. عَنْ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا تَمْنَعُوا النِّسَاءَ أَنْ يَخْرُجْنَ إِلَى الْمَسَاجِدِ، وَبُيُوتِهِنَّ خَيْرٌ لَهُنَّ».

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Pengarang kitab *Muhimmah* telah membawa mafhum hadith tanpa mendatangkan matan hadith yang sebenar. hadith yang pertama diriwayatkan oleh Bukhārī<sup>248</sup> dan Muslim.<sup>249</sup> Hadith kedua, diriwayatkan oleh Abu Dawud,<sup>250</sup> Ahmad,<sup>251</sup> Ibn Khuzaymah<sup>252</sup> dan al-Hakim.<sup>253</sup> Al-Albānī men<sup>ṣaḥīḥ</sup>kan hadith yang kedua ini.<sup>254</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arnaūṭ

<sup>241</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 68 (Kitāb al-Adhān, Bāb Intizār al-Nās Qiyām al-Imām al-‘Ālim, no. hadith 869).

<sup>242</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 748 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Khurūj al-Nisā’ ilā al-Masājid Idhā Lam Yatarattab ‘Alayh Fitnah wa annahā Lā Takhrūj Muṭayyabah, no. hadith 445).

<sup>243</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 43:125 (Musnad al-Ṣiddīqah ‘Āishah Binti al-Ṣiddīq Raḍiy Allah ‘Anhā, no. hadith 25982).

<sup>244</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 7:48 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 6813).

<sup>245</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3:98 (Kitāb al-Imāmah fī al-Ṣalāh, Bāb Dhikr al-Dalīl ‘alā anna al-Nahy ‘an Man ‘al-Nisā’ al-Masājid Kāna Idh Kunna Lā Yukhāfu Fasāduhunna fī al-Khurūj ilā al-Masājid wa Dhunnun Lā bi Yaqīn, no. hadith 1698).

<sup>246</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 7:466 (Musnad ‘Āishah, no. hadith 4493).

<sup>247</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 19.

<sup>248</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 76 (Kitāb al-‘Īdayn, Bāb al-Takbīr Ayyām Minā wa Idhā Ghadā ilā ‘Arafāh, no. hadith 971).

<sup>249</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 816 (Kitāb Ṣalāh al-‘Īdayn, Bāb Dhikr Ibāḥah Khurūj al-Nisā’ fī al-‘Īdayn ilā al-Muṣallā wa Shuhūd al-Khuṭbah Mufāriqāt li al-Rijāl, no. 890).

menyatakan sanad dari riwayat Aḥmad adalah lemah kerana terdapat perawi bernama Ḥabīb Bin Abī Thābit tetapi ia menjadi *ṣaḥīḥ* disebabkan ada *shawāhid* lain. Pentahkik kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* iaitu Muḥammad Mustafā al-A‘zamī juga menyatakan perkara yang sama dengan pentahkik-pentahkik yang lain.

### **Hukum Hadith:**

Hukum bagi hadith pertama adalah *ṣaḥīḥ* kerana disepakati oleh Bukhārī dan Muslim. Manakala, hukum hadith kedua juga adalah *ṣaḥīḥ*.

### **60. (Hadith 60)**

(Seperti) sabda Nabi s.a.w.:

مَنْ مَلَأَ عَيْنَهُ مِنَ الْحَرَامِ مَلَأَ اللَّهُ عَيْنَهُ مِنْ جَمْرِ جَهَنَّمَ.

Ertinya: “Barangsiapa memenuhi akan matanya daripada memandang yang haram nescaya memenuhi Allah Ta’ala akan matanya itu daripada bara api neraka jahannam.”<sup>255</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Penulis tidak menemui hadith ini melainkan dalam kitab *Al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah* karangan al-Shawkānī<sup>256</sup> (w. 1250 H). Al-Shawkānī menyatakan hadith ini tiada asalnya.

### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini tiada asal.

### **61. (Hadith 61)**

Hadith Nabi s.a.w.: “Minta ampun bagi segala perempuan yang mengikut bagi suaminya itu oleh segala burung yang terbang daripada hawa dan segala ikan yang di dalam air dan segala malaikat yang pada langit dan matahari dan bulan selama ada perempuan itu di dalam keredhaan suaminya.”<sup>257</sup>

<sup>250</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 105 (Kitab al-Salah, Bāb Mā Jā’a fī Khurūj al-Nisā’ ilā al-Masjid, no. hadith 567).

<sup>251</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 9:337 (Musnad ‘Abd Allah Bin ‘Umar Raḍiy Allah ‘Anhumā, no. hadith 5468).

<sup>252</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3:92 (Kitāb al-Imāmah fī al-Ṣalāh, Bāb Ikhtiyār Ṣalāh al-Mar’ah fī Baytiḥā ‘alā Ṣalātiḥā fī al-Masjid, no. hadith 1684).

<sup>253</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 1:314 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb wa Min Kitāb al-Imāmah wa Ṣalāh al-Jamā’ah, no. hadith 758).

<sup>254</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrizī, *Mishkāt al-Maṣābīḥ*, 1:334 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Jamā’ah wa Faḍluḥā, no. hadith 1062).

<sup>255</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 19.

<sup>256</sup> Muḥammad Bin ‘Alī al-Shawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*, ed. Riḍwān Jāmi‘ Riḍwān (Riyadh: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz Makkah al-Mukarramah, t.t.), 1:259 (Kitāb al-Ḥudūd, no. hadith 27).

<sup>257</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 19.

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah ditakhrij pada bilangan hadith ke-23 dalam kitab *Muhimmah*.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana ketiadaan sumber asal hadith.

### **62. (Hadith 62)**

(Seperti) menceritakan oleh Ahmad, Nasā'ī dan Ḥakim daripada Ibn 'Umar r.a.:

ثَلَاثَةٌ قَدْ حَرَّمَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَلَيْهِمُ الْجَنَّةَ مُدْمِنُ الْخَمْرِ وَالْعَاقُ وَالَّذِي يُقْرُ فِي أَهْلِهِ الْحَبْثُ.

Ertinya: “Tiga orang telah mengharamkan Allah Tabaraka wa Ta’ala mereka itu masuk syurga:

1. Orang yang mengekali minum arak.
2. Orang yang menderhaka bagi dua ibubapanya.
3. Orang yang dayus, yang membiarkan ahlinya buat kejahatan zina, mengetahui ia dengan dia.”<sup>258</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Ahmad<sup>259</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>260</sup>, al-Nasā'ī<sup>261</sup> dan al-Ḥakim.<sup>262</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan sanad bagi hadith nombor hadith (5372) dari riwayat Ahmad ini adalah lemah tetapi menjadi *ṣaḥīḥ* kerana disokong dengan sanad lain yang lebih kuat. Al-Albānī menyatakan hadith riwayat al-Nasā'ī adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Al-Ḥakim menyatakan kedua-dua sanad riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ*. Sanad bagi riwayat Ibn Ḥibbān di*ṣaḥīḥ*kan oleh Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt.

### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### **63. (Hadith 63)**

(Seperti) yang tersebut di dalam hadith Nabi s.a.w.: “Barangsiapa berbuat zina dengan perempuan yang ada suaminya nescaya adalah dosanya atas lelaki dan perempuan di dalam kuburnya itu sangat azab sekalian umat nabi kita semuanya, maka apabila

<sup>258</sup> *Ibid.*, 20.

<sup>259</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Ahmad Bin Ḥanbal*, 9:272 &321 (Musnad ‘Abd Allah Bin ‘Umar Raḍiy Allah ‘Anhumā, no. hadith 5372 dan 6180).

<sup>260</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 16:334 (Kitāb Ikhbārihi Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam ‘An Manāqib al-Ṣahābah, Bāb Ikhbārihi Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam ‘an al-Ba‘th wa Aḥwāl al-Nās, no. hadith 7340).

<sup>261</sup> Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 399 (Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Mannan bi Ma A‘ṭā, no. hadith 2562).

<sup>262</sup> Al-Ḥakim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 4:256 (Kitāb al-Ashribah, no. hadith 7315) dan 1:134 (Kitāb al-’Imān, no. hadith 244).

adalah pada hari kiamat nescaya menghukumkan Allah s.w.t. akan suaminya yang dahulu itu di dalam segala kebajikan lelaki.”<sup>263</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

#### **64. (Hadith 64)**

(Dan suatu) riwayat tiga perkara tiada masuk mereka itu ke dalam syurga<sup>264</sup>:

1. Orang yang menyakiti akan dua ibubapanya.
2. Orang yang dayus.
3. Suruh-suruhan kerana berbuat zina.

#### **Matan Arab:**

ثَلَاثَةٌ لَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ: الْعَاقُ بِوَالِدَيْهِ، وَالذَّيُّوثُ، وَرَجُلَةٌ النَّسَاءِ

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Riwayat yang hampir dengan hadith di atas adalah riwayat al-Hākim<sup>265</sup> dan telah ditakhrij. Sumber hadith boleh dirujuk pada bilangan hadith yang ke-62.

#### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith adalah *ṣaḥīḥ*.

#### **65. (Hadith 65)**

(Adapun ) yang telah sabitlah daripada beberapa riwayat yang banyak perhimpunan orang yang diharamkan Allah s.w.t. daripada ampun-Nya bagi segala dosa mereka itu, iaitu lapan belas bahagi pada malam yang diampun beberapa banyak dosa daripada segala makhluk, iaitu malam *Nisfu Sha'ban* kerana banyak kebajikan dan rahmat di dalamnya melainkan sekalian orang yang lagi akan datang sebutannya tiadalah mengampun Allah s.w.t. akan dosa mereka itu kerana mendatangkan kejahatan yang amat besar barang yang mengerjakan mereka itu akan dia melainkan jikalau taubat mereka itu dengan taubat yang nasuha.<sup>266</sup>

1. (الْقَاتِلُ) ertinya; orang yang membunuh orang dengan tiada sebenarnya.
2. (عَرَّافٌ) iaitu orang yang mengkhabarkan daripada yang telah lalu yang tiada tsabit ambilnya yang sah.

<sup>263</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 20.

<sup>264</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 20.

<sup>265</sup> Al-Hākim, *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 4:256 (Kitāb al-Ashribah, no. hadith 7315) dan 1:134 (Kitāb al-'Imān, no. hadith 244).

<sup>266</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 20.



3. (الْمُصَوِّرُ) iaitu orang yang mengerjakan suatu rupa daripada binatang, dan jikalau tiada bandingan sekali pun, seperti kuda yang bersayap.
4. (مُدْمِنٌ خَمْرٍ) iaitu orang yang mengekali minum arak dan dihubungkan pula dengan dia sekalian yang memabuki, maka iaitu haram lagi dosa yang besar, tiada diampun Allah s.w.t. akan dia.
5. (مُدْمِنٌ زِنَاً) iaitu orang yang mengekalkan zina, maka iaitu daripada dosa yang besar yang tiada diampun akan dia.
6. (عَاقُ الْوَالِدَيْنِ) iaitu orang yang menderhakakan dua ibu bapanya atau salah seorang daripada keduanya.
7. (سَاحِرٌ) iaitu orang yang mengerjakan suatu yang jahat supaya menambah daripadanya pekerjaan yang menyalahi adat, seperti balik mata dan lainnya, maka iaitu haram lagi dosa yang besar.
8. (كَاهِنٌ) iaitu orang yang menujum, yakni orang yang mengkhabarkan akan pekerjaan yang lagi akan datang yang ghaib-ghaib hal keadaannya memegang kerana memberi bekas bagi suatu alamat yang *ḥadīth* (baru), seperti katanya: *“Manakala naik bintang ini maka begini hasilnya dan manakala jatuh bintang ini maka begini-begini hasilnya”*, maka adalah yang demikian itu haram dengan terkadang-kadang menjadi kufur.
9. (حَسَدٌ) iaitu orang yang berdengki-dengki sama Islam, maka makna dengki itu mencita-citakan hilang nikmat pada orang yang lain dan suka kedatangan bala dan mudarat atasnya.
10. (فِتْنَانٌ) iaitu orang yang mengadu-ngadu antara manusia supaya berkelahi seperti ia memindahkan perkataan dua orang supaya berkelahi.
11. (غِيْبَةٌ) iaitu orang mengumpat-ngumpat akan manusia, istimewa pula mengumpat orang yang ‘alim dan orang yang mengamalkan Al-Qur’an.
12. (الْعَشَّارُ) iaitu orang yang mengambil cukai daripada harta manusia.
13. (مُضَرَّبٌ) iaitu orang yang melakukan mata bendanya dengan bersumpah yang dusta atau mereka itu mengerjakan yang haram, seperti menipudaya pada sukatan dan timbangan dan dihubungkan pula orang yang memakan riba.
14. (رَافِضِيٌّ) iaitu orang yang benci ia akan seorang daripada sahabat Nabi s.a.w. dan tiap-tiap orang yang bidaah.
15. (مَنْ يَجْرُو رِدَاءَهُ عُجْبِيًّا) iaitu orang yang mengelakan selendangnya kerana menghairankan dirinya.
16. (لَاعِبُ الشَّطْرَنْجِ) iaitu orang yang bermain catur.
17. (صَاحِبُ الْكُؤْبَةِ) iaitu orang yang bermain gendang yang kecil tengahnya luas dua tepinya, tetapi tepi yang ada kulitnya itu terlebih luas daripada yang tiada berkulit pada sekarang.
18. (عَرِيْطِيٌّ) iaitu orang yang bermain rebab, biola dan serunai.

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

## **Bab: (Ini Suatu Tanbih Pula) Tatkala Kita Ketahuilah Daripada Segala Jalan Yang Jadi Kebinasaan Atas Segala Orang Yang Berkahwin**

### **66. (Hadith 66)**

Seperti sabda Nabi s.a.w.:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ.

Ertinya: “Apabila mati seorang anak Adam, nescaya putuslah segala amalnya melainkan daripada tiga perkara jua.”<sup>267</sup>

- (1) Sedekah yang diwaqafkan.
- (2) Ilmu yang memberi manfaat ia dengan dia.
- (3) Anak yang soleh yang meminta doa ia baginya.”

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah diriwayatkan Muslim<sup>268</sup>, Aḥmad<sup>269</sup>, Abū Dāwud<sup>270</sup>, al-Tirmidhī<sup>271</sup>, al-Dārimī<sup>272</sup>, Ibn Khuzaymah<sup>273</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>274</sup> dan al-Bayhaqī.<sup>275</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan sanad bagi riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ*. Imam al-Tirmidhī menyatakan hadith ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Al-Albānī telah men*ṣaḥīḥ*kan hadith ini.<sup>276</sup> Ḥusayn Salīm Asad al-Dārānī iaitu pentahkik bagi *Sunan al-Dārimī* menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith adalah *ṣaḥīḥ*.

---

<sup>267</sup> *Ibid.*, 22.

<sup>268</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 963 (Kitāb al-Waṣīyah, Bāb Mā Yalḥaqu al-Insān min al-Thawāb Ba‘da Wafātihi, no. hadith 1631).

<sup>269</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 14:438 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 8844).

<sup>270</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 512 (Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Mā Jā’a fī al-Ṣadaqah ‘an al-Mayyit, no. hadith 2880).

<sup>271</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 325 (Kitāb al-Aḥkām, Bāb fī al-Waqfī, no. hadith 2786).

<sup>272</sup> Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 1:462 (al-Muqaddimah, Bāb al-Balāgh ‘an Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam wa Ta’līm al-Sunan, no. hadith 578).

<sup>273</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 4:122 (Kitāb al-Zakāh, Bāb Dhikr al-Dalīl ‘alā anna Ajr al-Ṣadaqah al-Muḥbasah Yuktabu li al-Muḥbis Ba‘da Mawtihi Mā Dāmat al-Ṣadaqah Jāriyah, no. hadith 2494).

<sup>274</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 7:286 (Kitāb al-Janā’iz, Bāb Faṣl fī al-Mawt wa Mā Yata‘allaqu bihi min Rāḥah al-Mu’min wa Bushrāhu wa Rūhihi wa ‘Amalihi wa al-Thanā’ ‘Alayh, no. hadith 3016).

<sup>275</sup> Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin ‘Alī al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Ṣaḥīḥ*, ed. ‘Abd al-Mu‘tī Amīn Qal‘ajī (Karachi: Jāmi‘ah al-Dirāsāt al-Islamiyyah, 1989), 2:372 (Kitāb al-Farā’id, Bāb Mā Yalḥaqu al-Mayyit Ba‘da Mawtihi, no. hadith 2331).

<sup>276</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 1:143 (Kitāb al-‘Ilm, Bāb al-Targhīb fī al-‘Ilm wa Ṭalabihi wa Tu‘allimihi wa Ta’līmihi, no. hadith 78).

## 67. (Hadith 67)

Sabda Nabi s.a.w.:

إِنَّ الطُّفْلَ يَجْرُ بِأَبْوَيْهِ إِلَى الْجَنَّةِ.

Ertinya: “Bahawa sesungguhnya kanak-kanak kecil yang mati itu menarik ia dengan kedua ibu bapanya itu masuk ke dalam syurga.”<sup>277</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Riwayat yang ditemui adalah paling hampir dengan hadith di atas iaitu dari riwayat Ibn Mājah<sup>278</sup>, Aḥmad<sup>279</sup>, al-Ṭabrānī<sup>280</sup>, dan al-Shāshī<sup>281</sup> dengan sedikit perbezaan pada lafaz matan. Al-Albānī menyatakan riwayat Ibn Mājah adalah *ḍa‘īf* disebabkan perawi lemah Yaḥyā Bin ‘Ubayd Allah Bin ‘Abd Allah Mawhib.<sup>282</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan sanad bagi riwayat Aḥmad adalah *ḍa‘īf* disebabkan kelemahan perawi bernama Yaḥyā al-Taymī tetapi diangkat menjadi *ṣaḥīḥ liḡhayriḡ* sekiranya tanpa menyebut *قصة السقط* pada hujung matan. Maḥfūz al-Raḡman Zayn Allah iaitu pentahkik kitab *Al-Musnad li al-Shāshī* menukulkan daripada kitab *Tahdhīb al-Tahdhīb* dan kitab *Taqrīb al-Tahdhīb* bahawa perawi bernama Yaḥyā al-Taymī dalam sanad ini adalah *Layyin al-Ḥadīth*. Beliau juga menukulkan daripada al-Būṣirī yang menyatakan ulama bersepakat dengan kelemahan perawi bernama Yaḥyā Bin ‘Ubayd Allah Bin ‘Abd Allah Mawhib.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf*.

## 68. (Hadith 68)

Dan lagi sabda Nabi s.a.w.: “Bahawa sesungguhnya kanak-kanak yang kecil itu dikata baginya: “Masuklah engkau ke dalam syurga”, maka berhenti ia di atas pintu syurga, maka bernaunglah ia di sana padahalnya ia marah yang sangat dan berkata ia: “Tiada aku mahu masuk ke dalam syurga melainkan kedua ibu bapaku sertaku”, maka dikata akan malaikat yang menunggu pintu syurga itu: “Masukkanlah oleh kamu akan kedua ibu bapanya itu sertanya ke dalam syurga.”<sup>283</sup>

<sup>277</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 23.

<sup>278</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 282 (Kitāb al-Janā’iz, Bāb Mā Jā’a fī Man Uṣība bi Siqtin, no. hadith 1609).

<sup>279</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 36:410 (Musnad Mu‘āz Bin Jabal, no. hadith 22090).

<sup>280</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 20:145-147 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Mu‘āz, Mu‘āz Bin Jabal al-Anṣārī ‘Aqabī Badrī Yuknā Abā ‘Abd al-Raḡman, no. hadith 299-301 dan no. 303).

<sup>281</sup> Al-Shāshī, *al-Musnad li al-Shāshī*, 3:283-284 (Musnad Mu‘āz Bin Jabal, ‘Ubayd Allah Bin Muslim al-Hadramī ‘an Mu‘āz, no. hadith 1389 dan 1391).

<sup>282</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrīzī, *Mishkāt al-Maṣābīḡ*, 1:549 (Kitāb al-Janā’iz, Bāb Dafnu al-Mayyit, no. hadith 1754).

<sup>283</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 23.

### Matan Arab:

أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّهُ يُقَالُ لِلْوَلَدَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: ادْخُلُوا الْجَنَّةَ. قَالَ: فَيَقُولُونَ: يَا رَبِّ حَتَّى يَدْخُلَ آبَاؤُنَا وَأُمَّهَاتُنَا ، قَالَ: فَيَأْتُونَ ، قَالَ: فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: مَا لِي أَرَاهُمْ مُحْبِنِينَ، ادْخُلُوا الْجَنَّةَ ، قَالَ: فَيَقُولُونَ: يَا رَبِّ آبَاؤُنَا ، قَالَ: فَيَقُولُ: ادْخُلُوا الْجَنَّةَ أَنْتُمْ وَأَبَاؤُكُمْ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab yang ditemui penulis adalah yang paling hampir dengan maksud hadith. Hadith ini adalah riwayat Aḥmad<sup>284</sup> dan Abū Nu‘aym al-Aṣḥabānī<sup>285</sup> (w. 430H). Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan sanadnya adalah *jayyid*. Kesemua perawi dalam sanad ini adalah *thiqah* melainkan Shuraḥbīl Bin Shuf‘ah. Beliau juga menukilkan daripada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī daripada kitab *Taqrīb al-Tahdhīb* menyatakan bahawa Shuraḥbīl Bin Shuf‘ah adalah *ṣadūq*.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ḥasan*.

### 69. (Hadith 69)

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: “Barangsiapa ada baginya seorang anak perempuan, maka diajarinya akan dia adab dan membaikkannya akan adabnya dan memberi makan ia akan dia, maka membaikkannya akan makanannya dan menyempurnakannya atasnya daripada segala nikmat yang menyempurnakan Allah Ta‘ala atasnya itu nescaya adalah anak perempuan itu baginya pada kanannya dan pada kirinya memelihara daripada api neraka hingga masuk ke dalam syurga.”<sup>286</sup>

### Matan Arab:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَكُونُ لَهُ بَنَاتٌ، فَيُنْفِقُ عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَبْنَؤَ أَوْ يَمُتَ، إِلَّا كُنَّ لَهُ حِجَابًا مِنَ النَّارِ فَقَالَتِ امْرَأَةٌ: وَتَبْتَانِ؟ قَالَ: وَتَبْتَانِ "

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Riwayat yang paling hampir dengan mafhum hadith di atas adalah Aḥmad<sup>287</sup>, al-Ṭabrānī<sup>288</sup>, Abū Ya‘lā<sup>289</sup> dan al-Kharā‘iṭī (w. 327H).<sup>290</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ

<sup>284</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 28:174 (Musnad Rajul Min Aṣḥāb al-Nabī Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 16971).

<sup>285</sup> Aḥmad Bin ‘Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Ishāq Bin Mahrān al-Aṣḥabānī, *Ma‘rifah al-Ṣaḥābah li Abī Nu‘aym al-Aṣḥabānī*, ed. ‘Ādil Bin Yūsuf al-‘Azāzī (Riyadh: Dār al-Waṭan li al-Nashr, 1998), 6:3139 (Ḥarf al-Shīn, Bab Shuraḥbīl Bin Shuf‘ah al-Rahabī ‘an Rajul min al-Ṣaḥābah, no. hadith 7229).

<sup>286</sup> Syaikh Abdullah, *Muhimmah*, 23.

<sup>287</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 39:432 (Musnad ‘Awf Bin Mālik al-Ashjā‘ī al-Anṣārī, no. hadith 24007).

<sup>288</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 18:56 (Bāb al-‘Ayn, ‘Awf Bin Mālik al-Ashjā‘ī, no. hadith 102).

<sup>289</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūsilī*, 4:147 (Musnad Jābir, no. hadith 2210).

menyatakan bahawa sanad riwayat Aḥmad ini adalah *ḍa'īf* disebabkan perawi bernama Nahhās Bin Qahm dan sanadnya terputus. al-Haythamī ada menyatakan bahawa dalam riwayat al-Ṭabrānī terdapat perawi *ḍa'īf* bernama al-Nahhās.<sup>291</sup> Ḥusayn Salīm Asad menyatakan sanad dari riwayat Abū Ya'lā adalah *ṣaḥīḥ*. Ayman 'Abd al-Jābir al-Buhayrī iaitu pentahkik kepada *Makārim al-Akhlāk* oleh al-Kharā'itī menyatakan perkara yang sama bahawa dalam riwayat ini terdapat Nahhās Bin Qahm yang merupakan perawi *ḍa'īf*. Keseluruhan riwayat yang dinyatakan adalah dari sahabat 'Awf Bin Mālik melainkan riwayat Abū Ya'lā dari Jābir yang berbeza sedikit dari aspek lafaz matan.

### Hukum Hadith:

Riwayat yang paling hampir dengan mafhum hadith di atas adalah dari riwayat al-Kharā'itī. Hukum bagi hadith ini adalah *ḍa'īf*.

### 70. (Hadith 70)

(Dan lagi sabda Nabi s.a.w.): “Tiada daripada seorang diberi rezeki akan dua anak perempuan, maka memberi kebajikan keduanya itu selama bertaulan keduanya itu dengan dia melainkan memasukkan oleh keduanya itu akan dia ke dalam syurga.”<sup>292</sup>

### Matan Arab:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَا مِنْ رَجُلٍ تُدْرِكُ لَهُ ابْنَتَانِ، فَيُحْسِنُ إِلَيْهِمَا مَا صَحِبْتَاهُ - أَوْ صَحِبَهُمَا - إِلَّا أَدْخَلْتَاهُ الْجَنَّةَ»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Ibn Mājah<sup>293</sup>, Aḥmad<sup>294</sup>, al-Ṭabrānī<sup>295</sup> dan al-Kharā'itī.<sup>296</sup> Al-Albānī menyatakan riwayat Ibn Mājah adalah *ḥasan*. Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ḍa'īf* kerana perawi lemah bernama Shuraḥbīl Abū Sa'd tetapi diangkat menjadi *ḥasan lighayrihi* kerana sokongan

<sup>290</sup> Abū Bakr Muḥammad Bin Ja'far Bin Sahl al-Sāmīrī al-Kharā'itī, *Makārim al-Akhlāk wa Ma'āliḥā wa Maḥmūd Tarā'iqihā*, ed. Ayman 'Abd al-Jābir al-Buhayrī (Kaherah: Dār al-Afāq al-'Arabīyah, 1999), 210 (Bāb al-'Atf 'Alā al-Banāt wa al-Iḥsān Ilayhinna wa Mā fī Dhalik min al-Faḍl, no. hadith 636).

<sup>291</sup> Nūr al-Dīn 'Alī Bin Abī Bakr al-Haythamī, *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.), 8:157.

<sup>292</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 23.

<sup>293</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 609 (Kitāb al-Adab, Bāb Bir al-Wālid wa al-Iḥsān ilā al-Banāt, no. hadith 3670).

<sup>294</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 5:396 (Musnad 'Abd Allah Bin al-'Abbās Bin 'Abd al-Muṭṭalib, no. hadith 3424).

<sup>295</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 10:410 (Bāb al-'Ayn, Shuraḥbīl Bin Sa'd al-Anṣārī 'an Ibn 'Abbās, no. hadith 10836).

<sup>296</sup> Al-Kharā'itī, *Makārim al-Akhlāk*, 210 (Bāb al-'Atf 'Alā al-Banāt wa al-Iḥsān Ilayhinna wa Mā fī Dhalik min al-Faḍl, no. hadith 637).

daripada riwayat-riwayat lain.<sup>297</sup> Al-Haythamī menyatakan perawi Shuraḥbīl Abū Sa‘d telah *dithiqah*kan oleh Ibn Ḥibbān serta dilemahkan oleh Jumhur ulama hadith. Perawi-perawi yang selebihnya adalah dalam kalangan perawi yang dipercayai. Keseluruhan riwayat adalah dari Ibn ‘Abbās.

### Hukum hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ḥasan*.

### 71. (Hadith 71)

(Dan) lagi sabda Nabi s.a.w.: “Barangsiapa ada baginya dua anak perempuan atau dua saudara perempuan, maka memberi kebajikan ia kepada keduanya selama bertaulan keduanya itu dengan dia nescaya adalah aku dan dia di dalam syurga seperti keduanya ini dan mempacakkan ia antara sekalian jari tangan yang mulia.”<sup>298</sup>

### Matan Arab:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ كَانَ لَهُ ابْنَتَانِ أَوْ أُخْتَانِ، فَأَخْسَنَ إِلَيْهِمَا مَا صَحِبْتَاهُ، كُنْتُ أَنَا وَهُوَ فِي الْجَنَّةِ كَهَاتَيْنِ»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Muslim<sup>299</sup>, Aḥmad<sup>300</sup>, al-Tirmidhī<sup>301</sup>, al-Ṭabrānī<sup>302</sup> dan al-Kharā’iṭī.<sup>303</sup> Kesemua riwayat yang dinyatakan berbeza pada lafaz matan tetapi masih lagi memiliki makna yang sama. Shaykh Shu‘ayb al-‘Arna’ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ* menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya ini adalah *ḥasan gharīb*, manakala al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>304</sup> Ayman ‘Abd al-Jābir al-Buhayrī pentahkik bagi kitab *Makārim al-Akhlāk* oleh al-Kharā’iṭī, beliau menukulkan daripada al-‘Irāqī bahawa beliau mengambil pula dari al-Zubaydī daripada kitabnya *Ittihāf al-Sādah al-Mutqīn* bahawa sanad riwayat al-Kharā’iṭī ini adalah *ḍa‘īf*.

<sup>297</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id*, 8:157.

<sup>298</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 23.

<sup>299</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1136 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Faḍl al-Iḥsān ilā al-Banāt, no. hadith 2631).

<sup>300</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 19:480 (Musnad Anas Bin Mālik, no. hadith 12498).

<sup>301</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 438 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah ‘an Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, Bāb Mā Jā’a fī al-Nafaqah ‘alā al-Banāt wa al-Akhawāt, no. hadith 1914).

<sup>302</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 1:176 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Aḥmad, no. hadith 557).

<sup>303</sup> Al-Kharā’iṭī, *Makārim al-Akhlāk*, 211 (Bāb al-‘Atf ‘Alā al-Banāt wa al-Iḥsān Ilayhinna wa Mā fī Dhalik min al-Faḍl, no. hadith 638).

<sup>304</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah wa Shay’ min Fiqihā wa Fawā’idihā*, 3:24 (no. hadith 1026).

### Hukum Hadith:

Hadith ini menepati riwayat al-Kharā'itī, riwayat ini *ḍa'īf*. Namun begitu, riwayat-riwayat yang lain adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana yang telah dinyatakan oleh para pentahkik hadith.

### 72. (Hadith 72)

(Dan lagi) sabda (Nabi s.a.w.): “Barangsiapa ada baginya tiga anak perempuan atau tiga saudara perempuan, maka sabar ia atas kesusahan mereka itu, dan atas kedukaan mereka itu, dan kesukaan mereka itu nescaya memasukkan akan dia oleh Allah Ta’ala ke dalam syurga dengan kelebihan rahmatNya akan mereka itu”, maka sembah seorang lelaki dan dua orang perempuan: “Ya Rasulullah, adakah seperti yang demikian itu?” Maka sabdanya: “Dua orang perempuan seperti itu jua.” Sembah ia pula: “Atau seorang perempuan, ya Rasulullah, adakah seperti yang demikian itu?” Maka sabdanya: “Atau seorang perempuan seperti yang demikian itu jua.”<sup>305</sup>

### Matan Arab:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُتَوَقَّى هُمَا ثَلَاثَةً إِلَّا أَدْخَلَهُمَا اللَّهُ الْجَنَّةَ بِفَضْلِ رَحْمَتِهِ إِيَّاهُمَا». فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْ اثْنَانِ؟ قَالَ: «أَوْ اثْنَانِ». قَالُوا: أَوْ وَاحِدٌ؟ قَالَ: «أَوْ وَاحِدٌ»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan yang ditemui adalah riwayat Ahmad yang paling hampir dengan maksud hadith. Hadith ini telah ditakhrij sebelum ini iaitu pada bilangan hadith yang ke-67.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ḍa'īf*.

### 73. (Hadith 73)

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.): “Barangsiapa mati yang ada baginya dua daripada anak yang kecil maka sesungguhnya telah tertegah ia dengan suatu yang menegahkan daripada api neraka.”<sup>306</sup>

### Matan Arab:

أَتَتْ امْرَأَةً النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِصَبِيٍّ لَهَا، فَقَالَتْ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ ادْعُ اللَّهَ لِي، فَلَقَدْ دَفَنْتُ ثَلَاثَةً، قَالَ: «دَفَنْتِ ثَلَاثَةً؟» قَالَتْ: نَعَمْ، قَالَ: «لَقَدْ احْتَضَرْتَ بِحِطَارٍ شَدِيدٍ مِنَ النَّارِ»

<sup>305</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 23.

<sup>306</sup> *Ibid.*, h. 23.

## Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis hanya menjumpai matan hadith yang hampir dan sedikit berbeza dengan maksud hadith yang dibawa pengarang kitab *Muhimmah*. Ia diriwayatkan oleh Muslim<sup>307</sup>, Aḥmad<sup>308</sup>, al-Bayhaqī<sup>309</sup>, al-Nasā'ī<sup>310</sup>, Ibn Abī Shaybah<sup>311</sup> dan Abū Ya'la al-Mūsilī.<sup>312</sup> Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūt menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat Muslim. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>313</sup> Husayn Salīm Asad iaitu pentahkik kitab *Musnad Abū Ya'la al-Mūsilī* menyatakan sanad riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ*.

## Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 74. (Hadith 74)

(Dan) tersebut di dalam *khobar*, bahawa sesungguhnya sekalian kanak-kanak orang yang Islam itu semuanya berhimpun mereka itu pada padang *mawqif* pada hari kiamat. (Maka) firman Allah Ta'ala bagi segala malaikat: “Bawa pergilah oleh kamu dengan sekalian kanak-kanak itu masuk syurga.” Maka berkatalah bagi segala kanak-kanak itu oleh malaikat *Khazanah*:

مَرْحَبًا بَدْرَارِي الْمُسْلِمِينَ.

Ertinya: “Dapat kesukaan dan keluasan dan kesenangan dengan segala anak-anak cucu bagi sekalian orang yang Islam.”

“Masuklah orang kamu, tiada dihisabnya atas kamu”, maka berkata segala anak-anaknya itu: “Di mana segala bapa kami dan di mana ibu kami”, maka berkata baginya oleh malaikat *Khazanah*: “Bahawa sesungguhnya sekalian ibu bapa kamu tiada boleh mereka itu seumpama kamu kerana bahawa sesungguhnya atas mereka itu beberapa banyak dosanya dan beberapa banyak tuntutan orang, maka mereka itu lagi dikira-kira mereka itu atasnya”, maka berkata segala kanak-kanak itu: “Sungguhnyalah telah sabar mereka itu atas kami, yakni kematian kami kerana mengharapkan pahala pada hari ini”, maka menjerit-jeritlah semuanya di atas pintu syurga akan sebagai menjerit yang sangat. Maka berfirman Allah Ta'ala, padahal ia terlebih mengetahui: “Siapa menjerit ini?” Maka sembah malaikat: “Hai Tuhanku, segala anak orang yang Islam berkata mereka itu: “Tiada kami sekalian masuk akan syurga melainkan serta segala bapa-bapa kami dan segala ibu-ibu kami.” (Maka firman) Allah Ta'ala bagi mereka itu:

<sup>307</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1137 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Faḍl Man Yamūt Lahu Walad Fayaḥtasibahu, no. hadith 155).

<sup>308</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 15:257 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 9437).

<sup>309</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 4:112 (Kitāb al-Janā’iz, Jamā‘ Abwāb al-Bukā’ ‘alā al-Mayyit, Bāb Mā Yurja fī al-Muṣībah bi al-Awḷād Idhā Iḥtasabahum, no. hadith 7141).

<sup>310</sup> Al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 302 (Kitāb al-Janā’iz, Bāb Man Qaddama Thalāthah, no. hadith 1877).

<sup>311</sup> Ibn Abī Shaybah, *al-Kitāb al-Muṣannaf al-Aḥādīth wa al-’Āthār*, 3:36 (Kitāb al-Janā’iz, Bāb fī Thawābi al-Walad Yuqaddimuhu al-Rajul, no. hadith 11878).

<sup>312</sup> Abū Ya’la, *Musnad Abī Ya’la al-Mūsilī*, 10:478 (Musnad Abī Hurayrah, no. hadith 6091).

<sup>313</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 2:440 (Kitāb al-Nikāḥ wa Mā Yata’llaqu bih, Targhīb Man Māta lahu Thalāthah min al-Awḷād aw Ithnān aw Wāḥid, no. hadith 1994).



“Ambil oleh kamu dengan kedua tangan segala bapa-bapa kamu dan ibu-ibu kamu lalu ke syurga.”<sup>314</sup>

#### Matan Arab:

إِنَّ الْأَطْفَالَ يَجْتَمِعُونَ فِي مَوْقِفِ الْقِيَامَةِ عِنْدَ عَرْضِ الْخَلَائِقِ لِلْحِسَابِ فَيُقَالُ لِلْمَلَائِكَةِ اذْهَبُوا بِهَؤُلَاءِ إِلَى الْجَنَّةِ فَيَقِفُونَ عَلَى بَابِ الْجَنَّةِ فَيُقَالُ لَهُمْ مَرْحَبًا بِذُرَارِي الْمُسْلِمِينَ ادْخُلُوا لَا حِسَابَ عَلَيْكُمْ فَيَقُولُونَ أَيْنَ آبَاؤُنَا وَأُمَّهَاتُنَا؟ فَيَقُولُ الْحَزَنَةُ: إِنَّ آبَاءَكُمْ وَأُمَّهَاتَكُمْ لَيْسُوا مِثْلَكُمْ، إِنَّهُ كَانَتْ لَهُمْ ذُنُوبٌ وَسَيِّئَاتٌ فَهَمَّ يَحْسِبُونَ عَلَيْهَا وَيَطَالِبُونَ. قَالَ: فَيَتَضَاغُونَ وَيَضْجُونَ عَلَى أَبْوَابِ الْجَنَّةِ ضَجَّةً وَاحِدَةً، فَيَقُولُ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِمْ: مَا هَذِهِ الضَّجَّةُ؟ فَيَقُولُونَ: رَبَّنَا أَطْفَالَ الْمُسْلِمِينَ قَالُوا لَا نَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا مَعَ آبَائِنَا؛ فَيَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: تَخَلَّلُوا الْجَمْعَ فَخُذُوا بِأَيْدِي آبَائِهِمْ فَادْخُلُوا الْجَنَّةَ

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menjumpai hadith ini melainkan daripada kitab ini iaitu *Al-Mughnī ‘an Ḥamli al-Asfār fī al-Asfār fī Takhrij Mā fī al-Iḥyā’ min al-Akḥbār*<sup>315</sup> dikarang oleh al-‘Irāqī (w. 806H). al-‘Irāqī menyatakan beliau tidak menjumpai asal bagi hadith ini.

#### Hukum Hadith:

Penulis tidak menemui mana-mana sumber melainkan daripada al-‘Irāqī. Tiada asal bagi hadith ini.

#### 75. (Hadith 75)

(Dan tersebut) pula di dalam khabar yang lain, apabila berhimpun segala makhluk pada hari kiamat, dan firman Allah Ta’ala: “*Hendaklah keluar daripada jumlah orang yang tiada berdosa*”, maka tiada keluar ia melainkan Yaḥyā ibn Zakariyā *Ṣalawāh Allah ‘Alayhimā* dan Nabi kita Muhammad s.a.w. dan segala kanak-kanak orang yang Islam, maka berkata ia: “*Hai Tuhanku, bahawa sesungguhnya Engkau telah mengambil akan segala nyawa dan telah Engkau hukuman atas kami akan mati sebelum lagi kami melihatnya akan segala ibu bapa-ibu bapa kami dan telah kami memandang akan ibu bapa-ibu bapa, maka janganlah Engkau haramkan akan kami, ya Tuhanku akan melihat bagi mereka itu pada hari ini*”, Maka firman Allah Ta’ala: “*Tuntutlah oleh kamu akan segala bapa kamu dan segala ibu kamu dan masukkan oleh kamu ke dalam syurga.*”<sup>316</sup>

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

<sup>314</sup> Syeikh Abdullah, *Muḥimmah*, 23.

<sup>315</sup> Zayn al-Dīn ‘Abd al-Rahīm Bin al-Ḥusayn al-‘Irāqī (1995), *al-Mughnī ‘an Ḥamli al-Asfār fī al-Asfār fī Takhrij Mā fī al-Iḥyā’ min al-Akḥbār*, ed. Abū Muḥammad Ashraf Bin ‘Abd al-Maqṣūd (Riyadh: Maktabah Ṭabariyyah, 1995), 1:374 (Kitāb Ādāb al-Nikāḥ, Bāb al-Awwal fī al-Targhīb fī al-Nikāḥ, no. hadith 1403).

<sup>316</sup> Syeikh Abdullah, *Muḥimmah*, 24.

### Hukum Hadith:

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### 76. (Hadith 76)

bersabda Nabi s.a.w: “Barangsiapa berkahwin, maka sesungguhnya telah memelihara ia akan setengah agamanya, maka hendaklah ia takut akan Allah Ta’ala pada setengah agamanya yang lain itu.”<sup>317</sup>

### Matan Arab:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ تَزَوَّجَ فَقَدِ اسْتَكْمَلَ نِصْفَ الْإِيمَانِ، فَلْيَتَّقِ  
اللَّهَ فِي النِّصْفِ الْبَاقِي

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>318</sup>, al-Ḥākim<sup>319</sup>, al-Bayhaqī<sup>320</sup> dan Abū Ya‘lā al-Mūṣilī.<sup>321</sup> Al-Ḥākim menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Pentahkik *Mustadrak al-Ḥākim* menukulkan daripada Imam Aḥmad bahawa perawi bernama ‘Amr Bin Abī Salamah yang mengambil riwayat daripada Zuhayr Bin Muhammad adalah *bāṭil* (salah) dan Aḥmad Bin ‘Isā al-Tunīsī pula adalah *Kadhdhab* (dusta). Mukhtār Aḥmad al-Nadwī pentahkik bagi kitab *Al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān* karangan al-Bayhaqī menyatakan sanad bagi al-Bayhaqī adalah *ḍa‘īf*. Sanad tersebut *ḍa‘īf* kerana perawi bernama al-Khalīl bin Murrah al-Ḍab‘ī dan Yazīd al-Raqāshī al-Qāṣ, kedua-duanya adalah perawi yang lemah. Ḥusayn Salīm Asad pentahkik *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī* menyatakan sanad riwayat Abū Ya‘lā adalah *ḍa‘īf* kerana perawi bernama Zayd Bin al-Hawari al-‘Umyyū adalah lemah dan anaknya pula iaitu ‘Abd al-Rahīm adalah *Kadhdhab* (pendusta) sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Ma‘īn. Ḥusayn Salīm Asad turut menukulkan daripada al-Haythamī bahawa ‘Abd al-Rahīm bin Zayd al-‘Umyyū adalah *matrūk*.

### Hukum Hadith:

Hadith riwayat Al-Ḥākim dan Abū Ya‘lā adalah *mawḍū‘*, manakala riwayat yang paling ringan darjatnya adalah dari al-Bayhaqī iaitu *ḍa‘īf*.

<sup>317</sup> *Ibid.*, 24.

<sup>318</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 7:332 (Bāb al-Mim, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 7647) dan 8:335 (Bāb al-Mim, Man Ismuhu Muṭṭalib, no. hadith 8794).

<sup>319</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:191 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2738).

<sup>320</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 7:340 (Bāb fī Taḥrīm al-Furūj wa Mā Yajibu min al-Ta‘affuf ‘anhā, Faṣl fī al-Targhīb fī al-Nikāḥ li Mā fīhi min al-‘Awn ‘alā Ḥifz al-Farj, no. hadith 5100).

<sup>321</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 7:310 (Musnad Anas Bin Mālik, no. hadith 4349).

## 77. (Hadith 77)

(Dan riwayat) daripada Jabir, bahawasanya Nabi s.a.w. terlihat akan seorang perempuan, maka lalu ia kepada isterinya Zainab maka keluar ia padahalnya bersabda: “Bahawa sesungguhnya perempuan apabila berhadap ia di dalam rupa syaitan, maka apabila melihat seorang kamu akan perempuan, maka berkenan kamu, maka hendaklah seorang itu menjimak akan isterinya, maka bahawa sesungguhnya serta isterinya seumpama yang ada serta perempuan yang dilihat itu”<sup>322</sup>

### Matan Arab:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى امْرَأَةً، فَدَخَلَ عَلَى زَيْنَبَ، فَفَضَى حَاجَتَهُ، وَخَرَجَ، وَقَالَ: «إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا أَقْبَلَتْ أَقْبَلَتْ فِي صُورَةِ شَيْطَانٍ، فَإِذَا رَأَى أَحَدَكُمْ امْرَأَةً فَأَعْجَبْتَهُ، فَلْيَأْتِ أَهْلَهُ فَإِنَّ مَعَهَا مِثْلَ الَّذِي مَعَهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Muslim<sup>323</sup>, Abū Dāwud<sup>324</sup>, al-Tirmidhī<sup>325</sup>, Aḥmad<sup>326</sup>, al-Ṭabrānī<sup>327</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>328</sup> dan al-Bayhaqī.<sup>329</sup> Al-Tirmidhī menyatakan hadith ini *ḥasan ṣaḥīḥ gharīb*. Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūt menyatakan sanad bagi riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ lighayrih* dan *rijāl*nya adalah *ṣaḥīḥ* melainkan Ḥarb Bin Abī al-‘Āliyah. Manakala, sanad riwayat Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

## 78. (Hadith 78)

(Dan kata) Imam Al-Ghazālī r.h.m., dihiyatkan oleh setengah ulama daripada Sayyidina ‘Abd Allah ibn ‘Umar r.a., dan adalah ia daripada Zuhad sahabat Nabi s.a.w. dan daripada ulama mereka itu, bahawa sesungguhnya adalah ia terbuka daripada puasa dengan jimak dahulu daripada makan makanan dan terkadang menjimak ia akan isterinya dahulu daripada sembahyang Maghrib kemudian maka mandi junub dan sembahyang kemudian daripadanya, dan adalah perbuatan yang demikian itu kerana menyelesaikan hati bagi buat ibadat akan Allah Ta’ala, dan mengeluarkan akan

<sup>322</sup> Syaikh Abdullah, *Muhimmah*, 24.

<sup>323</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 910 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nadbi Man Ra’ā Imra’atan Fawaqa’at fī Nafsihi ilā an Ya’ti Imra’atahu aw Jāriyatu Fayuwāqi’ahā, no. hadith 1403).

<sup>324</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 373 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Yu’maru bihi min Ghaddi al-Baṣar, no. hadith 2151).

<sup>325</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 275 (Kitāb al-Radā’, Bāb Mā Jā’a fī al-Rajul Yarā al-Mar’ah Tu’jibuhu, no. hadith 1158).

<sup>326</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 22:407 (Musnad Jābir Bin ‘Abd Allah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 14537).

<sup>327</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Awsaṭ*, 3:34 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Ibrāhīm, no. hadith 2385).

<sup>328</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 12:384 (Kitāb al-Ḥaḍr wa al-Ibāḥah, Bāb Dhikr al-Amr li Man Ra’ā Imra’atan A’jabathu an Ya’tiya Imra’atahu Ḥina’idhin, no. hadith 5572).

<sup>329</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:145 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Yaf’alu Idhā Ra’ā min Ajnabiyyah Mā Yu’jibuhu, no. hadith 13516).

kelengkapan syaitan daripadanya.<sup>330</sup>

**Matan Arab:**

وكذلك حكى على ابن عمر رضي الله عنهما وكان من زهاد الصحابة وعلمائهم أنه  
كان يفطر من الصوم على الجماع قبل الأكل وربما أنه جامع ثلاثاً من جواريه في  
شهر رمضان قبل العشاء الأخير

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini tidak ditemui melainkan di dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* karangan Imām al-Ghazālī.<sup>331</sup> Status hadith ini tidak diketahui.

**Hukum Hadith:**

Status hadith ini tidak diketahui kerana riwayat asalnya tidak ditemui.

**79. (Hadith 79)**

(Dan kata) Sayyidinā 'Abd Allah ibn 'Abbas r.a.:

خَيْرُ هَذِهِ أُمَّةٍ أَكْثَرُهَا نِسَاءً.

Ertinya: "Bermula yang terlebih baik umat ini, iaitu yang terlebih banyak perempuan."<sup>332</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>333</sup>, Aḥmad<sup>334</sup>, al-Ṭabrānī<sup>335</sup>, al-Ḥākim<sup>336</sup> dan al-Bayhaqī<sup>337</sup>. Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūṭ menyatakan sanad bagi riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ lighayrih* dan *rijālnya* adalah *ṣaḥīḥ* melainkan 'Aṭā' Bin al-Sā'ib kerana *ikhṭilāṭ* (fikiran bercampur aduk) dan sanad ini didokong dengan *mutāba'at* yang lain.

**Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana al-Bukhārī turut meriwayatkan hadith ini.

<sup>330</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 25.

<sup>331</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad Bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Semarang: Karya Taha Putera, t.t.), 2:30 (Kitāb Ādab al-Nikāḥ).

<sup>332</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 25.

<sup>333</sup> Al-Bukhārī, "*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*," 439 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Kathrati al-Nisā', no. hadith 5069).

<sup>334</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 3:484 (Musnad 'Abd Allah Bin al-'Abbās, no. hadith 2048).

<sup>335</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 3:117 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Ibrāhīm, no. hadith 2659).

<sup>336</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:190 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2732).

<sup>337</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:123 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Rughbah fī al-Nikāḥ, no. hadith 13450).

## 80. (Hadith 80)

(Dan kata) Sayyidinā ‘Alī r.a.:

رُوحُوا الْقُلُوبَ فَإِنَّهَا إِذَا كَرِهَتْ عُمِيَّتَ .

Ertinya: “Sukakan olehmu akan hati itu (dengan mengerjakan pekerjaan yang diharuskan bagimu seperti makan dan minum dan jimak), maka bahawa sesungguhnya hati itu apabila digagahi akan dia dengan berbuat ibadat yang tiada disukainya itu selama-lamanya nescaya buta ia, (yakni enggan pada berbuat dan segan ia berbuat dia).”<sup>338</sup>

**Matan Arab:**

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: رُوحُوا الْقُلُوبَ سَاعَةً بِسَاعَةٍ

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan asal arab dan riwayat hadith ini tidak ditemui melainkan riwayat yang paling hampir iaitu dari *Musnad al-Shihāb* oleh al-Quḍā‘ī (w. 454H).<sup>339</sup> Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menyatakan bahawa dalam sanadnya terdapat al-Walīd Bin Muḥammad al-Muwaqqarī yang merupakan seorang perawi *matrūk*. Al-Albānī turut menyatakan hadith ini *ḍa‘īf jiddan* dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, hadith bernombor 3649.<sup>340</sup>

**Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan*.

## 81. (Hadith 81)

(Dan tersebut di dalam khabar) lazimlah atas orang yang berakal itu bahawa ada baginya tiga saat, yakni tiga waktu.<sup>341</sup>

1. Munajat ia di dalamnya itu akan Tuhannya yakni berbuat ibadat ia di dalamnya akan Tuhannya serta hadir hati kepada-Nya.
2. Hendaklah menghabiskan di dalamnya itu akan dirinya dengan menilik akan dia dan memikirkan akan dia adakah ia berbuat ibadat atau berbuat maksiat maka jika ada ia berbuat ibadat maka hendaklah ia syukur akan Allah Ta’ala atas anugerah dengan berbuat ibadat itu dan jika ada ia berbuat maksiat maka hendaklah ia taubat kepada Allah Ta’ala daripada segala maksiat itu.
3. Dibiarkan dirinya di dalam itu bagi makan dan minum dan barang sebagainya daripada segala nikmat yang diharuskan oleh syarak maka bahawa sesungguhnya di dalam saat yang disukai oleh nafsu itu menolongi atas beberapa saat di dalam

<sup>338</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 26.

<sup>339</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Salāmah al-Quḍā‘ī, *Musnad al-Shihāb*, ed. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 1:393 (Bāb Rawwihu al-Qulūb Sā‘ah bi al-Sā‘ah, no. hadith 672).

<sup>340</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 8:136.

<sup>341</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 26.

berbuat ibadat.

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwiyatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

## **82. (Hadith 82)**

Sabda Nabi s.a.w.:

يَوْمٍ مِنْ وَالٍ عَادِلٍ أَفْضَلُ مِنْ عِبَادَةِ سَبْعِينَ سَنَةً.

Ertinya: “Sehari daripada wali adil, yakni orang yang mempunyai perintah yang adil itu terlebih afdal daripada berbuat ibadat tujuh puluh tahun.”<sup>342</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Penulis hanya menjumpai matan yang hampir sama dengan maksud hadith di atas, cuma berbeza sedikit pada kalimah *سَبْعِينَ سَنَةً* iaitu kepada kalimah *سِتِينَ سَنَةً*. Hadith tersebut telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>343</sup>, al-Bayhaqī<sup>344</sup> dan al-Haythamī.<sup>345</sup> Hamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī pentahkik kitab *Al-Mu‘jam al-Kabīr* menukikan daripada al-Haythamī pengarang kitab *Majma‘ al-Baḥrayn* bahawa perawi-perawi dalam sanad *Al-Mu‘jam al-Kabīr* ini adalah *thiqah* melainkan perawi bernama Sa‘īd Abū Ghaylan al-Shaybānī bahawa ia tidak dikenali. Begitu juga perawi bernama Zurayq Bin al-Sikhti dalam sanad *al-Mu‘jam al-Awsaṭ* turut tidak dikenali. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī pentahkik *Al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān* menyatakan sanad riwayat al-Bayhaqī adalah *ḍa‘īf*. ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr iaitu pentahkik bagi kitab *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawā‘id al-Mu‘jamayn* pula menyatakan perawi bernama Zurayq Bin al-Sikhti adalah *ma‘rūf* (dikenali) dan seorang *mustaqīm al-ḥadīth*. Beliau telah menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ḥasan*. Al-Albānī menyatakan hadith riwayat Ibn ‘Abbās ini adalah *ḍa‘īf*. Ini kerana didapati dalam hadith ini perawi-perawi *majhūl* dan sanad serta matan yang

<sup>342</sup> *Ibid.*, 27.

<sup>343</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 11:337 (Bāb al-‘Ayn, Aḥādīth ‘Abd Allah Bin ‘Abbās Raḍiy Allah ‘anhumā, ‘Ikrimah ‘an Ibn ‘Abbās, no. hadith 11932). Sila lihat, Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 5:92 (Bāb al-‘Ayn, Man Ismuhu ‘Abd al-Raḥman, no. hadith 4765).

<sup>344</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 9:482 (Bāb al-Ṭā‘ah Ulī al-Amr bi Fuṣūlihā, Faṣl fī Faḍl al-Imām al-‘Ādil wa Mā Jā’a fī Jawr al-Wulāh, no. hadith 6995).

<sup>345</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn*, 4:261 (Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Iqāmah al-Ḥudūd, no. hadith 2436). Sila lihat juga, 327 (Kitāb al-Khilāfah, Bāb fī Man Bāyi’ Thumma Nukat, no. hadith 2547).

*muḍṭarib*.<sup>346</sup>

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ḍa‘īf*.

### 83. (Hadith 83)

Sabda Nabi s.a.w.: “Dinar yang engkau belanjakan akan dia di dalam perang sabilillah dan dinar yang engkau belanjakan akan dia di dalam memerdekakan sahaya dan dinar yang engkau sedekahkan dengan dia atas orang yang miskin dan dinar yang engkau belanjakan akan dia atas ahlimu maka yang terlebih besar pahalanya itu iaitu dinar yang engkau belanjakan akan dia atas ahlimu.”<sup>347</sup>

### Matan Arab:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ، وَدِينَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مِسْكِينٍ، وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ، أَعْظَمُهَا أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>348</sup>, Muslim<sup>349</sup>, Aḥmad<sup>350</sup>, al-Nasā’ī<sup>351</sup>, al-Ṭabrānī<sup>352</sup>, dan al-Bayhaqī.<sup>353</sup> Samīr Bin Amīn al-Zuhayrī iaitu pentahkik bagi kitab *al-Adab al-Mufrad* oleh al-Bukhārī, telah menukulkan pandangan daripada al-Albānī bahawa hadith riwayat al-Bukhārī ini adalah *ṣaḥīḥ*. Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan bahawa sanad riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ* kerana menepati syarat Muslim. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī menyatakan riwayat al-Bayhaqī dalam kitab *Al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān* adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

<sup>346</sup> Al-Albānī, *Ḍa‘īf al-Targhīb wa al-Tarḥīb*, 2:70 (Kitāb al-Qudāh wa Ghayrihi, Bāb Targhīb Man Walīy Shay‘an min ‘Umūr al-Muslimīn fī al-‘Adl Imāmā Kāna aw Ghayrih, no. hadith 1317).

<sup>347</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 27.

<sup>348</sup> Muḥammad Bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab al-Mufrad*, ed. Samīr Bin Amīn al-Zuhayrī (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1998), 1:400 (Bāb Nafaqah al-Rajul ‘alā Ahlihi, no. hadith 751).

<sup>349</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 835 (Kitāb al-Zakah, Bāb Faḍli al-Nafaqah ‘alā al-‘Iyāl wa al-Mamlūk wa Ithm man Ḍayya‘ahum aw Ḥabasa Nafaqatahum ‘anhum, no. hadith 995).

<sup>350</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 16:119 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘anhu, no. hadith 10119).

<sup>351</sup> Al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:270 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb al-Faḍl fī Dhalik, no. hadith 9139).

<sup>352</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 9:39 (Bāb al-Mim, Man Ismuhu Miqdām, no. hadith 9079).

<sup>353</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 11:163 (Bāb fī Ḥuqūq al-Awlad wa al-Ahlīn, no. hadith 8343).

#### 84. (Hadith 84)

Telah menyebutkan hadith ini oleh Al-‘Ārif bi Allah Sayyidinā ‘Abd Allah Al-Ḥadad. (Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: “*Barangsiapa membelanjakan oleh seorang lelaki atas ahlinya maka iaitu sedekah dan bahawa seorang lelaki sungguhnya diberi pahala di dalam belanjanya itu sekaliannya hingga mengangkat satu suap kepada mulut isterinya itupun beri pahalanya.*”<sup>354</sup>

#### Matan Arab:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " وَإِنَّكَ مَهْمَا أَنْفَقْتَ عَلَى أَهْلِكَ مِنْ نَفَقَةٍ فَإِنَّهَا  
صَدَقَةٌ، حَتَّى اللَّقْمَةَ تَرْفَعُهَا إِلَى فِي امْرَأَتِكَ

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>355</sup>, Muslim<sup>356</sup>, al-Nasā’ī<sup>357</sup>, Aḥmad<sup>358</sup>, al-Bayhaqī<sup>359</sup> dan Abū Dāwud al-Ṭayālīsī.<sup>360</sup> Terdapat sedikit perbezaan pada matan bagi setiap riwayat yang dibawa. Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad bagi riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī iaitu pentahkik bagi kitab *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān* menyatakan sanad bagi riwayat al-Bayhaqī adalah *ṣaḥīḥ*. Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī pentahkik bagi kitab *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī* hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Hadith yang paling hampir dengan maksud hadith di atas adalah dari riwayat al-Bayhaqī.

#### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

#### 85. (Hadith 85)

(Dan telah berkata) oleh Ibn Al-Mubāarak r.a. pada hal ia serta sahabatnya di dalam perang sabilillah dengan katanya: “*Adakah kamu tahu akan amal yang terlebih afdal daripada amal yang ada kamu di dalamnya?*” Maka kata mereka itu: “*Tiada kami tahu akan yang demikian itu.*” Maka kata Ibn Al-Mubāarak: “*Aku tahu akan yang demikian itu, iaitu seorang lelaki yang memelihara daripada kejahatan padahal mempunyai kepapaan, maka berdiri ia daripada tidurnya pada malam, maka melihat ia akan beberapa anaknya yang kecil padahal ia tidur terbuka sekalian tubuhnya mereka itu, maka menutupi ia akan mereka itu dan diselimutnya akan mereka itu dengan kainnya,*

<sup>354</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 27.

<sup>355</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 7 (Kitāb al-Imān, Bāb Mā Jā’a Inna al-A‘māla bi al-Niyyah wa al-Ḥisbah wa li Kulli Imri’in Mā Nawā, no. hadith 56).

<sup>356</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 962 (Kitāb al-Wāṣiyyah, Bāb al-Wāṣiyyah bi al-Thuluth, no. hadith 1628).

<sup>357</sup> Al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:271 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb Thawāb Man Rafa’a al-Luqmah ilā fī Imra’atihi, no. hadith 9142).

<sup>358</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 3:77 (Musnad Abī Ishāq Sa’di Bin Abī Waqqās Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 1480).

<sup>359</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 11:162 (Kitāb Ḥuqūq al-Awālād wa al-Ahlīn, no. hadith 8341).

<sup>360</sup> Al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, 3:161 (Musnad Sa’di Bin Abī Waqqās Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 193).



maka amalnya itu terlebih afdal daripada amal yang kita kerjakan di dalamnya itu.”<sup>361</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **86. (Hadith 86)**

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: “Barangsiapa baik sembahyangnya dan banyak ‘iyalnya (tanggungannya), yakni banyak isterinya dan anaknya dan sedikit hartanya dan tiada mengumpat ia akan Islam nescaya adalah ia sertaku di dalam syurga seperti dua jari tangan ini, dan mengisyaratkan ia dengan telunjuknya dan jari tengahnya.”<sup>362</sup>

### **Matan Arab:**

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ قَلَّ مَالُهُ، وَكَثُرَ عِيَالُهُ، وَحَسُنَ صَلَاتُهُ، وَتَمَّ  
يَعْتَبِ الْمُسْلِمِينَ، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَهُوَ مَعِيَ كَهَاتَيْنِ

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab yang dijumpai penulis adalah matan yang paling hampir dengan maksud hadith di atas. Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū Ya‘lā<sup>363</sup>, al-Ṭabarī<sup>364</sup> (w. 310H) dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (w. 856H).<sup>365</sup> Ḥusayn Salīm Asad iaitu pentahkik kitab *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī* menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan* (sangat lemah). Ini kerana perawi bernama Musalmah Bin ‘Alī adalah seorang yang *matrūk al-ḥadīth*. Pentahkik kitab *Tahdhīb al-Āthār* karangan al-Ṭabarī iaitu Maḥmūd Muḥammad Shākīr menyatakan Musalmah Bin ‘Alī adalah seorang *munkar al-ḥadīth* dan nukilan daripada Ibn Hibban turut menyatakan bahawa Musalmah Bin ‘Alī adalah *ḍa‘īf al-ḥadīth* dan *munkar al-ḥadīth*. Qāsim Bin Ṣāliḥ al-Qāsim iaitu pentahkik bagi kitab *Al-Maṭālib al-‘Āliyyah bi Zawā‘id al-Masānīd al-Thamāniyyah* karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menyatakan sanad bagi hadith ini sangat lemah kerana perawi bernama Musalmah Bin ‘Alī yang *matrūk* dan ‘Abd Raḥman Bin Yazīd yang

<sup>361</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 27.

<sup>362</sup> *Ibid.*, 27.

<sup>363</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 2:276 (Musnad Abī Sa‘īd al-Khudrī, no. hadith 990).

<sup>364</sup> Abū Ja‘far al-Ṭabarī Muḥammad Bin Jarīr Bin Yazīd, *Tahdhīb al-Āthār wa Tafṣīlu al-Thābit ‘An Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam Min al-Akḥbār*, ed. Maḥmūd Muḥammad Shākīr (Kaherah: Maṭba‘ah al-Madani, t.t.), 1:291 (Musnad ‘Abd Allah Bin ‘Abbās, Bāb Dhikr Man Wāfaquhu fī Riwayātihi Karāhiyah Iddikhār al-Dhahab wa al-Fiḍḍah Thalāthā li Ghayri Mā Istathnāhu Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 488).

<sup>365</sup> Aḥmad Bin ‘Alī Bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Al-Maṭālib al-‘Āliyyah bi Zawā‘id al-Masānīd al-Thamāniyyah*, ed. Qāsim Bin Ṣāliḥ al-Qāsim (Riyadh: Dār al-‘Āṣimah, 2000), 13:279 (Kitāb al-Raqā‘iq, Bāb al-Ḥadhar min Fitnah al-Ghinā wa Kathrah al-Māl, no. hadith 3170).

merupakan perawi yang lemah.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan* (sangat lemah).

### 87. (Hadith 87)

إِذَا كَثُرَتْ ذُنُوبُ الْعَبْدِ ابْتِلَاءَهُ اللَّهُ بِهِمْ لِيَكْفَرَهَا عَنْهُ.

Ertinya: “Apabila banyak dosa seorang hamba Allah itu nescaya diberi bala’ akan dia oleh Allah dengan dukacita sebab kesusahan daripada ahlinya atau lainnya supaya menghapuskan ia akan segala dosanya daripadanya.”<sup>366</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>367</sup>, al-Bayhaqī<sup>368</sup>, Ibn Abī al-Dunyā<sup>369</sup> (w. 281 H), al-Aṣbahānī<sup>370</sup> (w. 262H) dan Abū al-Ḥusayn al-Bazzār al-Baghdādī<sup>371</sup> (w. 379H). Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi lemah dalam sanad ini iaitu Layth atau Ibn Abī Sulaym. Al-Duktur ‘Abd al-‘Ali ‘Abd Hamīd Hāmid menyatakan sanad bagi riwayat al-Bayhaqī adalah *ḍa'īf* kerana perawi bernama Aḥmad Bin ‘Imrān al-Akhnasī merupakan perawi yang *matrūk* seperti yang dinukilkan dari Abū Zur‘ah serta perawi lemah bernama Layth atau Ibn Abī Sulaym. Majdī al-Sayyid Ibrāhīm iaitu pentahkik kitab *Kitāb al-Tawbah* oleh Ibn Abī al-Dunyā menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ḍa'īf* kerana berkemungkinan wujud *tadlis* atas perawi bernama al-Ḥakam atau Abū Muḥammad al-Kindī. Muḥīd Khālid ‘Īd iaitu pentahkik kepada kitab *Juz’ Muḥammad Bin ‘Āṣim al-Thaqafī al-Aṣbahānī* menukikan daripada al-Mundhirī dan al-Haythamī bahawa seluruh sanad hadith ini *thiqah* melainkan Layth atau Ibn Abī Sulaym yang merupakan *mudallis*. Abū ‘Abd al-Bārī Riḍā Bin Khālid al-Jazā’irī iaitu pentahkik kitab *Gharā’ib Ḥadīth al-Imām Mālik Bin Anas* turut menyatakan bahawa Layth Bin Abī Sulaym adalah *ḍa'īf*.

<sup>366</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 27.

<sup>367</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 42:133 (Musnad al-Ṣiddīqah ‘Āishah Binti al-Ṣiddīq Raḍiy Allah ‘Anhā, no. hadith 25236).

<sup>368</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi’ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 12:320 (Bāb fī al-Ṣabr ‘Alā al-Maṣā’ib wa ‘Ammā Tanaza‘u al-Nafs Ilayh min Ladhhdhah wa Shahwah, Faṣl fī Dhikr Mā fī al-Awjā’ wa al-Amrāḍ wa al-Muṣībāt min al-Kaffārāt, no. hadith 9457).

<sup>369</sup> Ibn Abī al-Dunyā, *Kitāb al-Tawbah*, ed. Majdī al-Sayyid Ibrāhīm (Kaherah: Maktabah al-Qur’ān, t.t.), 130 (Bāb Idhā Kathurat Dhunūbuka Mādhā Taf’al, no. hadith 170).

<sup>370</sup> Muḥammad Bin ‘Āṣim Bin ‘Abd Allah al-Aṣbahānī, *Juz’ Muḥammad Bin ‘Āṣim al-Thaqafī al-Aṣbahānī*, ed. Muḥīd Khālid ‘Īd (Riyadh: Dār al-‘Āṣimah, t.t.), 75 (Al-Ḥusayn Bin ‘Alī al-Ju‘fī, no. hadith 2).

<sup>371</sup> Abū al-Ḥusayn Muḥammad Bin al-Muzaḥḥar al-Bazzār, *Gharā’ib Ḥadīth al-Imām Mālik Bin Anas*, ed. Abū ‘Abd al-Bārī Riḍā Bin Khālid al-Jazā’irī (Riyadh: Dār al-Salaf, 1997), 251 (no. hadith 184).

**Hukum Hadith:**

Hadith ini *da'if*.

**88. (Hadith 88)**

Tersebut di dalam *athar* daripada Rasulullah s.a.w. telah bersabda ia setengah daripada beberapa dosa itu iaitu yang tiada dihapuskan akan dia melainkan sebab kesusahan daripada dukacita dengan menuntuti rezeki akan belanja bagi isterinya dan anaknya dan barang sebagainya.<sup>372</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**89. (Hadith 89)**

(Dan tersebut) di dalam beberapa khabar *anbiya'*: "*Bahawa sesungguhnya beberapa kaum yang masuk mereka itu atas rumah Nabi Yunus a.s. maka menjamu ia akan mereka itu maka adalah Nabi Yunus a.s. tiap-tiap masuk dan keluar daripada rumahnya itu menyakiti akan dia oleh isterinya maka berpanjangannya atasnya yang demikian itu padahalnya ia diam jua, maka takjublah oleh sekalian mereka itu daripada yang demikian itu.*"(Maka berkata) Nabi Yunus a.s.: "*Jangan kamu takjub, maka bahawasanya aku pohonkan kepada Allah Ta'ala*", maka kataku baginya: "*Hai Tuhanku, barang yang seksa maka bagiku dengan dia di dalam akhirat maka segerakan olehmu akan daku akan dia bagiku dalam dunia.*" Maka firman Allah Ta'ala: "*Bahawa sesungguhnya seksamu di dalam dunia itu iaitu anak si fulan yang perempuan, maka engkau berbuat isterinya dengan dia.*" Maka kata Nabi Yunus a.s.: "*Maka aku pun berkahwinlah dengan dia dan aku sabar atas kesakitan yang Engkau lihat akan dia daripadanya itu.*"<sup>373</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**90. (Hadith 90)**

Bahawa sesungguhnya adalah Nabi s.a.w. itu kasih sayang lagi membaikkan perangai serta perempuan yang diperbuatnya isteri itu, bersabda ia: "*Barangsiapa sabar atas kejahatan perangai isterinya nescaya memberi oleh Allah Ta'ala daripada pahala seumpama yang diberikan akan dia akan Nabi Ayub sabar ia akan bala'nya, dan*

<sup>372</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 27.

<sup>373</sup> *Ibid.*, 28.

barangsiapa perempuan yang sabar ia atas kejahatan perangai suaminya nescaya memberi akan dia oleh Allah Ta'ala seumpama pahalanya yang diberikan kepada Asiah isteri Firaun.”<sup>374</sup>

**Matan Arab:**

من صَبَرَ عَلَى سَوْءِ خَلْقِ امْرَأَتِهِ أَعْطَاهُ اللَّهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلَ مَا أُعْطِيَ أَيُّوبَ عَلَى بَلَاءِهِ  
وَمَنْ صَبِرَتْ عَلَى سَوْءِ خَلْقِ زَوْجِهَا أَعْطَاهَا اللَّهُ مِثْلَ ثَوَابِ آسِيَةَ امْرَأَةَ فِرْعَوْنَ

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Penulis tidak menjumpai hadith ini melainkan ia ditemui di dalam kitab *Takhrij Ahādīth Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn li al-‘Irāqī wa al-Subkī wa al-Zubaydī*<sup>375</sup> dan *Silsilah al-Ahādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*.<sup>376</sup> Al-‘Irāqī dan al-Subkī menyatakan bahawa asal dan sanad bagi hadith ini tidak ditemui. Al-Albānī turut menyatakan bahawa tiada asal bagi hadith ini.

**Hukum Hadith:**

Tiada asal bagi hadith ini.

**91. (Hadith 91)**

(Dan diriwayatkan) oleh setengah ulama: “Bahawa sesungguhnya adalah seorang daripada isterinya memarah, maka menolak ia akan tangannya akan dada Nabi s.a.w., maka marahnya akan dia oleh ibunya, maka sabda Nabi s.a.w.: “*Tinggalkan olehmu, maka bahawa sesungguhnya telah memperbuat ia akan yang terlebih banyak daripada demikian itu.*”<sup>377</sup>

**Matan Arab:**

دَفَعَتْ إِخْدَاهُنَّ فِي صَدْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فزبرتها أمها، فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «دَعِيهَا فَإِنَّهُنَّ يَصْنَعْنَ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ»

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini tidak ditemui penulis melainkan dalam kitab *Al-Mughnī ‘an Ḥamli al-Asfār fi al-Asfār fi Takhrij Mā fi al-Ihyā’ min al-Akhbār* oleh Al-‘Irāqī.<sup>378</sup> Beliau menyatakan bahawa tiada asal bagi hadith ini.

<sup>374</sup> *Ibid.*, 28.

<sup>375</sup> Abū ‘Abd Allah Maḥmūd Bin Muḥammad al-Ḥaddād, *Takhrij Ahādīth Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 2:975 (Kitāb Ādāb al-Nikāḥ, no. hadith 1351).

<sup>376</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Ahādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 2:90 (no. hadith 627).

<sup>377</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 29.

<sup>378</sup> Al-‘Irāqī, *al-Mughnī ‘an Ḥamli al-Asfār fi al-Asfār fi Takhrij Mā fi al-Ihyā’ min al-Akhbār*, 1:391 (Kitāb Ādāb al-Nikāḥ, Bāb al-Thālith fī Ādāb al-Mu‘āsharah, no. hadith 1472).

### Hukum Hadith:

Tiada asal bagi hadith ini.

### 92. (Hadith 92)

(Dan sabda) Nabi s.a.w.: “Bermula yang terlebih sempurna iman orang yang mukmin itu, iaitu orang yang terlebih baik perangai itu dan yang terlebih mengasihani dan menyayangi, yakni sayangi dengan ahlinya.”<sup>379</sup>

### Matan Arab:

إِنَّ مِنْ أَكْمَلِ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَأَلَطَّهُمْ بِأَهْلِهِ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>380</sup>, al-Tirmidhī<sup>381</sup>, al-Nasā’ī<sup>382</sup>, al-Bayhaqī<sup>383</sup> dan Ibn Abī Shaybah.<sup>384</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini *ḍa‘īf* disebabkan terputusnya perawi iaitu pada perawi bernama Abū Qilābah atau ‘Abd Allah Bin Zayd al-Jarmiyy yang tidak mengambil riwayat dari ‘Āishah. Lalu hadith ini diangkat menjadi *ḥasan lighayrih* disebabkan terdapat *shāhid* lain yang menguatkan hadith ini iaitu dari Abū Hurayrah.<sup>385</sup> Imam al-Tirmidhī menyatakan hadith ini *ḥasan*, manakala Al-Albānī pula menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf*.<sup>386</sup> Mukhtār Aḥmad al-Nadwī pentahkik kitab *Al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān* menyatakan sanad dari *ṭarīq* Muḥammad Bin Ishāq adalah *ḥasan* dan matannya berbeza sedikit, manakala *ṭarīq* dari Yazīd Bin Zuray‘ adalah *munqaṭi‘* disebabkan perawi Abū Qilābah yang tidak mendengar daripada ‘Āishah.

### Hukum Hadith:

Walaupun maksud hadith yang ditakhrij ini menepati apa yang diriwayatkan dari Abū Qilābah dari ‘Āishah serta hukum bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf*, hadith ini dapat diangkat menjadi *ḥasan lighayrihi* kerana *shāhid* lain yang berstatuskan *ḥasan* menyokong

<sup>379</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 29.

<sup>380</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 40:242 (Musnad al-Ṣiddīqah ‘Āishah Binti al-Ṣiddīq Raḍiy Allah ‘Anhā, no. hadith 24204).

<sup>381</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 589 (Kitāb al-’Imān, Bāb Mā Jā’a fī Istikmāl al-’Imān wa Ziyādatihi wa Nuqṣānihi, no. hadith 2612).

<sup>382</sup> Al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:256 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb Luṭf al-Rajul Ahlahu, no. hadith 9109).

<sup>383</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 10:355 (Kitāb Ḥusni al-Khuluq, no. hadith 7614 & 7615).

<sup>384</sup> Ibn Abī Shaybah, *al-Kitāb al-Muṣannaḥ al-Aḥādīth wa al-’Āthār*, 5:210 (Kitāb al-Adab, Bāb Mā Dhukira fī Ḥusni al-Khuluq wa Karāhiyah al-Fuḥsh, no. hadith 25319).

<sup>385</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 12:364 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 7402).

<sup>386</sup> Al-Albānī, *Ḍa‘īf al-Targhīb wa al-Tarḥīb*, 2:9 (Kitāb al-Nikāḥ wa Mā Yata’Ilaqu bih, Targhīb al-Zawj fī al-Wafā’ bi Ḥaqq Zawjatihi wa Ḥusn ‘Ishratihā, no. hadith 1210).

riwayat Abū Qilābah. Maka, hukum hadith ini *ḥasan lighayrihi*.

### 93. (Hadith 93)

Dan tersebut di dalam Sharḥ Arba‘īn bagi Imam Nawāwī r.h.m. dan tersebut di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* sabda Nabi s.a.w.:

لَا يَغْرُوكَ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً إِنْ كَرِهَ مِنْهَا خُلُقًا رَضِيَ مِنْهَا آخَرَ.

Ertinya: “Jangan kamu marah seorang mukmin akan isterinya yang mukmin jika dibencikannya ia daripada perangainya, maka redalah engkau daripada perangainya yang lainnya pula.”<sup>387</sup>

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat Muslim<sup>388</sup>, Aḥmad<sup>389</sup>, al-Bayhaqī<sup>390</sup>, dan Abū Ya‘lā al-Mūṣilī.<sup>391</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan bahawa sanad bagi riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ* menurut syarat Muslim. Ḥusayn Salīm Asad pentahkik bagi *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī* menyatakan bahawa sanad bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

#### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 94. (Hadith 94)

Dan di dalam *Ṣaḥīḥ* sabda Nabi s.a.w.:

لَا يَجِلُّ أَحَدُكُمْ أَمْرَاتَهُ جَلَدَ الْعَبْدِ ثُمَّ يُجَامِعُهَا فِي آخِرِ الْيَوْمِ.

Ertinya: “Jangan seorang kamu memalu akan isterinya seperti memalu bagi hambanya kemudian jimak pula ia pada akhir hari.”<sup>392</sup>

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan al-Bukhārī<sup>393</sup>, Muslim<sup>394</sup>, al-Tirmidhī<sup>395</sup>, Ibn Mājah<sup>396</sup>,

<sup>387</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 29.

<sup>388</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 926 (Kitāb al-Raḍā’, Bāb al-Waṣiyyah bi al-Nisā’, no. hadith 61).

<sup>389</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 14:99 (Musnad Abū Hurayrah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 8363).

<sup>390</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:482 (Kitāb al-Qasam wa al-Nushūz, Bāb Ḥaq al-Mar’ah ‘alā al-Rajul, no. hadith 14727).

<sup>391</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 11:303 (Musnad Abī Hurayrah, no. hadith 6418 dan 6419).

<sup>392</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 29.

<sup>393</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 450 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Yukrahu min Ḍarb al-Nisā’, no. hadith 5204).

<sup>394</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1173 (Kitāb al-Jannah wa Ṣifah Na‘īmihā wa Ahlihā, Bāb al-Nār Yadkhuluhā al-Jabbārūn wa al-Jannah Yadkhuluhā al-Du‘afā’, no. hadith 49).

<sup>395</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 759 (Kitāb Tafsīr al-Qurān, Bāb wa min Sūrah wa al-Shams wa Duḥāhā, no. hadith 3343).

<sup>396</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 343 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Ḍarb al-Nisā’, no. hadith 1983).

dan Ibn Hibban.<sup>397</sup> Setiap riwayat adalah berbeza dari sudut matan dan sanad adalah daripada sahabat yang sama iaitu daripada ‘Abd Allah Bin Zam‘ah. Imam al-Tirmidhī menyatakan hadith ini *ḥasan ṣaḥīḥ*. Manakala al-Albānī menyatakan hadith adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>398</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan hadith riwayat Ibn Hibban adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 95. (Hadith 95)

(Hikayat orang), bahawa sesungguhnya seorang lelaki datang ia kepada Sayyidinā ‘Umar r.a. pada halnya hendak mengadukan kepadanya akan kejahatan perangai isterinya. Maka berhentilah ia di sisi pintunya menanti ia lelaki itu akan keluar Sayyidinā ‘Umar, maka mendengar ia akan isterinya berpanjanglelah menyakiti atasnya dengan lidahnya dan padahalnya ia diam jua tiada jawab atasnya, maka berpaling lelaki itu padahal berkata ia: *“Ini hal Amirul Mukminin, maka betapa halku.”* Maka keluarlah Sayyidinā ‘Umar, maka melihat ia akan lelaki itu sudah berpaling pergi, maka menyerulah oleh Sayyidinā ‘Umar akan dia, yakni memanggil ia akan lelaki itu dan berkata pula ia: *“Apa hajat engkau datang?”* Maka berkata ia: *“Ya Amirul Mukminin, datangku kerana mengadu aku akan dikau akan kejahatan perangai isteriku dan berpanjanglelah menyakiti atasku, maka mendengar aku akan isteri engkau seperti yang demikian juga, maka kembalilah aku dan aku kata: “Apabila ada demikian hal Amirul Mukminin serta isterinya, maka betapa hal aku.”* Maka berkata oleh Sayyidinā ‘Umar *“(Ya akhi) ertinya hai saudaraku, bahawa sesungguhnya menanggung aku akan dia itu kerana beberapa hak baginya di atasku bahawa sesungguhnya ia memasakkan bagi makananku lagi membakar ia akan roti lagi membasuh ia akan kainku lagi memberi susu ia akan anakku dan padahalnya wajib atas aku sekaliannya yang demikian itu tiada wajib atasnya dan lagi menetapkan hatiku dengan dia daripada mengerjakan yang haram, maka menanggung akan dia kerana demikian itu.”* Maka berkata oleh lelaki itu: *“Hai Amirul Mukminin, seperti demikian itulah isteriku.”* Maka berkata oleh Sayyidinā ‘Umar: *“Tanggunglah olehmua akan dia, maka bahawa sesungguhnya ia masa yang sedikit.”*<sup>399</sup>

### Matan Arab:

أَنَّ رَجُلًا جَاءَ إِلَى عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَشْكُو إِلَيْهِ خُلُقَ زَوْجَتِهِ، فَوَقَفَ بِبَابِهِ يَنْتَظِرُهَا، فَسَمِعَ امْرَأَتَهُ تَسْتَطِيلُ عَلَيْهِ بِلِسَانِهَا، وَهُوَ سَاكِتٌ لَا يَرُدُّ عَلَيْهَا، فَأَنْصَرَفَ الرَّجُلُ قَائِلًا: إِذَا كَانَ هَذَا حَالُ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ، فَكَيْفَ حَالِي؟. فَخَرَجَ عُمَرُ فَرَأَهُ مُدْبِرًا فَنَادَاهُ، مَا حَاجَتُكَ؟. فَقَالَ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، جِئْتُكَ أَشْكُو إِلَيْكَ خُلُقَ زَوْجَتِي وَاسْتِطَالَتِهَا عَلَيَّ، فَسَمِعْتُ زَوْجَتَكَ كَذَلِكَ، فَرَجَعْتُكَ وَقُلْتُ: إِذَا كَانَ هَذَا حَالُ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ،

<sup>397</sup> Ibn Hibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, 9:500 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mu‘āsharah al-Zawjayn, no. hadith 4190).

<sup>398</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrizī, *Mishkāt al-Maṣābiḥ*, 2:968 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb ‘Ishrah al-Nisā’, no. hadith 3242).

<sup>399</sup> Syaikh Abdullah, *Muhimmah*, 29.

فَكَيْفَ حَالِي؟ فَقَالَ لَهُ عُمَرُ: يَا أَحْيَىٰ إِنِّي اخْتَمَلْتُهَا لِحُقُوقِ لَهَا عَلَيَّ، إِنَّهَا طَبَاخَةٌ لَطْعَامِي، خَبَازَةٌ لِحُبْرِي، عَسَالَةٌ لِثِيَابِي، مُرْضِعَةٌ لِوَلَدِي. وَلَيْسَ ذَلِكَ بِوَاجِبٍ عَلَيْهَا، وَيَسْكُنُ قَلْبِي بِهَا عَنِ الْحَرَامِ، فَأَنَا اخْتَمَلْتُهَا لِذَلِكَ، فَقَالَ الرَّجُلُ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، وَكَذَلِكَ رَوْحِي. قَالَ عُمَرُ: فَاخْتَمِلْهَا يَا أَحْيَىٰ، فَإِنَّمَا هِيَ مُدَّةٌ يَسِيرَةٌ

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menjumpai hadith ini di dalam kitab-kitab hadith muktabar melainkan dalam kitab *Al-Kabā'ir* yang dikarang oleh Imam al-Dhahabi<sup>400</sup> (w. 748H) dalam fasal *al-Kabīrah al-Sābi'ah wa al-Arba'un* yang membincangkan topik *Nushūz al-Mar'ah 'alā Zawjihā*. Penulis hanya menjumpai hanya matan hadith tanpa pernyataan sanad.

#### Hukum Hadith:

Sumber asal bagi hadith ini tidak diketahui.

#### 96. (Hadith 96)

Telah bersabda Nabi s.a.w.:

تُنكَحُ الْمَرْأَةُ لِمَالِهَا وَلِجَمَالِهَا وَحُسْنِهَا وَدِينِهَا فَعَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّينِ.

Ertinya: “Berkahwin akan perempuan itu kerana hartanya dan eloknyanya dan kerana bangsanya dan kerana agamanya, maka lazimkah olehmu berkahwin dengan perempuan yang mempunyai agama.”<sup>401</sup>

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith yang paling hampir dengan matan yang sedikit berbeza dengan hadith di atas ini telah diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>402</sup>, al-Ḥākim<sup>403</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>404</sup>, Ibn Abī Shaybah<sup>405</sup> dan Abū Ya'ālā al-Mūsilī.<sup>406</sup> Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūṭ menyatakan sanad bagi riwayat Aḥmad ini adalah *ḥasan* tetapi diangkat menjadi *ṣaḥīḥ lighayrihi* dengan sokongan daripada riwayat-riwayat lain dan beliau turut men*ṣaḥīḥ*kan riwayat daripada Ibn Ḥibbān. Al-Ḥākim juga menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Abū 'Abd al-Raḥman Muqbil bin Hādī al-Wādī'ī iaitu pentahkik kitab *Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn* menyatakan terdapat masalah pada sanad riwayat Al-Ḥākim iaitu perawi bernama

<sup>400</sup> Al-Dhahabī, *al-Kabā'ir*, 184.

<sup>401</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 30.

<sup>402</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 18:287 (Musnad Abī Sa'īd al-Khudrī Raḍiy Allah 'Anhu, no. hadith 11765).

<sup>403</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:191 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2737).

<sup>404</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 9:345 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Dhikr al-Bayān bi Anna al-Mutazawwij Inna Mā Amara an Yaḥsida min al-Nisā' Dhawāta al-Dīn wa al-Khuluq, no. hadith 4037).

<sup>405</sup> Ibn Abī Shaybah, *al-Kitāb al-Muṣannaf al-Aḥādīth wa al-'Athār*, 3:560 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Yankihu wa Afḍalu Mā Yankihu 'Alayh, no. hadith 17149).

<sup>406</sup> Abū Ya'ālā, *Musnad Abī Ya'ālā al-Mūsilī*, 2:292 (Musnad Abī Sa'īd al-Khudrī, no. hadith 1012).



Aḥmad Bin Ḥāzim Bin Abī Gharazah yang merupakan seorang perawi lemah. Ḥusayn Salīm Asad pentahkik kitab *Musnad Abī Ya ‘lā al-Mūsilī* menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *jayyid*.

### Hukum Hadith:

Hukum asal bagi hadith ini adalah *ḥasan* dan kemudiannya diangkat menjadi *ṣaḥīḥ lighayrih* kerana sokongan daripada riwayat-riwayat yang lain.

### 97. (Hadith 97)

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: “Barangsiapa berkahwin berkehendak akan perempuan kerana hartanya dan kerana elok rupanya, nescaya diharamkan akan hartanya dan eloknya, yakni ditegahkan akan hartanya dan eloknya. Dan barangsiapa berkahwin akan dia kerana agamanya, nescaya diberi rezeki oleh Allah Ta’ala akan dia akan hartanya dan eloknya.”<sup>407</sup>

### Matan Arab:

مَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً لِعِزَّتِهَا مِمَّا يَزِدُّهُ اللَّهُ إِلَّا ذُلًّا، وَمَنْ تَزَوَّجَهَا لِمَالِهَا مِمَّا يَزِدُّهُ اللَّهُ إِلَّا فَقْرًا،  
وَمَنْ تَزَوَّجَهَا لِحَسَبِهَا مِمَّا يَزِدُّهُ اللَّهُ إِلَّا دِنَاءَةً، وَمَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً مِمَّا يَتَزَوَّجُهَا إِلَّا لِيُعْضَرَ  
بَصْرُهُ أَوْ لِيُحْصِنَ فَرْجَهُ، أَوْ يَصِلَ رَحْمَةً بَارَكَ اللَّهُ لَهَا فِيهَا، وَبَارَكَ لَهَا فِيهِ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab yang ditemui adalah matan yang paling hampir dengan maksud hadith yang dibawa. Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>408</sup> dan Abū Nu‘aym al-Aṣbahānī<sup>409</sup> (w. 430H). ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr iaitu pentahkik bagi kitab *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawā‘id al-Mu‘jamayn* yang ditulis oleh al-Haythamī, menyatakan hadith yang diriwayatkan adalah *ḍa‘īf jiddan* (sangat lemah) kerana perawi bernama ‘Abd al-Salām Bin ‘Abd al-Quddūs.<sup>410</sup> Al-Albani turut menyatakan bahawa hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan* dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi‘ fī al-Ummah* pada bilangan hadith yang ke-1055 kerana kelemahan ke atas perawi bernama ‘Abd al-Salām Bin ‘Abd al-Quddūs.<sup>411</sup>

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan* (sangat lemah).

<sup>407</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 30.

<sup>408</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 3:21 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Ibrāhīm, no. hadith 2342).

<sup>409</sup> Abū Nu‘aym Aḥmad Bin ‘Abd Allah al-Aṣbahānī, *Ḥilyah al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 5:245 (Bāb 321: Ibrāhīm Bin Abī ‘Ablah).

<sup>410</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn*, 4:151 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī Man Tazawwaja li Yaghuḍḍu Baṣarihi, no. hadith 2242).

<sup>411</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 3:168.

## 98. (Hadith 98)

(Dan kata) Sayyidinā ‘Alī r.a.: “Bermula yang terlebih jahat sifat lelaki itu, iaitu yang terlebih baik bagi sifat perempuan, iaitu tiga perkara.”<sup>412</sup>

1. (الْبُخْلِ) Yakni; kikir kerana bahawa sesungguhnya apabila ada perempuan itu bakhil maka memeliharakan harta suaminya.
2. (الرَّهْوِ) Yakni; membesarkan dirinya kerana bahawa sesungguhnya apabila perempuan itu membesarkan akan dirinya, maka enggan ia daripada berkata-kata dengan tiap-tiap orang perkataan yang lemah-lembut, maka demikian itu terpeliharalah ia daripada cemburuan akan dia.
3. (الْخَيْرِ) Yakni; penakut kerana bahawa sesungguhnya apabila ada perempuan itu penakut, maka takut ia daripada tiap-tiap sesuatu, maka tiada keluar ia daripada rumahnya dan memeliharakan ia daripada cemburuan akan dia kerana ia takut daripada suaminya.

### Matan Arab:

وَكَانَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: شَرُّ خِصَالِ الرِّجَالِ (أَي صِفَاتِهِمْ) خَيْرُ خِصَالِ النِّسَاءِ: (الْبُخْلُ) وَهُوَ مَنَعَ السَّائِلِ مِمَّا يَفْضَلُ (وَالرَّهْوُ) أَي الإِعْجَابُ بِالنَّفْسِ (وَالجُبْنُ) أَي ضَعْفُ الْقَلْبِ (فَإِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا كَانَتْ بِحَيْلَةٍ حَفِظَتْ مَالَهَا وَ مَالَ زَوْجِهَا، وَإِذَا كَانَتْ مَرْهُوَّةً) أَي مَتَكَبِّرَةً (اسْتَنكَفَتْ) أَي امْتَنَعَتْ مِنْ (أَنْ تُكَلِّمَ) أَي الْمَرْأَةَ (كُلًّا) أَحَدٍ بِكَلَامٍ لَيِّنٍ مُرِيْبٍ) أَي مَوْعٍ فِي التَّهْمَةِ (وَإِذَا كَانَتْ جَبَّانَةً) أَي ضَعِيفَةَ الْقَلْبِ. وَالْأَفْصَحُ: "جَبَّانٌ" (فَرِقَتْ) أَي خَافَتْ (مِنْ كُلِّ شَيْءٍ، فَلَمْ تَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهَا) أَي مَحَلِّ إِقَامَتِهَا (وَاتَّقَتْ) أَي تَحَنَّبَتْ (مَوَاضِعَ التُّهْمِ) أَي الظُّنُونِ (خَيْفَةً مِنْ زَوْجِهَا)

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menemui hadith ini di dalam mana-mana kitab muktabar melainkan dalam kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* yang dikarang oleh Imām al-Ghazālī (w. 505H) dalam *Kitab Ādab al-Nikāh*. Penulis tidak mengetahui sumber asal bagi hadith ini.<sup>413</sup>

### Hukum Hadith:

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber asal bagi hadith ini tidak ditemui.

## 99. (Hadith 99)

Sunat memilih akan perempuan yang ringan isi kahwin kerana sabda Nabi s.a.w.: “Bermula yang terlebih baik perempuan itu, iaitu yang terlebih baik mukanya dan terlebih murah isi kahwinnya.”<sup>414</sup>

<sup>412</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 31.

<sup>413</sup> Al-Ghazālī, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 2:39.

<sup>414</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 31.

### Matan Arab:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَيْرُهُنَّ أَيْسَرُهُنَّ صِدَاقًا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan hadith bahasa arab yang ditemui penulis adalah yang paling hampir dengan maksud hadith yang di atas. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>415</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>416</sup> dan al-‘Uqaylī (w. 322H).<sup>417</sup> Hamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menyatakan perawi bernama Rajā’ Bin al-Ḥārith dalam sanad ini telah di $\dot{d}$ a‘i $\dot{f}$ kan oleh Ibn Ma‘īn dan perawi-perawi yang lain adalah *thiqah*. Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ turut menukulkan daripada Ibn Ma‘īn bahawa perawi bernama Rajā’ Bin al-Ḥārith dalam sanad ini adalah *ḍa‘i $\dot{f}$* . Al-‘Uqaylī telah menyenaraikan perawi Rajā’ Bin al-Ḥārith sebagai perawi *ḍa‘i $\dot{f}$*  di dalam kitabnya *Kitāb al-Du‘afā’*. Al-Albānī turut men $\dot{d}$ a‘i $\dot{f}$ kan hadith ini dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘i $\dot{f}$ ah wa al-Mawḍū‘ah* pada bilangan hadith yang ke-3584.<sup>418</sup>

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḍa‘i $\dot{f}$* .

### 100. (Hadith 100)

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: “Setengah daripada berkat, maka perempuan itu, iaitu segera bersuamikan dan segera rahimnya itu kepada beranak dan murah isi kahwinnya.”<sup>419</sup>

### Matan Arab:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ مِنْ يَمَنِ الْمَرْأَةُ تَيْسِيرَ خِطْبَتِهَا، وَتَيْسِيرَ صِدَاقِهَا، وَتَيْسِيرَ رَحِمِهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan hadith berbahasa arab yang ditemui adalah paling hampir dengan maksud hadith yang dinyatakan. Hadith ini diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>420</sup>, al-Ṭabrānī<sup>421</sup>, al-Bayhaqī<sup>422</sup>,

<sup>415</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 11:78-79 (Bāb al-‘Ayn, Wa Mā Asnada ‘Abd Allah Bin ‘Abbās Raḍiy Allah ‘anhumā, no. hadith 11100 dan 11101).

<sup>416</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 9:342 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Dhikr al-Ikḥbār ‘an Waṣfi Khayr al-Nisā’ li al-Mutazawwij min al-Rijāl, no. hadith 4034).

<sup>417</sup> Abū Ja‘far Muḥammad Bin ‘Amr Bin Mūsā Bin Ḥammād al-‘Uqaylī, *Kitāb al-Du‘afā’*, ed. Ḥamdī Bin ‘Abd al-Majīd Bin Ismā‘īl al-Salafī (Riyadh: Dār al-Ṣamay‘ī li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 2:414 (Bāb al-Rā’, Rajā’ Bin al-Ḥārith, Abū Salām, no. hadith 500).

<sup>418</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘i $\dot{f}$ ah wa al-Mawḍū‘ah*, 8:78.

<sup>419</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 32.

<sup>420</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 41:27 (Musnad al-Siddīqah ‘Āishah Binti al-Siddīq Raḍiy Allah ‘Anḥā, no. hadith 24478).

al-Ḥākim<sup>423</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>424</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ḥasan*. Al-Ḥākim menyatakan riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Albānī menyatakan hadith ini sebagai *ḥasan*.<sup>425</sup>

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḥasan*.

### 101. (Hadith 101)

(Dan adalah Rasulullah) s.a.w. berkahwin akan setengah daripada isterinya dengan isi kahwin sepuluh dirham, seperti pakaian rumahnya, iaitu satu penggiling tepung, dan satu tempayan dan satu bantal.<sup>426</sup>

### Matan Arab:

١ . عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَ أُمَّ سَلَمَةَ عَلَى مَتَاعِ بَيْتِ قَيْمَتُهُ عَشْرَةَ دَرَاهِمَ.  
٢ . فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَا إِنِّي لَا أَنْقُصُكَ شَيْئًا مِمَّا أُعْطِيتُ أُخْتِكَ فُلَانَةَ رَحِيئِينَ وَجَرَّتَيْنِ، وَوَسَادَةً مِنْ أَدَمٍ، حَشْوَهَا لَيْفٌ.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Kedua-dua matan hadith Arab yang dijumpai penulis adalah yang paling hampir dan kesinambungan dari maksud hadith di atas. Hadith pertama telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>427</sup>, Abū Dāwud al-Ṭayālīsī<sup>428</sup>, Abū Ya‘lā al-Mūṣilī<sup>429</sup> dan al-‘Uqaylī.<sup>430</sup> Hamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menyatakan bahawa riwayat al-Ṭabrānī adalah *ḍa‘īf* kerana kelemahan perawi bernama al-Ḥakam Bin ‘Aṭīyyah. Al-Duktūr Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī menyatakan sanad riwayat al-Ṭayālīsī adalah *ḍa‘īf* juga disebabkan al-Ḥakam Bin ‘Aṭīyyah. Husayn Salīm Asad menyatakan sanad riwayat Abū Ya‘lā al-Mūṣilī adalah *ḍa‘īf* kerana kelemahan perawi yang sama. Al-Ḥakam Bin ‘Aṭīyyah turut disenaraikan dalam perawi-perawi *ḍa‘īf* dalam *Kitāb al-Du‘afā’* oleh al-‘Uqaylī.

<sup>421</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Rawḍ al-Dānī ilā Mu‘jam al-Ṣaḥīḥ li al-Ṭabrānī*, 1:285 (Bāb al-Sīn, Man Ismuhu Sa‘īd, no. hadith 469).

<sup>422</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:385 (Kitāb al-Ṣadāq, Bāb Mā Yustaḥabbu min al-Qaṣd fī al-Ṣadāq, no. hadith 14357).

<sup>423</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:216 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2798).

<sup>424</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 9:405 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ṣadāq, no. hadith 4095).

<sup>425</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ wa Ziyādatih* (cet. ke-3, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1988), 1:444 (no. hadith 2235).

<sup>426</sup> Syekh Abdullah, *Muḥimmah*, 32.

<sup>427</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 23:247 (Bāb Umm Salamah, no. hadith 498).

<sup>428</sup> Al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, 3:510 (Musnad Anas Bin Mālik al-Anṣārī, no. hadith 2134).

<sup>429</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 6:114 (Musnad Anas Bin Mālik, no. hadith 3385).

<sup>430</sup> Al-‘Uqaylī, *Kitāb al-Du‘afā’*, 1:278 (Bāb al-Hā’, al-Ḥakam Bin ‘Aṭīyyah al-Qaysī, no. hadith 315).

Hadith kedua pula telah diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>431</sup>, Abū Ya‘lā al-Mūṣilī<sup>432</sup> dan Ishāq Bin Rāhawayh (w. 238H)<sup>433</sup> dengan matan hadith yang panjang. Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ḍa‘īf*. Menurut Ḥusayn Salīm Asad pula riwayat Abū Ya‘lā al-Mūṣilī pula adalah *ṣaḥīḥ*. ‘Abd al-Ghafūr ‘Abd al-Ḥaq Ḥusayn al-Balūshī iaitu pentahkik kitab *Musnad Ishāq Bin Rāhawayh* menyatakan *rijal* bagi riwayat hadith ini, kesemuanya adalah *thiqah* dan merupakan perawi-perawi al-Bukhārī dan Muslim.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith yang pertama adalah *ḍa‘īf* kerana kelemahan perawi bernama al-Ḥakam Bin ‘Aṭīyyah. Manakala, hukum bagi hadith yang kedua adalah *ṣaḥīḥ*.

### 102. (Hadith 102)

(Dan setengah) daripada sahabat Nabi s.a.w. berkahwin dengan isi kahwin mas beratnya satu biji kurma adalah harganya itu kira-kira lima dirham.<sup>434</sup>

### Matan Arab:

تَزْوِجُ امْرَأَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ عَلَى وَزْنِ نَوَاةٍ مِنْ ذَهَبٍ قَوْمَتْ خَمْسَةَ دَرَاهِمٍ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith di atas telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>435</sup>, Muslim<sup>436</sup>, al-Tirmidhī<sup>437</sup>, Ibn Mājah<sup>438</sup>, al-Bayhaqī<sup>439</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>440</sup> dan Abū Dāwud al-Ṭayālisī.<sup>441</sup> Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Al-Albānī turut menyatakan hadith ini

<sup>431</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 44:268 (Musnad Umm Salamah Zawj al-Nabī Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 26669).

<sup>432</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 12:337 (Musnad Umm Salamah Zawj al-Nabī Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 6908).

<sup>433</sup> Ishāq Bin Ibrāhīm Bin Makhlad al-Ḥanzalī al-Marwazī, *Musnad Ishāq Bin Rāhawayh*, ed. ‘Abd al-Ghafūr ‘Abd al-Ḥaq Ḥusayn al-Balūshī (Madinah al-Munawwarah: Maktabah Dār al-Imān, 1995), 4:64 (Musnad Umm al-Mu’minīn Umm Salamah Binti al-Mughīrah, no. hadith 1827).

<sup>434</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 32.

<sup>435</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 446 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ṣufrah li al-Mutazawwij, no. hadith 5153).

<sup>436</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 915 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ṣadāq wa Jawāz Kawnihi Ta‘līm Qur’ān wa Khātama Ḥadīd wa Ghayr Dhālik min Qalīl wa Kathīr wa Istihbābi Kawnihi Khamsah Mi‘ah Dirham li Man Lā Yujhif bih, no. hadith 1427).

<sup>437</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 441 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, Bāb Mā Jā’a fī Muwāsāh al-Akh, no. hadith 1933).

<sup>438</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 331 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Walīmah, no. hadith 1907).

<sup>439</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Ṣaghīr*, 3:72-73 (Kitāb al-Nikāḥ, Jimā‘ Abwāb al-Ṣadāq, Bāb Mā Yakūnu Mahran, no. hadith 2538, 2539 dan 2540).

<sup>440</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 9:366 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Dhikr al-Amr li al-Mutazawwij bi al-Walīmah Walau bi Shāh, no. hadith 4060).

<sup>441</sup> Al-Ṭayālisī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālisī*, 3:479 (Musnad Anas Bin Mālik al-Anṣārī, no. hadith 2090).

adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>442</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan bahawa sanad bagi riwayat Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* kerana menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim. Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī juga menyatakan riwayat al-Ṭayālīsī adalah *ṣaḥīḥ*.

#### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana majoriti riwayat yang ditahkik adalah *ṣaḥīḥ*. Riwayat yang paling hampir dengan mafhum hadith di atas adalah dari riwayat al-Bayhaqī.

#### **103. (Hadith 103)**

(Dan adalah) Sa‘īd ibn Al-Musayyab mempersuamikan ia akan anaknya yang perempuan dengan Sayyidinā Abū Hurayrah dengan isi kahwin dua dirham, kemudian dibawanya anaknya itu kepada rumahnya Abū Hurayrah pada malam hari dan memasukkan ia akan dia ke dalam pintu rumah itu, maka pergi ia dari situ kemudian ia datang kepada anaknya itu kemudian daripada tujuh hari kerana memberi salam akan dia.<sup>443</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

#### **104. (Hadith 104)**

(Dan adalah) Saiyidina ‘Umar r.a. menegahkan ia daripada memahalkan akan isi kahwin serta berkata: “*Iti tiada berkahwin Rasulullah s.a.w. dan tiada mengkahwinkan ia anaknya yang perempuan dengan isi kahwin yang lebih daripada empat ratus dirham.*”<sup>444</sup>

#### **Matan Arab:**

سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: " إِبَائِكُمْ وَالْمُعَالَاهُ فِي مُهُورِ النِّسَاءِ، فَإِنَّهَا لَوْ كَانَتْ تَقْوَى عِنْدَ اللَّهِ أَوْ مَكْرَمَةً عِنْدَ النَّاسِ لَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْلَاكُمْ بِهَا ، مَا نَكَحَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا مِنْ نِسَائِهِ ، وَلَا أَنْكَحَ وَاحِدَةً مِنْ بَنَاتِهِ بِأَكْثَرَ مِنْ اثْنِي عَشَرَ أُوقِيَةً وَهِيَ أَرْبَعُمِائَةٍ دِرْهَمٍ وَمِائَتُونَ دِرْهَمًا

<sup>442</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrizī, *Mishkāt al-Maṣābīḥ*, 2:960 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Walimah, no. hadith 3210).

<sup>443</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 32.

<sup>444</sup> *Ibid.*, 32.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>445</sup>, Abū Dāwud<sup>446</sup>, al-Tirmidhī<sup>447</sup>, Ibn Mājah<sup>448</sup>, al-Bayhaqī<sup>449</sup>, al-Dārimī<sup>450</sup> dan Abū Dāwud al-Ṭayālīsī.<sup>451</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan hadith dari riwayat Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Tirmidhī menjelaskan bahawa riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Al-Albānī pula menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>452</sup> Ḥusayn Salīm Asad al-Dārānī menyatakan sanad bagi riwayat al-Dārimī adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Duktūr Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī turut menyatakan bahawa hadith riwayat Abū Dāwud al-Ṭayālīsī adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana majoriti pentahkik menyatakan riwayat-riwayat yang dibawa adalah diterima (*maqbul*) dan *ṣaḥīḥ*.

### 105. (Hadith 105)

Sunat memilih akan perempuan yang banyak beranak, kerana sabda Nabi s.a.w.:

عَلَيْكُمْ بِالْوُلُودِ وَالْوَدُودِ.

Ertinya: “Lazimkan atas kamu berkahwin dengan perempuan yang banyak beranak dan perempuan yang banyak kasih sayang akan suaminya.”<sup>453</sup>

### Matan Arab:

تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ الْوُلُودَ فَإِنِّي مُكَاتِّرٌ بِكُمْ الْأُمَّمَ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan hadith yang dijumpai penulis berbeza sedikit tetapi makna hadith masih sama. Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū Dāwud<sup>454</sup>, al-Nasā’ī<sup>455</sup>, al-Bayhaqī<sup>456</sup>, al-

<sup>445</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 1:382 (Musnad ‘Umar Bin al-Khaṭṭāb, no. hadith 285).

<sup>446</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 365 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ṣadāq, no. hadith 2106).

<sup>447</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 264 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Minhu, no. hadith 1114).

<sup>448</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 328 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ṣadāq al-Nisā’, no. hadith 1887).

<sup>449</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:382 (Kitāb al-Ṣadāq, Bāb Mā Yustaḥabbu min al-Qaṣd fī al-Ṣadāq, no. hadith 14347).

<sup>450</sup> Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3:1411 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Kam Kānat Muhūr Azwāj al-Nabī Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam wa Banātihi, no. hadith 2246).

<sup>451</sup> Al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, 1:64 (Musnad ‘Umar Bin al-Khaṭṭāb, no. hadith 64).

<sup>452</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrizī, *Mishkāt al-Maṣābiḥ*, 2:958 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ṣadāq, no. hadith 3204).

<sup>453</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 32.

<sup>454</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 355 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Nahy ‘an Tazwīj Man Lam Yalid min al-Nisā’, no. hadith 2050).

<sup>455</sup> Al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 499 (Kitāb al-Nikāḥ, Bab Karāhiyah Tazwīj al-‘Aqīm, no. hadith 3227).

Ṭabrānī<sup>457</sup>, al-Ḥākim<sup>458</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>459</sup>, dan al-Aṣbahānī.<sup>460</sup> Al-Albānī menyatakan riwayat Abū Dāwud dan al-Nasā'ī adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>461</sup> Hamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī iaitu pentahkik *Mu'jam al-Kabīr* oleh al-Ṭabrānī menukikan dari al-Dhahabī bahawa riwayat al-Ṭabrānī adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Ḥākim pula menyatakan sanad riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ*. Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūt menyatakan sanad riwayat Ibn Ḥibbān adalah kuat kerana kesemua perawi dalam sanad ini adalah *thiqah* melainkan al-Mustaslim Bin Sa'īd yang merupakan *ṣadūq*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Keseluruhan perawi dalam setiap riwayat adalah *thiqah* melainkan perawi bernama al-Mustaslim Bin Sa'īd yang merupakan *ṣadūq* dalam riwayat Ibn Ḥibbān.

### 106. (Hadith 106)

Sunat memilih akan perempuan yang *bikr* (anak dara), kerana sabda Nabi s.a.w. bagi Jabir r.a., maka adalah ia berkahwin dengan perempuan yang janda dengan katanya:

هَلَّا بِكْرًا تُلَاعِبُهَا وَتُلَاعِبُكَ.

Ertinya: “Mengapa tiada engkau berkahwin akan perempuan yang *bikr* (anak dara) supaya engkau bennain-main akan dia dan ia bermain-main akan dikau.”<sup>462</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>463</sup>, Muslim<sup>464</sup>, Aḥmad<sup>465</sup>, Abū Dāwud<sup>466</sup>, al-Tirmidhī<sup>467</sup>, Ibn Mājah<sup>468</sup>, al-Nasā'ī<sup>469</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>470</sup> Al-Tirmidhī menyatakan

<sup>456</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:131 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Istihbāb al-Tazawwuj bi al-Wadūd al-Walūd, no. hadith 13475).

<sup>457</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 20:219 (Bāb al-Mīm, Mu'āwiyah Bin al-Qurrah 'an Ma'qil Bin Yasār, no. hadith 508).

<sup>458</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:225 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2742).

<sup>459</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 9:363 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Dhikr al-Zajr 'an Tazwīj al-Rajul min al-Nisā' Man Lā Talid, no. hadith 4056).

<sup>460</sup> Abū Nu'aym al-Aṣbahānī, *Ma'rifah al-Ṣaḥābah li Abī Nu'aym al-Aṣbahānī*, 5:2512 (Bāb al-Mīm, Bab Ma'qil Bin Yasār al-Muzanī, no. hadith 6089).

<sup>461</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrizī, *Mishkāt al-Maṣābih*, 2:929 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 3091).

<sup>462</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 32.

<sup>463</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 463 (Kitāb al-Nafaqāt, Bāb 'Awn al-Mar'ah Zawjahā fi Waladīh, no. hadith 5367).

<sup>464</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 925 (Kitāb al-Raḍā', Bāb Istihbāb Nikāḥ al-Bikr, no. hadith 55).

<sup>465</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 22:64 (Musnad Jābir Bin 'Abd Allah Raḍiy Allah 'Anhu, no. hadith 14132).

<sup>466</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 355 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī Tazwīj al-Abkār, no. hadith 2048).

<sup>467</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 259 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Jā'a fī Tazwīj al-Abkār, no. hadith 1100).

<sup>468</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 324 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Tazwīj al-Abkār, no. hadith 1860).



riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Albānī pula menyatakan riwayat Aḥmad, Abū Dāwud, Ibn Mājah dan al-Nasā’ī adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>471</sup>

### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim. Majoriti riwayat adalah *ṣaḥīḥ* menurut pentahkik-pentahkik kitab.

### **107. (Hadith 107)**

sabda Nabi s.a.w.: “Pilih olehmu akan perempuan, yakni tempat bagi mani kamu itu, maka kerana bahawa sungguhnya gemar itu terlebih mengekalkan.”<sup>472</sup>

### **Matan Arab:**

تَخَيَّرُوا لِنُطْفِئِكُمْ، وَأَنْكِحُوا الْأَكْفَاءَ، وَأَنْكِحُوا إِلَيْهِمْ

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Penulis hanya menjumpai matan hadith yang paling hampir dengan maksud hadith di atas. Hadith ini telah diriwayatkan oleh Ibn Mājah<sup>473</sup>, al-Bayhaqī<sup>474</sup>, al-Dāruqṭnī<sup>475</sup> (w. 385H), al-Ḥākim<sup>476</sup> dan al-Aṣbahānī.<sup>477</sup> Al-Albānī menyatakan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* setelah melalui proses pengumpulan *mutāba‘āt* dan *ṭuruq* dari hadith ‘Umar r.a.<sup>478</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan dalam riwayat al-Dāruqṭnī nombor hadith 3787 ada perawi yang *laysa bi al-qawiy* (tidak kuat) iaitu Muḥammad bin Hammād Bin Māhān al-Dabbāgh dan manakala nombor hadith 3788 pula iaitu dari *ṭariq* Al-Ḥārith Bin ‘Imrān al-Ja‘farī adalah *ḥasan*. Al-Ḥākim menyatakan sanad riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ*. Abū ‘Abd al-Raḥman Muqbil iaitu pentahkik kitab *Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn* pula menyatakan kedua-dua riwayat Al-Ḥākim bermasalah iaitu pada perawi Al-Ḥārith Bin ‘Imrān adalah *muttāham* (dituduh) dan ‘Ikrimah Bin Ibrāhīm adalah perawi yang

<sup>469</sup> Al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 498 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Abkār, no. hadith 3219).

<sup>470</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 6:431 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Musāfir, no. hadith 2717).

<sup>471</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ wa Ziyādatih*, 2:779 (no. hadith 4233).

<sup>472</sup> Syekh Abdullah, *Muḥimmah*, 32.

<sup>473</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 341 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Akfā’, no. hadith 1968).

<sup>474</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:214 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb I‘tibār al-Kafā’ah, no. hadith 13758).

<sup>475</sup> ‘Alī Bin ‘Umar al-Dāruqṭnī, *Sunan al-Dāruqṭnī*, ed. Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004), 4:457-458 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Qasm fī Ibtidā’ al-Nikāḥ, no. hadith 3787 dan 3788).

<sup>476</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:193 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2744 dan 2745).

<sup>477</sup> Abū Nu‘aym al-Aṣbahānī, *Ma‘rifah al-Ṣaḥābah li Abī Nu‘aym al-Aṣbahānī*, 6:3213 (Bab ‘Āishah al-Ṣiddīqah Bintu al-Ṣiddīq, no. hadith 7398).

<sup>478</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah wa Shay’ min Fiqihā wa Fawā’idihā*, 3:56 (no. hadith 1067).

lemah.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith di atas adalah *ḥasan* sekiranya menurut jalan periwayatan Al-Hārith Bin ‘Imrān. Ini telah dipersetujui oleh Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ. Namun begitu, jalur periwayatan yang pelbagai terutamanya dari *ṭuruq* hadith ‘Umar r.a. adalah saling menguatkan antara satu sama lain sehingga menjadikannya statusnya *ṣaḥīḥ* sepertimana yang dinyatakan Al-Albānī dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah wa Shay’ min Fiqihā wa Fawā’idihā*.

### 108. (Hadith 108)

(Dan lagi) sabda Nabi s.a.w.: “Takut olehmu serta (خَضْرَاءُ الدَّمَنِ)”. Maka sembah seorang lelaki baginya: “Apa خَضْرَاءُ الدَّمَنِ itu, ya Rasulullah?” Maka sabdanya: “Iaitu perempuan yang elok rupanya yang jadi di dalam tempat yang jahat, yakni perempuan yang baik rupanya, yang jadi ia daripada orang yang jahat bangsanya.”<sup>479</sup>

### Matan Arab:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِبَائِكُمْ وَخَضْرَاءُ الدَّمَنِ»، فَقِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا خَضْرَاءُ الدَّمَنِ؟ قَالَ: «الْمَرْأَةُ الْحَسَنَاءُ فِي الْمَنْبَتِ الشُّؤْمِ»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Quḍā‘ī<sup>480</sup> (w. 454H) dan al-Rāmahurmuzī<sup>481</sup> (w. 360H). Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī iaitu pentahkik kepada *Musnad al-Shihāb* menyatakan hadith ini *ḍa‘īf jiddan* kerana perawi bernama Muḥammad bin ‘Amr al-Wāqidī adalah *matruk* dan perawi ini turut didustakan oleh Aḥmad, Ibn al-Madīnī dan al-Nasā’ī. ‘Abd al-‘Alī ‘Abd al-Ḥamīd al-A‘zamī iaitu pentahkik bagi *Kitāb Amthāl al-Ḥadīth* oleh al-Rāmahurmuzī menukikan daripada Abū Ḥātim dan al-Dāruquṭnī bahawa perawi bernama Bishr Bin Ādam adalah *laysa bi al-qawiy* (tidak kuat). Beliau turut menukikan dari Ibn ‘Adī bahawa al-Wāqidī bersendirian dalam meriwayatkan hadith ini. Al-Albānī turut menyatakan dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah* bahawa hadith ini *ḍa‘īf jiddan* kerana al-Wāqidī yang merupakan seorang *matruk*.<sup>482</sup>

<sup>479</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 32.

<sup>480</sup> Al-Quḍā‘ī, *Musnad al-Shihāb*, 2:96 (Bāb Iyyākum wa Khadrā’ al-Diman, no. hadith 957).

<sup>481</sup> Abū Muḥammad al-Ḥasan Bin ‘Abd al-Raḥman Bin Khallād al-Rāmahurmuzī, *Kitāb Amthāl al-Ḥadīth*, ed. ‘Abd al-‘Alī ‘Abd al-Ḥamīd al-A‘zamī (Bombay: Al-Dār al-Salafiyah, 1983), 188 (Bāb al-Kināyah Warada Mufasssaran, no. hadith 84).

<sup>482</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 1:69.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *da'if jiddan* kerana terdapat perawi *matruk* dalam sanad hadith ini bernama Muḥammad bin 'Amr al-Wāqidi.

### 109. (Hadith 109)

sabda Nabi s.a.w.: “*Jangan kamu berkahwin akan perempuan kerabat yang hampir, maka bahawa sesungguhnya anaknya itu dijadikan daif tubuhnya.*”<sup>483</sup>

### Matan Arab:

لَا تَنْكِحُوا الْقُرَابَةَ الْقَرِيبَةَ فَإِنَّ الْوَلَدَ يَخْلُقُ ضَاوِيَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menemui hadith ini di dalam mana-mana kitab hadith muktabar melainkan ia dijumpai di dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* oleh Imam al-Ghazālī. Menurut al-'Irāqi, beliau menukikan daripada Ibn Ṣalāh bahawa asal bagi hadith ini tidak dijumpai. Al-Subkī turut menyatakan perkara yang sama bahawa beliau tidak mendapati sanad bagi hadith ini.<sup>484</sup> Al-Albānī menyatakan tiada asal bagi hadith ini.<sup>485</sup>

### Hukum Hadith:

Tiada asal bagi hadith ini.

### 110. (Hadith 110)

(Sabda Nabi) s.a.w.: “*Bermula mengkahwinkan perempuan itu, iaitu seperti dijadikan akan dia hamba, maka hendaklah menilik seorang lelaki kamu ke mana memindahkan akan anak perempuannya atau saudaranya.*”<sup>486</sup>

### Matan Arab:

النِّكَاحُ رِقٌّ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ أَئِنَّ يَضَعُ كَرِيمَتَهُ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bayhaqī<sup>487</sup>, Sa'īd Bin Manṣūr<sup>488</sup> (w. 227H) dan

<sup>483</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 32.

<sup>484</sup> Abū 'Abd Allah Maḥmūd Bin Muḥammad al-Ḥaddād, *Takhrij Aḥādīth Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, 2:971 (Kitāb Ādab al-Nikāḥ, no. hadith 1343).

<sup>485</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'ifah wa al-Mawḍū'ah*, 11:605.

<sup>486</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 33.

<sup>487</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:132 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Targhīb fī Tazwīj min dhī al-Dīn wa al-Khuluq al-Marḍī, no. hadith 13481).

<sup>488</sup> Sa'īd Bin Manṣūr Bin Shu'bah al-Khurāsānī al-Makkī, *Sunan Sa'īd Bin Manṣūr*, ed. Ḥabīb al-Raḥman al-A'zamī (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1:163 (Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Mā Jā'a fī al-Munākahat, no. hadith 591).

Ibn Abī al-Dunyā<sup>489</sup> (w. 281H). Al-Bayhaqī menyatakan riwayat ini adalah *marfū'* dan lebih tepat adalah *mawqūf*. Najm 'Abd al-Rahman Khalaf iaitu pentahkik *Kitāb al-'Iyāl* oleh Ibn Abī al-Dunyā menyatakan bahawa hadith ini adalah *mawqūf ṣaḥīḥ* kerana perawi-perawinya adalah *thiqah*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana perawi-perawinya adalah *thiqah*.

### 111. (Hadith 111)

Dan lagi sabda Nabi s.a.w.: “Barangsiapa mempersuamikan anaknya yang perempuan atau saudaranya yang perempuan dengan orang yang fasiq, maka sesungguhnya telah memutuskan ia akan rahimnya, yakni memutuskan ia akan kerabatnya dan haramlah atas barangsiapa yang memutuskan ia akan rahimnya itu.”<sup>490</sup>

### Matan Arab:

مَنْ زَوَّجَ كَرِيْمَتَهُ مِنْ فَاسِقٍ فَقَدْ قَطَعَ رَحْمَهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bayhaqī<sup>491</sup>, Ibn Abī Shaybah<sup>492</sup>, Ibn Abī al-Dunyā<sup>493</sup> dan al-Aṣḥabānī.<sup>494</sup> Mukhtār Aḥmad al-Nadwī iaitu pentahkik bagi kitab *Al-Jāmi' li Shu'ab al-Imān* oleh al-Bayhaqī menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ḍa'īf* kerana terdapat perawi *ḍa'īf* bernama Abū Ḥāmid al-Ḥasnawī. Al-Albani menyatakan dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah wa Atharuhā al-Sayyi' fī al-Ummah* bahawa hadith ini adalah *mawḍū'* kerana terdapat perawi *munkar* iaitu Al-Ḥasan Bin Muḥammad al-Balkhī.<sup>495</sup> Ibn 'Adī dalam kitabnya *Al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl* turut menyenaraikan perawi bernama Al-Ḥasan Bin Muḥammad al-Balkhī sebagai perawi yang *laysa bi ma'rūf* (tidak terkenal) dan seorang perawi yang *munkar*. Al-Duktūr Suhayl Zakkār pentahkik bagi *Al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl* menukulkan daripada

<sup>489</sup> Abū Bakr 'Abd Allah Bin Muḥammad Bin 'Ubayd Ibn Abī al-Dunyā al-Bahgdādī, *Kitāb al-'Iyāl*, ed. Najm 'Abd al-Rahman Khalaf (Riyadh: Dār Ibn al-Qayyim, 1990), 1:266 (Bāb Tazwīj al-Banāt, no. hadith 118).

<sup>490</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 33.

<sup>491</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' li Shu'ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 11:157 (Bāb fī Ḥuqūq al-Awḷād wa al-Ahlīn, no. hadith 8334).

<sup>492</sup> Ibn Abī Shaybah, *al-Kitāb al-Muṣannaf al-Aḥādīth wa al-'Āthār*, 3:505 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī Tazwīj al-Fāsiq, no. hadith 16523).

<sup>493</sup> Ibn Abī al-Dunyā, *Kitāb al-'Iyāl*, 1:270 (Bāb Tazwīj al-Banāt, no. hadith 122).

<sup>494</sup> Abū Nu'aym Al-Aṣḥabānī, *Ḥilyah al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'*, 4:314 (Bāb 276: 'Āmir Bin Sharāḥīl al-Sha'bi).

<sup>495</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*, 12:652 (no. hadith 5796) dan sila lihat juga 5:83 (no. hadith 2062).

Ibn Ḥibbān bahawa tidak boleh mengambil riwayat dari Al-Ḥasan Bin Muḥammad al-Balkhī kerana semua periwayatannya adalah *mawḍū‘*.<sup>496</sup>

**Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *mawḍū‘*.

**112. (Hadith 112)**

(Dan telah) berkata oleh seorang lelaki bagi Hasan Al-Bashri: “*Telah meminangkan anaknya yang perempuan oleh beberapa jamā‘ah, maka daripada siapa aku bersuamikan akan dia?*”, (Maka jawabnya): “*Bersuamikan olehmu dengan lelaki yang takut akan Allah Ta’ala, maka berkata bahawa sesungguhnya jika ia kasih akan dia nescaya memuliakan ia akan dia dan jika benci ia akan dia nescaya tiada mengena suatu kejahatan akan dia.*”<sup>497</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**Bab: (Ini Suatu Tanbih Pula) Pada Menyatakan *Qismun*, Ertinya Giliran**

**113. (Hadith 113)**

sabda Nabi s.a.w.:

مَنْ كَانَ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَالَ إِلَىٰ إِحْدَاهُمَا دُونَ الْأُخْرَىٰ وَفِي لَفْظٍ آخَرَ وَلَمْ يَعْدِلْ بَيْنَهُمَا  
جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحَدٌ شَقِيهٍ مَائِلٌ.

Ertinya: “*Barangsiapa ada baginya dua isterinya maka cenderung ia akan salah satu daripada keduanya tiada kepada yang lain*”, dan suatu riwayat yang lain: “*Padahal tiada ia adil, yakni tiada ia menyamakan antara keduanya itu nescaya datang pada hari kiamat padahal salah satu daripada dua pihak bahunya cenderung.*”<sup>498</sup>

**Matan Arab:**

مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَالَ إِلَىٰ إِحْدَاهُمَا، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشَقِيهٌ مَائِلٌ

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab hadith yang ditemui adalah yang paling hampir dengan hadith di atas.

<sup>496</sup> Ibn ‘Adī, *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*, ed. Suhayl Zakkār, 2:322.

<sup>497</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 33.

<sup>498</sup> *Ibid.*, 33.

Hadith ini adalah riwayat Aḥmad<sup>499</sup>, Abū Dāwud<sup>500</sup>, al-Tirmidhī<sup>501</sup>, Ibn Mājah<sup>502</sup>, al-Bayhaqī<sup>503</sup>, al-Ḥākim<sup>504</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>505</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan sanad bagi riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Albānī menyatakan sanad bagi riwayat Abū Dāwud, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>506</sup> Al-Ḥākim menyatakan riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim.

#### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

#### **114. (Hadith 114)**

(Dan telah) mengeluarkan oleh Tirmidhī dan Ḥākim: “*Barangsiapa ada baginya dua isterinya, maka tiada menyamakan akan antara keduanya itu nescaya datang pada hari kiamat dan sebelah pihak bahunya itu roboh dan gugur.*”<sup>507</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah ditakhrij sebelum ini iaitu pada hadith bilangan ke- 113.

#### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

#### **115. (Hadith 115)**

(Dan lagi) khabar Siti ‘Aishah r.a.: “Adalah Nabi s.a.w. membahagikan ia antara segala isterinya, maka menyamakan ia akan sekaliannya dan berkata ia:

اللَّهُمَّ هَذَا قَسَمِي فِيمَا أَمْلِكُ فَلَا تَلْمَنِي فِيمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ.

Ertinya: “*Hai Tuhanku, inilah bahagiku pada barang yang aku memiliki maka jangan Engkau seksa akan daku pada barang yang Engkau memiliki dan padalannya tiada boleh aku memiliki akan*

<sup>499</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 13:320 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 7936).

<sup>500</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 370 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī al-Qasm Bayna al-Nisā’, no. hadith 2133).

<sup>501</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 270 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Jā’a fī Taswiyah Bayna al-Ḍarā’ir, no. hadith 1141).

<sup>502</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 341 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Qismah Bayna al-Nisā’, no. hadith 1969).

<sup>503</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7:485 (Kitāb al-Qasam wa al-Nushūz, Bāb al-Rajul Lā Yufāriq Allatī Raghība ‘Anhā wa Lā Ya’dilu lahā, no. hadith 14738).

<sup>504</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:222 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2818).

<sup>505</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 10:7 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Qasm, no. hadith 4207).

<sup>506</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 2:420 (Kitāb al-Nikāḥ wa Mā Yata’llaqu bih, al-Tarhīb Man Tarjīḥ Iḥdā al-Zawjāt wa Taraka al-‘Adl Baynahunna, no. hadith 1949).

<sup>507</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 33.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat Aḥmad<sup>509</sup>, Abū Dāwud<sup>510</sup>, al-Tirmidhī<sup>511</sup>, Ibn Mājah<sup>512</sup>, al-Bayhaqī<sup>513</sup>, al-Ḥākim<sup>514</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>515</sup> dan Ibn Abī al-Dunyā.<sup>516</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan bahawa perawi-perawi bagi riwayat Aḥmad adalah dari perawi-perawi al-Bukhārī dan Muslim serta *thiqah* melainkan Ḥammād Bin Salamah dan ‘Abd Allah Bin Yazīd. Sebenarnya riwayat Aḥmad ini adalah *mursal*. Begitu juga riwayat Ibn Ḥibbān, Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan perawi-perawinya *thiqah* berdasarkan syarat Muslim tetapi sebenarnya berlaku perselisihan sama ada sanadnya *mawṣūl* (bersambung) atau *mursal* (terputus), dan hakikatnya sanadnya adalah *mursal*. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ḍa‘īf*.<sup>517</sup> Al-Ḥākim menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat Muslim.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf* kerana keseluruhan riwayat adalah *mursal*. Ini kerana keseluruhan jalan periwayatan ini bermasalah iaitu dari Ḥammād Bin Salamah.

### Bab: (Ini Suatu Tanbih Pula) Pada Menyatakan *Tahājar* (تَهَاجَرَ) dan *Tashāman* (تَشَامَن)

#### 116. (Hadith 116)

Telah mengeluarkan oleh Aḥmad dan Ṭabarānī daripada Rasulullah s.a.w. bahawa sesungguhnya bersabda ia: “*Tiada halal bagi seorang Muslim meninggalkan ia akan bertutur akan seorang yang Islam itu terlebih daripada tiga hari, maka bahawa sesungguhnya keduanya cenderunglah keduanya daripada hak selama ada keduanya itu*

<sup>508</sup> *Ibid.*, 33.

<sup>509</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 42:46 (Musnad al-Siddīqah ‘Āishah Binti al-Siddīq Raḍiy Allah ‘Anhā, no. hadith 25111).

<sup>510</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 370 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī al-Qasm Bayna al-Nisā’, no. hadith 2134).

<sup>511</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 270 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Jā’a fī Taswīyah Bayna al-Ḍarā’ir, no. hadith 1140).

<sup>512</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 341 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Qismah Bayna al-Nisā’, no. hadith 1971).

<sup>513</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Ṣaḥīḥah*, 3:95 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb 51, no. hadith 2608).

<sup>514</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:222 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2820).

<sup>515</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 10:5 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Qasm, no. hadith 4205).

<sup>516</sup> Ibn Abī al-Dunyā, *Kitāb al-‘Iyāl*, 2:701 (Bāb Ḥaqq al-Mar’ah ‘alā Zawjihā wa al-Thawāb ‘alā al-Nafaqah ‘Alayhā, no. hadith 510).

<sup>517</sup> Al-Albānī, *Ḍa‘īf al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb*, 2:15 (Kitāb al-Nikāḥ wa Mā Yata’allaqu bih, al-Tarḥīb Man Tarjih Ḥdā al-Zawjāt wa Taraka al-‘Adl Baynahunna, no. hadith 1220).

atas mengekali keduanya.”<sup>518</sup>

### Matan Arab:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ، يَلْتَقِيَانِ فَيَصُدُّ هَذَا وَيَصُدُّ هَذَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat al-Bukhārī<sup>519</sup>, Muslim<sup>520</sup>, Aḥmad<sup>521</sup>, Abū Dāwud<sup>522</sup>, al-Tirmidhī<sup>523</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>524</sup>, Abū Dāwud al-Ṭayālīsī<sup>525</sup> dan al-Humaydī.<sup>526</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan sanad riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Albānī turut men*ṣaḥīḥ*kan riwayat Abū Dāwud dan al-Tirmidhī.<sup>527</sup> Muḥammad Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī iaitu pentahkik *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī* menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Ḥusayn Salīm Asad iaitu pentahkik bagi *Musnad al-Ḥumaydī* menyatakan sanad bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim serta kesemua pentahkik menyatakan keseluruhan jalur periwayatan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 117. (Hadith 117)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Abū Dāwud dan Nasā’ī: “Tiada halal bagi seorang Muslim bahawa meninggalkan ia bertutur akan seorang yang Islam itu terlebih daripada tiga hari, maka barangsiapa meninggalkan ia lebih daripada tiga hari mati ia, nescaya masuk ke dalam neraka.”<sup>528</sup>

### Matan Arab:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثِ، فَمَنْ هَجَرَ فَوْقَ ثَلَاثِ فَمَاتَ دَخَلَ النَّارَ

<sup>518</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 34.

<sup>519</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 513 (Kitāb al-Adab, Bāb al-Hijrah, no. hadith 6077).

<sup>520</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1126 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Taḥrīm al-Hajr Fawqa Thalāth bi Lā ‘Udhr Shar‘iyyin, no. hadith 2560).

<sup>521</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 38:550 (Musnad Abī Ayūb al-Anṣārī, no. hadith 23576).

<sup>522</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 889 (Kitāb al-Adab, Bāb fī Hijrah al-Rajul Akhāhu, no. hadith 4911).

<sup>523</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 441 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah ‘an Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, Bāb Mā Jā’a fī Karāhiyah al-Hajr li al-Muslim, no. hadith 1932).

<sup>524</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 12:484 (Kitāb al-Ḥazr wa al-Ibāḥah, Bāb Mā Jā’a fī al-Tabāghuḍ wa al-Taḥāsud wa al-Tadābur wa al-Tashājur wa al-Tahājur Bayna al-Muslimīn, no. hadith 5669).

<sup>525</sup> Al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, 1:484 (Musnad Abī Ayūb al-Anṣārī Raḥim Allah, no. hadith 593).

<sup>526</sup> Al-Ḥumaydī, *Musnad al-Ḥumaydī*, 1:369 (Musnad Abī Ayūb al-Anṣārī, no. hadith 381).

<sup>527</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 3:49 (Kitāb al-Adab wa Ghayrih, al-Tarhīb min al-Tahājur wa al-Tashāḥun wa al-Tadābur, no. hadith 2756).

<sup>528</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 34.



### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat Aḥmad<sup>529</sup>, Abū Dāwud<sup>530</sup> dan al-Nasā'ī.<sup>531</sup> Al-Albānī menyatakan riwayat Aḥmad dan Abū Dāwud memiliki sanad yang *ṣaḥīḥ*.<sup>532</sup> Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūṭ menyatakan perawi-perawinya adalah *thiqah* tetapi terdapat syak pada perawi bernama Manṣūr Bin al-Mu'tamar. Beliau menyatakan lafaz yang *ṣaḥīḥ* adalah sehingga فَوْقَ ثَلَاثٍ, dan lafaz selebihnya adalah tidak *marfū'*. Wallahu a'lam.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 118. (Hadith 118)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Muslim: “Dinaikkan segala amal ke langit pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis, maka mengampun Allah ‘Azza wa Jalla pada yang demikian hari itu bagi seorang yang tiada syirik ia dengan Allah Ta’ala akan suatu melainkan seorang yang ada antaranya dan antara saudaranya itu berdengki-dengki, maka firman Allah Ta’ala: “Tinggalkan oleh kamu akan dua orang ini hingga bersulh (berdamai) ia.”<sup>533</sup>

### Matan Arab:

تُفْتَحُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ، وَيَوْمَ الْخَمِيسِ، فَيَعْفَرُ لِكُلِّ عَبْدٍ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا،  
إِلَّا رَجُلًا كَانَتْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَحِبِّهِ شَحْنَاءٌ، فَيُقَالُ: أَنْظِرُوا هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا، أَنْظِرُوا  
هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا، أَنْظِرُوا هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat Muslim<sup>534</sup>, Abū Dāwud<sup>535</sup>, al-Tirmidhī<sup>536</sup> dan Ibn Mājah.<sup>537</sup> Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Al-Albānī men<sup>ṣaḥīḥ</sup>kan riwayat dari Abū Dāwud, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah.<sup>538</sup>

<sup>529</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 15:45 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 9092).

<sup>530</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 889 (Kitāb al-Adab, Bāb fī Hijrah al-Rajul Akhāhu, no. hadith 4914).

<sup>531</sup> Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:261 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb Kam Tuhjar, no. hadith 9116).

<sup>532</sup> Al-Khaṭīb al-Tibrīzī, *Mishkāt al-Maṣābiḥ*, 3:1400 (Kitāb al-Ādāb, Bāb Mā Yunhā, no. hadith 5035).

<sup>533</sup> Syekh Abdullah, *Muḥimmah*, 34.

<sup>534</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1127 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb al-Nahy ‘an al-Shaḥnā’, no. hadith 2565).

<sup>535</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 889 (Kitāb al-Adab, Bāb fī Hijrah al-Rajul Akhāhu, no. hadith 4916).

<sup>536</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 457 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah ‘an Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, Bāb Mā Jā’a fī al-Mutahājirayn, no. hadith 2023).

<sup>537</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 303 (Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Ṣiyām Yawm al-Ithnayn wa al-Khamīs, no. hadith 1740).

<sup>538</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 3:52 (Kitāb al-Adab wa Ghayrih, al-Tarhīb min al-Tahājur wa al-Tashāḥun wa al-Tadābur, no. hadith 2766).

**Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

**119. (Hadith 119)**

(Dan pada suatu riwayat): “Dibukakan segala pintu syurga pada hari Isnin dan Khamis, maka diampun bagi tiap-tiap hamba yang tiada syirik dengan Allah Ta’ala akan suatu melainkan seorang lelaki yang ada antara saudaranya itu berdengki-dengki, maka dikata baginya : “Rantai olehmu akan segala dua orang lelaki ini hingga bersulh (berdamai) keduanya.”<sup>539</sup>

**Matan Arab:**

تُفْتَحُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ وَالْخَمِيسِ فَيَعْفَرُ فِيهِمَا لِمَنْ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا إِلَّا  
المُهْتَجِرِينَ، يُقَالُ: رُدُّوا هَدَيْنَ حَتَّى يَصْطَلِحَا

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini adalah ulangan hadith sebelum ini iaitu bilangan hadith ke-118. Sila rujuk pada bilangan hadith tersebut.

**Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

**Bab: (Ini Suatu Muhimmah) Yang Ditakut Atas Segala Orang Yang Memutuskan Akan Segala Keluarganya****120. (Hadith 120)**

(Dan telah) mengeluarkan oleh Bukhārī dan Muslim:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ رَحِمٍ.

Ertinya: “Tiada masuk syurga oleh qāti‘ raḥim.” Yakni, orang yang memutuskan keluarganya.<sup>540</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>541</sup>, Muslim<sup>542</sup>, Abū Dāwud<sup>543</sup>, al-

<sup>539</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 34.

<sup>540</sup> *Ibid.*, 35.

<sup>541</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 507 (Kitāb al-Adab, Bāb Ithmi al-Qāṭi‘, no. hadith 5984).

<sup>542</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1126 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Ṣilah al-Raḥim wa Taḥrīm Qāṭi‘atihā, no. hadith 2556).

<sup>543</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 294 (Kitāb al-Zakāh, Bāb fī Ṣilah al-Raḥim, no. hadith 1696).

Tirmidhī<sup>544</sup>, Aḥmad<sup>545</sup>, al-Bazzār<sup>546</sup>, al-Ṭabrānī<sup>547</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>548</sup> dan Abū Ya‘lā al-Mūsilī.<sup>549</sup> Al-Albānī menyatakan hadith dari riwayat Aḥmad, Abū Dāwud dan al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>550</sup> Al-Tirmidhī pula menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* kerana menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim. Ḥusayn Salīm Asad menyatakan semua sanad hadith ini dalam riwayat Abū Ya‘lā al-Mūsilī adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

### 121. (Hadith 121)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Tabrani daripada Jābir, telah berkata ia telah keluar atas kami Rasulullah s.a.w. dan sekalian kami berhimpun semuanya, maka bersabda ia: “*Hai segala orang yang Muslimin, takut olehmu akan Allah Ta’ala dan menghubungkan oleh kamu akan keluarga kamu, maka bahawa sesungguhnya tiada daripada pahala yang terlebih segera daripada orang yang menghubungkan bagi keluarga dan takut akan kamu akan derhaka, maka bahawa sesungguhnya tiada daripada seksa yang terlebih segera daripada orang yang derhaka dan takut dan akan derhaka bagi dua ibu-bapa kamu, maka bahawa sesungguhnya bau syurga itu didapat mencium baunya daripada perjalanan seribu tahun. Demi Allah, tiada mendapat mencium akan dia orang yang derhaka bagi dua ibu bapanya dan pula tiada dapat orang yang memutuskan keluarganya dan kasih sayangnya dan tiada pula dapat mencium baunya oleh orang yang tua yang berbuat zina dan tiada dapat pula orang yang menghela akan kainnya kerana kemegahan dan membesarkan dirinya.*”<sup>551</sup>

إِنَّمَا الْكِبْرِيَاءُ لِلَّهِ تَعَالَى رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### Matan Arab:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَنَحْنُ مُجْتَمِعُونَ، فَقَالَ: «يَا مَعْشَرَ الْمُسْلِمِينَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَصَلُّوا أَرْحَامَكُمْ، فَإِنَّهُ لَيْسَ مِنْ نَوَابِ أَسْرَعُ مِنْ صَلَاةِ رَحِمٍ، وَإِيَّاكُمْ وَالْبَغْيِ، فَإِنَّهُ لَيْسَ مِنْ عُقُوبَةِ أَسْرَعُ مِنْ عُقُوبَةِ بَغْيٍ، وَإِيَّاكُمْ وَعُقُوقَ الْوَالِدَيْنِ، فَإِنَّ رِيحَ الْجَنَّةِ يُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَلْفِ عَامٍ، وَاللَّهُ لَا

<sup>544</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 437 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah ‘an Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, Bāb Mā Jā’a fī Ṣilah al-Raḥim, no. hadith 1909).

<sup>545</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 27:291 (Musnad Jubayr Bin Muṭ‘im, no. hadith 16732).

<sup>546</sup> Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma‘rūf Musnad al-Bazzār*, ed. Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah, 8:333 (Musnad Jubayr Bin Muṭ‘im ‘an al-Nabī Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 3405).

<sup>547</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 4:31 (Bāb al-Ḥā’, Man Ismuhu Ḥabbūsh, no. hadith 3537).

<sup>548</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 2:199 (Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb Ṣilah al-Raḥim wa Qaṭ‘ihā, no. hadith 454).

<sup>549</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūsilī*, 13:385-386,388 (Musnad Jubayr Bin Muṭ‘im ‘an al-Nabī Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 7391, 7392 dan 7394).

<sup>550</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr wa Ziyādatih*, 2:1269 (no. hadith 7671).

<sup>551</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 35.

يَجِدُهَا عَاقًا، وَلَا قَاطِعَ رَحِمٍ، وَلَا شَيْخَ زَانٍ، وَلَا حَاژَّ إِزَارَهُ خِيَلَاءَ، إِنَّمَا الْكِبْرِيَاءُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat al-Ṭabrānī<sup>552</sup> dan Ibn ‘Adī (w. 365H).<sup>553</sup> Al-Ṭabrānī menyatakan bahwa Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ṭarīf bersendirian dalam meriwayatkan hadith ini. ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr menyatakan riwayat al-Ṭabrānī adalah *ḍa‘īf jiddan* kerana terdapat perawi-perawi lemah dalam sanad ini. Perawi tersebut adalah Muḥammad Bin Kathīr al-Kūfī seorang perawi *ḍa‘īf* dan Jābir al-Ju‘fī yang juga *ḍa‘īf* disebabkan ia adalah *rāfiḍī*.<sup>554</sup> Ibn ‘Adī turut meletakkan perawi Muḥammad Bin al-Furāt al-Kūfī dalam sanad hadith ini sebagai perawi *ḍa‘īf* dan disenaraikan dalam kitab beliau *Al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*. Beliau menukulkan daripada al-Nasā’ī bahawa perawi Muḥammad Bin al-Furāt al-Kūfī adalah *matrūk al-ḥadīth*.<sup>555</sup> Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan*.<sup>556</sup>

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan* disebabkan terdapat perawi-perawi dalam sanad hadith ini adalah terdiri daripada perawi yang dikenali sebagai *rāfiḍī* dan *matrūk*.

### 122. (Hadith 122)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Ahmad:

“Bahawasanya segala amal anak Adam itu didatangkan pada tiap-tiap hari Khamis dan malam Jumaat, maka tiada diterima amal orang yang memutuskan rahim.”<sup>557</sup>

### Matan Arab:

عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " تُعْرَضُ أَعْمَالُ النَّاسِ فِي كُلِّ جُمُعَةٍ مَرَّتَيْنِ،  
يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ وَيَوْمَ الْخَمِيسِ، فَيُعْفَرُ لِكُلِّ عَبْدٍ مُؤْمِنٍ، إِلَّا عَبْدًا بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَخِيهِ شَحْنَاءٌ،  
فَيُقَالُ: اتْرُكُوا، أَوْ ارْكُوا، هَذَيْنِ حَتَّى يَفِيئَا "

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith yang dijumpai penulis adalah matan yang memiliki maksud yang paling hampir

<sup>552</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 6:18 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 5664).

<sup>553</sup> Ibn ‘Adī, *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, 7:315 (Muḥammad Bin al-Furāt al-Kūfī).

<sup>554</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn*, 6:163 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, Bāb Fī al-‘Āq, no. hadith 2850). Sila lihat juga, 7:170 (Kitāb al-Zīnah, Bāb Fī Man Jar Izārahu Khuyalā’, no. hadith 4253).

<sup>555</sup> Ibn ‘Adī, *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, 7:314.

<sup>556</sup> Al-Albānī, *Ḍa‘īf al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb*, 2:28 (Kitāb al-Libās wa al-Zīnah, Bāb al-Tarḥīb Fī al-Qamiṣ wa al-Tarḥīb min Ṭūlihi wa Ṭūl Ghayrihi min Mā Yalbisu wa Jarrihu Khuyalā’ wa Isbālihi fi al-Salāḥ wa Ghayrihā, no. hadith 1245).

<sup>557</sup> Syaikh Abdullah, *Muḥimmah*, 35.

dengan mafhum hadith yang dinyatakan di atas walaupun berlainan lafaz. Ia adalah riwayat Muslim<sup>558</sup>, Mālik (w. 179H)<sup>559</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>560</sup> dan Ibn Khuzaymah.<sup>561</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad riwayat Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat Muslim.

#### **Hukum Hadith:**

Hukum hadith ini *ṣaḥīḥ* kerana ia turut diriwayatkan Imam Muslim dan riwayat-riwayat lain turut menepati syarat Imam Muslim.

#### **123. (Hadith 123)**

(Dan telah) mengeluarkan oleh Aṣḥabānī, adalah kami duduk di sisi Nabi s.a.w., maka bersabda Nabi s.a.w.: *“Ia jangan sekedudukan akan kamu dengan orang yang memutuskan keluarganya, maka berdirilah kamu daripada perhimpunan itu maka datanglah ia akan mak muda baginya yang telah di antaranya keduanya itu setengah daripada suatu perbantahan dan meminta ampun ia perbantahannya itu kemudian kembali pada majlis perhimpunan dahulu itu.”* (Maka bersabda) Nabi s.a.w.: *“Bahawa sesungguhnya rahmat Allah Ta’ala tiada turun ia atas kaum padahalnya ada di dalam kaum itu seorang yang memutuskan keluarganya.”*<sup>562</sup>

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**Bab: (Tanbih) Sesungguhnya Telah Menaqal Oleh Qurṭubī Di Dalam Tafsirnya: “Akan Ittifaqlah Segala Ulama Atas Mengatakan Haram Memutuskan Keluarganya dan Wajib Menghubungkan Dia”**

#### **124. (Hadith 124)**

(Dan telah) mengeluarkan oleh Bukhārī dan Muslim daripada Abū Hurayrah r.a. telah bersabda Nabi s.a.w.: *“Barangsiapa ada percaya ia dengan Allah dan hari yang*

---

<sup>558</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1127 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb al-Nahy ‘an al-Shaḥnā’, no. hadith 2565).

<sup>559</sup> Malik Bin Anas Bin Malik, *Muwattā’ al-Imām Mālik*, ed. Muḥammad Mustafā al-A‘zamī (Abu Dhabi: Muassasah Zāyed Bin Sulṭān Āl Nahyān, 2004), 5:1335 (Kitāb Ḥusn al-Khuluq, Bāb Mā Jā’a Fī al-Muhājarah, no. hadith 3370).

<sup>560</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 12:483 (Kitāb al-Ḥazr wa al-Ibāḥah, Bāb Mā Jā’a Fī al-Tabāghuḍ wa al-Taḥāsud wa al-Tadābur wa al-Tashājir wa al-Tahājir Bayna al-Muslimīn, no. hadith 5667).

<sup>561</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3:299 (Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Fī Istihbāb Ṣawm Yawm al-Iṭhnayn wa al-Khamīs, no. hadith 2120).

<sup>562</sup> Syeikh Abdullah, *Muḥimmah*, 35.

kemudian maka hendaklah menghubungkan ia akan keluarganya dan barangsiapa ada percaya dengan Allah dan hari yang kemudian, maka hendaklah ia berkata akan perkataan kebajikan atau diam ia.”<sup>563</sup>

#### Matan Arab:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ  
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ،  
وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُثَلِّ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمِتْ

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī<sup>564</sup>, Muslim<sup>565</sup>, Aḥmad<sup>566</sup>, Abū Dāwud<sup>567</sup>, al-Tirmidhī<sup>568</sup>, Ibn Mājah<sup>569</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>570</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ* kerana menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Tirmidhī pula menyatakan riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ*.

#### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana riwayatnya disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim.

#### 125. (Hadith 125)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Abū Ya‘lā daripada seorang lelaki, maka berkata ia: “Telah datang aku kepada Nabi s.a.w. dan padahal ia duduk di dalam perhimpunan daripada sahabatnya, aku kata: “*Engkau yang mendakwa akan bahawa sesungguhnya engkau Rasulullah*”, maka sabda ia: “*نعم*” (Ya)!, Maka katanya: “*Aku ya Rasulullah, apa-apa segala amal yang terlebih kasih kepada Allah.*” Maka sabdanya: “*Iaitu percaya dengan kitabKu*”. “*Ya Rasulullah, kemudian daripada itu pula?*” Maka sabdanya: “*Iaitu menghubungkan keluarganya.*” Maka kataku: “*Ya Rasulullah, apa segala amal yang terlebih murka dan marah kepada Allah Ta‘ala?*” Maka sabda ia: “*Iaitu syirik dengan Allah.*” Maka aku kata: “*Ya Rasulullah, kemudian daripada itu apa pula?*” Maka sabda ia: “*Iaitu memutuskan bagi keluarganya.*”<sup>571</sup>

<sup>563</sup> *Ibid.*, 38.

<sup>564</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 517 (Kitāb al-Adab, Bāb Ikrām al-Dhayf wa Khidmatihī Iyyāhu Binafsihī, no. hadith 6138).

<sup>565</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 688 (Kitāb al-Imān, Bāb al-Ḥaththī ‘alā Ikrām al-Jār wa al-Ḍayf wa Luzūmi al-Ṣamti illā ‘an al-Khayr wa Kawn Dhalik Kullihī min al-Imān, no. hadith 47).

<sup>566</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 13:64 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘anhu, no. hadith 7626).

<sup>567</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 932 (Kitāb al-Adab, Bāb fī Ḥaqq al-Jiwār, no. hadith 5154).

<sup>568</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 563 (Kitāb Ṣifah al-Qiyāmah wa al-Raqā’iq wa al-Wara’, Bāb 50, no. hadith 2500).

<sup>569</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 656 (Kitāb al-Fitan, Bāb Kaffī al-Lisān fī al-Fītnah, no. hadith 3971).

<sup>570</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 2:273 (Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb al-Jār, no. hadith 516).

<sup>571</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 38.

### Matan Arab:

عَنْ رَجُلٍ مِنْ خَشَعَمَ قَالَ: أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي نَفَرٍ مِنْ أَصْحَابِهِ قَالَ: قُلْتُ: أَنْتَ الَّذِي تَزْعُمُ أَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ؟ قَالَ: «نَعَمْ». قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ؟ قَالَ: «إِيمَانٌ بِاللَّهِ». قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، ثُمَّ مَهْ؟ قَالَ: «تُحِبُّ صِلَةَ الرَّحِمِ». قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الْأَعْمَالِ أَبْعَضُ إِلَى اللَّهِ؟ قَالَ: «الإِشْرَاكُ بِاللَّهِ». قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، ثُمَّ مَهْ؟ قَالَ: «تُحِبُّ فَطِيعَةَ الرَّحِمِ». قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، ثُمَّ مَهْ؟ قَالَ: «تُحِبُّ الْأَمْرَ بِالْمُنْكَرِ وَالنَّهْيَ عَنِ الْمَعْرُوفِ»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abū Ya‘lā<sup>572</sup> dan Ibn Abī ‘Āṣim<sup>573</sup> (w. 287H). Ḥusayn Salīm Asad menyatakan sanad riwayat Abū Ya‘lā adalah *jayyid*. Al-Haythamī dalam *Majma‘ al-Zawā‘id* ada menjelaskan bahawa perawi-perawi riwayat Abū Ya‘lā ini adalah perawi yang *ṣaḥīḥ* melainkan Nāfi‘ Bin Khālid al-Ṭāhī dan beliau adalah *thiqah*.<sup>574</sup> Al-Albānī meletakkan status hadith ini sebagai *ṣaḥīḥ* dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*.<sup>575</sup>

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana yang dinyatakan Al-Albānī.

### 126. (Hadith 126)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Ṭabrānī dan Ibn Ḥibbān daripada Abū Dhār r.a., berkata ia: “Telah berpesanlah akan daku oleh kekasihku, iaitu Rasulullah s.a.w. dengan beberapa perkara daripada kebajikan.”<sup>576</sup>

1. Dan berpesan ia akan daku, bahawa tiada ia memberi aku tilik kepada orang yang di atasku dan bahawa suruh aku tilik kepada orang yang di bawah daripada aku.
2. Dan telah berpesan ia akan daku dengan kasih-sayang yang bagi segala orang yang miskin dan orang yang hampir daripada mereka itu.
3. Dan telah berpesan ia akan daku, bahawa suruh aku hubungkan akan keluargaku.
4. Dan telah berpesan ia akan daku, bahawa tiada aku takut pada hukum Allah jikalau mencerai oleh orang yang mencerai sekalipun.

<sup>572</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 12:229 (Hadith Rajul min Khas‘am Lam Yusam, no. hadith 6839).

<sup>573</sup> Ibn Abī ‘Āṣim, *al-Āḥād wa al-Mathānī*, ed. Bāsim Fayṣal Aḥmad al-Jawābirah (Riyadh: Dār al-Rāyah, 1991), 5:341 (Dhikr Rajul min Khas‘am, no. hadith 2901).

<sup>574</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id*, 8:151.

<sup>575</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 2:667 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa Ghayrihimā, Al-Targhīb fī Bir al-Walidayn wa Ṣilatihimā wa Ta‘kīdu Ṭā‘atihimā wa al-Iḥsān Ilayhimā, no. hadith 2522).

<sup>576</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 38.

5. Dan telah berpesan ia akan daku, bahawa suruh aku kata akan perkataan yang sebenarnya dan jikalau atas diriku dan jikalau ada ia pahit sekalipun.
6. Dan telah berpesan ia akan daku, bahawa aku membanyakkkan daripada membaca:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

maka bahawa sesungguhnya ia perbendaharaan daripada beberapa perbendaharaan syurga.”

#### Matan Arab:

#### Hadith Pertama:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْصِنِي قَالَ: «أَوْصِيكَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَإِنَّهَا رَأْسُ أَمْرِكَ» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي قَالَ: «عَلَيْكَ بِتِلَاوَةِ الْقُرْآنِ، وَذِكْرِ اللَّهِ فَإِنَّ ذَلِكَ لَكَ نُورٌ فِي السَّمَوَاتِ وَنُورٌ فِي الْأَرْضِ» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي قَالَ: «عَلَيْكَ بِالْجِهَادِ فَإِنَّهُ رَهْبَانِيَّةٌ أُمَّتِي» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي , قَالَ: «لَا تُكْثِرِ الضَّحِكَ، فَإِنَّهُ يُمِيتُ الْقَلْبَ، وَيَذْهَبُ بِنُورِ الْوَجْهِ» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي قَالَ: «عَلَيْكَ بِالصَّمْتِ إِلَّا مِنْ خَيْرٍ، فَإِنَّهُ مَرَدَّةٌ لِلشَّيْطَانِ عَنْكَ، وَعَوْنٌ لَكَ عَلَى أَمْرِ دِينِكَ» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي قَالَ: «انظُرْ إِلَى مَنْ هُوَ دُونَكَ، وَلَا تَنْظُرْ إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَكَ، فَإِنَّهُ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزْدِرِي نِعْمَةَ اللَّهِ عِنْدَكَ» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي قَالَ: «أَحَبُّ الْمَسَاكِينِ وَجَالِسُهُمْ» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي قَالَ: «قُلِ الْحَقَّ وَإِنْ كَانَ مُرًّا» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي , قَالَ: «صِلْ قَرَابَتَكَ، وَإِنْ قَطَعُوكَ» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي , قَالَ: «لَا تَخَفْ فِي اللَّهِ لَوْمَةً لَائِمَةً» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زِدْنِي قَالَ: «تُحِبُّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ» ، ثُمَّ ضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى صَدْرِي، فَقَالَ: " يَا أَبَا ذَرٍّ: «لَا عَقْلَ كَالْتَدْبِيرِ، وَلَا وَرَعَ كَالْكَفِّ، وَلَا حَسَبَ كَحُسْنِ الْخُلُقِ»

#### Hadith Kedua:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، قَالَ: كُنْتُ أَمْشِي خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: «يَا أَبَا ذَرٍّ أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى كَنْزٍ مِنْ كُنُوزِ الْجَنَّةِ؟» قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَقَالَ: «لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ».

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Mafhum hadith di atas adalah kesinambungan daripada dua buah hadith yang berasingan dan berlainan riwayat. Namun, kedua-dua hadith ini adalah dari Abū Dhar. Hadith pertama adalah daripada riwayat al-Ṭabrānī<sup>577</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>578</sup> Ḥamdī ‘Abd

<sup>577</sup> Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *Makārim al-Akhlāk*, ed. Fārūq Ḥamādah (Maghribi: Al-Maktab al-Ta‘līmī al-Sa‘ūdī, 1980), 34 (Bāb Faḍl Tilāwah al-Qur‘ān wa Kathrah Dhikr Allah Ta‘ālā wa al-Ṣamt illā min Khayr wa Ḥubb al-Masākīn wa Mujālasatihim, no. hadith 1). Sila lihat juga, Al-



al-Majīd al-Salafī menyatakan hadith ini *ḍa'īf jiddān* kerana perawi Ibrāhīm Bin Hishām. Beliau turut menukikan daripada al-Dhahabī bahawa perawi tersebut adalah *matrūk* dan didustakan oleh Ibn Ma'īn.<sup>579</sup> Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūt menyatakan sanad riwayat Ibn Ḥibbān adalah *ḍa'īf jiddān* kerana perawi yang sangat lemah Ibrāhīm Bin Hishām.

Hadith kedua pula merujuk kepada nombor enam daripada mafhum hadith dan telah diriwayatkan dari Ibn Mājah<sup>580</sup>, al-Nasā'ī<sup>581</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>582</sup> Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>583</sup> Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūt telah menyatakan riwayat Ibn Ḥibbān adalah hadith *ṣaḥīḥ* Ibrāhīm Bin Bashshār dan terdapat *mutāba'at* bagi hadith ini.

### **Hukum Hadith:**

Hukum bagi hadith pertama adalah *ḍa'īf jiddān* (sangat lemah). Manakala hadith kedua adalah *ṣaḥīḥ*. Keterangan adalah sepertimana yang dijelaskan sebelum ini.

### **127. (Hadith 127)**

(Dan telah) mengeluarkan oleh dua orang syeikh daripada Maymūnah, bahawa sesungguhnya ia Maymūnah itu memerdekakan ia akan seorang perempuan namanya Wālidah padahalnya tiada meminta izin akan Nabi s.a.w., maka tatkala adalah hari giliran yang beredar Nabi atasnya, maka berkata: "*Adakah engkau tahu, ya Rasulullah, bahawa sesungguhnya aku telah memerdekakan akan Wālidah?*" Maka bersabda Nabi s.a.w.: "*Ketahui olehmu bahawa sesungguhnya engkau jikalau engkau berikan kepada segala mak muda engkau nescaya adalah ia terlebih besar pahalanya bagi engkau.*"<sup>584</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

---

Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 2:157 (Bāb al-Jīm, Bāb Wa min Gharā'ib Musnad Abī Dhār Rahimah Allah , no. hadith 1651).

<sup>578</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 2:76 (Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb al-Ṣidq wa al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar, no. hadith 361).

<sup>579</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 2:157 (Bāb al-Jīm, Bāb Wa min Gharā'ib Musnad Abī Dhār Rahimah Allah , no. hadith 1651).

<sup>580</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 630 (Kitāb al-Adab, Bāb Ma Ja'a fi La Ḥawla wa Lā Quwwah illā Bi Allah, no. 3824, 3825 dan no. hadith 3826).

<sup>581</sup> Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9:23 (Kitāb 'Amal al-Yawm wa al-Laylah, Bāb al-Targhīb fī Qawl: La Ḥawla wa Lā Quwwah illā Bi Allah, no. hadith 9788).

<sup>582</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Shu'ayb al-Arna'ūt, 3:101 (Kitāb al-Raqā'iq, Bāb al-Adhkār, no. 820).

<sup>583</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, 2:251 (Kitāb al-Dhikr, Bāb al-Targhīb fī Qawl Lā Ḥawla wa Lā Quwwah illā bi Allah, no. hadith 1585).

<sup>584</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 38.

## 128. (Hadith 128)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Tabrānī dan Ḥākim:

“Tiga perkara, barangsiapa berhimpun ketiganya itu padanya nescaya menghisabkan akan dia oleh Allah Ta’ala akan sebagai hisab yang sedikit dan memasukkan ia akan dia ke dalam syurga dengan rahmatnya”. Maka sembah mereka itu: “Dan apa yang tiga perkara itu, ya Rasulullah?” Maka sabdanya:

تُعْطِي مَنْ حَرَمَكَ وَتَصِلُ مَنْ قَطَعَكَ وَتَعْفُو عَنْ مَنْ ظَلَمَكَ فَإِذَا فَعَلْتَ ذَلِكَ تَدْخُلُ الْجَنَّةَ.

Ertinya: “Beri olehmu akan orang yang mengharamkan ia akan dikau dan hubungkan olehmu akan orang yang memutuskan ia akan dikau dan maafkan olehmu daripada orang yang menzalimkan ia akan dikau, maka apabila engkau kerjakan yang demikian itu nescaya masuklah engkau akan syurga.”<sup>585</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>586</sup>, al-Bayhaqī<sup>587</sup>, al-Ḥākim<sup>588</sup> dan al-Bazzār.<sup>589</sup> ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr iaitu pentahkik bagi *Majma’ al-Baḥrayn fī Zawā’id al-Mu’jamayn* menyatakan bahawa terdapat seorang perawi yang *matruk* dalam sanad al-Tabrani iaitu Sulayman Bin Dāwud al-Yamāmī dan beliau turut menukikan dari al-Dhahabī bahawa Sulayman merupakan perawi yang *ḍa’if*.<sup>590</sup> Mukhtār Aḥmad al-Nadwī iaitu pentahkik *al-Jāmi’ li Shu’ab al-Imān* menyatakan terdapat perawi yang tidak diketahui dalam sanad al-Bayhaqī dan hadith ini adalah *munqaṭi’*. Abū ‘Abd al-Raḥman Muqbil bin Hādī al-Wādī’ī menyatakan riwayat al-Ḥākim adalah *ḍa’if* disebabkan perawi bernama Sulayman. Al-Bazzār menyatakan bahawa perawi bernama Sulayman Bin Dāwud al-Yamāmī adalah *laysa bi al-qawīy* (tidak kuat).<sup>591</sup> Ibn ‘Adī turut menyenaraikan Sulayman Bin Dāwud al-Yamāmī dalam kitabnya *al-Kāmil fī al-Du’afā’ al-Rijāl* sebagai perawi yang *ḍa’if*.<sup>592</sup>

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḍa’if* kerana terdapat perawi lemah iaitu Sulayman Bin Dāwud al-Yamāmī.

<sup>585</sup> *Ibid.*, 38.

<sup>586</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Awsaṭ*, 5:196 (Bāb al-Mim, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 5064).

<sup>587</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi’ li Shu’ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 10:418 (Bāb fī Ḥusn al-Khalq, Faṣl fī al-Tajāwuz wa al-‘Afw wa Tarki al-Mukāfa’ah, no. hadith 7725).

<sup>588</sup> Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2:609 (Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 3970).

<sup>589</sup> Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma’rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil bin Sa’d, 15:219 (Musnad Abi Hurayrah, no. hadith 8635).

<sup>590</sup> Al-Haythamī, *Majma’ al-Baḥrayn*, 5:207 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, Bāb Makārim al-Akhlāq, no. hadith 2931).

<sup>591</sup> Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma’rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil bin Sa’d, 15:222.

<sup>592</sup> Ibn ‘Adī, *al-Kāmil fī Du’afā’ al-Rijāl*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, 3:276.

### 129. (Hadith 129)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Bukhārī: “*Tiada dinamai menghubungkan keluarganya itu, iaitu berbalas-balasan dan tetapi yang dinamakan menghubungkan keluarganya, iaitu apabila putus keluarganya nescaya menghubungkan ia keluarganya.*”<sup>593</sup>

#### Matan Arab:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَيْسَ الْوَاصِلُ بِالْمُكَافِي، وَلَكِنَّ الْوَاصِلُ الَّذِي إِذَا قُطِعَتْ رَحْمَةُ رَحْمَتِهِ وَصَلَّهَا»

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat al-Bukhārī<sup>594</sup>, al-Tirmidhī<sup>595</sup> dan Abū Dāwud.<sup>596</sup> Al-Albānī turut menyatakan riwayat al-Tirmidhī dan Abū Dāwud adalah *ṣaḥīḥ*.<sup>597</sup>

#### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana turut diriwayatkan oleh al-Bukhārī.

### 130. (Hadith 130)

(Dan telah) mengeluarkan oleh Abū Ya‘lā: “*Bahawa sesungguhnya sedekah dan menghubungkan bagi keluarganya itu menambahi Allah Ta‘ala dengan keduanya itu pada umurnya dan diangkat dengan keduanya itu mengena kejahatan dan ditolongkan dengan keduanya itu akan segala pekerjaan yang kebajikan dan segala pekerjaan yang ditakut.*”<sup>598</sup>

#### Matan Arab:

إِنَّ الصَّدَقَةَ وَصِلَةَ الرَّحِمِ يَزِيدُ اللَّهُ بِهَا فِي الْعُمْرِ، وَيَدْفَعُ بِهَا مِثَّةَ الشُّوْءِ، وَيَدْفَعُ اللَّهُ بِهَا الْمَكْرُوهَةَ وَالْمَحْذُورَ

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah riwayat daripada Abū Ya‘lā<sup>599</sup>, al-Tirmidhī<sup>600</sup>, al-Bayhaqī<sup>601</sup> dan Ibn Ḥibbān.<sup>602</sup> Riwayat Abū Ya‘lā adalah selari dengan maksud hadith di atas, manakala

<sup>593</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 39.

<sup>594</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 507 (Kitāb al-Adab, Bāb Laysa al-Wāṣil bi al-Mukāfi‘ī, no. hadith 5991).

<sup>595</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 437 (Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah ‘an Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, Bāb Mā Jā’a fī Ṣilah al-Raḥim, no. hadith 1908).

<sup>596</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 294 (Kitāb al-Zakāh, Bāb fī Ṣilah al-Raḥim, no. hadith 1697).

<sup>597</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ wa Ziyādatih*, 2:949 (no. hadith 5385).

<sup>598</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 39.

<sup>599</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 7:139 (Musnad Anas Bin Mālik, no. hadith 4104).

<sup>600</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 167 (Kitāb al-Zakāh, Bāb Mā Jā’a fī Faḍl al-Ṣadaqah, no. hadith 664).

<sup>601</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. ‘Abd al-‘Alī ‘Abd Ḥamīd Ḥamīd, 5:51 (Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Taḥrīd ‘alā al-Ṣadaqah al-Taṭawwu‘, no. hadith 3080).

<sup>602</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 8:103 (Kitāb al-Zakāh, Bāb Ṣadaqah al-Taṭawwu‘, no. hadith 3309).

riwayat yang lain adalah berbeza dari segi sanad dan lafaz matan. Namun keseluruhan riwayat adalah dari sahabat Anas Bin Mālik. Ḥusayn Salīm Asad menyatakan sanad riwayat Abū Ya‘lā adalah *ḍa‘īf jiddān* kerana perawi-perawi lemah bernama Ṣalīḥ Bin Bashīr al-Murri dan Yazīd Bin Abān al-Raqāshī. Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan gharīb*. Al-Duktur ‘Abd al-‘Ali ‘Abd Hamīd Hāmīd menyatakan riwayat al-Bayhaqī adalah *ḍa‘īf* kerana perawi lemah bernama ‘Abd Allah Bin ‘Īsā Bin Khālīd al-Khazzāz. Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūt menyatakan sanad riwayat Ibn Ḥibbān adalah *ḍa‘īf* kerana perawi lemah bernama ‘Abd Allah Bin ‘Īsā al-Khazzāz. Al-Albānī menyatakan dalam *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah* bahawa sanad hadith ini sangat lemah kerana dua perkara iaitu perawi yang *ḍa‘īf jiddān* iaitu Ṣalīḥ al-Murri yang merupakan anak kepada Bashīr al-Zāhid dan juga perawi *ḍa‘īf* bernama al-Raqāshī.<sup>603</sup>

#### **Hukum Hadith:**

Riwayat daripada Abū Ya‘lā adalah paling tepat dengan mafhum hadith ini dan hukum bagi hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddān* (sangat lemah). Al-Albānī dan Ḥusayn Salīm Asad menyetujui hadith ini sangat lemah.

#### **131. (Hadith 131)**

(Kata) Anas r.a. tiga kaum di dalam naung arasy al-Raḥman pada hari kiamat:<sup>604</sup>

1. Orang yang berhubung dengan keluarganya lagi pula dilanjutkan umurnya dan lagi pula diluaskan rezekinya.
2. Perempuan yang telah mati suaminya, maka ditinggalkan seorang anak *yatīmah*, maka memelihara ia daripada kejahatan mereka itu hingga dikayakan Allah Ta’ala atau hingga dimatikan ia.
3. Lelaki yang berbuat makanan, maka dipanggilkan kepada makanan itu segala anak yatim dan segala miskin.

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

<sup>603</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 11:622.

<sup>604</sup> Syekh Abdullah, *Muhimmah*, 39.

## Bab: (Faedah)

### 132. (Hadith 132)

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ تَسَمُّوا بِأَسْمَاءِ الْأَنْبِيَاءِ وَأَحَبُّ الْأَسْمَاءِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى عَبْدُ اللَّهِ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ وَأَصْدَقُهَا حَارِثٌ وَهَمَامٌ وَأَقْبَحُهَا حَرْبٌ وَمُرَّةٌ.

Ertinya: Telah sabda Nabi s.a.w.: “Bernama kamu akan anak-anak kamu dengan nama nabi-nabi dan yang terlebih kasih segala nama itu kepada Allah Ta’ala nama ‘Abd Allah dan ‘Abd al-Rahman dan yang terlebih sebenarnya nama Hārith dan nama Himām dan yang terlebih kejinya nama Ḥarb dan nama Murrah.”<sup>605</sup>

Demikianlah ‘Abdur Rahman, Gudang Fathani *naqal* (ambil) di dalam kitab *Jāmi’ al-Ṣaghīr* daripada Abū Hurayrah r.a.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>606</sup>, Abū Dāwud<sup>607</sup>, al-Nasā’ī<sup>608</sup>, al-Ṭabrānī<sup>609</sup>, al-Bayhaqī<sup>610</sup> dan Abū Ya’lā al-Mūsīlī.<sup>611</sup> Shaykh Shu’ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ḍa’if* disebabkan terdapat perawi *majhūl* yang bernama ‘Aqīl Bin Shabīb. Al-Albānī menyatakan riwayat Abū Dāwud menjadi *ṣahīḥ* sekiranya tanpa ayat *تَسَمُّوا بِأَسْمَاءِ الْأَنْبِيَاءِ*. Al-Albānī men<sup>ḍa’if</sup>kan hadith ini.<sup>612</sup> Hamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menyatakan riwayat al- Ṭabrānī adalah *ḍa’if* kerana perawi ‘Aqīl Bin Shabīb seorang yang *majhūl* dan beliau turut menukulkan dari al-Dhahabī bahawa ‘Aqīl Bin Shabīb tidak dikenali. Ḥusayn Salīm Asad menyatakan perawi-perawi dari riwayat Abū Ya’lā al-Mūsīlī adalah *thiqah* tetapi sanadnya *munqaṭi’*. Beliau turut menukulkan pandangan daripada Abū Ḥātim dan Ibn al-Qaṭṭān bahawa perawi bernama ‘Aqīl Bin Shabīb adalah *majhūl*.

### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḍa’if* disebabkan terdapat perawi *majhūl* yang bernama ‘Aqīl Bin Shabīb.

<sup>605</sup> *Ibid.*, 39.

<sup>606</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 31:377 (Musnad Abī Wahb al-Jushamī lahu Ṣuḥbah, no. hadith 19032).

<sup>607</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 895 (Kitāb al-Adab, Bāb fī Taghyīr al-Asmā’, no. hadith 4950).

<sup>608</sup> Al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 555 (Kitāb al-Khayl, Bāb Mā Yustaḥabbu min Shiyati al-Khayl, no. hadith 3565).

<sup>609</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr*, 22:380 (Musnad Man Yu’raf bi al-Kunā, Man Yukannā Abā Wahb Abū Wahb al-Jushamī, no. hadith 949).

<sup>610</sup> Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9:514 (Kitāb al-Ḍaḥāyā, Bāb Mā Yustaḥabbu an Yusammā bihi, no. hadith 19307).

<sup>611</sup> Abū Ya’lā, *Musnad Abī Ya’lā al-Mūsīlī*, 13:111 (Musnad Abī Wahb al-Jushamī, no. hadith 7169).

<sup>612</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa’if al-Jāmi’ al-Ṣaghīr wa Ziyādatih*, ed. Zahīr al-Shāwīsh (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, t.t.), 1:359 (no. hadith 2435).

## Bab: Adapun Riwayat Beranak Pada Malam Pula

Pada bahagian ini, tiada sebuah hadith pun dimasukkan dan dijadikan hujah dalam bab ini.

### Bab: (Faedah)

#### 133. (Hadith 133)

Hadith berikut:<sup>613</sup>

وَأَخْرَجَ الطَّبْرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ سَبَعٌ مِنَ السُّنَّةِ فِي الصَّبِيِّ يَوْمَ السَّابِعِ يُسَمَّى وَيُخْتَنُ وَيُمَاطُ عَنْهُ الْأَذَى وَيَعْقُ عَنْهُ وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ وَيُلَطَّحُ مِنَ الْعَقِيقَةِ وَيُتَصَدَّقُ بِوَزْنِ شَعْرِ رَأْسِهِ ذَهَبًا أَوْ فِضَّةً.

#### Matan Asal Yang Ditemui:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: «سَبَعَةٌ مِنَ السُّنَّةِ فِي الصَّبِيِّ يَوْمَ السَّابِعِ: يُسَمَّى، وَيُخْتَنُ، وَيُمَاطُ عَنْهُ الْأَذَى، وَتُثَقَّبُ أُذُنُهُ، وَيَعْقُ عَنْهُ، وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ، وَيُلَطَّحُ بِدَمِ عَقِيقَتِهِ، وَيُتَصَدَّقُ بِوَزْنِ شَعْرِهِ فِي رَأْسِهِ ذَهَبًا أَوْ فِضَّةً»

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Penulis tidak menemui hadith ini melainkan telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī dalam kitabnya *Al-Mu‘jam al-Awsat*.<sup>614</sup> Pentahkik bagi kitab *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawā‘id al-Mu‘jamayn* iaitu ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr menyatakan sanad riwayat al-Ṭabrānī adalah *ḍa‘īf* kerana terdapat perawi lemah bernama Rawwād Bin al-Jarrāḥ.<sup>615</sup> Al-Albānī turut menḍa‘īfkan riwayat hadith ini di dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah* iaitu hadith nombor 5432 kerana perawi Rawwād Bin al-Jarrāḥ didapati *mukhtaliḥ* dan terdapat perselisihan di kalangan ulama tentangnya.<sup>616</sup>

#### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ḍa‘īf* kerana terdapat perawi lemah bernama Rawwād Bin al-Jarrāḥ.

<sup>613</sup> Syeikh Abdullah, *Muhimmah*, 41.

<sup>614</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsat*, 1:176 (Bāb al-Alif, Man Ismuhu Aḥmad, no. hadith 558).

<sup>615</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn*, 3:334 (Kitāb al-Walimah wa al-‘Aqīqah, Bāb al-Sanah fī al-Mawlūd min al-‘Aqīqah wa al-Khitān wa Ghayr Dhalik, no. hadith 1913).

<sup>616</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 11:717.

### 3.6 TAKHRIJ HADITH-HADITH DARIPADA KITAB “JAM‘ AL-FAWĀ’ID WA JAWĀHIR AL-QALĀ’ID”

#### Bab: Menyebutkan Kelebihan Hak Laki Atas Isteri

##### 1. (Hadith 1)

(Riwayat) Yazīd daripada bapanya katanya, datang seorang badwi kepada Rasulullah s.a.w., maka sembah ia: “*Aku sanya telah Islam, maka lihatkanlah akan daku suatu supaya bertambah dengan dia yakin*”, maka sabdanya: “*Apa yang kehendak sembahnya?*”, “*Bahawa engkau seru demikian pohon kayu, maka datang akan dikau*”, sabdanya: “*Pergi engkau maka seru akan dia, maka datang ia akan dia, maka kata: “Perkenankan seru Rasulullah s.a.w.”*”, maka cenderung daripada satu pihak kepada satu pihaknya, maka terkerat ia akan akarnya, kemudian cenderung ia atas pihak yang lain. Kemudian, berhadap ke belakang, maka memutuskan segala akarnya. Kemudian, berhadap ia yakni kepada Nabi menghela akan akarnya dan berjalan hingga sampai ia kepada Nabi s.a.w., Maka memberi salam atasnya, maka berkata (أعربى حسي) yakni “*Memadalah dan memadalah*”, maka menyuruh akan dia kembali, maka kembali, maka turun segala akarnya pada demikian tempatnya. Kemudian, bersama ia seperti keadaannya, maka berkata A‘rābī: “*Izinkan olehmu bagiku Ya Rasulullah s.a.w., maka aku kucup akan kepala engkau dan dua kaki engkau*”, maka diizinkan baginya, maka mengucup ia akan kepalanya dan kakinya, maka sembah: “*Tidakah engkau izinkan bagiku maka aku sujud bagimu?*”, maka sabdanya: “*Tiada sujud bagiku dan tiada harus sujud seorang bagi seorang daripada makhluk dan jikalau ada ku menyuruh akan seorang, nescaya aku suruh bagi perempuan bahawa sujud bagi suaminya kerana membesarkan dia.*”<sup>617</sup>

#### Matan Arab:

وَحَدَّثَنَا الْقَاضِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرٍو فِي جَمَاعَةٍ قَالُوا: ثنا مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ مُحَمَّدٍ قَالَ: ثنا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَمْرٍو الْبَحْلِيُّ وَثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ أَحْمَدَ قَالَ: ثنا مُحَمَّدُ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي شَيْبَةَ ثنا عَبَّادُ بْنُ زَيْدٍ الْأَسَدِيُّ قَالَ: ثنا حَبَّانُ بْنُ عَلِيٍّ، عَنْ صَالِحِ بْنِ حَيَّانَ عَنِ ابْنِ بُرَيْدَةَ، عَنْ أَبِيهِ قَالَ: جَاءَ أَعْرَابِيُّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ أَسْلَمْتُ فَأَرِنِي شَيْئًا أَزِدُّ بِهِ يَقِينًا فَقَالَ: مَا الَّذِي تُرِيدُ؟ قَالَ: ادْعُ تِلْكَ الشَّجَرَةَ أَنْ تَأْتِيكَ قَالَ: اذْهَبْ فَادْعُهَا فَاتَّأَمَّهَا الْأَعْرَابِيُّ فَقَالَ: أَجِيبِي رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: فَمَأَلَتْ عَلَى جَانِبٍ مِنْ جَوَانِبِهَا فَفَقَطَعَتْ عُرُوقَهَا ثُمَّ مَأَلَتْ عَلَى الْجَانِبِ الْأُخْرَى فَفَقَطَعَتْ عُرُوقَهَا حَتَّى أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ الْأَعْرَابِيُّ: حَسْبِي حَسْبِي فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ارْجِعِي فَرَجَعَتْ فَجَلَسَتْ عَلَى عُرُوقِهَا وَفُرُوعِهَا فَقَالَ الْأَعْرَابِيُّ: ائْتِنِي يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْ أَقْبَلَ رَأْسَكَ وَرِجْلَيْكَ فَفَعَلَ ثُمَّ قَالَ: ائْتِنِي لِي أَنْ أَسْجُدَ لَكَ قَالَ: " لَا يَسْجُدُ أَحَدٌ

<sup>617</sup> Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani, *Jam‘ al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, (t.tp.: Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādūhu, t.t.), 232.

لِأَحَدٍ وَلَوْ أَمَرْتُ أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِأَحَدٍ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا لِعِظَمِ حَقِّهِ  
عَلَيْهَا

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah ulangan dari hadith yang ke-5 daripada kitab “*Muhimmah*”.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *da'if*.

## 2. (Hadith 2)

(Dan riwayat) daripada ‘Atā’ daripada Ibn ‘Umar, katanya datang seorang perempuan kepada Rasulullah s.a.w., maka bersembah ia: “*Ya Rasulullah, apa hak suami atas isterinya?*”, sabdanya: “*Bahawa jangan engkau tegahkan daripada dirinya walau di atas belakang Qutb yakni pelapat belakang unta sekalipun dan jangan puasa sehari melainkan dengan izinnya melainkan puasa bulan Ramadan, maka jika ia perbuat ada yang demikian itu, pahalanya baginya dan dosa atasnya dan jangan keluar ia melainkan dengan izinnya, maka jika keluar, dilaknat akan dia malaikat rahmat dan malaikat azab hingga kembali.*”<sup>618</sup>

### Matan Arab:

عَنْ عَطَاءٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّ امْرَأَةً أَتَتْهُ، فَقَالَتْ: مَا حَقُّ الرَّوْحِ عَلَى امْرَأَتِهِ؟ فَقَالَ: «لَا تَمْنَعُهُ نَفْسَهَا وَإِنْ كَانَتْ عَلَى ظَهْرِ قَتَبٍ، وَلَا تُعْطِي مِنْ بَيْتِهِ شَيْئًا إِلَّا بِإِذْنِهِ، فَإِنْ فَعَلَتْ ذَلِكَ كَانَ لَهُ الْأَجْرُ وَعَلَيْهَا الْوِزْرُ، وَلَا تَصُومُ تَطَوُّعًا إِلَّا بِإِذْنِهِ، فَإِنْ فَعَلَتْ أَتَمَّتْ، وَلَمْ تُؤَجَّرْ، وَأَنْ لَا تَخْرُجَ مِنْ بَيْتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ فَإِنْ فَعَلَتْ لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ الْمَلَائِكَةُ الْغَضَبِ وَمَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ حَتَّى تَتُوبَ أَوْ تُرَاجَعَ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah hadith yang telah ditakhrij dan ulangan bagi hadith yang ke- 39 daripada kitab “*Muhimmah*”.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *da'if jiddan*.

## 3. (Hadith 3)

(Dan riwayat) daripada Qatādah, katanya disebutkan bagi kami bahawa Ka‘ab berkata: “*Pertama barang yang tanya akan perempuan daripadanya pada hari kiamat daripada sembahyangnya, kemudian daripada hak suaminya.*”<sup>619</sup>

<sup>618</sup> *Ibid.*, 232.

<sup>619</sup> *Ibid.*



### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

#### **4. (Hadith 4)**

(Dan riwayat daripada Hasan) Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: “*Apabila lari perempuan daripada rumah suaminya tiada diterima baginya sembahyangnya hingga kembali dan dihantarkan tangannya pada tangannya*” dan berkata isterinya: “*Buat olehmu apa yang engkau kehendak*” dan dikatakan bahawasanya perempuan apabila sembahyang dan tiada mendoakan bagi suaminya ditolak atasnya sembahyangnya.<sup>620</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini adalah ulangan dari hadith yang ke-29 daripada kitab “*Muhimmah*”.

### **Hukum Hadith:**

Hukum bagi hadith ini tidak diketahui kerana matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **5. (Hadith 5)**

(Dan riwayat) daripada Qatādah, katanya disebutkan, maka kami bahawasanya Nabi s.a.w. sabdanya di dalam khutbahnya dan ia bersabda di mana hai segala manusia bahawasa sabdanya: “*Bagi kamu atas isteri kamu hak dan bahawasa bagi segala perempuan kamu atas kamu hak dan bahawa setengah daripada hak kamu atas perempuan itu wajib ia memelihara hamparan kamu dan jangan ia izin bagi seorang yang ia benci akan dia pada rumah kamu dan jangan ia mendatangkan dengan kejahatan yang nyata, maka jika berbuat yang demikian, maka sanya telah dihalalkan Allah memukul akan dia akan sebagai pukul yang tiada melukakan dan setengah daripada haknya atas kamu pakaiannya dan nafkahnya dengan makruf.*”<sup>621</sup>

### **Matan Asal:**

خَطَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ، فَقَالَ فِي خُطْبَتِهِ: " أَلَا  
وَاتَّقُوا اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ فِي النِّسَاءِ، فَإِنَّهُنَّ عِنْدَكُمْ عَوَانٍ، أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانَةِ اللَّهِ،  
وَاسْتَحْلَلْتَهُنَّ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، لَكُمْ عَلَيْهِنَّ حَقٌّ، وَهُنَّ عَلَيْكُمْ حَقٌّ، وَمِنْ  
حَقِّكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يَأْذَنَّ فِي بُيُوتِكُمْ إِلَّا بِإِذْنِكُمْ، وَلَا يُوطِئَنَّ فُرُشَكُمْ مَنْ تَكَرَّهُوْنَ،  
فَإِنْ فَعَلْنَ فَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرِحٍ، فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا  
عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا، وَإِنَّ مِنْ حَقِّهِنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

<sup>620</sup> Ibid.

<sup>621</sup> Ibid.

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith yang ditemui penulis adalah asal daripada matan yang panjang dan yang paling hampir dengan maksud hadith di atas kerana periwayatan daripada Qatādah tidak dijumpai. Ia telah diriwayatkan oleh Muslim<sup>622</sup>, Aḥmad<sup>623</sup>, al-Tirmidhī<sup>624</sup>, Ibn Mājah<sup>625</sup>, al-Nasā'ī<sup>626</sup>, Ibn Abī Shaybah<sup>627</sup>, al-Ṭabari<sup>628</sup> (w. 310H), Ibn Abī Ḥātim<sup>629</sup> (w. 327H), dan al-Ṭaḥāwī<sup>630</sup> (w. 321H). Shaykh Shu'ayb al-Arna'ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *da'īf* disebabkan perawi lemah iaitu 'Alī Bin Zayd tetapi ia dapat diangkat darjatnya dengan sebab sokongan dari riwayat-riwayat lain. Manakala sanad riwayat al-Ṭaḥāwī pula adalah *ḥasan*. Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. 'Ādil Bin Yūsuf al-Ghazāwī iaitu pentahkik kitab *Musnad Ibn Abī Shaybah* menyatakan sanad riwayat Ibn Abī Shaybah adalah *ḥasan lighayrihi*.

### Hukum Hadith:

Imam Muslim turut meriwayatkan hadith ini, maka hukum periwayatannya adalah *ṣaḥīḥ*. Manakala bagi riwayat-riwayat yang lain, statusnya adalah lebih rendah daripada darjat *ṣaḥīḥ*. Penulis berpada dengan periwayatan daripada Imam Muslim.

## 6. (Hadith 6)

(Dan riwayat) daripada Anas bin Mālik daripada Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Bahawasa perempuan apabila sembahyang ia akan yang limanya dan puasa ia akan bulannya dan memeliharakan bagi farajnya dan taat akan suaminya, maka masuk ia daripada barang pintu syurga yang ia kehendak.”*<sup>631</sup>

<sup>622</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 880 (Kitāb al-Ḥajj, Bāb Ḥajjah al-Nabī Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam, no. hadith 1218).

<sup>623</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 34:299 (Musnad ‘Amm Abī Ḥurrah al-Raqāshī, no. hadith 20695).

<sup>624</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 692 (Kitāb Tafsīr al-Qurān, Bāb wa min Sūrah al-Tawbah, no. hadith 3087).

<sup>625</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 322 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Ḥaḥ al-Mar’ah ‘alā al-Zawj, no. hadith 1851).

<sup>626</sup> Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:264 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb Kayf Ḍarb, no. hadith 9124).

<sup>627</sup> Ibn Abī Shaybah, *Musnad Ibn Abī Shaybah*, ed. ‘Ādil Bin Yūsuf al-Ghazāwī, 2:56 (Musnad ‘Amr Bin al-Aḥwas, no. hadith 562).

<sup>628</sup> Abū Ja‘far Muḥammad Bin Jarīr al-Ṭabari, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, ed. Maḥmūd Muḥammad Shākir (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.), 8:118-119 (Tafsīr Sūrah al-Nisā’, ayat 19, no. hadith 8905 dan 8906).

<sup>629</sup> ‘Abd Raḥman Bin Muḥammad Bin Idrīs al-Rāzī Bin Abī Ḥātim, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, ed. As‘ad Muḥammad al-Ṭayyib (Riyadh: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz, 1997) 3:943 (Surah al-Nisā’, Qawluhu Ta‘ālā: Waḍribūhunna, no. hadith 5273).

<sup>630</sup> Abū Ja‘far Aḥmad Bin Muḥammad Bin Salāmah al-Ṭaḥāwī, *Sharḥ Mushkil al-Āthār*, ed. Shu‘ayb al-Arna’ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1994), 6:344 (Bāb Bayān Mushkil Mā Ruwiya ‘an Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam fī Ḍarb al-Rijāl Nisā’ahum min Man‘ wa min Ibāḥah, no. hadith 2524).

<sup>631</sup> Syekh Dawud, *Jam‘ al-Fawā'id*, 232.

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini adalah ulangan dari hadith yang ke-32 daripada kitab “*Muhimmah*”.

### **Hukum Hadith:**

Hukum bagi hadith ini tidak diketahui kerana matan arab dan sebarang periwiyatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **7. (Hadith 7)**

(Dan riwayat) daripada Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Jikalau bahawasanya lakinya mengalir daripada salah satu lubang hidungnya darah dan kena yang lainnya nanah, maka menjilat oleh perempuan itu, tiada lagi ia sempurnakan hak suaminya.*”<sup>632</sup>

### **Matan Asal:**

لَوْ كَانَ بِأَنْفِهِ فُرْجَةٌ تَسِيلُ فَيْحًا وَصَدِيدًا لِحَسْتِهِ مَا أَدَّتْ حَقَّهُ

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini adalah ulangan bagi hadith ke-2 daripada kitab “*Muhimmah*”. Ia telah pun ditakhrij.

### **Hukum Hadith:**

Hukum bagi hadith ini adalah *shadīd al-ḍa‘īf* (sangat ḍa‘īf).

### **8. (Hadith 8)**

(Dan daripada) Mu‘adh bin Jabal r.a., katanya: “*Di mana ada perempuan berdiri atas dua kakinya dan membakar roti bagi suaminya, maka menyakiti tangannya atau mukanya panas api melainkan diharamkan mukanya daripada api neraka, dan di mana ada perempuan berdiri kepada suaminya hingga masuk ia atasnya dan disapu akan mukanya dan dihamparkan kain supaya duduk ia atasnya atau menghampar kepadanya dengan makanan atau minuman atau ia menyapu akan tempatnya atau menilik kepada mukanya atau ia mengambil tangannya atau ia membaikkkan kepada cawannya atau ia memeliharakan anaknya atau manfaat akan hartanya atas suaminya berkehendak akan keredaan Allah melainkan disurat Allah Ta’ala baginya dengan tiap-tiap kalimah yang berkata ia akan dia atau tiap-tiap langkah yang ia langkah akan dia atau dengan tiap-tiap tilik yang ia tilik kepada suaminya, dimerdeheka satu sahaya dan dijadikan Allah pada hari kiamat baginya Nur hingga bahawasanya segala perempuan orang yang mukminin tercengang daripadanya akan barang yang diberi Allah akan dia daripada kelebihan dan keramat dan tiada aku ketahui seorang sampai akan tempat ia sampai melainkan Anbiyā’ Salawatu Allah ‘Alayhim Ajma’in”, maka mendengar ‘Āishah yang demikian itu, maka jadilah berkata ia aku dengar ini daripada Rasulullah s.a.w. Kata seorang perempuan: “*Hai Umm al-Mu‘minīn, adakah engkau dengar bahawasanya seorang yang mendapat umpama barang yang didapat oleh perempuan itu yang**

---

<sup>632</sup> *Ibid.*

*berkhidmat bagi suaminya?”. Kata ‘Āishah: “Tiada aku lihat yang mendapat akan kelebihan ini seorang melainkan Nabi yang mursal atau orang yang umpamanya.”<sup>633</sup>*

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **9. (Hadith 9)**

(Dan riwayat) daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī, katanya, sabda Rasulullah s.a.w.: *“Adakah aku khabarkan kamu dengan laki-laki kamu daripada isi syurga?”, sembah mereka itu: “Bahkan Ya Rasulullah”, sabdanya: “Ṣiddīqīn di dalam syurga dan shuhadā’ di dalam syurga dan laki-laki yang ziarah saudaranya di dalam kawasan negeri kerana Allah Ta’ala di dalam syurga, Adakah aku khabarkan daripada ahli syurga?”, sembah mereka itu: “Bahkan Ya Rasulullah”, sabdanya: “Iaitu yang kasih akan suaminya, yang banyak beranak, yang apabila dirampas orang akan dia atau dizalimkan orang akan dia, berkata ia inilah badanku hai laki-laki yakni hai suaminya, bagi engkau dan pada tangan engkau tiada aku merasa akan terbekalan hingga engkau reda.”<sup>634</sup>*

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **10. (Hadith 10)**

(Dan dihidayatkan) daripada Thābit al-Bunānī berkata ia: *“Bahawasanya seorang perempuan daripada Banī Isrā’īl adalah sangat baik khidmat bagi suaminya dan adalah ia apabila menghantarkan makanan pada hadapannya mengambil ia akan pelita dengan tangannya, maka tiada dihantarkan dia hingga selesai lakinya daripada memakan makanan di hadapan lakinya satu malam daripada beberapa malam dan mengambil ia akan pelita maka habis sumbunya pelita itu, maka memukul tangannya kepada rambutnya, maka dikeluarkan satu jalan rambutnya, maka diselamkan ke dalam minyak, kemudian maka dicacahkan dengan sumbu pelitanya, maka adalah perempuan itu buta matanya sebelah, maka berpagi-pagi dan sanya telah dikembalikan Allah akan matanya, keramat bagi orang yang ia kerjanya iaitu muliakan suaminya.”<sup>635</sup>*

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

---

<sup>633</sup> *Ibid.*

<sup>634</sup> *Ibid.*, 233.

<sup>635</sup> *Ibid.*

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**11. (Hadith 11)**

(Dan riwayat) daripada Ibn Mas‘ud daripada Nabi s.a.w. bahawasanya bersabda ia: *“Tiap-tiap perempuan yang menolong akan suaminya di dalam pekerjaan agama, maka bahawasanya Allah Taala memasukkan dia ke dalam syurga dahulu daripada suaminya dengan sepuluh ribu tahun kerana memuliakan dia akan suaminya di dalam dunia, maka memakai ia akan pakaian syurga dan berukap (berwangian) ia dengan bauannya bagi dirinya dan mendapatkan suaminya dengan kain syurga dan turun ia di dalam miliki suaminya.”*<sup>636</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

**12. (Hadith 12)**

(Dan riwayat) daripada ‘Alī bin Abū Ṭālib r.a. berkata ia: *“Aku dengar daripada Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tiga orang daripada umatku adalah mereka itu di dalam Jahannam seperti umur dunia tujuh kali (pertama) “مسمنون مهزولون” yakni gemuk yang kurus, (kedua) yang memakai bertelanjang, (ketiga) ‘ālim yang jahil”. Sembah orang: “Siapa ini Ya Rasulullah?”. Sabdanya: “Yang gemuk yang kurus iaitu perempuan yang gemuk tubuhnya, kurus daripada pekerjaannya agamanya dan adapun yang memakai bertelanjang memakai, maka iaitu perempuan yang memakai kain bertelanjang ia daripada taat, adapun yang ‘ālim yang jahil, maka iaitu ahl al-sūq yakni orang pagan yang berniaga, yang berusaha, yang mengetahui zahir daripada hidup dunia dan mereka itu daripada akhirat lalai atau iaitu ulama pada pekerjaan dunia, jahil pada pekerjaan akhirat, tiada menghiraukan daripada mana ia menghimpunkan harta. Mereka itu tiada mengetahui daripada haram dan halal.”*<sup>637</sup>

**Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

**Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

---

<sup>636</sup> *Ibid.*

<sup>637</sup> *Ibid.*

## Bab: *Nasā'ih* Daripada 'Aīshah R.A.

### 13. (Hadith 13)

Daripada 'Aīshah r.a. katanya: “Telah berwasiat akan daku Rasulullah s.a.w., maka sabdanya: “Hai 'Aīshah, aku berwasiat akan dikau akan wasiat, maka hafazkan olehmu akan dia, maka bahawsanya engkau sentiasa dengan kebajikan selama engkau hafazkan wasiatku.”<sup>638</sup>

1. *“(Hai 'Aīshah), peliharakanlah dirimu, maka kebanyakan mu isi neraka kayu apinya”, sembah 'Aīshah: “Ya Rasulullah, kerana apa yang demikian itu?”. Sabdanya: “Kerana keadaan kamu tiada sabar atas kesakitan dan tiada kamu sekalian memuji di atas kemurahan dan kamu mengkufurkan nikmat dan membanyakkan kamu akan berkata-kata yang sia-sia, dan kamu sekalian kurang akal dan agama. Adapun kurang agama kamu, maka bahawasa perempuan meninggalkan sembahyangnya pada tiap-tiap bulan bahagian-bahagian harinya, dan adapun keadaan kurang akal maka bahawasanya Allah Taala menjadikan saksi dua perempuan seorang laki-laki.”*
2. *“(‘Aīshah) adalah kamu segala perempuan apabila diberikan kamu tiada syukur kamu dan apabila dibelakan kamu tiada sabar kamu dan apabila dipalingkan yakni dipecatkan kamu mengadu-ngadu kamu, dan segala kamu mengkufurkan nikmat”. Sembahku: “Ya Rasulullah, betapa kami mengkufurkan nikmat?”. Sabdanya: “Kerana bahawasanya perempuan adalah ia di bawah laki-laki, maka beranak daripadanya dua anak dan tiga”, kemudian maka berkata ia: “Demi Allah, tiada aku lihat daripada mu kebajikan sekali-kali.”*
3. *“(Hai 'Aīshah) di mana perempuan berkata ia bagi suaminya: “Tiada ku lihat kebajikan daripada mu sekali-kali”, digugurkan Allah akan amalannya dan di mana perempuan yang menyakiti akan suaminya dengan lidahnya melainkan menjadikan Allah Taala lidahnya pada hari kiamat tujuh puluh hasta, kemudian maka diikatkan dia di belakang tengkuknya dan di mana perempuan menjahatkan melihat kepada suaminya dipalingkan dia Allah pada hari kiamat seperti bahawasanya dihapuskan mukanya dan tubuhnya.”*
4. *“(Hai 'Aīshah) di mana perempuan tiada bertukar atau berpindah tempat tidurnya dengan suaminya atau mempayahkan pada pekerjaannya atau mengkufurkan dengan kebajikan yang ia lihat daripadanya dan khianat pada dirinya melainkan di-ḥashr-kan pada hari kiamat hitam mukanya, lagi kelabu dua matanya, lagi terikat ubun-ubunnya kepada dua kakinya disertakan syaitannya dihala di atas mukanya di dalam neraka.”*
5. *“(Hai 'Aīshah) di mana perempuan sembahyang bagi Tuhannya dan mendoa ia bagi dirinya, tiada mendoa bagi suaminya melainkan dipukul dengan sembahyangnya akan mukanya hingga mendoa bagi suaminya, kemudian bagi dirinya.”*
6. *“(Hai 'Aīshah) di mana perempuan yang keluar atas kematiannya lebih daripada tiga hari, digugur akan Allah Taala akan amalannya.”*
7. *“(Hai 'Aīshah) di mana perempuan meratap atas kematiannya melainkan menjadikan Allah akan lidahnya tujuh puluh hasta dan dihela kepada neraka serta orang yang mengikut akan dia.”*

---

<sup>638</sup> *Ibid.*, 234-235.

8. *“(Hai ‘Āishah) di mana perempuan mengena akan dia balā’, maka memukul akan mukanya atau ia mencarikkan kainnya melainkan adalah ia serta isteri Nuh dan perempuan Lūt di dalam neraka dan adalah ia putus asa daripada tiap-tiap kebajikan dan daripada tiap-tiap syafaat orang yang mensyafaatkan pada hari kiamat.”*
9. *“(Hai ‘Āishah) di mana perempuan pergi ziarah akan maqābiruhu melainkan dilaknat akan dia tiap-tiap yang basah dan yang kering hingga kembali, maka apabila kembali kepada rumahnya adalah ia di dalam murka Allah kepada esok harinya daripada saat itu jua, maka mati pada waktunya adalah daripada isi neraka.”*
10. *“(Hai ‘Āishah) di mana perempuan berzina melainkan didera akan dia di hadapan neraka pada hari kiamat bagi tiap-tiap zina delapan puluh cemeti daripada api hadapan segala makhluk, kemudian di dalam kehendak Allah ia jika dikehendak diseksanya dan jika dikehendak diampunnya.”*
11. *“(Hai ‘Āishah) tiada daripada laki-laki masuk ke rumahnya maka memberi salam atas ahlinya melainkan banyak kebajikan pada rumahnya dan dihilangkan daripada mereka itu kepapaan dan ada ia di dalam nikmat serta ahlinya di dalam dunia dan akhirat.”*
12. *“(Hai ‘Āishah) bersungguh-sungguh kamu kemudian maka bersungguh-sungguh, maka bahawasanya segala kamu itu bertaulan dengan ṣawāhib Yūsuf dan dengan yang Qānitāt bagi Dāwud dan dengan khārijat Ādam daripada syurga dan dengan ‘āṣiyāt Nūh dan Lūt.”*
13. *“(Hai ‘Āishah) aku lawannya tiap-tiap perempuan ditalak akan suaminya kemudian tiada diberinya akan maharnya maka Rabb Subhānahu wa Ta‘ālā ialah kadinya, maka di mana hendak lari ia.”*
14. *“(Hai ‘Āishah) di mana laki-laki yang menikahkan hak ahlinya daripada dirinya maka bahawasanya Allah Taala yang menikahkan dia daripada nikmat syurga pada hari kiamat.”*
15. *“(Hai ‘Āishah) di mana laki-laki yang ada baginya dua perempuan maka tiada diadilkan antara keduanya dan tiada disamakan antara keduanya pada ketiduran dan nafkah dan pakaian dan makanan dan pandangan maka bahawasanya atasnya laknat Allah dan malaikat dan manusia sekaliannya.”*
16. *“(Hai ‘Āishah) dan tiada daripada perempuan yang bunting daripada suaminya ketika ia bunting melainkan ada baginya seumpama pahala puasa harinya dan berdiri malamnya lagi yang ghāri pada sabilillah.”*
17. *“(Hai ‘Āishah) tiada daripada perempuan datang akan dia talak yakni hendak beranak melainkan dan baginya tiap-tiap sakit talak itu pemerdehekaan seorang sahaya dan dengan tiap-tiap segala susah itu merdehekakan seorang sahaya.”*
18. *“(Hai ‘Āishah) maka apabila melepaskan susu anaknya seru yang menyeru daripada langit hai perempuan padahal amal pada barang yang lalu dan memulai akan amal pada barang yang lagi yang tinggal.”*
19. *“(Hai ‘Āishah) di mana perempuan meringankan daripada suaminya akan isi kahwinnya melainkan adalah baginya dengan tiap-tiap dirham haji yang mabrur dan umrah yang makbul dan diampunkan baginya dosanya sekaliannya baharunya dan lamanya (sirr)nya dan nyatanya sengahajanya dan tersalahnya awalnya dan akhirnya.”*

20. “(Hai ‘Aishah) perempuan apabila adalah baginya suaminya maka sabar ia atas menyakiti suaminya maka ia seperti titik dengan darah di dalam sabilillah, maka ialah daripada perempuan yang qānitāt yakni banyak ibadat akan Allah dan yang dhākirāt dan yang muslimat dan yang mu’mināt ‘ābidāt, والله الموافق بالسداد . والحمد لله رب العالمين .

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

#### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **Bab: Pada Menyatakan Hak Perempuan Atas Suaminya**

#### **14. (Hadith 14)**

(Riwayat) daripada Anas, sembah seorang: “Ya Rasulullah, siapa orang yang mukminin yang terlebih sempurna imannya?”, sabdanya: “Yang terlebih baik mereka itu perangnya serta ahlinya.”<sup>639</sup>

#### **Matan Arab:**

قَالَ: حَدَّثَنَا سَيَّارُ بْنُ إِبرَاهِيمَ أَبُو عَوْنٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا غَيْلَانُ بْنُ جَرِيرٍ، عَنْ أَنَسٍ، قَالَ:  
سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الْمُؤْمِنِينَ أَفْضَلُ إِيمَانًا؟ قَالَ: «أَحْسَنُهُمْ  
خُلُقًا»

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah ditakhrij sebelum ini. Ia adalah ulangan hadith ke- 92 dari kitab *Muhimmah*.

#### **Hukum Hadith:**

Hukum asal bagi hadith ini adalah *da‘if*, tetapi dengan sokongan daripada riwayat-riwayat lain hadith ini dapat diangkat menjadi *hasan lighayrihi*.

#### **15. (Hadith 15)**

(Dan riwayat) daripada Ibn ‘Umar r.a., daripada Nabi s.a.w. bersabda: “Sekalian kamu *Rā’in* yakni yang memelihara dan sekalian kamu ditanyakan daripada rakyatnya.” Sabdanya: “Imam yang memerintah atas manusia memelihara yakni sekalian mereka itu dan iaitu ditanya daripada rakyatnya dan seorang laki-laki memelihara

---

<sup>639</sup> *Ibid.*, 235.



atas isi rumahnya dan iaitu ditanya daripada mereka itu dan sahaya memeliharaakan erat penghulunya dan iaitu ditanyakan dia daripadanya.”<sup>640</sup>

#### Matan Asal:

سَمِعْتُ ابْنَ عُمَرَ يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُفُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْتُورٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، فَالْأَمِيرُ رَاعٍ عَلَى رَعِيَّتِهِ ، وَهُوَ مَسْتُورٌ عَنْهُمْ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ ، وَهُوَ مَسْتُورٌ عَنْهُمْ ، وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ ، وَهُوَ مَسْتُورٌ عَنْهُ ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْتُورَةٌ عَنْهُ .

#### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Aḥmad<sup>641</sup>, al-Bukhārī<sup>642</sup>, Muslim<sup>643</sup>, Abū Dāwud<sup>644</sup>, al-Tirmidhī<sup>645</sup>, al-Ṭabrānī<sup>646</sup>, al-Bayhaqī<sup>647</sup>, Ibn Ḥibbān<sup>648</sup> dan al-Qudā‘ī.<sup>649</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ menyatakan riwayat Aḥmad dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī menyatakan hadith riwayat al-Bayhaqī adalah *ṣaḥīḥ*.

#### Hukum Hadith:

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana riwayat hadith ini turut disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim.

### 16. (Hadith 16)

(Dan riwayat) daripada Abu Hurayrah daripada Nabi s.a.w., bersabda: “*Barangsiapa berkahwin akan perempuan dengan isi kahwin yang umpamanya padahal ia meniat bahawa tiada hendak menunaikan kepadanya maka iaitu zāni dan barangsiapa berhutang akan satu hutang dan ia niat bahawa tiada memberi akan dia maka iaitu mencuri.*”<sup>650</sup>

<sup>640</sup> *Ibid.*

<sup>641</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 10:139 (Musnad ‘Abd Allah Bin ‘Umar Raḍiy Allah ‘Anhumā, no. hadith 5901).

<sup>642</sup> Al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” 201 (Kitāb al-‘Itq, Bāb Karāhiyah al-Taṭāwul ‘alā al-Raqīq wa Qawlihi ‘Abdī aw Amatī, no. hadith 2554).

<sup>643</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 1006 (Kitāb al-Imārah, Bāb Faḍīlah al-Amīr al-‘Ādil wa ‘Uqūbah al-Jā’ir wa al-Ḥathth ‘alā al-Rifq bi al-Ra’iyyah wa al-Nahy ‘an Idkhāl al-Mashaqqah ‘Alayhim, no. hadith 1829).

<sup>644</sup> Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 522 (Kitāb al-Kharāj wa al-Imārah wa al-Fay’, Bāb Mā Yalzamu al-Imām min Ḥāqq al-Ra’iyyah, no. hadith 2928).

<sup>645</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 397 (Kitāb al-Jihād, Bāb Mā Jā’a fī al-Imām, no. hadith 1705).

<sup>646</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Awsaṭ*, 4:299 (Bāb al-‘Ayn, Man Ismuhu al-‘Abbās, no. hadith 4255).

<sup>647</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi’ li Shu’ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 9:470 (Bāb fī Ṭā’ah ‘Ulī al-Amr bi Fuṣūlihā, Faṣl fī Faḍl al-Imām al-‘Ādil wa Mā Jā’a fī Jawr al-Wulāt, no. hadith 6975).

<sup>648</sup> Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, 10:342-343 (Kitāb al-Siyar, Bāb fī al-Khilāfah wa al-Imārah, no. hadith 4489, 4490 dan 4491).

<sup>649</sup> Al-Qudā‘ī, *Musnad al-Shihāb*, 1:152 (Bāb Kullukum Rā’in wa Kullukum Mas’ūlun ‘an Ra’iyyatihi, no. hadith 209).

<sup>650</sup> Syekh Dawud, *Jam’ al-Fawā’id*, 235.

### Matan Asal:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً عَلَى صِدَاقٍ، وَهُوَ يَنْوِي أَنْ لَا يُؤَدِّيَهُ إِلَيْهَا فَهُوَ زَانٍ، وَمَنْ آذَانَ دَيْنًا، وَهُوَ يَنْوِي أَنْ لَا يُؤَدِّيَهُ إِلَى صَاحِبِهِ أَحْسَبُهُ قَالَ: فَهُوَ سَارِقٌ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bazzār<sup>651</sup>, Aḥmad<sup>652</sup>, Ibn Mājah<sup>653</sup>, al-Ṭabrānī<sup>654</sup>, al-Bayhaqī<sup>655</sup> dan Ibn Abī Shaybah.<sup>656</sup> Jalur periwayatan dari Abū Hurayrah hanyalah dari riwayat al-Bazzār. Manakala, periwayatan yang lain adalah dari Ṣuhayb Bin Sinān dengan lafaz matan yang sedikit berbeza namun masih membawa maksud yang sama. Shaykh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ menyatakan sanad riwayat Aḥmad adalah *ḍa‘īf* disebabkan perawi yang mengambil dari Ṣuhayb Bin Sinān adalah *mubḥam* (samar) dan terdapat perawi yang *majhūl* iaitu Al-Ḥasan Bin Muḥammad al-Anṣārī. Al-Albānī menyatakan riwayat al-Bazzār adalah *ṣaḥīḥ lighayrih*<sup>657</sup> dan Ibn Mājah adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī menyatakan bahawa sanad dari riwayat al-Ṭabrānī nombor hadith 7301 didapati perawi bernama ‘Abd al-Ḥamīd Bin Yazīd iaitu *layyin al-ḥadīth*. Manakala nombor hadith 7302 didapati perawi yang *matrūk* iaitu ‘Amr Bin Dīnār sepertimana yang dinyatakan oleh al-Haythamī.<sup>658</sup> Bagi riwayat al-Bayhaqī, Mukhtār Aḥmad al-Nadwī menyatakan dalam sanad tersebut terdapat perawi yang tidak disebut namanya dan selebihnya adalah perawi yang *thiqah*. ‘Ādil Bin Yūsuf al-Ghazawī menyatakan sanad riwayat Ibn Abī Shaybah adalah *ḍa‘īf* kerana perawi bernama ‘Abd al-Ḥamīd Bin Ja‘far yang berkemungkinan adalah *waham* dan juga terdapat perawi yang tidak dikenali yang telah mengambil riwayat daripada Ṣuhayb.

### Hukum Hadith:

Riwayat asal bagi hadith di atas adalah dari riwayat al-Bazzār. Maka, hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ lighayrih* sepertimana yang dinyatakan oleh al-Albānī.

<sup>651</sup> Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakḥkhār al-Ma‘rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil bin Sa‘d, 15:255 (Musnad Abi Hurayrah, no. hadith 8721).

<sup>652</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 31:260 (Musnad Ṣuhayb Bin Sinān min al-Namir Bin Qāsiṭ, no. hadith 18932).

<sup>653</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman, 411 (Kitāb al-Fitan, Bāb Man Iddāna Daynan Lam Yanwi Qadā’ahu, no. hadith 2410).

<sup>654</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, 8:40 (Bāb al-Ṣād, Man Ismuhu Ṣuhayb, no. hadith 7301 dan 7302).

<sup>655</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 7:380 (Bāb fī Qabḍ al-Yad ‘an al-Amwāl al-Muḥarramah wa Yadkhul fīh Taḥrīm al-Sariqah, no. hadith 5159).

<sup>656</sup> Ibn Abī Shaybah, *Musnad Ibn Abī Shaybah*, 1:323 (Musnad Ṣuhayb Raḍiy Allah ‘Anhu, no. hadith 481).

<sup>657</sup> Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhib wa al-Tarhīb*, 2:352 (Kitāb al-Buyū‘ wa Ghayrihā, Bāb Tarhīb min al-Dayn Targhib al-Mustaddayn wa al-Mutazawwij an Yanwiyā al-Wafā’ wa al-Mubādirah ilā Qadā’ Dayn al-Mayyit, no. hadith 1806).

<sup>658</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id*, 4:131.

## 17. (Hadith 17)

(Dan riwayat) daripada Hasan Basri daripada Nabi s.a.w. berpesan kamu dengan segala perempuan kebajikan maka bahawasanya ia pada kamu itu tawanan tiada memiliki mereka itu bagi diri mereka itu sesuatu dan sesungguhnya ambil kamu akan dia dengan amanat Allah dan minta halal kamu akan farajnya dengan kalimat Allah.<sup>659</sup>

### Matan Arab:

خَطَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ، فَقَالَ فِي خُطْبَتِهِ: " أَلَا  
وَأَتَقُوا اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ فِي النِّسَاءِ، فَإِنَّهُنَّ عِنْدَكُمْ عَوَانٍ، أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانَةِ اللَّهِ،  
وَاسْتَحْلَلْتُمُوهُنَّ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، لَكُمْ عَلَيْهِنَّ حَقٌّ، وَهِنَّ عَلَيْكُمْ حَقٌّ، وَمِنْ  
حَقِّكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يَأْذَنَّ فِي بُيُوتِكُمْ إِلَّا بِإِذْنِكُمْ، وَلَا يُوطِئَنَّ فُرُشَكُمْ مَنْ تَكْرَهُوْنَ،  
فَإِنْ فَعَلْنَ فَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرِحٍ، فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا  
عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ، وَإِنَّ مِنْ حَقِّهِنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Riwayat hadith ini yang datang daripada Hasan Basri tidak dijumpai. Hadith ini telah ditakhrij sebelum ini pada bilangan hadith ke-5 daripada kitab *Jam' al-Fawā'id Wa Jawāhir al-Qalā'id*.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣahīḥ* kerana turut diriwayatkan oleh Muslim.

## 18. (Hadith 18)

(Dan riwayat) daripada 'Abbās r.a., katanya sabda Rasulullah s.a.w.: "*Bahawasa sangat manusia 'adhāban pada hari kiamat seorang laki-laki yang jahil akan ahlinya, didatangkan seorang laki-laki dan dengan ahli isi rumahnya pada hari kiamat apabila adalah menyuruhkan mereka itu muaddibkan mereka itu dan menakuti akan mereka itu, kata mereka itu (Jazāka Allah) daripada orang yang mendirikan kami kebajikan sanya telah adalah kamu menye-wara' akan kami dan menegahkan dan menakuti akan kami pada hari kami ini, maka sentosa kami dan sentosa diri kamu, maka pergilah ia dengan mereka itu ke syurga dan apabila ada ia tiada menyuruh akan mereka itu dan tiada menegahkan mereka itu dan tiada menakuti, berkata mereka itu tiada (Jazākumu Allah Khayran) yakni tiada dibalas Allah akan kamu kebajikan tiada kamu menyuruh akan kami dan tiada menakuti akan hari kami ini, maka binasa kami dan binasa diri engkau maka dahulukan mereka itu ke neraka.*"<sup>660</sup>

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

<sup>659</sup> Syeikh Dawud, *Jam' al-Fawā'id*, 235.

<sup>660</sup> *Ibid*.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **19. (Hadith 19)**

(Dan sabda Nabi) s.a.w.: “*Baktikan kamu akan bapa kamu nescaya dibaktikan kamu anak kamu, dan memelihara segala perempuan orang nescaya dipelihara isteri kamu.*”<sup>661</sup>

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Matan arab dan sebarang periwayatan berkenaan hadith ini tidak ditemui.

### **Hukum Hadith:**

Tiada penilaian yang dapat diberikan oleh penulis kerana sumber hadith tidak ditemui.

### **20. (Hadith 20)**

(Riwayat) daripada Anas ibn Mālik r.a., daripada Nabi s.a.w.: “*Bahawasanya bersabda ia empat nafaqāt tiada hisab hamba dengan dia pada hari kiamat (satu) nafkah di atas dua ibu bapanya, (kedua) nafkah atas berbuka puasa, (ketiga) nafkah atas makan sahur, (keempat) nafkah atas ‘iyāl-nya yakni isi rumahnya.*”<sup>662</sup>

### **Matan Arab:**

" أَرْبَعُ نَفَقَاتٍ لَا يُحَاسَبُ بِهَا الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ نَفَقَتُهُ عَلَى أَبِيئِهِ وَعَلَى إِفْطَارِهِ وَعَلَى  
سُحُورِهِ وَعَلَى عِيَالِهِ "

### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini hanya ditemui daripada riwayat Abū Shujā‘ al-Hamadhānī (w. 509H).<sup>663</sup> Al-Hamadhānī hanya menyatakan perawi tertinggi sahaja daripada hadith ini iaitu daripada Anas ibn Mālik r.a. tanpa mengemukakan rantaian sanad lengkap dan tidak membawa sebarang jalan periwayatan yang lain.

### **Hukum Hadith:**

Hukum bagi hadith ini tidak diketahui kerana penulis tidak menemui sebarang ulasan atau penerangan daripada mana-mana sumber lain berkenaan hadith ini.

---

<sup>661</sup> *Ibid.*, 236.

<sup>662</sup> *Ibid.*

<sup>663</sup> Abū Shujā‘ Shīrawayh Bin Shahrādār al-Hamadhānī, *al-Firdaws bi Mā’thūr al-Khitāb*, ed. Al-Sa‘īd Bisayūnī Zaghlūl (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986), 1:376 (Bāb al-Alif, no. hadith 1515).

## 21. (Hadith 21)

(Dan sabda Nabi s.a.w.: “Empat dinar: (satu dinar) dibelanja di dalam sabilillah, (kedua dinar) disedekahkan bagi segala masākīn, (ketiga dinar) yang diberikan dia pada merdeheka, (keempat dinar) yang dibelanjakan atas ahlinya dan yang terlebih besar pahalanya dinar yang nafkahkan atas ahlinya.”<sup>664</sup>)

### Matan Arab:

" دِينَارٌ أَنْفَقْتُهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَدِينَارٌ فِي الْمَسَاكِينِ، وَدِينَارٌ فِي رَقَبَةٍ، وَدِينَارٌ فِي أَهْلِكَ،  
أَعْظَمُهَا أَجْرًا الدِّينَارُ الَّذِي تُنْفِقُهُ عَلَى أَهْلِكَ "

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini telah ditakhrij sebelum ini iaitu pada bilangan hadith yang ke-83 dari kitab *Muhimmah*.

### Hukum Hadith:

Hukum hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

## 22. (Hadith 22)

Sabda Nabi s.a.w.: “Bermula perempuan itu, (*miskīnah*) selama ada tiada ada baginya suaminya”, dan sembah orang: “Ya Rasulullah, dan jika ada baginya hartanya?”, sabdanya: “Dan jika ada baginya harta sekalipun, bermula laki-laki itu (قوامون على النساء) yakni laki-laki yang mendirikan perempuan.”<sup>665</sup>

### Matan Arab:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مِسْكِينٌ مِسْكِينٌ، رَجُلٌ لَيْسَتْ لَهُ امْرَأَةٌ . قَالُوا:  
يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ غَنِيًّا مِنَ الْمَالِ؟ قَالَ: وَإِنْ كَانَ غَنِيًّا مِنَ الْمَالِ . وَقَالَ:  
مِسْكِينَةٌ مِسْكِينَةٌ مِسْكِينَةٌ، امْرَأَةٌ لَيْسَ لَهَا زَوْجٌ . قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَتْ غَنِيَّةً  
مِنَ الْمَالِ؟ قَالَ: وَإِنْ كَانَتْ غَنِيَّةً مِنَ الْمَالِ

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith ini adalah yang paling hampir dengan maksud hadith yang dibawa dan telah diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī<sup>666</sup>, al-Bayhaqī<sup>667</sup>, Sa‘īd Bin Manṣūr<sup>668</sup> dan Ibn Abī al-Dunyā.<sup>669</sup> ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr pentahkik kepada kitab *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawā‘id al-Mu‘jamayn* menyatakan beliau menukikan daripada al-

<sup>664</sup> Syeikh Dawud, *Jam‘ al-Fawā‘id*, 236.

<sup>665</sup> *Ibid*.

<sup>666</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, 6:348 (Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Muḥammad, no. hadith 6589).

<sup>667</sup> Al-Bayhaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, 7:338 (Bāb fī Taḥrīm al-Furūj wa Mā Yajibu min al-Ta‘affuf ‘anhā, no. hadith 5097).

<sup>668</sup> Sa‘īd Bin Manṣūr, *Sunan Sa‘īd Bin Manṣūr*, 1:138 (Kitāb al-Waṣāyā, Bāb al-Targhīb fī al-Nikāḥ, no. hadith 488).

<sup>669</sup> Ibn Abī al-Dunyā, *Kitāb al-‘Iyāl*, 1:276 (Bāb Tazwīj al-Banāt, no. hadith 128).

Haythamī bahawa perawi-perawi dalam sanad riwayat al-Ṭabrānī adalah *thiqah* melainkan Abū Najīh yang bukan merupakan seorang sahabat Nabi s.a.w.<sup>670</sup> Mukhtār Aḥmad al-Nadwī menyatakan dalam sanad riwayat al-Bayhaqī terdapat perawi yang *layyin al-ḥadīth* iaitu Muḥammad Bin Thābit dan hadith ini merupakan hadith *mursal* (terputus sanad di peringkat sahabat) kerana Abū Najīh merupakan tabiin dan bukannya sahabat. Dr. Najm ‘Abd al-Raḥman Khalaf iaitu pentahkik bagi *Kitāb al-‘Iyāl* oleh Ibn Abī al-Dunyā menyatakan perkara sama sepertimana yang dinyatakan oleh Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī bahawa hadith ini *mursal* dan dalam sanadnya Muḥammad Bin Thābit al-‘Abdī adalah *layyin al-ḥadīth* dan selebihnya adalah perawi-perawi yang *thiqah*. Al-Albānī dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah* telah menyatakan hadith ini adalah *munkar* disebabkan keburukan hafazan pada perawi Muḥammad Bin Thābit.<sup>671</sup>

### **Hukum Hadith:**

Hadith ini adalah hadith *mursal* dan hukumnya ialah *ḍa‘īf jiddan* kerana keseluruhan riwayat terdapat perawi *munkar* iaitu Muḥammad Bin Thābit al-‘Abdī.

### **23. (Hadith 23)**

(Dan riwayat) daripada Anas r.a., katanya datang seorang perempuan yang hitam, licik tuturannya mempunyai elok kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata: “*Demi bapaku dan ibuku, Ya Rasulullah kata olehmu akan kami kebajikan jikalau satu kali, maka bahawasanya telah sampai akan kami bahawasanya engkau berkata pada kami tiap-tiap yang kejahatan*”, maka sabda Nabi: “*Apa suatu yang kejahatan?*”, berkata aku: “*Bagi kamu hai segala perempuan sembah ia engkau namakan kami (sufahā’)*”, sabdanya: “*Allah s.w.t. menamakan kamu (sufahā’) di dalam kitabnya*” sembahnya: “*Dan kau namakan kami (nawāqīṣ al-‘uqūl) yakni yang kurang akal*”, sabdanya: “*Dan memadalah kamu kurang akal bahawa tinggal kamu pada tiap-tiap bulan lima hari tiada sembahyang padanya*”, sabdanya: “*Tiada memada ia salah seorang daripada kamu hai segala perempuan apabila bunting adalah baginya seperti pahala orang yang me-rābiṭ di dalam (Sabīl Allah) yakni orang yang bertunggu pada tempat yang ditakuti antara negara Islam dan kafīr, maka apabila beranak kamu adalah seperti titik darah di dalam (Sabil Allah), maka apabila menyusui adalah baginya dengan tiap-tiap titiknya seperti merdeheka daripada anak Nabi Allah Ismā‘īl dan apabila berjaga adalah baginya dengan tiap-tiap satu perjagaan itu seperti memerdehekakan suatu (ruqbah) daripada anak Ismā‘īl dan demikian itulah bagi segala perempuan yang (mu‘mināt) lagi yang (khāshī‘āt) lagi (ṣābirāt) yang ada mereka itu tiada mengkufurkan sedikitpun kata perempuan yang sawdā’ hai baginya daripada kelebihan jikalau tiada yang mengiringi dia daripada segala syaratnya.*”<sup>672</sup>

<sup>670</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Baḥrayn*, ed. ‘Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr, 4:150 (Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Ḥathth ‘alā al-Nikāḥ, no. hadith 2238).

<sup>671</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah*, 11:287.

<sup>672</sup> Syekh Dawud, *Jam‘ al-Fawā‘id*, 236.

### Matan Arab:

ثُمَّ قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ مَا سَمِعْتُ مِنْكَ حِينَ وَقَفْتَ عَلَيْنَا: «مَا رَأَيْتُ مِنْ نَوَاقِصِ عُقُولٍ قَطُّ وَلَا دِينَ أَدَهَبَ بِقُلُوبِ ذَوِي الْأَلْبَابِ مِنْكُمْ»، قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَمَا نُفْصَانُ دِينِنَا وَعُقُولِنَا؟ فَقَالَ: «أَمَّا مَا ذَكَرْتُ مِنْ نُفْصَانِ دِينِكُمْ فَالْحَيْضَةُ الَّتِي تُصِيبُكُمْ، تَمَكُّثُ إِحْدَاكُنَّ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَمَكُّثَ لَا تُصَلِّي وَلَا تَصُومُ، فَذَلِكَ مِنْ نُفْصَانِ دِينِكُمْ، وَأَمَّا مَا ذَكَرْتُ مِنْ نُفْصَانِ عُقُولِكُمْ، فَشَهَادَتُكُمْ إِمَّا شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ نِصْفُ شَهَادَةٍ»

### Takhrij dan Ulasan Hadith:

Hadith yang dijumpai adalah yang paling hampir dengan sebahagian kecil daripada maksud hadith di atas. Ia telah diriwayatkan oleh Muslim<sup>673</sup>, Aḥmad<sup>674</sup>, al-Tirmidhī<sup>675</sup>, al-Nasā’ī<sup>676</sup>, Ibn Khuzaymah<sup>677</sup> dan Abū Ya‘lā al-Mūṣilī.<sup>678</sup> Shaykh Shu‘ayb al-Arna‘ūṭi menyatakan sanad dari riwayat Aḥmad adalah baik dari *ṭariq* (jalan) ‘Amru Bin Abi ‘Amr. Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan*. Ḥusayn Salīm Asad menyatakan sanad riwayat Abū Ya‘lā al-Mūṣilī adalah *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith:

Hukum bagi hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana Imam Muslim turut meriwayatkan hadith ini dan kebanyakan para pentahkik turut men*ṣaḥīḥ*kan riwayat-riwayat hadith ini yang terdapat dalam kitab-kitab hadith muktabar yang lain.

## 24. (Hadith 24)

(Dan disebutkan) bahawasanya seorang laki-laki datang kepada ‘Umar r.a. hendak mengadu-ngadu akan isterinya, maka tatkala sampai kepada rumahnya mendengar akan isterinya Umm Kalthūm berpanjang lidahnya atasnya, maka berkata laki-laki itu: “Bahawasanya aku berkehendak mengadu kepadanya daripada isteriku dan baginya daripada bawa seumpamaku jua”, maka kembali ia maka menyeru akan dia ‘Umar, maka bertanya ia akan dia maka katanya: “Bahawasa aku berkehendak mengadu kepada engkau akan isteriku, maka aku dengar barang yang aku dengar aku kembali” maka berkata ‘Umar: “Bahawasanya aku maafkan daripadanya kerana banyak huqūq baginya atasku (pertama) bahawasanya ia menutup antara aku dan antara api neraka,

<sup>673</sup> Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” 692 (Kitāb al-Imān, Bāb Bayān Nuqṣān al-Imān bi Naqṣ al-Ṭā‘āt wa Bayān Iṭlāq Lafẓ al-Kufr ‘alā Ghayr al-Kufr bi Allah ka Kufr al-Ni‘mat wa al-Ḥuqūq, no. hadith 79 dan 80).

<sup>674</sup> Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, 14:449 (Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allah ‘anhu, no. hadith 8862).

<sup>675</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 589 (Kitāb al-Imān, Bāb Mā Jā’a fī Istikmāl al-Imān wa Ziyādatihi wa Nuqṣānihi, no. hadith 2613).

<sup>676</sup> Al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:303 (Kitāb ‘Ishrah al-Nisā’, Bāb Dhikr al-Ikhtilāf ‘alā Abī Rajā’ fī Hadhā al-Ḥadīth, no. hadith 9226).

<sup>677</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2:101 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Isqāṭ Farḍ al-Ṣalāh ‘an al-Ḥā’id Ayyām Ḥayḍihā, no. hadith 1000).

<sup>678</sup> Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā al-Mūṣilī*, 11:462 (Musnad Abī Hurayrah, no. hadith 6585).

*maka tetap dengan dia hatiku daripada yang haram (keduanya) bahawasanya ia pertaruhan bagiku apabila aku keluar daripada tempatku adalah ia yang memelihara akan bagiku akan kainku (ketiga) bahawasanya membasah bagiku kainku (keempat) bahawasanya memeliharakan bagi anakku (kelima) bahawasanya ia membakar rotiku dan memasak makananku, maka berkata laki-laki itu bahawasanya bagiku barang yang bagi engkau maka aku maafkan dia.”<sup>679</sup>*

#### **Takhrij dan Ulasan Hadith:**

Hadith ini telah pun ditakhrij iaitu pada bilangan hadith ke-95 dari kitab *Muhimmah*. Penulis tidak menjumpai hadith ini di dalam kitab-kitab hadith muktabar melainkan dalam kitab *Al-Kabā'ir* yang dikarang oleh Imam al-Dhahabī<sup>680</sup> (w. 748H) dalam fasal *al-Kabīrah al-Sābi‘ah wa al-Arba‘ūn* yang membincangkan topik *Nushūz al-Mar’ah ‘alā Zawjihā*. Penulis hanya menjumpai hanya matan hadith ini tanpa pernyataan sanad.

#### **Hukum Hadith:**

Status bagi hadith ini tidak diketahui.

---

<sup>679</sup> Syeikh Dawud, *Jam‘ al-Fawā'id*, 236.

<sup>680</sup> Al-Dhahabī, *al-Kabā'ir*, 184.



# **BAB**

# **EMPAT**

## BAB EMPAT

### ANALISIS TAKHRIJ

#### 4.1 Pengenalan

Bab empat adalah kesinambungan daripada bab yang ketiga. Dalam bab ini, penulis akan menganalisis hadith-hadith yang telah pun ditakhrij pada bab ketiga. Seterusnya penerangan dan penyenaaraian akan dilakukan dalam bentuk jadual, gambarajah, dan sebagainya berkaitan dengan jumlah atau bilangan hadith-hadith yang akan dinilai penulis daripada beberapa aspek. Aspek utama yang akan diambil kira penulis adalah seperti berikut:

- a) Jumlah hadith yang dinyatakan matan atau terjemahan tanpa perawi.
- b) Bilangan hadith yang dinyatakan matan atau terjemahan beserta perawi.
- c) Bilangan hadith yang dinyatakan secara mafhum sahaja tanpa disebutkan matan asal di dalam bahasa Arab sama ada disertakan perawi atau pun tidak.
- d) Lafaz atau athar *Ṣahābah*.

Selain itu, perkara-perkara utama juga yang akan dinyatakan dalam bentuk jadual dan peratusan adalah:

- i) Penilaian status hadith-hadith yang ditakhrij.
- ii) Pengkelasan hadith mengikut darjat.
- iii) Pengulangan hadith.
- iv) Kekekapan sumber hadith.
- v) Sumber periwayatan para pengarang kitab *Muhimmah* dan *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* mendapatkan hadith-hadith bagi catatan mereka.

Pada peringkat akhir analisis, perbandingan sandaran hadith antara pengarang kitab dan hasil takhrij akan dilakukan penulis.

## 4.2 Analisis Takhrij

Hasil pembacaan dan penelitian awal yang dilakukan, sebanyak 133 buah hadith telah dapat disenaraikan oleh penulis daripada kitab *Muhimmah* oleh Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani dan sebanyak 24 buah hadith daripada bab-bab terpilih terutamanya bab yang berkaitan dengan topik munakahat daripada kitab *Jam' al-Fawa'id wa Jawāhir al-Qalā'id* oleh Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani. Jumlah keseluruhan hadith adalah sebanyak 157 buah hadith dan hadith-hadith tersebut ditampilkan dalam bentuk yang pelbagai. Jumlah hadith yang menampilkan matan arab sama ada dalam bentuk ayat atau kalimah tertentu adalah sebanyak 33 buah hadith sahaja iaitu daripada kitab *Muhimmah* dan jumlah berbaki iaitu 124 buah hadith daripada jumlah keseluruhan hadith bagi kedua-dua buah kitab merupakan terjemahan atau mafhum hadith.

Setelah penelitian dan penyaringan dilakukan, penulis dapat menyenaraikan jumlah hadith yang dinyatakan matan atau terjemahan tanpa perawi adalah sebanyak 87 buah hadith daripada kitab *Muhimmah* dan 4 buah hadith daripada bab-bab terpilih dari kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*. Sila rujuk jadual berikut:

**Jadual 4.1: Taburan Hadith-Hadith Yang Dinyatakan Matannya atau Terjemahan Sahaja Tanpa Perawi.**

No	Nama Kitab	Jumlah
1	Kitab <i>Muhimmah</i>	87
2	Kitab <i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i>	4
	Jumlah Keseluruhan	91

Manakala hadith yang menampilkan matan atau terjemahan beserta perawi adalah sebanyak 24 buah hadith daripada kitab *Muhimmah* dan 18 buah hadith daripada

bab-bab terpilih daripada kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*. Sila rujuk jadual berikut:

**Jadual 4.2: Hadith-Hadith Yang Dinyatakan Matan atau Terjemahan Serta Perawinya.<sup>1</sup>**

No	Nama Kitab	Jumlah
1	Kitab <i>Muhimmah</i>	26
2	Kitab <i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i>	18
	Jumlah Keseluruhan	44

Selain itu, hadith yang dinyatakan secara mafhum sahaja tanpa disebutkan matan dan disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. secara langsung sama ada disebut perawi atau tidak adalah sebanyak 12 buah hadith daripada kitab *Muhimmah* dan adapun hadith-hadith yang didapati dari kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* tidak menyenaraikan hadith dalam bentuk mafhum. Sila rujuk jadual berikut:

**Jadual 4.3: Hadith-Hadith Yang Dinyatakan Mafhumnya Sahaja Tanpa Disebutkan Matan dan Disandarkan Kepada Rasulullah Secara Langsung Sama Ada Disebut Perawi atau Tidak.**

No	Nama Kitab	Jumlah
1	Kitab <i>Muhimmah</i>	12
2	Kitab <i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i>	0
	Jumlah Keseluruhan	12

Bagi lafaz-lafaz yang dinyatakan oleh pengarang kitab yang mana setelah dikenalpasti merupakan athar *Ṣaḥābah*, lafaz-lafaz daripada tabiin dan sebagainya

<sup>1</sup> Perawi yang disyaratkan oleh penulis adalah sekurang-kurangnya adalah pengarang menyatakan satu nama perawi. Sebagai contoh daripada Ibn 'Umar, bersabda Nabi s.a.w. Ini kerana menjadi salah satu pendekatan bagi para pengarang memotong sebahagian rantaian para perawi dan hanya menyebutkan perawi yang paling hampir dengan Rasulullah s.a.w.

adalah sebanyak 10 buah teks daripada kitab *Muhimmah* dan 2 buah teks daripada kitab *Jam' al-Fawā'id Wa Jawāhir al-Qalā'id*. Sila rujuk jadual berikut:

**Jadual 4.4: Lafaz atau Athar *Ṣaḥābah*.**

No	Nama Kitab	Jumlah
1	Kitab <i>Muhimmah</i>	8
2	Kitab <i>Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id</i>	2
	Jumlah Keseluruhan	10

### 4.3 Penilaian Status Hadith

#### 4.3.1 Pengkelasan Hadith Mengikut Darjat.

##### 4.3.1.1 Kitab *Muhimmah* karangan Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani

Hasil saringan awal yang dilakukan, penulis dapat menyenaraikan 133 buah teks hadith yang telah dikemukakan pengarang kitab *Muhimmah*. Namun, selepas proses takhrij dilakukan, jumlah hadith yang ditakhrij bertambah kepada 3 buah teks hadith dan menjadikan jumlah bilangan hadith yang ditakhrij dari kitab *Muhimmah* adalah sebanyak 136 buah teks. Ini kerana terdapat 3 buah hadith yang dikemukakan pengarang kitab, hakikatnya setiap satu daripadanya melibatkan lebih daripada sebuah hadith. Hadith-hadith yang terlibat adalah hadith no. 59, no. 101 dan hadith no. 126 yang masing-masing terdiri daripada 2 buah teks hadith. Maka hasil takhrij yang didapati penulis adalah 48 buah teks hadith *ṣaḥīḥ*, 2 buah teks hadith berstatus *ṣaḥīḥ lighayrih*, 7 buah teks hadith berstatus *ḥasan*, 1 buah teks hadith berstatus *ḥasan lighayrih*, 22 buah teks hadith berstatus *ḍa'īf*, 10 buah teks *ḍa'īf jiddān*, 5 buah teks


hadith *mawḍū'*, 6 buah teks hadith berstatus “tiada asal”, 27 buah teks hadith tidak diketahui hukumnya, 8 buah teks lafaz atau *athar Ṣaḥābah*.

Sekiranya kiraan tersebut dikira dari sudut peratusan kedudukan hadith yang ditakhrij bagi keseluruhan hadith kitab *Muhimmah*, maka hadith *ṣaḥīḥ* adalah sebanyak (35%), hadith *ṣaḥīḥ lighayrih* pula adalah (2%), hadith berstatus *ḥasan* sebanyak (5%), hadith *ḥasan lighayrih* sebanyak (1%), hadith berstatus *ḍa‘īf* adalah sebanyak (16%), hadith *ḍa‘īf jiddān* adalah sebanyak (7%), hadith *mawḍū'* adalah sebanyak (4%), hadith berstatus “tiada asal” sebanyak (4%). Manakala, bagi hadith yang tidak diketahui hukumnya adalah sebanyak (20%) dan lafaz atau *athar Ṣaḥābah* adalah sebanyak (6 %).


**Jadual 4.5 : Pengkelasan Darjat Hadith-Hadith Kitab *Muhimmah*.**

No.	Jenis / Darjat Hadith	Jumlah
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	48
2	<i>Ṣaḥīḥ Lighayrih</i>	2
3	<i>Ḥasan</i>	7
4	<i>Ḥasan Lighayrih</i>	1
5	<i>Ḍa‘īf</i>	22
6	<i>Ḍa‘īf Jiddān</i>	10
7	<i>Mawḍū' /Palsu</i>	5
8	Tiada Asal	6
9	Hukum Tidak Diketahui	27
10	Lafaz atau <i>Athar Ṣaḥābah</i>	8
	Jumlah	136

**Rajah 4.1: Pengkelasan Darjat Hadith dalam Kitab *Muhimmah*.**



**Rajah 4.2 : Gambaran Peratusan Darjat Hadith-Hadith dalam Kitab *Muhimmah*.**



**4.3.1.2 Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* karangan Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani.**

Hasil saringan yang dilakukan, penulis dapat menyenaraikan 24 buah teks hadith yang telah dikemukakan pengarang kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* daripada tiga buah bab yang terpilih. Setelah proses takhrij dilakukan, penulis mendapati 5 buah teks hadith berstatus *ṣaḥīḥ*, 1 buah teks hadith adalah *ṣaḥīḥ lighayrih*, 1 buah teks hadith *ḥasan lighayrih*, 1 buah teks hadith *ḍa'īf*, 3 buah teks hadith *ḍa'īf jiddān*, 11 buah teks hadith tidak diketahui hukumnya, 2 buah teks adalah lafaz atau *athar Ṣaḥābah*.


Sekiranya kiraan tersebut dikira dari sudut peratusan kedudukan hadith bagi keseluruhan hadith yang ditakhrij dari kitab ini, maka hadith *ṣaḥīḥ* adalah sebanyak (21%), hadith *ṣaḥīḥ lighayrih* pula adalah (4%), hadith *ḥasan lighayrih* adalah (4%), hadith berstatus *ḍa'īf* adalah sebanyak (4%), hadith *ḍa'īf jiddān* adalah sebanyak (13%). Manakala, bagi hadith yang tidak diketahui hukumnya adalah sebanyak (46 %) dan lafaz atau *athar Ṣaḥābah* adalah sebanyak (8%).

**Jadual 4.6 : Pengelasan Darjat Hadith-Hadith  
Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*.**


No.	Jenis / Darjat Hadith	Jumlah
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	5
2	<i>Ṣaḥīḥ Lighayrih</i>	1
3	<i>Ḥasan Lighayrih</i>	1
4	<i>Ḍa'īf</i>	1
5	<i>Ḍa'īf Jiddān</i>	3
6	Hukum Tidak Diketahui	11
7	Lafaz atau <i>Athar Ṣaḥābah</i>	2
	Jumlah	24



Rajah 4.3: Pengkelasan Darjat Hadith dalam Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*.



Rajah 4.4: Gambaran Peratusan Darjat Hadith-Hadith dalam Kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*.




### 4.3.1.3 Ulasan Keseluruhan Darjat Hadith

Hasil takhrij bagi 160 buah teks hadith daripada kitab *Muhimmah* dan tiga buah bab daripada kitab *Jam' al-Fawa'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, penulis mendapati sebanyak 53 buah teks hadith daripada keseluruhan hadith merupakan hadith *ṣaḥīḥ* atau dari sudut peratusan keseluruhan hadith bersamaan dengan (33%). 3 buah teks hadith adalah *ṣaḥīḥ lighayrih* bersamaan dengan (3%), 7 buah teks hadith berstatus *ḥasan* bersamaan dengan (4.5%), 2 buah teks hadith *ḥasan lighayrih* bersamaan dengan (1%), hadith *ḍa'īf* sebanyak 23 buah teks hadith bersamaan dengan (14.5%), 13 buah teks hadith adalah *ḍa'īf jiddān* bersamaan dengan (8%), 5 buah teks hadith merupakan hadith *mawḍū'* bersamaan dengan (3%), 6 buah hadith berstatus “tiada asal” bersamaan dengan (4%). Manakala, bagi hadith yang tidak diketahui hukumnya adalah sebanyak 38 buah hadith bersamaan (24%), dan lafaz atau *athar Ṣaḥābah* adalah sebanyak 10 buah teks bersamaan dengan (6%).


**Jadual 4.7 : Taburan Keseluruhan Darjat Hadith Dari Kedua-dua Kitab Kajian.**

No.	Jenis / Darjat Hadith	Kitab 1	Kitab 2	Jumlah
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	48	5	53
2	<i>Ṣaḥīḥ Lighayrih</i>	2	1	3
3	<i>Ḥasan</i>	7	-	7
4	<i>Ḥasan Lighayrih</i>	1	1	2
5	<i>Ḍa'īf</i>	22	1	23
6	<i>Ḍa'īf Jiddān</i>	10	3	13
7	<i>Mawḍū'</i> /Palsu	5	-	5
8	Tiada Asal	6	-	6
9	Hukum Tidak Diketahui	27	11	38
10	Lafaz atau <i>Athar Ṣaḥābah</i>	8	2	10
	Jumlah Keseluruhan Hadith			160

**Rajah 4.5: Pengkelasan Darjat bagi Keseluruhan Hadith Yang Ditakhrij**



**Rajah 4.6: Gambaran Peratusan Darjat bagi Keseluruhan Hadith Yang Ditakhrij**



### 4.3.2 Keckerapan Sumber Periwatatan Hadith

#### i) Kitab *Muhimmah* karangan Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim

##### Fatani

Hasil penelitian dan saringan yang dilakukan melalui proses takhrij, sumber yang berjaya diperolehi oleh penulis terhadap pencarian sumber hadith bagi kitab *Muhimmah* ialah sebanyak 56 buah kitab. Jumlah hadith terbanyak adalah dari riwayat Aḥmad sebanyak 44 teks hadith, diikuti oleh riwayat al-Ṭabrānī iaitu sebanyak 39 teks hadith. Riwayat al-Bayhaqī sebanyak 38 teks hadith, 30 teks hadith daripada riwayat Ibn Ḥibbān, 27 teks hadith dari riwayat al-Tirmidhī, 26 teks hadith daripada riwayat Muslim. Abū Dāwud dan Ibn Mājah masing-masing sebanyak 23 teks hadith.

Setelah itu, 21 teks hadith dari riwayat al-Hakim, 19 teks hadith adalah riwayat al-Bukhārī, 17 teks hadith dari riwayat al-Nasā'ī, 16 teks hadith dari riwayat Abū Ya'la, 11 teks hadith dari riwayat Ibn Abī Shaybah, 10 teks hadith dari riwayat al-Ṭayālisī, riwayat al-Bazzār dan al-Ghazālī dari kitabnya "*Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*" masing-masing adalah sebanyak 9 teks hadith, 7 teks hadith riwayat Ibn Khuzaymah. Manakala dari riwayat al-Dārimī, Ibn Abī Dunyā dan Abu Nu'aym al-Aṣbahānī masing-masing adalah sebanyak 5 teks hadith, diikuti 4 teks hadith dari al-Dhahabī.

Seterusnya, riwayat 'Abd al-Razzāq, al-Shāshī dan al-Kharā'itī masing-masing sebanyak 3 teks hadith dan 2 teks hadith dari setiap riwayat al-Ruwiyānī, Ibn 'Adī, al-Ḥumaydī, al-Qudā'ī dan al-'Uqaylī. Selebihnya adalah 1 teks hadith dan 24 teks hadith tidak dapat dikesan sumbernya. Sila rujuk jadual berikut:

**Jadual 4.8: Keckerapan Sumber Periwatatan Hadith Kitab *Muhimmah***

No.	Riwayat	Sumber Kitab	Jumlah
1	Aḥmad	<i>Musnad Aḥmad</i>	44
2	al-Ṭabrānī	<i>Mu'jam al-Kabīr, Mu'jam al-Awsaṭ &amp; Mu'jam al-Ṣaghīr</i>	39
3	al-Bayhaqī	<i>Sunan al-Kubrā &amp; Jāmi' Shu'ab al-Imān</i>	38

**Jadual 4.8: Sambungan**

No.	Riwayat	Sumber Kitab	Jumlah
4	Ibn Hibbān	<i>Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān</i>	30
5	al-Tirmidhī	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	27
6	Muslim	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	26
7	Abū Dāwud	<i>Sunan Abū Dāwud</i>	23
8	Ibn Mājah	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	23
9	al-Ḥākim	<i>Mustadrak al-Ḥākim</i>	21
10	al-Bukhārī	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	19
11	al-Nasā'ī	<i>Sunan al-Kubrā &amp; Sunan al-Nasā'ī</i>	17
12	Abū Ya'lā	<i>Musnad Abi Ya'lā al-Mūsilī</i>	16
13	Ibn Abī Shaybah	<i>al-Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah &amp; Musnad Ibn Abī Shaybah</i>	11
14	al-Ṭayālīsī	<i>Musnad Abī Dawud al-Ṭayālīsī</i>	10
15	al-Bazzār	<i>Musnad al-Bazzār</i>	9
16	al-Ghazālī	<i>Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn</i>	9
17	Ibn Khuzaymah	<i>Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah</i>	7
18	al-Dārimī	<i>Sunan al-Dārimī</i>	5
19	Ibn Abī Dunyā	<i>Kitāb al-Tawbah, Kitāb al-'Iyāl &amp; Dham al-Malāhī li Ibn Abī al-Dunyā</i>	5
20	Abu Nu'aym al-Aṣbahānī	<i>Ma'rifaḥ al-Ṣaḥābah li Abī Nu'aym al-Aṣbahānī &amp; Ḥilyah al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'</i>	5
21	al-Dhahabī	<i>al-Kabā'ir</i>	4
22	'Abd al-Razzāq	<i>Muṣannaḥ 'Abd al-Razzāq</i>	3
23	al-Shāshī	<i>Musnad al-Shāshī</i>	3
24	al-Kharā'itī	<i>Makārim al-Akhlāk</i>	3
25	al-Ruwayānī	<i>Musnad al-Ruwayānī</i>	2
26	Ibn 'Adī	<i>al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl</i>	2
27	al-Ḥumaydī	<i>Musnad al-Ḥumaydī</i>	2
28	al-Quḍā'ī	<i>Musnad al-Shihāb</i>	2
29	al-'Uqaylī	<i>Kitāb al-Ḍu'afā'</i>	2
30	Mālik Bin Anas	<i>Muwaṭṭā' al-Imām Mālik</i>	1
31	al-Dāraquṭnī	<i>Sunan al-Dāraquṭnī</i>	1
32	al-Khaṭīb al-Baghdādī	<i>Tārikh Madīnah al-Salām</i>	1
33	Ibn 'Asākir	<i>Tārikh Madīnah Dimashq</i>	1
34	Ibn Bāz	<i>Majmū' Fatāwā wa Maqālāt Mutanawwi'ah</i>	1
35	Ibn Abī 'Āṣim	<i>al-Āḥād wa al-Mathānī</i>	1
36	Sa'īd Bin Manṣūr	<i>Sunan Sa'īd Bin Manṣūr</i>	1
37	al-Rāfi'ī	<i>al-Tadwīn Fī Akhbār Qazwīn</i>	1
38	'Abd Bin Ḥumayd	<i>al-Muntakhab min Musnad 'Abd Bin Ḥumayd</i>	1
39	al-Haythamī	<i>Bughyah al-Bāḥith 'an Zawā'id Musnad al-Ḥārith</i>	1
40	Ibn al-Ja'd	<i>Musnad Ibn al-Ja'd</i>	1
41	al-Dānī	<i>al-Sunan al-Wāridah</i>	1
42	al-Shawkānī	<i>al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Āḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah</i>	1

**Jadual 4.8: Sambungan**

No.	Riwayat	Sumber Kitab	Jumlah
43	al-Ṭabarī	<i>Tahdhīb al-Āthār wa Tafṣīlu al-Thābit ‘An Rasūl Allah Ṣallā Allah ‘Alayh wa Sallam Min al-Akhhbār</i>	1
44	Hajar al-‘Asqalānī	<i>al-Maṭālib al-‘Āliyyah bi Zawā’id al-Masānīd al-Thamāniyyah</i>	1
45	Abū al-Ḥusayn al-Bazzār al-Baghdādī	<i>Gharā’ib Ḥadīth al-Imām Mālik Bin Anas</i>	1
46	Ishāq Bin Rāḥawayh	<i>Musnad Ishāq Bin Rāḥawayh</i>	1
47	al-Rāmahurmuzī	<i>Kitāb Amthāl al-Ḥadīth</i>	1
48	Muḥammad Bin ‘Āṣim Bin ‘Abd Allah al-Aṣbahānī	<i>Juz’ Muḥammad Bin ‘Āṣim Bin ‘Abd Allah Thaqaḥī al-Aṣbahānī</i>	1
49	Tiada	-	24
		Jumlah Sumber: 56	450

ii. **Kitab *Jam‘ al-Fawā’id wa Jawāhir al-Qalā’id* karangan Syekh**

**Dawud Bin Abdullah al-Fatani.**

Hasil penelitian dan saringan yang dilakukan melalui proses takhrij, sumber yang berjaya diperolehi oleh penulis terhadap pencarian sumber hadith bagi kitab *Jam‘ al-Fawā’id wa Jawāhir al-Qalā’id* ialah sebanyak 29 buah kitab. Jumlah hadith terbanyak adalah dari riwayat Aḥmad sebanyak 8 teks hadith, diikuti sebanyak 7 teks hadith dari riwayat al-Bayhaqī. Kemudian, diikuti oleh riwayat Muslim, al-Tirmidhī, al-Nasā’ī, al-Ṭabrānī dan Ibn Abī Shaybah yang mana masing-masing adalah sebanyak 5 teks hadith. Setelah itu, 3 teks hadith bagi riwayat Ibn Mājah, manakala 2 teks hadith bagi setiap riwayat al-Bukhārī, al-Ḥākim, al-Bazzār, al-Ṭabarī, al-Taḥāwī dan Ibn Abī Ḥātim. Selebihnya adalah 1 teks hadith dan 11 teks hadith tidak dapat dikesan sumbernya. Sila rujuk jadual berikut:

**Jadual 4.9: Kekerapan Sumber Periwaiyatan Hadith Kitab *Jam‘ al-Fawā’id***

No.	Riwayat	Sumber Kitab	Jumlah
1	Aḥmad	<i>Musnad Aḥmad</i>	8
2	al-Bayhaqī	<i>Sunan al-Kubrā &amp; Jāmi‘ Shu‘ab al-Imān</i>	7
3	Muslim	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	5

**Jadual 4.9: Sambungan**

No.	Riwayat	Sumber Kitab	Jumlah
4	al-Tirmidhī	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	5
5	al-Nasā'ī	<i>Sunan al-Kubrā</i>	5
6	al-Ṭabrānī	<i>Mu'jam al-Kabīr &amp; Mu'jam al-Awsaṭ</i>	5
7	Ibn Abī Shaybah	<i>al-Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah &amp; Musnad Ibn Abī Shaybah</i>	5
8	Ibn Mājah	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	3
9	al-Bukhārī	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	2
10	al-Ḥākim	<i>Mustadrak al-Ḥākim</i>	2
11	al-Bazzār	<i>Musnad al-Bazzār</i>	2
12	al-Ṭabarī	<i>Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān</i>	2
13	al-Ṭaḥāwī	<i>Sharḥ Mushkil al-Āthār</i>	2
14	Ibn Abī Ḥātim	<i>Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm</i>	2
15	al-Ṭayālīsī	<i>Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī</i>	1
16	al-Ruwiyanī	<i>Musnad al-Ruwiyanī</i>	1
17	Ibn Khuzaymah	<i>Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah</i>	1
18	al-Dārimī	<i>Sunan al-Dārimī</i>	1
19	Ibn Abī Dunyā	<i>Kitāb al-'Iyāl</i>	1
20	Abū Dāwud	<i>Sunan Abū Dāwud</i>	1
21	al-Dhahabī	<i>al-Kabā'ir</i>	1
22	Ibn Ḥibbān	<i>Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>	1
23	Abū Ya'lā	<i>Musnad Abi Ya'lā al-Mūsili</i>	1
24	al-Quḍā'ī	<i>Musnad al-Shihāb</i>	1
25	Sa'id Bin Manṣūr	<i>Sunan Sa'id Bin Manṣūr</i>	1
26	Abū Shujā'	<i>al-Firdaws bi Mā'thūr al-Khitāb</i>	1
27	Tiada	-	11
		Jumlah Sumber: 29	78

#### 4.4 Sumber Riwayat Hadith yang dibawa Pengarang-pengarang Kitab Jawi

##### 4.4.1 Sumber Periwatyan Hadith

##### 4.4.1.1 Kitab *Muhimmah*

**Jadual 4.10: Sumber Riwayat Hadith dalam Kitab *Muhimmah***

Bil.	Riwayat Sandaran	Jumlah Hadith
1	al-Hakim	1
2	Aḥmad	3
3	al-Bukhārī dan Muslim	6
4	Ibn Ḥibbān dan al-Bayhaqī	1
5	al-Khaṭīb al-Baghdādī	1
6	Aḥmad, al-Bayhaqī, al-Ṭabrānī dan al-Ḥākim	1
7	Ibn 'Adī dan Ibn 'Asākir	1

**Jadual 4.10: Sambungan**

Bil.	Riwayat Sandaran	Jumlah Hadith
8	Abū Dāwud dan al-Tirmidhī	1
9	Abū Dāwud dan Ibn Mājah	1
10	Aḥmad dan Muslim	1
11	Ibn Mājah	1
12	Ibn ‘Alī dan al-Rāfi‘ī	1
13	al-Ṭayālīsī	1
14	al-Ṭabrānī	4
15	al-Ghazālī	2
16	Aḥmad, al-Nasā’ī dan al-Ḥākim	1
17	Muslim	2
18	al-Tirmidhī dan al-Ḥākim	1
19	Aḥmad dan al-Ṭabrānī	1
20	Abū Dāwud dan al-Nasā’ī	1
21	al-Aṣbahānī	1
22	Abū Ya‘lā al-Mūsili	2
23	al-Ṭabrānī dan Ibn Ḥibbān	2
24	al-Ṭabrānī dan al-Ḥākim	1
25	al-Bukhārī	1
26	al-Suyūṭī ( <i>Jāmi‘ al-Ṣaghīr</i> )	1
27	Tiada dinyatakan Sandaran	96
	Jumlah Kitab Sandaran: 21 Buah Kitab	Jumlah Hadith : 136

#### 4.4.1.2 Kitab *Jam‘ al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*

Pengarang bagi kitab *Jam‘ al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* iaitu Syeikh Dawud Bin Abdullah al-Fatani tidak menyatakan sama sekali sumber periwayatan atau sandaran kepada hadith yang dibawa bersama, khususnya dalam bab-bab yang difokuskan dalam kajian ini.

#### 4.4.2 Perbandingan Sumber Riwayat Asal Pengarang dengan Sumber Hasil Takhrij

Jadual berikut adalah hasil penelitian takhrij oleh penulis terhadap hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab kajian. Penulis menjadikan empat perkara utama sebagai asas dalam penelitian takhrij pada bab empat ini. Perkara pertama ialah penulis menyatakan sumber riwayat asal yang disebut oleh pengarang kitab kajian terhadap hadith-hadith



yang disisipkannya dan diletakkan pada kolum ketiga yang bertajuk sumber riwayat asal pengarang. Perkataan “tiada” pada kolum tersebut bermaksud pengarang asal kitab tidak menyatakan apa-apa sumber riwayat terhadap hadith yang dinukilkan. Jika pengarang asal kitab menyatakan riwayatnya, maka penulis meletakkan kesemua sumber sebagaimana yang dinyatakan.

Kemudiannya penulis meneliti dan mentakhrij hadith-hadith tersebut. Hasil penelitian takhrij tersebut dinyatakan di dalam bahagian yang keempat jadual di bawah iaitu hasil takhrij. Penulis menyenaraikan kesemua sumber periwayatan yang diperolehi daripada proses takhrij tersebut.

Seterusnya penulis menyatakan persamaan hasil takhrij dengan sumber riwayat asal pengarang pada kolum yang kelima. Penulis menggunakan dua kaedah iaitu perkataan “tiada” bermaksud tiada persamaan langsung antara hasil takhrij dengan sumber periwayatan asal. Manakala jika ada persamaan, penulis menyatakannya dengan menyebut kesemua persamaan yang ada.

Pada kolum keenam pula, penulis menyatakan perbezaan hasil takhrij yang diperolehi dengan sumber riwayat asal yang disebut oleh pengarang kitab. Penulis menyatakan kesemua hasil perbezaan takhrij yang didapati tersebut.

**Jadual 4.11: Perbandingan Sumber Sandaran Pengarang dan Hasil Takhrij**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
Kitab 1	1	Tiada	Ibn Abī Shaybah	Tiada	Ibn Abī Shaybah
	2	al-Ḥākim	al-Ḥākim/al-Bazzār/al-Bayhaqī	al-Ḥākim	al-Bazzār/al-Bayhaqī
	3	Tiada	Ibn Mājah/ ‘Abd al-Razzāq/ al-Bazzār/ al-Bayhaqī/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	Tiada	Ibn Mājah/ ‘Abd al-Razzāq/ al-Bazzār/ al-Bayhaqī/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	4	Tiada	‘Abd al-Razzāq/ al-Bazzār/al-Bayhaqī/ al-Ṭabrānī	Tiada	‘Abd al-Razzāq/ al-Bazzār/ al-Bayhaqī/ al-Ṭabrānī
	5	Tiada	al-Ruwayānī/ al-Dārimī/ al-Ḥākim	Tiada	al-Ruwayānī/ al-Dārimī/ al-Ḥākim
	6	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	7	Aḥmad	Aḥmad/ al-Nasā’ī/ al-Ṭabrānī	Aḥmad	al-Nasā’ī/ al-Ṭabrānī/
	8	al-Bukhārī/ Muslim	al-Bukhārī/ Muslim/ Abū Dāwud	al-Bukhārī/ Muslim	Abū Dāwud
	9	Tiada	<i>Majmu‘ Fatawa wa Maqalat al-Mutanawwi‘ah</i> (Shaykh Ibn Bāz)	Tiada	<i>Majmu‘ Fatawa wa Maqalat al-Mutanawwi‘ah</i> (Shaykh Ibn Bāz)
	10	al-Bukhārī/ Muslim	al-Bukhārī/ Muslim/ Abū Dāwud	al-Bukhārī/ Muslim	Abū Dāwud
	11	al-Bukhārī/ Muslim	Muslim/al-Bazzār	Muslim	al-Bazzār
	12	Ibn Ḥibbān/al-Bayhaqī	Ibn Ḥibbān/al-Bayhaqī/ Ibn Khuzaymah	Ibn Ḥibbān/al-Bayhaqī	Ibn Khuzaymah
	13	al-Khaṭīb al-Baghdādī	al-Khaṭīb al-Baghdādī	al-Khaṭīb al-Baghdādī	Tiada
	14	Tiada	al-Bayhaqī/ al-Ṭabrānī/ Ibn Abī Shaybah	Tiada	al-Bayhaqī/ al-Ṭabrānī/ Ibn Abī Shaybah
	15	Aḥmad/al-Bayhaqī/al-Ṭabrānī/al-Ḥākim	Aḥmad/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim/ al-Tirmidhī/ Ibn Khuzaymah	Aḥmad/al-Bayhaqī/al-Ḥākim	al-Tirmidhī/Ibn Khuzaymah
	16	Ibn ‘Adī/ Ibn ‘Asākir	Ibn ‘Adī/ Ibn ‘Asākir	Ibn ‘Adī/ Ibn ‘Asākir	Tiada
	17	Abū Dāwud/ al-Tirmidhī	Abū Dāwud/ al-Tirmidhī/Ibn Mājah/Ibn Ḥibbān/al-Dārimī	Abū Dāwud/ al-Tirmidhī	Ibn Mājah/Ibn Ḥibbān/al-Dārimī
	18	Abū Dāwud/ Ibn Mājah	Abū Dāwud/ Ibn Mājah/al-Nasā’ī/al-Ḥākim	Abū Dāwud/ Ibn Mājah	al-Nasā’ī/al-Ḥākim
	19	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim
	20	Tiada	al-Ṭabrānī/ Ibn Khuzaymah/ al-Bayhaqī	Tiada	al-Ṭabrānī/ Ibn Khuzaymah/ al-Bayhaqī

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	21	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	22	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	23	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )
	24	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )
	25	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim
	26	Tiada	al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī/al-Ruwiyānī	Tiada	al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī/al-Ruwiyānī
	27	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	28	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	29	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	30	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	31	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	32	Aḥmad	Tiada	Tiada	Tiada
	33	Tiada	al-Tirmidhī/Ibn Mājah/al-Ṭabrānī/Abū Ya'la al-Mūsilī/ al-Ḥākim	Tiada	al-Tirmidhī/Ibn Mājah/al-Ṭabrānī/Abū Ya'la al-Mūsilī/ al-Ḥākim
	34	Tiada	Ibn Mājah/al-Ḥākim/al-Bazzār/al-Bayhaqī/	Tiada	Ibn Mājah/ al-Ḥākim/al-Bazzār/al-Bayhaqī/
	35	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	36	Aḥmad/ Muslim	Aḥmad/Muslim/ Ibn Mājah/al-Bazzār/al-Nasā'ī/al-Bayhaqī/Ibn Ḥibbān	Aḥmad/ Muslim	Ibn Mājah/al-Bazzār/al-Nasā'ī/al-Bayhaqī/Ibn Ḥibbān
	37	Ibn Mājah	'Abd al-Razzāq/Ibn Mājah/al-Ṭabrānī	Ibn Mājah	'Abd al-Razzāq/al-Ṭabrānī
	38	Ibn 'Alī/al-Rāfi'ī	al-Rāfi'ī	al-Rāfi'ī	Tiada
	39	al-Ṭayālisī	al-Ṭayālisī/al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah/Aḥmad/al-Ṭabrānī	al-Ṭayālisī	al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah/Aḥmad/al-Ṭabrānī
	40	Tiada	Aḥmad/Ibn Abī Shaybah/al-Tirmidhī/al-Nasā'ī/al-Ṭabrānī/Ibn Ḥibbān/al-Bayhaqī	Tiada	Aḥmad/Ibn Abī Shaybah/al-Tirmidhī/al-Nasā'ī/al-Ṭabrānī/Ibn Ḥibbān/al-Bayhaqī

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	41	Tiada	Aḥmad/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/al-Ṭabrānī/al-Shāshī	Tiada	Aḥmad/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/al-Ṭabrānī/al-Shāshī
	42	al-Ṭabrānī	al-Ṭayālisī/al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah/Aḥmad/al-Ṭabrānī	al-Ṭabrānī	al-Ṭayālisī/al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah/Aḥmad
	43	Tiada	al-Ṭabrānī/ Abd Bin Ḥumayd/ al-Haythamī	Tiada	al-Ṭabrānī/ Abd Bin Ḥumayd/ al-Haythamī
	44	Tiada	al-Ṭabrānī	Tiada	al-Ṭabrānī
	45	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/Aḥmad/ Ibn Ḥibbān	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/Aḥmad/ Ibn Ḥibbān
	46	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	47	Tiada	al-Ghazālī	Tiada	al-Ghazālī
	48	Tiada	Abū Dāwud/ Aḥmad/al-Ṭayālisī/al-Ḥumaydī/al-Ṭabrānī/al-Ḥākim/Ibn Ḥibbān	Tiada	Abū Dāwud/ Aḥmad/al-Ṭayālisī/al-Ḥumaydī/al-Ṭabrānī/al-Ḥākim/Ibn Ḥibbān
	49	al-Ṭabrānī	al-Ṭabrānī	al-Ṭabrānī	Tiada
	50	Tiada	al-Bukhārī/al-Tirmidhī/ Aḥmad/al-Nasā'ī/ al-Ṭayālisī/al-Bazzār/al-Ḥākim/ Ibn Ḥibbān	Tiada	al-Bukhārī/al-Tirmidhī/ Aḥmad/al-Nasā'ī/ al-Ṭayālisī/al-Bazzār/al-Ḥākim/ Ibn Ḥibbān
	51	al-Ghazālī	al-Ghazālī	al-Ghazālī	Tiada
	52	Tiada	Ibn al-Ja'd	Tiada	Ibn al-Ja'd
	53	Tiada	al-Tirmidhī/al-Ṭabrānī/al-Dānī/ Ibn Abī al-Dunyā	Tiada	al-Tirmidhī/al-Ṭabrānī/al-Dānī/ Ibn Abī al-Dunyā
	54	Tiada	Ibn Abī Shaybah/ al-Ghazālī	Tiada	Ibn Abī Shaybah/ al-Ghazālī
	55	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/al-Tirmidhī/Aḥmad/ Ibn Ḥibbān/al-Bayhaqī/al-Ṭayālisī/Abū Ya'la al-Mūṣilī	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/al-Tirmidhī/Aḥmad/ Ibn Ḥibbān/al-Bayhaqī/al-Ṭayālisī/Abū Ya'la al-Mūṣilī

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	56	Tiada	Aḥmad/Abū Dāwud/al-Nasā'ī/ Ibn Ḥibbān/al-Ṭabrānī/al-Dārimī/Ibn Abī Shaybah	Tiada	Aḥmad/Abū Dāwud/al-Nasā'ī/ Ibn Ḥibbān/al-Ṭabrānī/al-Dārimī/Ibn Abī Shaybah
	57	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	58	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/Aḥmad/ al-Ṭabrānī/Ibn Khuzaymah/Abū Ya'la al-Mūṣilī	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/Aḥmad/ al-Ṭabrānī/Ibn Khuzaymah/Abū Ya'la al-Mūṣilī
	59 (i)	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim
	59 (ii)	Tiada	Abū Dāwud/Aḥmad/ Ibn Khuzaymah/al-Ḥākim	Tiada	Abū Dāwud/Aḥmad/ Ibn Khuzaymah/al-Ḥākim
	60	Tiada	al-Shawkānī	Tiada	al-Shawkānī
	61	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )
	62	Aḥmad/al-Nasā'ī/ al-Ḥākim	Aḥmad/ Ibn Ḥibbān/al-Nasā'ī/ al-Ḥākim	Aḥmad/al-Nasā'ī/ al-Ḥākim	Ibn Ḥibbān
	63	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	64	Tiada	Aḥmad/ Ibn Ḥibbān/al-Nasā'ī/ al-Ḥākim	Tiada	Aḥmad/ Ibn Ḥibbān/al-Nasā'ī/ al-Ḥākim
	65	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	66	Tiada	Muslim/ Aḥmad/Abū Dāwud/al-Tirmidhī/al-Dārimī/Ibn Khuzaymah/Ibn Ḥibbān/ al-Bayhaqī	Tiada	Muslim/ Aḥmad/Abū Dāwud/al-Tirmidhī/al-Dārimī/Ibn Khuzaymah/Ibn Ḥibbān/ al-Bayhaqī
	67	Tiada	Ibn Mājah/ Aḥmad/al-Ṭabrānī/al-Shāshī	Tiada	Ibn Mājah/ Aḥmad/al-Ṭabrānī/al-Shāshī
	68	Tiada	Aḥmad/ al-Aṣbahānī	Tiada	Aḥmad/ al-Aṣbahānī
	69	Tiada	Aḥmad/ al-Ṭabrānī/ Abū Ya'la al-Mūṣilī/ al-Kharā'itī	Tiada	Aḥmad/ al-Ṭabrānī/ Abū Ya'la al-Mūṣilī/ al-Kharā'itī

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	70	Tiada	Ibn Mājah/ Aḥmad/al-Ṭabrānī/ al-Kharā'itī	Tiada	Ibn Mājah/ Aḥmad/al-Ṭabrānī/ al-Kharā'itī
	71	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/al- Ṭabrānī/al- Kharā'itī	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/al- Ṭabrānī/al- Kharā'itī
	72	Tiada	Ibn Mājah/ Aḥmad/al- Ṭabrānī/al-Shāshī	Tiada	Ibn Mājah/ Aḥmad/al- Ṭabrānī/al-Shāshī
	73	Tiada	Muslim/Aḥmad/ al- Bayhaqī/al-Nasā'ī/ Ibn Abī Shaybah/Abū Ya'la al-Mūsilī	Tiada	Muslim/Aḥmad/ al-Bayhaqī/al- Nasā'ī/ Ibn Abī Shaybah/Abū Ya'la al-Mūsilī
	74	Tiada	al-Ghazālī	Tiada	al-Ghazālī
	75	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	76	Tiada	al-Ṭabrānī/al- Ḥākim/al-Bayhaqī/ Abū Ya'la al- Mūsilī	Tiada	al-Ṭabrānī/al- Ḥākim/al-Bayhaqī/ Abū Ya'la al- Mūsilī
	77	Tiada	Muslim/ Abū Dāwud/al- Tirmidhī/ Aḥmad/ al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān/ al-Bayhaqī	Tiada	Muslim/ Abū Dāwud/al- Tirmidhī/ Aḥmad/ al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān/ al- Bayhaqī
	78	al-Ghazālī	al-Ghazālī	al-Ghazālī	Tiada
	79	Tiada	al-Bukhārī/ Aḥmad/al-Ṭabrānī/ al-Ḥākim/al- Bayhaqī	Tiada	al-Bukhārī/ Aḥmad/al-Ṭabrānī/ al-Ḥākim/al- Bayhaqī
	80	Tiada	al-Quḍā'ī ( <i>Musnad al-Shihāb</i> )	Tiada	al-Quḍā'ī ( <i>Musnad al-Shihāb</i> )
	81	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	82	Tiada	al-Ṭabrānī/al- Bayhaqī	Tiada	al-Ṭabrānī/al- Bayhaqī
	83	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ al-Nasā'ī/al- Ṭabrānī/al-Bayhaqī	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ al-Nasā'ī/al- Ṭabrānī/al-Bayhaqī
	84	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ al- Nasā'ī/Aḥmad/al- Bayhaqī/al-Ṭayālisī	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ al- Nasā'ī/Aḥmad/al- Bayhaqī/al- Ṭayālisī
	85	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	86	Tiada	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/ al-Tabārī/ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī	Tiada	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/ al-Tabārī/ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī
	87	Tiada	Aḥmad/al-Bayhaqī/ Ibn Abī al-Dunyā/ al-Aṣbahānī /Abū al-Ḥusayn al-Bazzār al-Baghdādī	Tiada	Aḥmad/al-Bayhaqī/ Ibn Abī al-Dunyā/ al-Aṣbahānī /Abū al-Ḥusayn al-Bazzār al-Baghdādī
	88	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	89	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	90	Tiada	al-Ghazālī	Tiada	al-Ghazālī
	91	Tiada	al-Ghazālī	Tiada	al-Ghazālī
	92	Tiada	Aḥmad/al-Tirmidhī/al-Nasā’ī /al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah	Tiada	Aḥmad/al-Tirmidhī/al-Nasā’ī /al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah
	93	Muslim	Muslim/Aḥmad /al-Bayhaqī/Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	Muslim	Aḥmad /al-Bayhaqī/Abū Ya‘lā al-Mūṣilī
	94	Tiada	al-Bukhārī / Muslim/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/Ibn Ḥibbān	Tiada	al-Bukhārī / Muslim/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/Ibn Ḥibbān
	95	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā’ir</i> )	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā’ir</i> )
	96	Tiada	Aḥmad/ al-Ḥākim /Ibn Ḥibbān /Ibn Abī Shaybah/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	Tiada	Aḥmad/ al-Ḥākim /Ibn Ḥibbān /Ibn Abī Shaybah/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī
	97	Tiada	al-Ṭabrānī/al-Aṣbahānī	Tiada	al-Ṭabrānī/al-Aṣbahānī
	98	Tiada	al-Ghazālī	Tiada	al-Ghazālī
	99	Tiada	al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān /al-‘Uqaylī	Tiada	al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān /al-‘Uqaylī
	100	Tiada	Aḥmad/ al-Ṭabrānī/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim /Ibn Ḥibbān	Tiada	Aḥmad/ al-Ṭabrānī/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim /Ibn Ḥibbān
	101 (i)	Tiada	al-Ṭabrānī/ al-Ṭayālīsī/Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/al-‘Uqaylī	Tiada	al-Ṭabrānī/ al-Ṭayālīsī/Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/al-‘Uqaylī
	101 (ii)	Tiada	Aḥmad/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/ Ishāq Bin Rāhawayh	Tiada	Aḥmad/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/ Ishāq Bin Rāhawayh

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	102	Tiada	al-Bukhārī / Muslim/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ Ibn Ḥibbān/al-Ṭayālīsī	Tiada	al-Bukhārī / Muslim/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ Ibn Ḥibbān/al-Ṭayālīsī
	103	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	104	Tiada	Aḥmad/ Abū Dāwud/ al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Dārimī/al-Ṭayālīsī	Tiada	Aḥmad/ Abū Dāwud/ al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Dārimī/al-Ṭayālīsī
	105	Tiada	Abū Dāwud/al-Nasā'ī/al-Bayhaqī/ al-Ṭabrānī/al-Ḥākim/Ibn Ḥibbān/ al-Aṣbahānī	Tiada	Abū Dāwud/al-Nasā'ī/al-Bayhaqī/ al-Ṭabrānī/al-Ḥākim/Ibn Ḥibbān/ al-Aṣbahānī
	106	Tiada	al-Bukhārī / Muslim/Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Nasā'ī/ Ibn Ḥibbān	Tiada	al-Bukhārī / Muslim/Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Nasā'ī/ Ibn Ḥibbān
	107	Tiada	Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Dāraquṭnī/al-Ḥākim/ al-Aṣbahānī	Tiada	Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Dāraquṭnī/al-Ḥākim/ al-Aṣbahānī
	108	Tiada	al-Qudā'ī ( <i>Musnad al-Shihāb</i> )/ al-Rāmahurmuzī	Tiada	al-Qudā'ī ( <i>Musnad al-Shihāb</i> )/ al-Rāmahurmuzī
	109	Tiada	al-Ghazālī	Tiada	al-Ghazālī
	110	Tiada	al-Bayhaqī/ Sa'īd Bin Manṣūr/ Ibn Abī al-Dunyā	Tiada	al-Bayhaqī/ Sa'īd Bin Manṣūr/ Ibn Abī al-Dunyā
	111	Tiada	al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah/Ibn Abī al-Dunyā/al-Aṣbahānī	Tiada	al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah/Ibn Abī al-Dunyā/al-Aṣbahānī
	112	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	113	Tiada	Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim/ Ibn Ḥibbān	Tiada	Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim/ Ibn Ḥibbān



**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	114	al-Tirmidhī/ al-Ḥākim	Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim/ Ibn Ḥibbān	al-Tirmidhī/ al-Ḥākim	Aḥmad/ Abū Dāwud/ Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ Ibn Ḥibbān
	115	Tiada	Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim/ Ibn Ḥibbān/ Ibn Abī al-Dunyā	Tiada	Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim/ Ibn Ḥibbān/ Ibn Abī al-Dunyā
	116	Aḥmad/ al-Ṭabrānī	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/ Ibn Ḥibbān/ al-Ṭayālīsī/al-Ḥumaydī	Aḥmad	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/ Ibn Ḥibbān/ al-Ṭayālīsī/al-Ḥumaydī
	117	Abū Dāwud/ al-Nasā'ī	Aḥmad/ Abū Dāwud/ al-Nasā'ī	Abū Dāwud/ al-Nasā'ī	Aḥmad
	118	Muslim	Muslim/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah	Muslim	Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah
	119	Tiada	Muslim/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah	Tiada	Muslim/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Ibn Mājah
	120	al-Bukhārī/ Muslim	al-Bukhārī/ Muslim/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Aḥmad/ al-Bazzār/al-Ṭabrānī/Ibn Ḥibbān/ Abū Ya'la al-Mūsilī	al-Bukhārī/ Muslim	Abū Dāwud/al-Tirmidhī/Aḥmad/ al-Bazzār/al-Ṭabrānī/Ibn Ḥibbān/ Abū Ya'la al-Mūsilī
	121	al-Ṭabrānī	al-Ṭabrānī/Ibn 'Adī	al-Ṭabrānī	Ibn 'Adī
	122	Aḥmad	Muslim/Mālik/Ibn Ḥibbān/Ibn Khuzaymah	Tiada	Muslim/Mālik/Ibn Ḥibbān/Ibn Khuzaymah
	123	al-Aṣbahānī	Tiada	Tiada	Tiada
	124	al-Bukhārī/ Muslim	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/ Ibn Mājah/ Ibn Ḥibbān	al-Bukhārī/ Muslim	Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/ Ibn Mājah/ Ibn Ḥibbān

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	125	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/ Ibn Abī ‘Āṣim	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	Ibn Abī ‘Āṣim
	126 (i)	al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān	al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān	al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān	Tiada
	126 (ii)	al-Ṭabrānī/ Ibn Ḥibbān	Ibn Mājah/ al-Nasā’ī/ Ibn Ḥibbān	Ibn Ḥibbān	Ibn Mājah/ al-Nasā’ī
	127	<i>Dua orang sheikh</i> (al-Bukhārī/ Muslim)	Tiada	Tiada	Tiada
	128	al-Ṭabrānī/ al-Ḥākim	al-Ṭabrānī/ al-Bayhaqī/ al-Ḥākim/ al-Bazzār	al-Ṭabrānī/ al-Ḥākim	al-Bayhaqī/ al-Bazzār
	129	al-Bukhārī	al-Bukhārī/ al-Tirmidhī/ Abū Dāwud	al-Bukhārī	al-Tirmidhī/ Abū Dāwud
	130	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī/ al-Tirmidhī/ al-Bayhaqī/ Ibn Ḥibbān	Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	al-Tirmidhī/ al-Bayhaqī/ Ibn Ḥibbān
	131	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	132	al-Suyūṭī ( <i>Jāmi‘ al-Ṣaghīr</i> )	Aḥmad/ Abū Dāwud/ al-Nasā’ī/ al-Ṭabrānī/ al-Bayhaqī/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī	Tiada	Aḥmad/ Abū Dāwud/ al-Nasā’ī/ al-Ṭabrānī/ al-Bayhaqī/ Abū Ya‘lā al-Mūṣilī
	133	al-Ṭabrānī	al-Ṭabrānī	al-Ṭabrānī	Tiada
Kitab 2	1	Tiada	al-Ruwayānī/ al-Dārimī/ al-Ḥākim	Tiada	al-Ruwayānī/ al-Dārimī/ al-Ḥākim
	2	Tiada	al-Ṭayālīsī/ al-Bayhaqī/ Ibn Abī Shaybah/ Aḥmad/ al-Ṭabrānī	Tiada	al-Ṭayālīsī/ al-Bayhaqī/ Ibn Abī Shaybah/ Aḥmad/ al-Ṭabrānī
	3	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	4	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	5	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/ Ibn Mājah/ al-Nasā’ī/ Ibn Abī Shaybah/ al-Ṭabarī/ Ibn Abī Ḥātim/ al-Ṭahāwī	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/ Ibn Mājah/ al-Nasā’ī/ Ibn Abī Shaybah/ al-Ṭabarī/ Ibn Abī Ḥātim/ al-Ṭahāwī
	6	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	7	Tiada	al-Ḥākim/ al-Bazzār/ al-Bayhaqī	Tiada	al-Ḥākim/ al-Bazzār/ al-Bayhaqī
	8	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	9	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

**Jadual 4.11: Sambungan**

Kitab	Hadith	Sumber Riwayat Asal Pengarang	Hasil Takhrij	Persamaan dengan Hasil Takhrij	Tiada Persamaan dengan Hasil Takhrij
	10	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	11	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	12	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	13	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	14	Tiada	Aḥmad/al-Tirmidhī/al-Nasā'ī /al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah	Tiada	Aḥmad/al-Tirmidhī/al-Nasā'ī /al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah
	15	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/ al-Ṭabrānī/ al-Bayhaqī/Ibn Ḥibbān/ al-Quḍā'ī	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ Abū Dāwud/al-Tirmidhī/ al-Ṭabrānī/ al-Bayhaqī/Ibn Ḥibbān/ al-Quḍā'ī
	16	Tiada	al-Bazzār/ Aḥmad/ Ibn Mājah/ al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah	Tiada	al-Bazzār/ Aḥmad/ Ibn Mājah/ al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī/Ibn Abī Shaybah
	17	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/ Ibn Mājah/ al-Nasā'ī/ Ibn Abī Shaybah/al-Ṭabari/Ibn Abī Ḥātim/al-Ṭaḥāwī	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/ Ibn Mājah/ al-Nasā'ī/ Ibn Abī Shaybah/al-Ṭabari/Ibn Abī Ḥātim/al-Ṭaḥāwī
	18	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	19	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	20	Tiada	Abū Shujā'	Tiada	Abū Shujā'
	21	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ al-Nasā'ī/al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī	Tiada	al-Bukhārī/ Muslim/ Aḥmad/ al-Nasā'ī/al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī
	22	Tiada	al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī/ Sa'īd Bin Manṣūr/ Ibn Abī al-Dunyā	Tiada	al-Ṭabrānī/al-Bayhaqī/ Sa'īd Bin Manṣūr/ Ibn Abī al-Dunyā
	23	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/ al-Nasā'ī/Ibn Khuzaymah/ Abū Ya'lā al-Mūsīlī	Tiada	Muslim/ Aḥmad/ al-Tirmidhī/ al-Nasā'ī/Ibn Khuzaymah/ Abū Ya'lā al-Mūsīlī
	24	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )	Tiada	al-Dhahabī ( <i>Al-Kabā'ir</i> )

### 4.4.3 Ulasan

Perbandingan dalam jadual di atas dilakukan terhadap 160 buah hadith yang telah ditampilkan dari 2 buah kitab kajian. Hasil penelitian daripada perbandingan sumber periwayatan hadith yang dinyatakan oleh pengarang-pengarang tersebut, terdapat sejumlah 36 buah hadith yang dinyatakan pengarang mempunyai persamaan dengan hasil takhrij dengan menyamai kesemuanya atau salah satu diantaranya. Manakala sebanyak 129 buah hadith adalah tidak menyamai sumber sandaran hadith para pengarang kitab iaitu perbezaan secara keseluruhan atau berbeza salah satu daripadanya. Perbezaan yang jelas adalah daripada jumlah periwayat hadith yang dikemukakan dan hasil takhrij. Dimana berlaku dari segi penambahan dan pengurangan daripada jumlah periwayat yang ditemukan melalui hasil takhrij dengan catatan pengarang kitab berkenaan sumber periwayatan hadith mereka. Ketiadaan persamaan dari sudut perbandingan hasil takhrij dengan sumber riwayat asal pengarang kitab adalah berpunca daripada pengarang kitab tidak menyatakan sumber periwayatan hadith iaitu sebanyak 120 buah hadith.

Selain itu sebanyak 16 buah hadith dikategorikan sebagai riwayat yang berulang dalam kajian ini dan dicatatkan sebanyak 35 buah hadith dikategorikan sebagai tiada ditemui sebarang periwayatan atau sandaran setelah melalui proses takhrij. Setelah itu terdapat 5 buah hadith yang dinyatakan oleh pengarang menyalahi hasil takhrij. Sebagai contoh pengarang kitab menyatakan hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim atau riwayat Aḥmad dan sebagainya tetapi setelah proses takhrij dilakukan, hadith tersebut tidak ditemui dalam kitab-kitab yang dinyatakan. Sebaliknya ia ditemui dalam sumber yang lain atau tidak ditemui. Kesalahan pengarang kitab dalam menyatakan sumber hadith tersebut adalah disebabkan pengarang kitab menukilkan atau memindahkan hadith tersebut daripada hujah-hujah yang dikemukakan oleh kitab rujukan pengarang seperti *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan sebagainya. Oleh itu, dapatan

daripada takhrij yang dilakukan oleh penulis dapat memurnikan kembali keadaan tersebut disamping memperbaiki mutu kitab-kitab tersebut. Faedahnya, para pembaca atau pengkaji seterusnya akan dapat mengetahui sumber hadith yang sebenar, seterusnya dapat mengelakkan dari kesalahan tersebut.

**BAB**  
**LIMA**

## BAB LIMA

### KESIMPULAN DAN SARANAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dan penulis membahagikan bab ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan rumusan ataupun kesimpulan yang menjawab permasalahan dan objektif kajian ini. Bahagian kedua pula adalah saranan dan cadangan yang sewajarnya diambil oleh pihak-pihak berkenaan bagi penyelesaian terhadap permasalahan yang dikaji.

#### 5.2 Rumusan

##### 5.2.1 Sejarah Perkembangan dan Metodologi Penulisan Hadith-hadith Munakahat dalam Kitab-Kitab Jawi di Nusantara

- i. Secara umumnya, perkembangan penulisan hadith-hadith dalam kitab-kitab jawi terutamanya dalam aspek munakahat adalah begitu terhad. Penulisan dalam bidang tafsir, hadith dan lain-lain tidak diberi perhatian sebaiknya oleh ulama Nusantara pada era itu dan telahan awal yang boleh dilakukan penulis adalah berkemungkinan ia disebabkan faktor keperluan pada waktu itu yang lebih terfokus kepada isu-isu dasar Islam, perkara ibadah dan perbahasan tauhid. Justeru itu, perbahasan atau penulisan dalam bidang hadith tidak begitu menonjol apatah lagi menfokuskan topik hadith dalam skop yang lebih kecil seperti dalam topik munakahat, walaupun tidak dinafikan keberadaan karya-karya dalam topik tersebut.
- ii. Dapatan kajian yang ditemui penulis menunjukkan sebanyak 20 buah karya jawi yang dikenalpasti mempunyai kaitan dengan aspek munakahat khususnya pada sebelum era 20-an yang dimulai dengan karya *Kitab Undang-undang Melaka*, *Kitab Undang-undang Laut*, sehinggalah kepada kemunculan kitab *Muhimmah* karya

Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim al-Fatani. Kemudian, disusuli pula dengan penemuan beberapa penulisan pada era yang berikutnya dengan percetakan yang lebih moden dan lebih bersistematik berbanding penulisan sebelum era 20-an.

- iii. Penulis mendapati penulisan hadith-hadith munakahat dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu **“penulisan dalam bab-bab tertentu”** dan penulisan yang dilakukan dalam **“bentuk pembukuan secara khusus”**. Sebanyak 13 buah kitab disenaraikan penulis dalam kategori yang pertama. Manakala, dalam kategori yang kedua hanya 5 buah kitab sahaja yang dapat disenaraikan. Penulisan dalam kategori kedua adalah kurang, berkemungkinan disebabkan kepakaran yang diperlukan pengarang dalam kategori ini adalah tinggi serta semestinya memiliki keluasan ilmu dalam menghasilkan sesebuah kitab yang mana penulisan sepenuhnya adalah menfokuskan kepada topik munakahat sahaja.

### **5.2.2 Bentuk Metodologi Penulisan Hadith daripada Kedua-dua Kitab yang dikaji.**

- i. Setelah pengamatan dilakukan, penulis telah meletakkan aspek metodologi penulisan hadith dinilai melalui dua perkara utama ini iaitu dari segi sanad dan matan hadith. Penulis mendapati terdapat persamaan metodologi penulisan hadith bagi kedua-dua buah kitab yang dikaji dan juga terdapat beberapa perbezaan antara keduanya.
- ii. **Penilaian dari sudut sanad:** penulis mendapati persamaan metodologi bagi kedua-dua kitab adalah sebahagian hadith mengemukakan perawi tertinggi hadith (*rawī a' lā*) dan sebahagian hadith tidak dikemukakan periwayatnya. Namun, perbezaannya adalah sebahagian hadith-hadith yang dibawa dalam kitab *Muhimmah* dikemukakan periwayatnya seperti diriwayat oleh al-Bukhārī, Muslim dan lain-lain. Manakala kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* adalah sebaliknya.



Sebahagian hadith dari kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* didatangkan dalam bentuk *mursal*. Status dan darjat hadith bagi kedua-dua buah kitab tidak dinyatakan sama sekali oleh pengarang asal kitab.

**iii. Penilaian dari sudut matan:** Persamaan dari sudut metodologi penulisan matan hadith pula adalah kedua-dua buah kitab mendatangkan sebahagian hadith dalam bentuk terjemahan Melayu Jawi. Kedua-dua kitab juga turut memiliki penggunaan kalimah-kalimah tertentu dalam menyatakan sesebuah matan hadith seperti **citra**, **khabar**, **warid**, dan lain-lain. Perbezaan antara kedua-dua buah kitab pula adalah sebahagian hadith-hadith kitab *Muhimmah* didatangkan dalam bahasa arab atau dalam bentuk kefahaman hadith semata-mata. Manakala, hadith-hadith dalam kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, kesemuanya adalah dalam terjemahan Melayu Jawi.

### 5.2.3 Hasil Takhrij dan Analisis Hadith

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan terhadap hadith-hadith munakahat ini, beberapa kesimpulan dapat dirumuskan, ianya adalah seperti berikut:

- i. Tidak banyak kajian yang dihasilkan sebagaimana yang dilakukan oleh penulis, iaitu mentakhrij hadith daripada kitab-kitab yang memaparkan hadith-hadith dalam aspek munakahat dari manuskrip-manuskrip Melayu Jawi sekitar kurun ke-18 dan ke-19. Kebanyakan kajian yang ditemui penulis adalah lebih cenderung kepada mentakhrij hadith dari kitab-kitab dalam bidang yang lain seperti tasauf, aqidah dan sebagainya.
- ii. Penulis hanya menemui 160 hadith atau teks berbahasa Arab dan Melayu dengan pelbagai darjat dan jenis. Penulis mendapati daripada 160 teks hadith yang ditampilkan daripada kitab *Muhimmah* dan tiga buah bab daripada kitab *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, 52 daripadanya merupakan hadith *ṣaḥīḥ* atau 32.5% dari keseluruhan hadith yang ditemui oleh penulis. Setelah itu 4 buah teks

hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrih* atau bersamaan 2.5%, 7 buah teks hadith berstatus *ḥasan* bersamaan dengan 4%, 3 buah teks hadith *ḥasan lighayrih* bersamaan dengan 2%, hadith *ḍa‘īf* sebanyak 27 buah teks hadith bersamaan dengan 17%, 8 buah teks hadith adalah *ḍa‘īf jiddān* bersamaan dengan 5%, 5 buah teks hadith merupakan hadith *mawḍū‘* bersamaan dengan 3%, 6 buah teks hadith berstatus “tiada asal” bersamaan dengan 4%. Manakala, bagi hadith yang tidak diketahui hukumnya adalah sebanyak 38 buah hadith bersamaan 24%, dan lafaz atau *athar Ṣaḥābah* adalah sebanyak 10 buah teks bersamaan dengan 6%.

- iii. Penelitian dan saringan yang dilakukan melalui proses takhrij, penulis mendapati hadith-hadith daripada pengarang kitab *Muḥimmah* iaitu Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani adalah bersumber dari 56 buah kitab. Manakala, hadith-hadith dari tiga buah bab daripada kitab *Jam‘ al-Fawa‘id wa Jawāhir al-Qalā‘id* oleh Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani adalah bersumber dari 29 buah kitab.
- iv. Penulis mendapati pada kitab *Muḥimmah*, jumlah hadith yang terbanyak adalah dari riwayat Aḥmad iaitu dari musnadnya sebanyak 44 teks hadith, diikuti oleh riwayat al-Ṭabrānī dari tiga buah kitabnya iaitu *Mu‘jam al-Kabīr*, *Mu‘jam al-Awsaṭ* dan *Mu‘jam al-Ṣaḡhīr* sebanyak 39 teks hadith. Setelah itu riwayat al-Bayhaqī dari dua buah kitabnya iaitu *Sunan al-Kubrā* dan *Jāmi‘ Shu‘ab al-Imān* sebanyak 38 teks hadith, 30 teks hadith dari riwayat Ibn Ḥibbān, 27 teks hadith dari riwayat al-Tirmidhī dari sunannya, diikuti pula 26 buah teks hadith riwayat Muslim, 23 buah teks hadith bagi setiap dari riwayat Abū Dāwud dan Ibn Mājah dari kitab sunan mereka. 21 buah teks hadith dari al-Ḥākim, 19 teks hadith dari al-Bukhārī, 17 teks hadith dari al-Nasā‘ī iaitu dari dua buah kitabnya *Sunan al-Kubrā* dan *Sunan al-Nasā‘ī*. 16 teks hadith dari Abū Ya‘lā, 11 teks hadith dari Ibn Abī Shaybah, 10 teks hadith dari al-Ṭayālīsī. Riwayat al-Bazzār dari musnadnya dan al-Ghazālī dari kitab *Iḥyā‘ ‘Ulūm al-Dīn* masing-masing adalah 9 buah teks hadith, 7 buah teks hadith

dari riwayat Ibn Khuzaymah. Riwayat al-Dārimī, Ibn Abī Dunyā dan Abu Nu‘aym al-Aṣbahānī masing-masing meriwayatkan 5 buah teks hadith. 4 buah teks hadith dari al-Dhahabī dari kitab *al-Kabā’ir*. Riwayat al-Razzāq, al-Shāshī dan al-Kharā’iṭī masing-masing sebanyak 3 buah teks hadith. Riwayat al-Ruwiyanī, Ibn ‘Adī, al-Ḥumaydī, al-Quḍā’ī dan al-‘Uqaylī masing-masing adalah sebanyak 2 buah teks hadith. Manakala, selebihnya dari Mālik Bin Anas, al-Dāruquṭnī, al-Khaṭīb al-Baghdādī, Ibn ‘Asākir, Ibn Abī ‘Āṣim, Sa‘īd Bin Manṣūr, al-Rāfi‘ī, ‘Abd Bin Ḥumayd, al-Haythamī, Ibn al-Ja‘d, al-Dānī, al-Shawkānī, al-Ṭabari, Hajar al-‘Asqalānī, Abū al-Ḥusayn al-Bazzār al-Baghdādī, Ishāq Bin Rāḥawayh, al-Rāmahurmuzī, Muḥammad Bin ‘Āṣim Bin ‘Abd Allah al-Aṣbahānī dan Ibn Bāz masing-masing adalah sebanyak 1 buah teks hadith. Manakala yang tidak ditemui adalah sebanyak 24 buah teks hadith.

- v. Hasil penelitian dan saringan yang dilakukan terhadap kitab *Jam‘ al-Fawā’id Wa Jawāhir al-Qalā’id*, penulis mendapati hadith-hadith yang dibawa pengarang kitab iaitu Syekh Dawud Bin Abdullah al-Fatani adalah bersumber daripada 29 buah kitab. Jumlah hadith terbanyak adalah dari riwayat Aḥmad sebanyak 8 buah teks hadith, diikuti sebanyak 7 buah teks hadith dari riwayat al-Bayhaqī. Kemudian, diikuti oleh riwayat Muslim, al-Tirmidhī, al-Nasā’ī, al-Ṭabrānī dan Ibn Abī Shaybah yang mana masing-masing adalah sebanyak 5 buah teks hadith. Setelah itu, 3 buah teks hadith bagi riwayat Ibn Mājah, manakala 2 buah teks hadith bagi setiap riwayat al-Bukhārī, al-Ḥākim, al-Bazzār, al-Ṭabari, al-Taḥāwī dan Ibn Abī Ḥātim. Selebihnya seperti dari riwayat al-Ṭayālīsī, al-Ruwiyanī, Ibn Khuzaymah, al-Dārimī, Ibn Abī Dunyā, Abū Dāwud, al-Dhahabī, Ibn Ḥibbān, Abū Ya‘lā, al-Quḍā’ī, Sa‘īd Bin Manṣūr dan al-Hamadhānī masing-masing adalah sebanyak 1 buah teks hadith. Manakala yang tidak ditemui periwayatannya adalah sebanyak 11 buah teks hadith.

- vi. Hasil penelitian keseluruhan perbandingan antara sumber hadith yang dinyatakan oleh pengarang-pengarang kitab tersebut dengan hasil takhrij, terdapat sejumlah 36 buah hadith yang dinyatakan pengarang mempunyai persamaan dengan hasil takhrij dengan menyamai kesemuanya atau salah satu diantaranya. Manakala sebanyak 129 buah hadith adalah tidak menyamai sumber sandaran hadith para pengarang kitab iaitu perbezaan secara keseluruhan atau berbeza salah satu daripadanya.
- vii. Penulis mendapati sebanyak 16 buah hadith dikategorikan sebagai riwayat yang berulang dalam kajian ini dan dicatatkan sebanyak 35 buah hadith dikategorikan sebagai tiada ditemui sebarang kitab sandaran setelah melalui proses takhrij. Terdapat 5 buah hadith yang dinyatakan oleh pengarang menyalahi hasil takhrij. Misalnya, pengarang kitab menyatakan hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim tetapi setelah dilakukan proses takhrij, didapati hadith tersebut tidak ditemui dalam kitab-kitab sepertimana yang diriwayatkan. Sebaliknya ia ditemui dalam sumber yang lain. Kesalahan pengarang kitab dalam menyatakan sumber hadith tersebut adalah disebabkan pengarang kitab menukikan atau memindahkan hadith tersebut daripada hujah-hujah yang dikemukakan oleh kitab rujukan pengarang seperti *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan sebagainya. Takhrij yang dilakukan oleh penulis sedikit sebanyak dapat memurnikan kembali keadaan tersebut serta mampu untuk memberikan fakta atau maklumat yang betul dan tepat berkenaan sumber asal hadith-hadith tersebut.

### **5.3 Saranan dan Cadangan**

- i. Hadith-hadith yang dibawa sebahagian besarnya adalah bertaraf *maqbul*, namun hadith-hadith bertaraf *mardūd* juga tidak seharusnya dibiarkan tanpa sebarang penerangan lanjutan berkenaannya. Ini kerana sebahagian hadith-hadith ini jelas melibatkan hukum hakam dalam agama dan sekiranya tidak diperjelaskan kepada

masyarakat umum, dikhuatiri salah faham terhadap agama semakin menjadi-jadi dan ada kemungkinan juga ia kembali menjadi fitnah kepada agama. Oleh itu, Pihak-pihak yang bertanggungjawab terutamanya yang terlibat secara langsung dalam pengajian hadith sama ada dari sudut pengajaran secara langsung mahupun melibatkan diri dalam bidang percetakan iaitu yang menerbitkan bahan-bahan bacaan agama seharusnya mengambil berat akan hal-hal sebegini. Institusi-institusi seperti pihak JAKIM atau seluruh badan-badan agama dan guru-guru agama turut berperanan dalam memantau, menjelaskan dan berusaha membendung masyarakat umum daripada penyelewengan terhadap agama terutamanya dalam memastikan setiap hadith yang dikeluarkan oleh sesiapa sahaja sama ada melalui tulisan atau ucapan, diteliti dan melalui proses penyaringan, disusuli pula dengan penerangan-penerangan yang jelas berkenaan salah faham terhadap agama atau melalui kajian-kajian terkini yang turut membantu memperkukuhkan lagi kefahaman terhadap agama Islam.

- ii. Usaha mentakhrij hadith dan mentahqiq penulisan daripada karya-karya jawi nusantara sangat diperlukan. Ini kerana umumnya penulisan-penulisan ulama nusantara tidak begitu mengambil berat disiplin *ahl al-Ḥadīth* ketika mendatangkan hadith dalam karya mereka. Situasi ini memberi kesan terutamanya kepada pembaca dari kalangan masyarakat awam dalam menentukan status atau darjat sesebuah hadith. Hakikatnya, usaha-usaha sebegini adalah suatu sumbangan yang besar dalam dunia Islam secara umumnya dan nusantara khususnya. Ia juga memberi nilai tambah kepada karya-karya jawi tersebut dalam memperkemaskan kembali intipati atau kandungan penulisan serta sekali gus mengangkat dan menonjolkan keistimewaan karya-karya jawi.
- iii. Pengajian hadith di Malaysia, seharusnya diusahakan dengan lebih meluas dan giat lagi bagi memperkenalkannya kepada masyarakat. Pihak-pihak berwajib perlu

memainkan peranan penting dalam memperkenalkan disiplin ilmu ini kepada umum. Kelas-kelas yang dianjurkan kepada masyarakat umum mengenai disiplin ilmu ini seharusnya berjalan seiring dengan kelas-kelas disiplin ilmu lain, sehinggakan masyarakat mampu mengaplikasikan ilmu hadith yang dipelajari ketika berinteraksi dengan ilmu-ilmu yang lainnya.

## BIBLIOGRAFI

### Buku Melayu

- “Penulis tidak diketahui”, *Panduan Perkahwinan: Kepada Bakal Pengantin (Siri 29, al-Iman)*, Terengganu: Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, t.t.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Abu Hassan bin Mohd Sham. *Syarahana Perdana “Ulama Nusantara: Antara Penghasilan Karya Kreatif dan Kitab Jawi”* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2004.
- Forum Kajian Islam Tradisional Pasuruan, M. Idrus Ramli (ed.). *Menguak Kebatilan Dan Kebohongan Sekte FK3 dalam Buku “Wajah Baru Relasi Suami-Istri Telaah Kitab ‘Uqud al-Lujayn”*, cet. 1, Pasuruan: Rabithah Ma’ahid Islamiyah Cabang Kabupaten Pasuruan, 2004.
- Hajah Noresah bt. Baharom et. al. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, cet. ke-7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Haji Abdul Ghani Bin Haji Yahya. *Idaman Penuntut Pada Menghuraikan Yang Kusut (Ilmu Fikah)*, cet. ke-7, Kuala Lumpur: Syarikat Bajrai, 2011.
- Jamaluddin Hashim, “Metode Penulisan Fiqh oleh Nur al-Din al-Raniri Dalam kitab *al-Sirat al-Mustaqim*”, *Jurnal Syariah* 17 (Bil. 2, 2009), 267 - 298.
- Mahayudin Hj. Yahaya. *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Manna‘ Khalil al-Qattan. *Cara Mudah Memahami Ilmu-Ilmu Hadith*, terj. Abu Ezzat al-Mubarak, cet. 1, Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd., 2006.
- Mohd Zamberi A. Malek. *Pensejarahan Patani*, cet. 1, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Syeikh ‘Abdullah Ibnu ‘Abdur Rahim Fathani & Syeikh ‘Abdul Ra’uf Fanshuri Aceh. *Muhimmah & al-Mawa’izd al-Badi’ah*, terj. Noraine Abu, cet. ke-6, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2010.
- Syeikh ‘Abdullah Ibnu ‘Abdur Rahim Fathani. *Kitab Muhimmah*, terj. Ustaz Wan Ji B. Wan Hussin, cet. 1, Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2012.
- \_\_\_\_\_. *Muhimmah*, cet. ke-4, Fatani: Fatani Press, 1964.
- Syeikh Ali Bin Abdul Rahman al-Kalantani. *Al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub*, t.tp.: Maktabah wa Matba’ah Muhammad al-Nahdi wa Awladihi, t.t.

Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani. *Al-Jawahir al-Saniyyah*, t.tp.: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuhu, t.t.

\_\_\_\_\_. *Idah al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Şawāb*, Patani: Matba'ah Bin Halabi, t.t..

\_\_\_\_\_. *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, t.tp.: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuhu, t.t.

Wahbah al-Zuhaili. *Fiqh & Perundangan Islam*, terj. Syed Ahmad Syed Hussain et al., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

## Buku Arab

'Abd al-Razzāq, Abū Bakr 'Abd al-Razzāq Bin Hammām al-Şan'ānī. *al-Muṣannaḡ 'Abd al-Razzāq*, ed. Ḥabīb al-Raḡman al-A'ẓamī. cet. ke-2, Beirut: Maktab al-Islāmī, 1983.

'Abd Bin Ḥumayd. *al-Muntakhab min Musnad 'Abd Bin Ḥumayd*, ed. Abū 'Abd Allah Muṣṡafā Bin al-'Adawī, cet. ke-2, Riyadh: Dār al-Balansiyyah, 2002.

Abū 'Abd Allah Maḡmūd Bin Muḡammad al-Ḥaddād, ed., *Takhrīj Aḡādīth Iḡyā' 'Ulūm al-Dīn li al-'Irāqī wa al-Subkī wa al-Zabīdī*, Riyadh: Dār al-'Āşimah, 1987.

Abū al-Ḥusayn Muḡammad Bin al-Muzaffar al-Bazzār. *Gharā'ib Ḥadīth al-Imām Mālik Bin Anas*, ed. Abū 'Abd al-Bārī Riḡā Bin Khālīd al-Jazā'irī. Riyadh: Dār al-Salaf, 1997.

Abū Dāwud, Abū Dāwud Sulaymān Bin al-Ash'ath Bin Ishāq al-Azdī al-Sajastānī. "Sunan Abī Dāwud," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Şarīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Şālīḡ Bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000.

\_\_\_\_\_. *Sunan Abī Dāwud*, ed. Abu 'Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.

Abū Nu'aym Al-Aşbahānī, Aḡmad Bin 'Abd Allah Bin Aḡmad Bin Ishāq Bin Mahrān. *Ma'rifah al-Şaḡābah li Abī Nu'aym al-Aşbahānī*, ed. 'Ādil Bin Yūsuf al-'Azāzī. Riyadh: Dār al-Waṡan li al-Nashr, 1998.

\_\_\_\_\_. *Ḥilyah al-Awliyā' wa ṡabaqāt al-Aşfiyā'*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988.

Abū Shujā' Şhīrawayh Bin Shahrādār al-Ḥamadhānī, *al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṡāb*, ed. Al-Sa'īd Bisayūnī Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986.

Abū Ya'lā, Aḡmad Bin 'Alī Bin al-Muthannā Al-Tamīmī. *Musnad Abī Ya'lā al-Mūşilī*, ed. Ḥusayn Salīm Asad. Beirut: Dār al-Ma'Mūn li al-Turāth, 1986.

Al-'Aşqalānī, Aḡmad Bin 'Alī Bin Ḥajar. *al-Maṡālib al-'Āliyyah bi Zawā'id al-Masānīd al-Thamāniyyah*, ed. Qāsim Bin Şālīḡ al-Qāsim, Riyadh: Dār al-'Āşimah, 2000.



Al-‘Irāqī, Zayn al-Dīn ‘Abd al-Raḥīm Bin al-Ḥusayn. *al-Mughnī ‘an Ḥamli al-Aṣfār fī al-Aṣfār fī Takhrīj Mā fī al-Iḥyā’ min al-Akḥbār*, ed. Abū Muḥammad Ashraf Bin ‘Abd al-Maqṣūd, Riyadh: Maktabah Ṭabariyyah, 1995.

Al-‘Uqaylī, Abū Ja‘far Muḥammad Bin ‘Amr Bin Mūsā Bin Ḥammād. *Kitāb al-Du‘afā’*, ed. Ḥamdī Bin ‘Abd al-Majīd Bin Ismā‘īl al-Salafī, Riyadh: Dār al-Samay‘i li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. *Da‘īf al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr wa Ziyādatih*, ed. Zahīr al-Shāwīsh, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, t.t.

\_\_\_\_\_. *Da‘īf al-Targhīb wa al-Tarhīb*, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

\_\_\_\_\_. *Da‘īf Sunan Abī Dawud*, Kuwait: Muassasah Ghirās li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2002.

\_\_\_\_\_. *Ṣaḥīḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr wa Ziyādatih*, cet. ke-3, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1988.

\_\_\_\_\_. *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

\_\_\_\_\_. *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāwud*, Kuwait: Muassasah Ghirās li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2002.

\_\_\_\_\_. *Silsilah al-Aḥādīth al-Da‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 1988.

\_\_\_\_\_. *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah wa Shay’ min Fiqihā wa Fawā’idihā*, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1995.

Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin ‘Alī. *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*, ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī et al. Riyadh: Maktabah al-Rushd li Nashr wa al-Tawzī‘, 2003.

\_\_\_\_\_. *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Atā. cet. ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.

\_\_\_\_\_. *al-Sunan al-Ṣaghīr*, ed. ‘Abd al-Mu‘tī Amīn Qal‘ajī. Karachi: Jāmi‘ah al-Dirāsāt al-Islamiyyah, 1989.

Al-Bazzār, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Amr bin ‘Abd al-Khāliq al-‘Atakīy al-Bazzār. *al-Baḥr al-Zakḥkḥār al-Ma‘rūf bi Musnad al-Bazzār*, ed. ‘Ādil bin Sa‘d et al. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥukm, 2006.

Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Ismā‘īl Bin Ibrāhīm Bin al-Mughīrah Bin Bardizbah, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ Bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

- \_\_\_\_\_. *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allah Ṣallā Allah 'Alayh wa Sallam wa Sunanihi wa Ayyāmihī*, ed. Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb. Kaḥerah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1979.
- \_\_\_\_\_. *Kitāb al-Adab al-Mufrad*, ed. Samīr Bin Amīn al-Zuhayrī. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1998.
- Al-Dānī, Abū 'Amrū 'Uthmān Bin Sa'īd al-Muqri'. *al-Sunan al-Wāridah fī al-Fitan wa Ghawā'iluhā wa al-Sā'ah wa Ashrātihā*, ed. Riḍā' Allah Bin Muḥammad Idrīs al-Mubārakfūrī. Riyadh: Dār al-'Āshimah, t.t.
- Al-Dārimī, Abū Muḥammad 'Abd Allah Bin 'Abd al-Raḥman Bin al-Faḍl Bin Bahrām Bin 'Abd Ṣamad. *Musnad al-Dārimī al-Ma'rūf bi Sunan al-Dārimī*, ed. Ḥusayn Salīm Asad al-Dārānī. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000.
- Al-Dāraquṭnī, 'Alī Bin 'Umar. *Sunan al-Dāraquṭnī*, ed. Shu'ayb al-Arna'ūṭ. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004.
- Al-Dhahabī, Abū 'Abd Allah Muḥammad Bin Aḥmad Bin 'Uthmān, *Mizān al-'Itidāl Fī Naqd al-Rijāl*, ed. 'Alī bin Muḥammad al-Bajāwī. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.
- \_\_\_\_\_. *al-Kabā'ir*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.
- \_\_\_\_\_. *Siyar A'lām al-Nubalā'*, ed. Shu'ayb al-Arna'ūṭ. cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1982.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Bin Muḥammad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Semarang: Karya Taha Putera, t.t.
- Al-Ḥākim, Abū 'Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūrī. *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, ed. Abū 'Abd al-Raḥman Muqbil bin Hādī al-Wādī'ī. Kaḥerah: Dār al-Ḥaramayn li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1997.
- \_\_\_\_\_. *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, ed. Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Al-Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī Bin Abī Bakr. *Bughyah al-Bāḥith 'an Zawā'id Musnad al-Ḥārith*, ed. Ḥusīn Aḥmad Ṣāliḥ al-Bākiri. Madinah al-Munawwarah: Markaz Khidmah al-Sunnah wa al-Sīrah al-Nabawiyyah, al-Jāmi'ah al-Islamiyyah, 1992.
- \_\_\_\_\_. *Bughyah al-Rā'id fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, ed. 'Abd Allah Muḥammad al-Darwīsh. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- \_\_\_\_\_. *Majma' al-Baḥrayn fī Zawā'id al-Mu'jamayn*, ed. 'Abd al-Quddūs Bin Muḥammad Nadhīr. Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1992.
- \_\_\_\_\_. *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.).
- Al-Ḥumaydī, Abū Bakr 'Abd Allah Bin al-Zubayr al-Qurashī. *Musnad al-Ḥumaydī*, ed. Ḥusayn Salīm Asad. Dimashq: Dār al-Saqā, 1996.

- Al-Kharā'ī, Abū Bakr Muḥammad Bin Ja'far Bin Sahl al-Sāmīrī, *Makārim al-Akhlāk wa Ma'ālihā wa Maḥmūd Tarā'iqihā*, ed. Ayman 'Abd al-Jābir al-Buhayrī. Kaherah: Dār al-Afāq al-'Arabiyyah, 1999.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī bin Thābit, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, ed. Bashshār 'Awwād Ma'rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2001.
- Al-Khaṭīb al-Tibrīzī, Muḥammad Bin 'Abd Allah, *Mishkāt al-Maṣābiḥ*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. cet. ke-2, Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1979.
- Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Hujjāj Yūsuf. *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā'i al-Rijāl*, ed. Bashshār 'Awwād Ma'rūf. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1992.
- Al-Nasā'ī, Abū 'Abd al-Raḥman Aḥmad bin Shu'ayb bin 'Alī. *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Ḥasan 'Abd al-Mun'im al-Shalabī. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001.
- \_\_\_\_\_. *Sunan al-Nasā'ī*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.
- Al-Quḍā'ī, Abū 'Abd Allah Muḥammad Bin Salāmah. *Musnad al-Shihāb*, ed. Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985.
- Al-Rāfi'ī, 'Abd al-Karīm Bin Muḥammad al-Rāfi'ī al-Qazwīnī. *al-Tadwīn fī Akhbār Qazwīn*, ed. 'Azīz Allah al-'Aṭarīdī. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1987.
- Al-Rāmahurmuzī, Abū Muḥammad al-Ḥasan Bin 'Abd al-Raḥman Bin Khallād. *Kitāb Amthāl al-Ḥadīth*, ed. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd al-A'zamī. Bombay: Al-Dār al-Salafīyyah, 1983.
- Al-Rāzī, 'Abd Raḥman Bin Muḥammad Bin Idrīs Bin Abī Ḥatīm. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, ed. As'ad Muḥammad al-Ṭayyib. Riyadh: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz, 1997.
- Al-Ruwiyānī, Abū Bakr Muḥammad Bin Hārūn. *Musnad al-Ruwiyānī*, ed. Ayman 'Alī Abū Yamānī. Kaherah: Muassasah Qurṭubah, 1995.
- Al-Shāshī, Abū Sa'id al-Haytham Bin Kulayb al-Shāshī. *al-Musnad li al-Shāshī*, ed. Maḥfūz al-Raḥman Zayn Allah. al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1993.
- Al-Shawkānī, Muḥammad Bin 'Alī. *al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*, ed. Riḍwān Jāmi' Riḍwān. Riyadh: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz Makkah al-Mukarramah, t.t.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad Bin Jarīr Bin Yazīd. *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, ed. Maḥmūd Muḥammad Shākīr. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.
- \_\_\_\_\_. *Tahdhīb al-Āthār wa Tafṣīlu al-Thābit 'An Rasūl Allah Ṣallā Allah 'Alayh wa Sallam Min al-Akhbār*, ed. Maḥmūd Muḥammad Shākīr. Kaherah: Maṭba'ah al-Madani, t.t.

- Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad. *al-Muʿjam al-Awsaṭ*, ed. Abū Muʿādh Ṭāriq bin ʿIwaḍ Allah bin Muḥammad. Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.
- \_\_\_\_\_. *al-Muʿjam al-Kabīr*, ed. Ḥamdī ʿAbd al-Majīd al-Salafī. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.
- \_\_\_\_\_. *al-Rawḍ al-Dānī ilā Muʿjam al-Ṣaghīr li al-Ṭabrānī*, ed. Muḥammad Shakūr Maḥmūd al-Ḥājj Amrīr, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1985.
- \_\_\_\_\_. *Makārim al-Akhlāk*, ed. Fārūq Ḥamādah. Maghribi: Al-Maktab al-Taʿlīmī al-Saʿūdī, 1980.
- Al-Ṭaḥāwī, Abū Jaʿfar Aḥmad Bin Muḥammad Bin Salāmah. *Sharḥ Mushkil al-Āthār*, ed. Shuʿayb al-Arnaʿūṭ. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994.
- Al-Ṭayālīsī, Sulaymān Bin Dāwud Bin al-Jārūd. *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālīsī*, ed. Muḥammad Bin ʿAbd al-Muḥsin al-Turkī. t.tp.: Dār Hijr, 1999.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad Bin ʿĪsā Bin Sawrah. *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Abū ʿUbaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salman. Riyadh: Maktabah al-Maʿārif li al-Nashr wa al-Tawzīʿ, t.t.
- Bashīr Maḥmūd Fattāḥ. *al-Muʿjam al-Istīlāḥī li al-Lafẓ al-Jarḥ wa al-Taʿdīl fī Ilmī al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2011.
- Ibn ʿAdī, Abū Ahmad ʿAbd Allah Bin ʿAdī Al-Jurjānī. *al-Kāmil fī Duʿafāʾ al-Rijāl*, ed. ʿĀdil Aḥmad ʿAbd al-Mawjūd. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, t.t.
- \_\_\_\_\_. *al-Kāmil fī Duʿafāʾ al-Rijāl*, ed. Suhayl Zakkār. cet. ke-3, Beirut: Dār al-Fikr, 1988.
- Ibn ʿAsākir, Abū al-Qāsim ʿAlī Bin al-Ḥasan Ibn Hibbah Allah Bin ʿAbd Allah Al-Shāfiʿī. *Tārikh Madīnah Dimashq*, ed. ʿAmr Bin Ghurāmah al-ʿAmrawī. t.tp.: Dār al-Fikr, 1997.
- Ibn Abī ʿĀshim. *al-Āḥād wa al-Mathānī*, ed. Bāsim Fayṣal Aḥmad al-Jawābirah. Riyadh: Dār al-Rāyah, 1991.
- Ibn Abī al-Dunyā, Abū Bakr ʿAbd Allah Bin Muḥammad Bin ʿUbayd al-Bahgdādī. *Kitāb al-ʿIyāl*, ed. Najm ʿAbd al-Raḥman Khalaf. Riyadh: Dār Ibn al-Qayyim, 1990.
- \_\_\_\_\_. *Kitāb al-Tawbah*, ed. Majdī al-Sayyid Ibrāhīm. Kaherah: Maktabah al-Qurʾān, t.t.
- \_\_\_\_\_. *Dham al-Malāhī li Ibn Abī al-Dunyā*. ed. ʿAmr ʿAbd al-Munʿim Salīm. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, 1995.
- Ibn Abī Shaybah, Abū Bakr ʿAbd Allah Bin Muḥammad Bin Abī Shaybah al-Kūfī al-ʿAbasī. *al-Kitāb al-Muṣannaḥ al-Aḥādīth wa al-ʿĀthār*, ed. Kamāl Yūsuf al-Ḥūt. Beirut: Dār al-Tāj, 1989.

- \_\_\_\_\_. *al-Muṣannaf Ibn Abī Shaybah*, ed. Ḥamad bin ‘Abd Allah al-Jum‘ah. Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2004.
- \_\_\_\_\_. *Musnad Ibn Abī Shaybah*, ed. ‘Ādil Bin Yūsuf al-Ghazāwī. Riyadh: Dār al-Waṭan, 1997.
- Ibn al-Ja‘d, Abū al-Ḥasan ‘Alī Bin al-Ja‘d Bin ‘Ubayd al-Jawharī. *Musnad Ibn al-Ja‘d*, ed. ‘Abd al-Mahdī Bin ‘Abd al-Qādir. Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, 1985.
- Ibn al-Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, ed. ‘Abd Allah ‘Alī al-Kabīr. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, t.t.
- Ibn Bāz, ‘Abd al-‘Azīz Bin ‘Abd Allah Bin Bāz. *Majmū‘ Fatāwā wa Maqālāt Mutanawwi‘ah*, Riyadh: Dār al-Qāsim li al-Nashr, t.t.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal al-Shaybānī. *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, ed. Shu‘ayb al-Arna’ūt. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997.
- \_\_\_\_\_. *al-Musnad li al-Imām Aḥmad*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1995.
- Ibn Ḥibbān, Al-Amīr ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Balbān al-Fārisī. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, ed. Shu‘ayb al-Arna’ūt. cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993.
- Ibn Khuzaymah, Abū Bakr Muḥammad bin Ishāq bin Khuzaymah al-Salamī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, ed. Muḥammad Muṣṭafā al-A‘zamī. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1980.
- Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Yazīd al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fū‘ad Abd al-Bāqī. t.tp.: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, t.t.
- \_\_\_\_\_. *Sunan Ibn Mājah*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Bin Ḥasan Āl Salmān. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, t.t.
- Ishāq Bin Raḥawayh, Ishāq Bin Ibrāhīm Bin Makhlad al-Ḥanzalī al-Marwazī. *Musnad Ishāq Bin Raḥawayh*, ed. ‘Abd al-Ghafūr ‘Abd al-Ḥaq Ḥusayn al-Balūshī. Madinah al-Munawwarah: Maktabah Dār al-Imān, 1995.
- Mālik Bin Anas Bin Mālik, *Muwatṭā’ al-Imām Mālik*, ed. Muḥammad Muṣṭafā al-A‘zamī. Abu Dhabi: Muassasah Zāyed Bin Sultan Āl Nahyān, 2004.
- Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī. *‘Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Mu‘āṣiruhā*, cet. ke-4, Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2005.
- \_\_\_\_\_. *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyyah*, cet. 1, Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2004.
- \_\_\_\_\_. *Takhrīj al-Ḥadīth: Nash‘atuhu wa Manhajīyatuhu*, ed. ke-3, Bandar Baru Bangi: Darul Syakir, 2004.

Muḥammad Bin ‘Āṣim Bin ‘Abd Allah al-Aṣbahānī. *Juz’ Muḥammad Bin ‘Āṣim al-Thaqafī al-Aṣbahānī*, ed. Muḥid Khālid ‘Īd. Riyadh: Dār al-‘Āṣimah, t.t.

Muslim, Abū Ḥusayn Muslim Bin al-Hajjāj Bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ Bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

Sa‘īd Bin Manṣūr Bin Shu‘bah al-Khurāsānī al-Makkī. *Sunan Sa‘īd Bin Manṣūr*, ed. Ḥabīb al-Raḥman al-A‘zamī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

### **Tesis/ Disertasi**

‘Imad al-Din ‘Umar Mustafa ‘Amir, “*Al-Ahadith al-Waridah fi Himayah al-Usrah min al-Tafakkuk: Jam‘an wa Tasnifan wa Takhrijan*” (Disertasi, Kuliah Pengajian Tinggi, Universiti Jordan, 2004).

Aba Yazid, “Implementasi Teori Maqasid al-Syari‘ah Terhadap Konsep Nikah Dan Hak-hak Wanita” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

Agus Sutopo, “Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam Bidang Hadith: Kajian Terhadap Kitab *Tanqih al-Qawl*” (Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

Asmeng Yalawae, “Penghayatan Hak Dan Tanggungjawab Suami Isteri Dalam Sistem Kekeluargaan Islam: Satu Kajian Khusus Di Narathiwat Selatan Thailand” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998).

Badaruddin Haba, “Kajian Hadith Dalam Kitab Tafsir Marah Labid Karya Syeikh Nawawi al-Bantani: Tumpuan Kepada Surah Al-Baqarah” (Disertasi, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

Fauzi Deraman, “Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin Abdullah Al-Fataniy” (tesis kedoktoran, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997).

Khadher Ahmad, “Sumbangan Syeikh ‘Abd Al-Samad Al-Falimbani dalam Bidang Hadith: Analisis Metodologi Penyusunan dan takhrij Hadith dalam Kitab *Hidayah al-Salikin*” (Disertasi, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

Mohd Aizul Yaakob, “Riwayat Mengenai Kelebihan Bulan Hijri dalam Jam‘u al-Fawa‘id wa Jawahir al-Qala‘id oleh Syeikh Dawud al-Fatani: Takhrij dan Analisis” (Disertasi, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

- Mohd Anuar Ramli, Analisis Gender dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu, (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).
- Mohd Muhiden B. Abd. Rahman, “Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith: Kajian Terhadap *Kitab al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyah*” (tesis kedoktoran, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.)
- Norliza Ghazali, “Objektif Perkahwinan: Satu Kajian Khusus Terhadap Kefahaman Dan Penghayatan Masyarakat Islam Di Kuala Lumpur” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999).
- Waliko, “Konsep Perwalian Nikah Menurut Tinjauan Hadis” (Disertasi, Program Pasca Sarjana, Universitas Islam Negeri (UIN), Syarif Hidayatullah Jakarta, 2004).
- Yunelis, Ena, “Kedudukan Kitab Fiqh Klasik Mazhab Syafi'i dalam Menetapkan Hukum Di Kalangan Ulama Nahdlatul Ulama” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

### **Temubual**

- En. Azrul Bin Basarudin, (Kakitangan, Khazanah Fathaniyah), dalam temubual dengan penulis, 15 Disember 2010.

### **Laman Web**

- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my>
- Surau al-Syakirin Bandar Utama, <http://www.suraualsyakirin.com/>.
- Surau al-Ukhwah, <http://www.surau-alukhwah.com/?p=426>.
- myMaktabaty.com, dicapai 27 Februari 2012, <http://www.mymaktabaty.com>
- ustazazhar.net, dicapai 28 Februari 2012, <http://ustazazhar.net/v01/kitab-muhimmah-siri-20/>.
- Koleksi Kuliyah Ustaz Azhar Idrus, dicapai 29 Februari 2012, <http://siputonline.blogspot.com/>.
- Masjid Al-Ridhuan, Hulu Klang, Selangor, dicapai 29 Februari 2012, <http://masjidalridhuan.org/jadual-kuliah-bulanan.html>.
- Ustaz Nik Muhammad Nasri Nik Malek, dicapai 29 Februari 2012, <http://www.niknasri.com/?p=2147>.

- Masjid Kota Damansara, dicapai 29 Februari 2012,  
<http://kuliahmasjidkd.blogspot.com/2011/07/rakaman-kuliah-mac-2011.html>.
- Blog Pesanan Untuk Umat, dicapai 29 Februari 2012,  
<http://surau2faber.blogspot.com/search/label/Ust%20Yunus%20Kamaruddin>.
- SURAUDESAWAN, dicapai 5 Mac 2012,  
[http://www.dapat.net/SURAUDESAWAN/jadual\\_Mac\\_Apr2012.pdf](http://www.dapat.net/SURAUDESAWAN/jadual_Mac_Apr2012.pdf).
- Jabatan Imigresen Malaysia, dicapai 28 Februari 2012,  
[http://www.imi.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=570%3Akelas-pengajian-kitab-muhimmah-&catid=1%3Aberita-terkini&Itemid=288&lang=bm,.](http://www.imi.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=570%3Akelas-pengajian-kitab-muhimmah-&catid=1%3Aberita-terkini&Itemid=288&lang=bm,.)
- Dorar.net, dicapai 9 April 2013,  
<http://www.dorar.net/enc/hadith?skeys=رَأَيْتُ%۲۰%امْرَأَةً%۲۰%مُعَلَّقَةً>.




# LAMPIRAN

Lampiran I: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Muhimmah* Edisi Tulisan Jawi  
Yang Dicitak Bersama Kitab *al-Mawā'iz al-Badī'ah*




Lampiran II: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Muhimmah*  
Edisi Terjemahan Rumi 1





Lampiran III: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Muhimmah*  
Edisi Terjemahan Rumi 2



Lampiran IV: Contoh Kulit Hadapan Kitab *Jam' al-Fawā'id wa  
Jawāhir al-Qalā'id*

